



**DEWAN NEGARA
LAPORAN PENYATA RASMI
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 25

Khamis

19 Disember 2019

K A N D U N G A N

USUL-USUL :

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 1)
Mendahulukan Urusan Kerajaan Di Bawah P.M. 13(1) Dan 13(2)	(Halaman 78 & 144)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 2)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2019	(Halaman 29)
Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2019	(Halaman 78)
Rang Undang-undang Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional 2019	(Halaman 119)
Rang Undang-undang Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (Pembubaran) 2019	(Halaman 144)
Rang Undang-undang Perlindungan Penderma Makanan 2019	(Halaman 148)
Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 2019	(Halaman 170)
Rang Undang-undang Francais (Pindaan) 2019	(Halaman 187)
Rang Undang-undang Pengangkutan Barang Melalui Laut (Pindaan) 2019	(Halaman 202)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Sri SA. Vigneswaran (Dilantik)(LS)
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad (Dilantik)
3. “ Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin
4. “ Tuan Adrian Banie Lasimbang (Dilantik)
5. “ Dr. Ahmad Azam bin Hamzah ((Negeri Sembilan)
6. “ Tuan Aknan A/L Ehtook (Dilantik)
7. “ Tuan Alan Ling Sie Kiong (Dilantik)
8. “ Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram
9. “ Puan Asmak binti Husin (Kelantan)
10. “ Datuk Haji Bashir bin Haji Alias (Dilantik)
11. “ Dato' Chai Kim Sen (LS)
12. “ Datuk Donald Peter Mojuntin (Sabah)
13. “ Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin (Dilantik)
14. “ Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat (Dilantik)
15. “ Dato' Haji Husain bin Awang (Terengganu)
16. “ Datuk Haji Husam bin Musa
17. “ Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah (LS)
18. “ Dato' Isa bin Ab. Hamid (Dilantik)
19. “ Datuk Haji Ismail bin Ibrahim (Dilantik)
20. “ Tuan Ismail bin Yusop (Perak)
21. “ Datuk John Ambrose (Dilantik)
22. “ Tuan Kamarudin bin Abdun [Perlis]
23. “ Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)
24. “ Tuan Khairul Azwan bin Harun
25. “ Datuk Lee Tian Sing (Lantikan baharu)
26. “ Tuan Liew Chin Tong- *Timbalan Menteri Pertahanan*
27. “ Puan Lim Hui Ying (Pulau Pinang)
28. “ Datuk Lim Pay Hen (Lantikan baharu)
29. “ Tuan Manolan bin Mohamad (Dilantik)
30. “ Datuk Wira Haji Marzuki bin Yahya- *Timbalan Menteri Luar Negeri*
31. “ Ir. Md. Nasir bin Hashim (Dilantik)
32. “ Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid
33. “ Datuk Mohan A/L Thangarasu (Dilantik)
34. “ Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin- *Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi*
35. “ Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah

36. Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff (Pulau Pinang)
37. “ Tuan Haji Muhammad bin Mustafa
38. “ Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff (Dilantik)
39. “ Datuk Ng Chiang Chin (Dilantik)
40. “ Tuan Nga Hock Cheh (Perak)
41. “ Dr. Nuing Jeluing (Lantikan baharu)
42. “ Puan Hajah Nuridah bt Mohd Salleh (Terengganu)
43. “ Datuk Paul Igai (Lantikan baharu)
44. “ Datuk Rabiyah binti Ali (Dilantik)
45. “ Puan Hajah Rahemah binti Idris (Dilantik)
46. “ Datin Rahimah binti Haji Mahamad (Dilantik)
47. “ Puan Raj Munni binti Sabu (Dilantik)
48. “ Dato’ Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah-
Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
49. “ Datuk Razali bin Idris (Dilantik)
50. “ Puan Hajah Sabani binti Mat (Perlis)
51. “ Puan Siti Fatimah binti Yahaya (Pahang)
52. “ Puan Sopiiah binti Sharif (Dilantik)
53. “ Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh (Selangor)
54. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee (Dilantik)
55. “ Datuk Theodore Douglas Lind (Dilantik)
56. “ Dato’ Sri Ti Lian Ker (Pahang)
57. “ Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy- *Menteri Di Jabatan Perdana Menteri*
58. “ Dr. Yaakob bin Sapari (Selangor)
59. “ Datuk Ir. Yong Wui Chung
60. “ Dato’ Zahari bin Sarip (Johor)
61. “ Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili (Sarawak)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen

Datuk Kamis bin Samin

Setiausaha Dewan Negara

Riduan bin Rahmat

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Muhd Sujairi bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)

Monarita binti Mohd Hassan
Azhari bin Hamzah
Rosna binti Bujairomi
Alzian binti Baharudin
Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain
Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Siti Norlina binti Ahmad
Noraidah binti Manaf
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Nor Liyana binti Ahmad
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Sherliza Maya binti Talkah
Nor Effazimmah binti Maliki
Nur Annisa binti Hamid
Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi
Herdawati binti Mohd Amir Abbu
Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim
Nor Sakinah binti Samat
Nurul Atikah binti Basrudin
Ahmad Syahril bin Haji Sikar @ Haji Sika'ri

Azmir bin Mohd Salleh
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Amir Arshad bin Ab Samad
Hizamihatim Maggisa bin Juaraah
Muhammad Firdaus bin Ahmad
Izzul Syazwan bin Abdul Halim
Maryam binti Azinuddin
Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA
19 Disember 2019

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

10.04 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Dewan Negara pada hari ini tidak ada ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan.”

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Tenaga Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya bahawa walau apa-apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Kamarudin bin Abdun** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, bilakah pihak JKM bercadang atau menetapkan satu tarikh yang bersesuaian untuk menyelaraskan peruntukan di rumah anak-anak yatim daripada RM8 kepada RM16 untuk lima kali makan bagi satu hari, yang telah lama tertangguh.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian melihat NGO atau dikenali sebagai pertubuhan sukarela kebajikan (PSK) sebagai rakan strategik yang melengkapi usaha kerajaan dalam menyampaikan perkhidmatan sehingga ke peringkat akar umbi.

Sebagai sokongan kepada usaha untuk melengkapi dan memperluaskan perkhidmatan kebajikan dan kemudahan kepada golongan masyarakat yang memerlukan, kerajaan melalui kementerian ini telah menyediakan bantuan kewangan kepada PSK, termasuk kos perbelanjaan dan penyediaan makan dan minum kepada penghuni yang tinggal berkediaman atau datang secara harian ke pertubuhan sukarela kebajikan.

Pada masa ini, di bawah peruntukan JKM, bantuan yang disalurkan masih sebanyak RM8 sehari bagi kos perbelanjaan dan penyediaan makan dan minum kepada penghuni di pusat jagaan. Sebagai menyokong usaha kerajaan, PSK wajar mengambil inisiatif untuk mendapatkan dana lain bagi menampung kos tambahan makan dan minum penghuni mengikut keperluan.

Pengiraan bantuan kewangan yang disalurkan juga mengambil kira prestasi kewangan semasa PSK tersebut. Ini adalah selaras dengan prinsip kebajikan tanggungjawab bersama melalui kerjasama strategik antara kerajaan dan PSK.

Jadi, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Senator, kementerian kami tidak dapat memberikan satu tarikh di mana kita boleh memberi komitmen bahawa kita akan naikkan daripada RM8 hingga RM16. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat Senator.

Tuan Kamarudin bin Abdun: Yang Berhormat Menteri, terima kasih atas jawapan. Namun saya masih ragu-ragu sebab- saya merujuk kepada jawapan lisan Dewan Negara 9 Mei 2018, bahawa tadika ini sepatutnya ia dapat sedikit sebab dia makan separuh hari sahaja studen ini. Dia dapat- kemudian yang rumah anak yatim ini sepatutnya dapat RM16. Ada bertukar di situ...

Tuan Yang di-Pertua: Tadika dapat berapa?

Tuan Kamarudin bin Abdun: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Tadika...

Tuan Kamarudin bin Abdun: Tadika dapat RM8 kut.

Tuan Yang di-Pertua: Sama lah?

Tuan Kamarudin bin Abdun: Tadika dapat RM8. Anak yatim ini yang usia tidak menentu ini sepatutnya dapat RM16. Mungkin ada silap di situ. Saya minta kementerian perbetulkan.

Jadi soalan tambahan saya, saya mohon juga, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat menyatakan kos perbelanjaan makan untuk pusat penjagaan rumah orang tua-tua yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Hannah Yeoh: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk soalan tadi, elaun ataupun bantuan kepada tadika bukan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tetapi di bawah Kementerian Pendidikan. Itu sebab kita ada memanggil satu mesyuarat yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri untuk kita lihat bagaimana kita boleh menstrukturkan semula *early childhood care*, dengan izin. Ini kerana penjagaan kanak-kanak sekarang ada yang terletak di bawah kementerian kita untuk usia 0 hingga 4 tahun taska, manakala tadika- 5 hingga 6 tahun di bawah Kementerian Pendidikan.

Di bawah Yang Berhormat Tuan Waytha Moorthy juga ada Taska PERMATA Perpaduan dan di bawah Kementerian Luar Bandar dan Wilayah, sementara di bawah Yang Berhormat Datuk Seri Rina Salleh ada taska dan Tadika KEMAS.

Okey, itu sebab kita kena selaraskan supaya peruntukan yang diberikan oleh setiap agensi adalah tepat dan diselaraskan.

Akan tetapi untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator tadi, sebenarnya yang di bawah kementerian kita, pusat jagaan yang berdaftar dengan JKM dan yang memohon untuk mendapatkan dana adalah 1,683 NGOs, banyak itu. Mereka datang *apply*, kita hanya ada RM22 juta yang diberikan oleh Kementerian Kewangan.

■1010

Jadi yang bertanding untuk mendapatkan ini, *pool* yang sangat besar dan kita hanya mampu memberi kepada 266 orang. Sekarang ini yang RM8 itu, kita tidak ada tatacara khas bagaimana mereka membelanjakannya. Mereka boleh gunakan sebagai subsidi, mungkin mereka kata okey, kementerian bagi saya RM8 ini, saya gunakan untuk makan tengah hari ataupun mereka boleh agihkan empat kali makan setiap hari. Jadi, apa yang kita minta adalah

supaya NGO-NGO ini, kalau mereka hendak mewujudkan NGO, mereka mesti ada inisiatif sendiri untuk pastikan ada *sustainability*. Tidak boleh bergantung hanya kepada kerajaan kerana jumlah di bawah penjagaan kita sangat luas, Yang Berhormat Senator. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, kadang-kadang kita tengok tidak logik langsung kalau di penjara satu kepala antara RM35 kepada RM41 satu hari. Kepada budak-budak penagih dadah, AADK bagi RM50 satu hari. Anak-anak yatim kita beri RM8.

Jadi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah ada insentif-insentif lain? Ini kerana maklumlah anak yatim piatu ini tidak ada bapa, tidak ada emak. Dalam kawasan saya pun banyak rumah anak-anak yatim yang diusahakan oleh NGO. Kadang-kadang kita orang politik inilah yang menjadi mangsanya. Jadi kadang-kadang saya mintalah supaya kementerian dapat memikirkan cara lain untuk membantu anak-anak ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kementerian sedang menyelaras. Silakan Yang Berhormat.

Puan Hannah Yeoh: Terima kasih. Soalan yang bagus. Yang Berhormat Senator, saya hendak jelaskan yang RM8 ini adalah seperti geran ataupun subsidi yang kita beri *additional* kepada NGO. Akan tetapi untuk golongan anak yatim, jika mereka layak untuk mendapatkan bantuan, kita ada bantuan kanak-kanak RM100 kepada kanak-kanak yang memerlukan. Ada ramai anak yatim mereka layak mendapatkan yang RM100 ini sebagai wang saku bulanan yang jatuh di bawah Wang Saku Institusi Kanak-kanak. Itu kita ada tetapi yang RM8 ini adalah *top up-additional* untuk bawah geran RM22 juta yang kita agihkan kepada NGO yang memohon bawah kementerian kita.

Saya hendak mengambil peluang ini untuk menjelaskan juga, untuk bajet tahun depan, kita telah menerima penambahan 4.44 peratus iaitu RM105 juta bawah kementerian kita. Izinkan saya untuk bagi *area of focus* di mana kita ada naikan bantuan kepada golongan yang memerlukan.

Pertama, adalah untuk *home help services*. *Home help services* bermaksud sukarelawan JKM- mereka ke rumah OKU ataupun ke rumah warga emas yang memerlukan bantuan jagaan. Mereka akan membantu menyelaraskan tugas harian. Jadi itu adalah *area of focus*. Jadi untuk *area home help services*, kita naikan peruntukan lebih daripada 50 peratus berbanding tahun lepas. Ini kerana kita hendak penjagaan itu di bawah keluarga mereka dan kita bagi bantuan lah kepada *volunteers*.

Kedua *area* kenaikan kita adalah Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). Kita tambah 55 peratus tahun depan kerana kita melihat tahun 2030, golongan komuniti masyarakat Malaysia akan jadi negara menua- 15 peratus. Jadi kita hendak tumpukan bantuan kepada warga emas.

Apa yang ada kenaikan ialah bantuan untuk golongan OKU dan bantuan untuk golongan warga emas. Lapan peratus dan satu peratus, dalam bajet tahun depan.

Jadi ini adalah *area of focus* kita. Untuk RM8 sehari kepada NGO memang kita sekarang tidak boleh utamakan kerana seperti yang saya jelaskan, *pool* kita terlalu besar- 1,600 NGOs. Dana yang kita dapat hanya RM22 juta. Terima kasih.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Senator Laksamana.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya dimaklumkan oleh pengurus PDK ataupun pengurus jagaan orang kurang upaya ini, kementerian mengarahkan mereka mendaftarkan persatuan mereka bawah ROS. Ini menyebabkan kebimbangan kepada pengurus-pengurus tersebut oleh kerana tidak mampu untuk membiayai bayaran daripada ibu bapa, mungkin RM200 sebulan tidak mencukupi untuk mereka menguruskan pusat-pusat tersebut. Adakah JKM akan terus membantu pusat-pusat ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Walaupun soalan itu tidak berkaitan dengan soalan ini, tetapi saya boleh jelaskan.

Untuk Pusat Dalam Komuniti (PDK) yang kita ada, kita ada lebih daripada 500 buah. Sebelum ini, kerajaan dahulu ada tahun 2018 telah memutuskan bahawa mereka semua kena berdaftar sebagai NGO untuk memastikan bahawa pengurusan kewangan- kerana mereka menerima subsidi bantuan daripada kita RM30 ribu setiap tahun. Jadi kita hendak pastikan mereka adalah NGO berdaftar dan ada audit- pengurusan kewangan mereka teratur. Kalau mereka tidak didaftarkan sebagai NGO, kita tidak boleh *check* walaupun mereka menerima duit daripada kerajaan. Jadi itu adalah satu cabaran untuk mereka yang mengendalikan tetapi ini adalah satu langkah ke hadapan yang kita perlu usahakan untuk pastikan setiap orang yang menjaga satu pusat yang melibatkan golongan sasaran kita, mesti bertanggungjawab terhadap kewangan dan duit kerajaan yang diberi untuk mereka melaksanakan operasi mereka. Terima kasih.

2. Dato' Isa bin Ab. Hamid minta Menteri Pendidikan menyatakan, berapakah jumlah pelajar Orang Asli yang ditawarkan matrikulasi dan IPTA serta IPGM pada tahun 2019 dan bantuan galakan pendidikan yang telah disediakan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mulakan jawapan saya, izinkan saya untuk mengalu-alukan kehadiran delegasi daripada Bahagian Pemuda Persatuan-persatuan Cina Bersekutu Miri, Sarawak dipimpin oleh Ketua Pemuda, Encik Shaun Hwang ke Dewan Negara. Semoga lawatan ini membawa manfaat kepada semua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator atas soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelajar Orang Asli yang ditawarkan ke Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia bagi sesi 2019/2020 adalah seramai 44 orang, dan hanya seramai 24 orang yang telah mendaftar. Manakala seramai 25 orang telah ditawarkan ke Institut Pendidikan Guru (IPG) bagi tahun 2019, dan kesemuanya telah mendaftar.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan beberapa insentif untuk menggalakkan murid-murid Orang Asli untuk melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat yang lebih tinggi. KPM menyediakan biasiswa yang dikenali sebagai Bantuan Sara Hidup Pelajar (BSHP) sebanyak RM2,500 setahun kepada pelajar Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia, termasuk pelajar Orang Asli daripada keluarga berpendapatan rendah-B40, dan sederhana rendah M40, dengan had pendapatan bulanan keluarga tidak melebihi RM10 ribu sebulan.

Manakala bagi semua pelajar IPG, program Ijazah Sarjana Muda Perguruan layak menerima bayaran elaun sara hidup sebanyak RM430 sebulan, dan belanja tambang pergi balik pada kadar maksimum RM500 sekali setahun, sepanjang tempoh program.

Di peringkat pendidikan tinggi, KPM telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan mekanisme mod kemasukan secara laluan khas bagi golongan Orang Asli bagi lepasan SPM, dan juga STPM, ataupun setaraf, dalam proses pemilihan pelajar untuk kemasukan ke IPTA, dan ILKA.

Calon Orang Asli tidak perlu bersaing dalam sistem meritokrasi bagi mendapat tempat untuk meneruskan pengajian di IPTA. Walau bagaimanapun, permohonan masih tertakluk

kepada Syarat Minimum, Syarat Am dan Syarat Khas kemasukan bagi program pengajian yang dipohon.

Pada sesi akademik 2019/2020, sebanyak 422 orang pelajar Orang Asli telah memohon melalui *UPU online* untuk melanjutkan pengajian ke IPTA dan ILKA. Sebanyak 95 peratus iaitu 401 calon Orang Asli telah ditawarkan tempat pengajian.

Pada tahun 2019, KPM terus memberi fokus kepada kawasan luar bandar yang masih kurang menerima pendedahan tentang pendidikan teknikal dan latihan vokasional iaitu TVET di perkampungan Orang Asli melalui strategi pelaksanaan promosi berbentuk pameran pendidikan, taklimat pendidikan, program CSR, program turun padang, promosi media cetak dan elektronik, serta media sosial. Sekian, jawapan saya. Terima kasih.

■1020

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat. Dipersilakan soalan tambahan.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Terima kasih, jawapan Menteri yang jelas itu. Cuma soalan tambahan saya, terdapat baru-baru ini satu *viral* yang menjelaskan tentang kemasukan UPU menggunakan satu sistem. Ini kerana sebelum ini seorang pelajar itu akan memohon IPGM satu sistem lain, institut latihan kemahiran awam satu sistem lain, kolej matrikulasi dan politeknik satu sistem yang lain.

Menjelang sesi 2021 dimaklumkan pelajar hanya boleh memohon satu sistem semua kursus ini dan pelajar hanya di tawar satu kursus sahaja. Saya mohon penjelasan daripada pihak Menteri adakah perkara ini benar kerana pelajar-pelajar luar bandar terutamanya Orang Asli tidak *alert*, tidak prihatin. Dikhawatiri mereka menerima satu tawaran mungkin kadang-kadang tidak sesuai dengan minatnya mereka menolak dan menunggu untuk panggilan kedua. Sedangkan panggilan kedua tidak wujud. Mohon penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Memang sekarang kita ada beberapa sistem. Macam untuk kemasukan IPGM kita ada satu sistem sendiri. Untuk matrikulasi kita juga ada satu sistem sendiri. Juga untuk IPTA dan juga ILKA kita juga mengguna pakai *UPU online*.

Hasrat KPM untuk mewujudkan, mengguna pakai satu sistem iaitu *UPU online* untuk kesemua IPTA ataupun ILKA dan juga kepada IPGM, matrikulasi dan sebagainya adalah supaya tidak ada tawaran yang bertindih.

Masalah dengan tawaran yang bertindih adalah seperti untuk isu matrikulasi. Selepas kita membuat tawaran tetapi tidak semestinya budak itu akan mendaftar dengan matrikulasi. Mungkin kerana mereka mendapat tawaran daripada IPTA yang lain ataupun daripada IPGM.

Oleh sebab itu kita ada pembaziran di sana di mana walaupun tempat telah disediakan walaupun tawaran telah dibuat tetapi akhirnya budak itu tidak datang kerana mereka dapat tawaran bertindih dan mereka boleh buat keputusan mana yang mereka hendak pergi.

Jadi dari segi itu, itu adalah satu pembaziran kerana sepatutnya kursus matrikulasi, ia satu program yang sepanjang 10 bulan sahaja. Kita tidak boleh buat tawaran setiap bulan. Jadi tawaran hanya boleh buat maksimum mungkin dua kali dalam bulan pertama apabila sesi matrikulasi bermula. Jadi kita hendak mengelakkan pembaziran dari situ dan saya rasa tidak ada isu bahawa budak-budak kita tidak pasti dan mereka tunggu kerana apabila mereka *login* kepada *UPU online* semua pilihan akan tunjuk di sana. Dari sana mereka boleh buat pilihan ikut minat mereka.

Jadi saya harap bahawa ini adalah satu sistem yang lebih sistematik, yang senang dan juga senang pakai supaya budak-budak kita mereka boleh buat pilihan ikut minat mereka. Pada masa yang sama kita boleh pastikan tempat yang kita sedia di institut di bawah KPM ini bolehlah kita isi sampai tahap maksimum supaya tidak ada budak-budak yang *complain* akhirnya oleh sebab ada tawaran bertindih yang ada pelajar-pelajar yang tidak dapat sebarang tawaran pun. Itu jawapan saya, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Manolan bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Tuan Manolan bin Mohamad.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita tengok tahun 2018 Menteri ada jumlah pelajar Orang Asli SPM dan STPM ada 1721 orang. Tahun 2019 ada 1946 orang. Akan tetapi kalau mengikut jawapan Menteri tadi kemasukan ke IPTA hanya 44 orang sahaja. Jadi ini peratusan yang sangat kecil kalau dibandingkan jumlah pelajar Orang Asli ini. Jadi soalan saya, adakah laluan khas untuk Orang Asli masuk ke IPTA? Itu soalan pertama.

Kedua, berkenaan dengan Dasar Pendidikan Negara. Sebab baru-baru ini apabila Pakatan Harapan menang kerajaan telah menubuhkan Dasar Pendidikan Negara dan ada juga Dasar Pendidikan Negara khusus untuk Orang Asli. Jadi apakah dasar tersebut sekarang ini-tahun depan ini akan dilaksanakan? Apakah Dasar Pendidikan Negara Orang Asli ini berkenaan dengan kadar keciciran dan juga kemasukan pelajar-pelajar Orang Asli supaya dapat dipertingkatkan? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat atas soalan tersebut. Saya rasa lepasan SPM dan STPM mereka ada beberapa pilihan. Mereka boleh pergi ke IPGM, mereka boleh pergi ke matrikulasi, mereka juga boleh pergi ke IPTA dan juga politeknik dan juga kolej komuniti kita.

Apa yang saya sebut tadi adalah jumlah yang masuk kepada matrikulasi dan juga IPGM dan juga kepada IPTA dan ILKA. Pada masa yang sama untuk tahun 2019, kita juga ada seramai 177 orang yang telah berdaftar dengan politeknik dan juga kolej komuniti.

Untuk IPTA kita memang telah menyediakan satu laluan khas untuk kumpulan OKU, pelajar-pelajar Orang Asli dan juga atlet. Mereka hanya perlu mencapai syarat minimum- syarat umum itu mesti capai dan syarat khas untuk kursus-kursus tertentu. Jadi UA akan membuat tawaran kepada mereka. Sebab itu pada tahun 2019/2020 sesi akademik 2019 ini kita nampak 95 peratus yang layak itu memang telah dapat tawaran daripada *UPU online* melalui laluan khas ini.

Jadi ini adalah satu inisiatif yang rasa cukup baik dan kita harap bahawa melalui inisiatif ini kita boleh membantu lebih banyak budak-budak dari golongan Orang Asli bolehlah melanjutkan pelajaran mereka di peringkat IPTA.

Selain daripada itu, untuk membantu pendidikan Orang Asli. Beberapa inisiatif juga telah disediakan. Seperti yang telah saya jelaskan semasa penggulungan saya pada hari Isnin yang lalu. Sekarang kita telah menyediakan satu geran pendidikan sebanyak RM1 juta yang akan mengguna pakai *Fundamental Research Grant Screen (FRGS)* yang di bawah tadbir urus bahagian kecemerlangan pendidikan IPT di bawah Jabatan Pengajian Tinggi KPM.

Jadi *research fund* ini atau dana pendidikan ini boleh diguna pakai bermula pada tahun depan untuk membuat sebarang kajian yang mengenai hal ehwal Orang Asli khususnya untuk pendidikan Orang Asli. Jadi kita harap bahawa melalui inisiatif ini apabila kita mewujudkan satu dana pendidikan kita boleh dapat lebih banyak cadangan dan pandangan yang bernas supaya kita boleh tambah baik lagi sistem pendidikan kita khususnya untuk pendidikan Orang Asli.

Pada masa yang sama kita telah di bahagian pengurusan sekolah harian di bawah KPM kita berhasrat untuk mewujudkan satu unit Orang Asli di mana kita akan ada pegawai-pegawai khas yang menjaga hal ehwal murid Orang Asli atau sekolah Orang Asli. Akan tetapi kita sekarang telah mengemukakan cadangan ini kepada agensi pusat untuk kelulusan. Saya harap kalau kita dapat kelulusan secepat mungkin- mungkin tahun depan kita boleh ada satu unit yang menjaga

hal ehwal dan juga kebajikan Orang Asli dan juga sekolah Orang Asli pada tahun depan. Sekian jawapan saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Manolan bin Mohamad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dia sudah jawab sudah.

Tuan Manolan bin Mohamad: Soalan kedua tadi?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan kedua lah yang Yang Berhormat Menteri jawab tiga minit. Pertama ada laluan khas untuk Orang Asli.

Tuan Manolan bin Mohamad: Dasar Pendidikan Negara Orang Asli?

Tuan Yang di-Pertua: Ulang balik yang soalan itu.

Tuan Manolan bin Mohamad: Pada tahun ini ada kerajaan telah mewujudkan Dasar Pendidikan Negara dan di dalam Dasar Pendidikan Negara itu mereka telah menubuhkan *task force* untuk pendidikan Orang Asli. So, program jangka panjang.

Puan Teo Nie Ching: Saya rasa itu pun saya pernah jawab dalam penggulungan ataupun semalam pun ada jawab bahawa...

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat dia tidak ada dalam Dewan Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching: ...Kita ada satu Jawatankuasa Kaji Dasar Pendidikan tetapi pendapat atau cadangan daripada Jawatankuasa tersebut sekarang masih dalam peringkat untuk kita untuk mengkaji kebolehlaksanaannya. Apabila semua perkara ini telah di-*finalize* barulah kita akan buat pengumuman secara umum mana aspek yang kita akan tambah baik.

Jadi pendidikan Orang Asli juga salah satu cadangan daripada Jawatankuasa Kaji Dasar tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Yang di-Pertua,

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: *[Bangun] [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Soalan untuk Orang Asli tidak apa lah. Ia dua Orang Asli sudah minta sudah.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Pendek sahaja. Soalan saya dulu ada Program K9 yang diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 2013. Kesan dalam menyelesaikan masalah keciciran tinggi di kalangan anak-anak Orang Asli. Apa kedudukan sekarang? Terima kasih.

■1030

Puan Teo Nie Ching: Memang K9 – saya pun ada sebut semasa penggulungan saya, memang K9 satu cara untuk kita mengelakkan keciciran anak-anak kita. Ini kerana, kalau kita

ada Sekolah K9 maksudnya dalam sebuah sekolah mereka belajar dari Tahun Satu sampai Tingkatan Tiga. Itu formula yang kita sedia ada.

Untuk sekolah-sekolah yang ada bilik darjah yang kosong, kita juga bersedia untuk membuat kajian sama ada sekolah itu sesuai untuk kita tukar kepada Sekolah K9. Mungkin itu sekolah rendah tetapi mungkin kita boleh kaji dan untuk tambah baik supaya ia boleh menjadi Sekolah K9. Untuk tahun hadapan, kita juga ada bajet untuk tambah baik *facility* ataupun infrastruktur di dalam sekolah-sekolah yang sedia ada supaya ia boleh menjadi Sekolah K9 yang *proper*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, bila kita baru habis perbahasan, soalan-soalan yang boleh dikemukakan masa perbahasan, kita tidak payah lanjutkan masa banyak untuk soalan-soalan yang telah dijawab oleh kementerian. So, terima kasih Yang Berhormat. Yang hendak tanya itu soalan-soalan baru, okeylah.

3. Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta Menteri Kewangan menyatakan, adakah waktu operasi di UTC sekarang akan dikaji semula kepada waktu operasi lama (mengikut kesesuaian tempat) memandangkan waktu urusan sekarang tidak sesuai kepada pengguna.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: *Bismillahi Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam.

Untuk makluman Yang Berhormat, penetapan waktu operasi UTC mengambil kira beberapa faktor demi memudahkan rakyat berurusan dengan jabatan dan agensi yang berkaitan. Antara faktor yang diambil kira adalah kos operasi, kesesuaian waktu operasi dengan lokasi sesuatu UTC dan kesesuaian dengan masyarakat setempat.

Kos operasi mengambil kira kos yang terpaksa ditanggung kerajaan dari segi gaji, elaun dan kemudahan petugas jabatan dan agensi di UTC. Kos juga mengambil kira komponen bayaran sewa ruang pejabat, penyelenggaraan dan utiliti. Jumlah kos-kos ini berkadaran langsung dengan tempoh operasi UTC. Kesesuaian waktu operasi berdasarkan lokasi pula mengambil kira kedudukan UTC sama ada UTC beroperasi di bangunan sendiri atau di pusat membeli belah. Lokasi di Sabah dan di Sarawak juga mempengaruhi waktu beroperasi UTC di negeri-negeri berkenaan.

Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, Kementerian Kewangan akan sentiasa mengkaji waktu operasi UTC dari semasa ke semasa bersesuaian dengan perubahan dan mengambil kira faktor-faktor yang dinyatakan di atas. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sila soalan tambahan Yang Berhormat.

Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, kalau di Negeri Sembilan iaitu di Seremban, UTC beroperasi daripada pukul 1 tengah hari hingga pukul 10 malam. Jadi sebenarnya, masalah beberapa kategori rakyat yang mempunyai masalah untuk berurusan terutamanya orang-orang tua dan juga wanita ataupun suri rumah kerana mereka lebih gemar ataupun mereka ada waktu yang terluang di waktu pagi.

Jadi, waktu operasi dimulakan jam 1 tengah hari, jadi agak sudah begitu jauh kalau berbanding pada waktu dahulu pukul 8 pagi. Saya lihat sendiri yang kebanyakan orang berurusan di UTC ini sehingga jam sebelum Maghrib lah kalau orang Islam. Maksudnya selepas Maghrib hingga pukul 10 malam itu agak *redundant* sebenarnya. Saya mohon kementerian kalau boleh betul-betul kaji semula. Oleh sebab ini adalah keperluan ataupun ini adalah perkhidmatan. Jadi, perkhidmatan adalah memerlukan kepuasan rakyat sebenarnya yang diambil kira.

Jadi, soalan tambahan saya, berapakah kos sebenarnya yang dapat dijimatkan, kalau kita bandingkan operasi daripada jam 8 pagi hingga jam 10 malam berbanding dengan jam 1 tengah hari hingga jam 10 malam? Terima kasih.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam. Ya, saya memang arif tentang masalah yang berlaku di UTC Empangan Seremban. Di mana apabila waktu operasi diubah daripada dahulunya jam 8 pagi hingga jam 7 malam dan kemudian diubah menjadi jam 1 tengah hari hingga jam 10 malam.

Tujuan asal itu sebenarnya Tuan Yang di-Pertua adalah untuk memberikan kalau waktu operasi pejabat mereka ada peluang untuk pergi beroperasi di pejabat. Ada lebih masa bila kita *extend* sampai jam 10 malam itu, maknanya mereka yang tidak sempat pergi ke pejabat boleh datang ke UTC. Akan tetapi, saya juga mengambil maklum tentang keinginan pelanggan terutamanya di kalangan orang-orang warga emas dan wanita yang lebih suka berurusan di awal pagi daripada di sebelah malam.

Jadi, perkara itu akan kita kaji dan boleh kita kaji mengikut kesesuaian tempat tersebut *insya-Allah*. Mungkin kita boleh sampai kepada satu masa yang lebih diinginkan oleh- sebenarnya kita perlu menyelesaikan kehendak pelanggan daripada melihat keperluan daripada jabatan dan sebagainya. Jadi, kita boleh terus berbincang Yang Berhormat dan dapatkan satu waktu operasi yang lebih *win-win* dan sebenarnya kena lebih *win* kepada pelanggan kita daripada jabatan itu sendiri. Terima kasih.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengenai UTC, ini satu agenda yang sangat baik. Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan mengenai kekangan kos *operating*. Katakanlah bangunan itu bergantung di mana UTC itu berada. Saya rasa ada di tempat lain di negara jiran contohnya perkara yang menyediakan perkhidmatan kepada masyarakat, pusat-pusat- kadang-kadang pusat membeli belah dan sebagainya mereka mahukan perkara tersebut berada dengan mereka.

Malah di negara jiran, saya tidak sebut namalah negara tersebut, perpustakaan awam contohnya, pusat membeli belah ini berebut. Dia hendak berada dalam *shopping mall* dia. Oleh sebab ia ada bagi nilai tambah, tarikan apatah lagi sekarang ibu bapa apabila membeli belah dan anak-anak boleh baca buku.

Saya melihat, UTC ini- saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri, adakah ia hanya untuk mengadakan perkhidmatan macam buat *passport* dan sebagainya ataupun ia menjadikan satu Unit Transformasi Komuniti (UTC) ini ada agenda lain selain daripada hanya proses perkhidmatan. Itu soalan saya untuk anak muda dan sebagainya.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi. Sebenarnya *Urban Transformation Center* ini ialah kita hendak memberikan perkhidmatan, sama ada perkhidmatan yang orang awam boleh dapati di pejabat dalam waktu-waktu pejabat. Akan tetapi, kebanyakan sebahagian daripada mereka itu waktu pejabat beroperasi secara formal mereka tidak sempat hendak ke sana. Jadi, mereka menggunakan waktu beroperasi UTC kita ini di luar waktu pejabat untuk mereka ke sana dan menyelesaikan. Contohnya, *passport* Tuan Yang di-Pertua. Kemudian, kad pengenalan oleh JPN, kemudian oleh JPJ, lesen dan sebagainya.

Ini perkhidmatan yang paling popular dan ada juga agensi-agensi lain yang memberikan perkhidmatan. Contohnya, MARA membuka mereka punya ini- tetapi bilangan yang datang untuk bertanyakan apakah pinjaman yang boleh mereka buat, itu bilangannya cukup sedikit. *Services* yang saya sebutkan tadi itu yang paling banyaklah yang kita dapat.

Jadi, buat masa ini UTC kita kalau berada sama ada di *mall* dan sebagainya, kerajaan yang keluarkan untuk menyewa tersebut. Tidak ada lagi yang menawarkan, "Sila, sila datang, kami sediakan secara percuma." Tidak ada lagi.

Akan tetapi, kita akan melihat perkara tersebut tetapi saya ingat *bottom line* nya ialah apabila kerajaan ingin memberikan sesuatu perkhidmatan yang memberikan keselesaan kepada pelanggan ataupun rakyat untuk mendapatkannya sama ada dari segi mudah akses. Satu lagi

Tuan Yang di-Pertua, yang lupa saya sebut ialah kita hendak satu tempat yang rakyat pergi, dia boleh selesaikan semua urusan di satu tempat.

■1040

Kalau tidak hendak pergi JPJ Wangsa Maju, hendak pergi buat pendaftaran pergi ke- jadi, tempat itu yang banyak. Jadi, kita sediakan di satu tempat yang- jadi, kriteria-kriteria memang kita tengok dan penambahan UTC juga memang berlaku mengikut kepada kesesuaian tempat dan masa. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Zahari.

Dato' Zahari bin Sarip: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya melihat kebanyakan UTC berada di kawasan bandar-bandar besar, betulkan saya kalau saya salah. Adakah kementerian bercadang untuk menambah UTC ini di kawasan bandar-bandar kecil juga di kawasan tumpuan FELDA contohnya Jengka, Keratong kerana ia pun akan memudahkan pengguna untuk berurusan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: UTC di luar bandar.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Ya, terima kasih. Kalau UTC ini nama pun UTC, *Urban Transformation Centre* jadi memang di kawasan bandar. Ini seperti yang saya sebutkan tadi saya ingat terbaru yang akan diwujudkan ialah di Sandakan, Pulau Pinang tidak ada lagi UTC, kita sedang dalam proses untuk- sudah dapat tempat, sedang dibuat *renovation* untuk diwujudkan di Pulau Pinang dan kesesuaian itu kita akan tambah.

Soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Zahari tadi ialah di kawasan-kawasan yang saya ingat di luar daripada kawasan bandar. Dahulu kita ada RTC, *Rural Transformation Centre* yang sekarang dijenamakan semula menjadi pusat transformasi komuniti. Sekarang di bawah KPLB yang mengambil tanggungjawab, yang dinamakan RTC. Jadi Yang Berhormat Senator, boleh kita berbincang di tempat yang sesuai termasuk di kawasan-kawasan FELDA untuk dilihat keperluan.

Sebahagian daripada dahulunya RTC contohnya ada satu di kawasan saya di Napo, kawasannya cantik disediakan tetapi akhirnya orang yang datang untuk mendapatkan itu tidak menggalakkan. Jadi beberapa jabatan contohnya Jabatan Pendaftaran dan juga Jabatan Imigresen akhirnya membuat keputusan untuk tidak lagi ekonomik untuk mereka beroperasi di situ dan mereka kembali beroperasi di tempat mereka beroperasi dan mengikut waktu operasi seperti mana juga pejabat. Perkara itu boleh kita bincang dan lihat kesesuaiannya. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

4. Datin Rahimah binti Haji Mahamad minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, jumlah berdaftar penerima Program Subsidi Petroleum (PSP) dan berapa banyak permohonan rayuan yang diterima bagi memuktamadkan jumlah sebenar penerima subsidi yang layak dalam PSP.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]: Tuan Yang di-Pertua, sebagai makluman Ahli Dewan yang mulia ini, tempoh semakan dan rayuan bagi Program Subsidi Petrol (PSP) telah dijalankan pada 15 Oktober sehingga 30 November 2019. Kementerian telah menyediakan kemudahan portal PSP iaitu psp.kpdnhep.gov.my kepada orang awam untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai PSP di samping menyemak kelayakan mengemas kini maklumat atau mengemukakan rayuan.

Berdasarkan data yang diterima daripada program Bantuan Sara Hidup (BSH) dan di silang semak mengikut data pemilik kenderaan yang diterima daripada Jabatan Pengangkutan Jalan, sejumlah 2.9 juta individu layak menerima bantuan daripada program PSP ini. Manakala sepanjang tempoh semakan dan rayuan yang dilakukan, sebanyak 346,491 penerima PSP yang layak telah menyemak atau mengemas kini maklumat akaun bank mereka. Manakala seramai 480,317 individu yang tidak layak telah mengemukakan rayuan melalui portal PSP.

Pada masa ini, kementerian sedang melaksanakan semakan maklumat rayuan yang diterima dengan data-data daripada Jabatan Pengangkutan Jalan, Program Bantuan Sara Hidup dan Jabatan Pendaftaran Negara. Setelah pemurnian data tersebut selesai dilaksanakan, senarai penerima yang muktamad akan dikeluarkan oleh kementerian yang dijangka pada bulan Februari 2020. Satu kenyataan rasmi akan dikeluarkan oleh kementerian berkenaan perkara ini.

Mekanisme ini adalah untuk pemberian subsidi PSP bagi golongan B40 iaitu pendapatan isi rumah di bawah RM4,000 sebulan. Untuk M40 yang diumumkan dalam pembentangan Bajet 2020, mekanisme pemberian subsidi adalah melalui kad. Perincian bagi pelaksanaan subsidi melalui kad akan diumumkan oleh kerajaan kelak. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang begitu detil. Soalan tambahan saya, harga petrol dan diesel di Malaysia adalah lebih murah jika dibandingkan dengan negara jiran Thailand dan Singapura. Sering kali berlaku masalah penyeludupan petrol dan diesel ke Thailand oleh pihak yang tidak bertanggungjawab bagi mengaut keuntungan yang mudah.

Adakah pihak kementerian melihat dengan pelaksanaan PSP ini ia akan mengurangkan kes-kes penyeludupan diesel dan petrol ke negara jiran terutamanya Thailand. Adakah pihak kerajaan boleh mempertimbangkan untuk memperkenalkan harga minyak yang berbeza untuk kenderaan-kenderaan daripada negara jiran bagi mengelakkan mereka juga memperoleh manfaat daripada pengapungan harga minyak ini kelak. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Penyeludupan petrol dan diesel ini berlaku kerana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi iaitu ada perbezaan harga di antara negara kita dengan negara jiran. Ini juga adalah merupakan satu sebabnya, kerajaan melaksanakan program subsidi petrol, di mana selepas pelaksanaan program ini, minyak petrol akan diapungkan. Walaupun berperingkat bukan sekali gus dinaikkan.

Saya rasa selepas kita mengapungkan minyak petrol RON95, penyeludupan ini akan dibanteras kerana tidak ada lagi perbezaan harga petrol di negara kita dengan negara jiran di mana harga petrol di negara kita akan dijual pada harga pasaran.

Berkenaan dengan diesel ini, setakat ini tidak ada apa-apa cadangan untuk mengapungkan harga diesel tetapi kita telah meningkatkan penguatkuasaan kita mengenai penyeludupan khususnya di sempadan negara kita dengan Thailand. Kebelakangan ini, beberapa rampasan telah dibuat dan juga pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab telah ditangkap dan akan disabitkan dalam mahkamah.

Oleh itu, setakat ini diesel masih dikekalkan pada harga RM2.18 seliter untuk mengelakkan penyeludupan yang berlaku, kita akan meningkatkan penguatkuasaan kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Senator Tuan Alan.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat pagi, terima kasih jawapan daripada pengerusi negeri saya yang saya kasihi dan hormati. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya difahamkan program subsidi ini hanya terhad kepada penerima BSH dan golongan sasaran B40 di Semenanjung Malaysia sahaja.

■1050

Saya ingin tahu, apakah keistimewaan Labuan, Sabah dan Sarawak dikecualikan daripada program tersebut dan apakah kebaikan tersebut? saya memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekian, terima kasih.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]: Terima kasih itu dari Miri. Yang Berhormat Senator juga ada penyokong dia di sini so mestilah saya jawab baik-baiklah [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua seperti mana yang saya telah jelaskan pada masa penggulungan saya. Program PSP ini pada mulanya ia hanya diberi kepada B40 akan tetapi pada masa pembentangan Bajet 2020 program ini telah diumumkan bahawa ia akan diperluaskan kepada M40 iaitu pendapatan yang lebih tinggi. Akan tetapi pelaksanaan PSP ini iaitu Program Subsidi Petroleum bersasar ini hanya akan dilaksanakan di Semenanjung sini.

Untuk Sabah, Sarawak dan Labuan, kerajaan masih akan memberikan subsidi petrol secara pukal iaitu kita akan mengekalkan harga petrol RON95 yang dijual di stesen-stesen minyak itu pada harga sekarang iaitu harga RM2.08 seliter. Walaupun harga pasaran RON95 itu naik melebihi RM2.08. Kalau harga pasaran RON95 itu adalah kurang daripada RM2.08 maka harga RON95 yang dijual di stesen-stesen minyak di Sabah, Sarawak dan Labuan juga akan diturunkan akan tetapi maksimumnya harga RM2.08.

Ini adalah subsidi secara pukal yang akan diteruskan di Sabah, Sarawak dan Labuan. Akibat itu, kesan baik atau kebaikan sistem ini adalah supaya ia akan mengelakkan inflasi dan juga inflasi kemungkinan besar akan di akibat daripada pengapungan harga minyak petrol RON95 dan juga ia akan menghasilkan satu iklim yang lebih *stable* di Sabah dan Sarawak.

Apa sebab kerajaan memberi satu keistimewaan kepada Sabah, Sarawak dan Labuan adalah kerana di Sabah dan Sarawak ada banyak tempat yang tidak boleh sampai dengan kereta dan hendak pakai bot dan juga pengangkutan awam di Sabah, Sarawak adalah mundur di sepanjang masa berpuluh-puluh tahun sebelum ini Kerajaan Pusat tidak beri apa-apa tumpuan untuk meningkatkan sistem pengangkutan awam di Sabah dan Sarawak.

Oleh itu, kebanyakan rakyat di Sabah dan Sarawak terpaksa untuk membeli kenderaan sendiri untuk *transport* dan juga *commuting* so oleh itu satu keistimewaan diberi kepada Sabah dan Sarawak dan kita akan menikmati subsidi petrol secara pukal kelak. Sekian, terima kasih.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan kita sangat bersetuju pihak kementerian akan menggunakan kad sebagai pelaksanaan Program Subsidi Bersasar bukan *cash* akan tetapi kad jadi di sini kita harap pihak kementerian membuat penelitian yang sebaik mungkin untuk memilih vendor yang akan membangunkan sistem pelaksanaan nanti.

Juga Yang Berhormat Menteri harga petrol juga dia menyumbang kepada kenaikan dan penurunan harga barang jadi apabila program subsidi petrol dilaksanakan pada tahun 2020,

soalan saya apakah langkah atau mekanisme pihak kerajaan bagi mengelakkan harga barang naik secara mendadak? Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk melegakan itu tekanan harga barang naik selepas pelaksanaan PSP ini, kita ada beberapa langkah yang akan diambil. Salah satunya adalah kita telah melancarkan satu Ops Catut 6.0 di mana kita telah mengambil itu maklumat daripada peniaga-peniaga dari sekarang dan selepas pelaksanaan PSP ini kita juga akan meneliti harga barang dan buat perbandingan.

Kalau didapati ada elemen-elemen pencatutan yang dilakukan oleh peniaga-peniaga, kita akan ambil tindakan yang tegas. Ini adalah salah satu daripada langkah yang akan diambil or sedang diambil oleh kementerian saya untuk mengelakkan peniaga-peniaga mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan yang berlebihan atas alasan PSP ini dan juga selain daripada itu, kita masih mengekalkan itu harga diesel di mana banyak itu syarikat *transport* barangan pakai diesel untuk kenderaan pengangkutan *transport* mereka.

So, ini harga diesel masih akan dikekalkan dan di samping itu kita akan meneruskan pelbagai program subsidi di mana subsidi seperti mySubsidi diesel yang memberikan subsidi diesel iaitu RM1.88 seliter untuk pengangkutan darat, awam dan bot penumpang sungai. Saya ingin menegaskan bahawa pelaksanaan itu subsidi bersasar ini dicadangkan dan dilaksanakan kerana kekangan kewangan kerajaan akibat daripada pemborosan yang dilakukan sepanjang masa sebelum ini.

Oleh itu, atas konsiderasi ini, kerajaan terpaksa melaksanakan program ini dan juga kita rasa bahawa dia juga merupakan satu skim subsidi yang lebih *equitable* kerana pada masa sekarang mengikut pemantauan kita dan satu *study* yang dilakukan bahawa daripada golongan yang menerima subsidi daripada subsidi secara pukal iaitu subsidi sekarang yang dilaksanakan sekarang. Golongan T20, walaupun T20 20 peratus akan tetapi mereka menikmati daripada jumlah yang beli itu RON95, mereka merupakan 30 lebih peratus daripada orang yang beli itu RON95 iaitu bukan sahaja T20 yang menikmati subsidi akan tetapi juga warga asing yang memiliki kenderaan di negara kita juga menikmati subsidi.

Oleh itu, saya rasa satu pengagihan ini program PSP ini merupakan satu pengagihan subsidi yang lebih saksama iaitu *more equitable distribution of subsidy*, satu sistem yang lebih adil yang dicadangkan, dan dilaksanakan oleh kerajaan.

Puan Hajah Sabani binti Mat: *Assalamualaikum warahmatulallahi wabarakatuh*, dan salam sejahtera.

■1100

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu Dewan ini mengalu-alukan kedatangan rombongan daripada Persatuan Amal Kasih Sayang Komuniti Manjung, Perak ke Dewan Negara yang mulia ini... [*Tepuk*] Diharapkan dengan kehadiran ini dapat menambahkan lagi sedikit sebanyak ilmu. Yang Berhormat Menteri.

*Dari Pokok Sena ke Padang Kota Lama;
Soalan saya nombor lima.*

5. Puan Hajah Sabani binti Mat minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, apakah langkah penguatkuasaan daripada pihak kementerian terhadap para peminjam Pinjaman Latihan Kemahiran di bawah Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) yang gagal untuk membayar balik pinjaman yang dilakukan dan adakah program ini masih diteruskan untuk melahirkan tenaga mahir di negara ini?

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingatkan daripada Pokok Sena *pi* Padang Kota Lama ini makan pasembur lah [*Ketawa*] Baik terima kasih Tuan Yang di-Pertua. terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat bahawa Kementerian Sumber Manusia khususnya Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran ini lebih melihat kepada pendekatan untuk mewujudkan pelanggan-pelanggan atau pun peminjam-peminjam yang setia untuk terus membayar kepada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran. Sebab itu pendekatan yang kami ambil ialah penguatkuasaan undang-undang itu yang terakhir.

Akan tetapi, kita lebih kepada untuk menarik minat mereka, kesedaran mereka untuk terus membuat pembayaran daripada pinjaman yang telah pun dikeluarkan oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran ini untuk mereka mendapat latihan kemahiran dan kemudian terus mendapat pekerjaan.

Keduanya, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran ini sebelum dia memberikan kuota untuk penyedia-penyedia latihan ini, kami mensyaratkan supaya penyedia latihan ini melakukan MOU dengan pihak industri untuk memastikan supaya kursus yang dijalankan oleh penyedia latihan ini tadi ialah kursus-kursus yang menjadi permintaan daripada industri dan ada jaminan untuk mereka ini memasuki pasaran pekerjaan. Oleh sebab itu, kajian yang dibuat oleh *PricewaterhouseCoopers* sebelum ini menunjukkan bahawa 92 peratus mereka yang melalui latihan kemahiran TVET ini mendapat peluang pekerjaan di dalam industri.

Jadi, antara pendekatan yang kita lakukan untuk memastikan mereka ini terus membayar ialah kita menawarkan dengan promosi-promosi umpamanya contoh bayar dan menang iaitu cabutan bertuah. Kita menawarkan hadiah-hadiah tertentu, tetapi syaratnya mereka harus menghabiskan bayaran-bayaran dalam kadar-kadar tertentu ataupun dalam tempoh-tempoh tertentu.

Contohnya dalam promosi pada tahun 2019 ini, dua promosi yang kita buat iaitu bayar dan menang, cabutan bertuah iaitu program pertama kepada peminjam yang membuat penyelesaian penuh bayaran balik pinjaman iaitu tutup lejar atau membuat bayaran balik pinjaman minimum RM100 dan yang masih mempunyai baki pinjaman termasuk dalam tempoh dan di luar tempoh bayaran balik bermula 1 Julai 2019 dan tamat pada 30 September 2019.

Manakala program kedua, program promosi bayar dan menang, cabutan bertuah sedang berlangsung iaitu bermula 1 Oktober 2019 hingga Mac 2020. Sepanjang tempoh pelancaran program yang pertama tadi sehingga 30 September 2019, peminjam dan penjamin yang layak menyertai promosi ini ada 830 akaun pinjaman yang melibatkan kutipan bayaran balik yang telah kita berjaya kutip ialah RM2,388,503.12. Ini menunjukkan bahawa peminjam-peminjam Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran ini lebih mudah didekati selain berpeluang menikmati insentif yang ditawarkan oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran.

Kemudian, pembayaran walaupun kita ada pembayaran yang paling minimumnya ialah sebulan berasaskan kepada pinjaman yang dikeluarkan, paling minimum RM84 dan paling tingginya RM250. Tidak tinggi bayaran sedangkan peluang pekerjaan sangat terbuka luas untuk mereka ini memasuki peluang pekerjaan dan selepas tempoh enam bulan baru kita membuat proses kutipan tersebut. Itu pun...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: ...Untuk pengetahuan Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat pandai menjawab. Bagi ruang sedikit untuk pertanyaan tambahan Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: *[Ketawa]* Tidak apa. Saya habiskan satu lagi. Kita bagi tawaran kalau lah kata sampai yang RM250 itu dia kata dia tidak mampu juga hendak bayar, kita runding. Tidak apa lah bayar lah RM100, pun kita terima. Syaratnya dia bayar, kita dapat duit kemudian kita boleh berikan pinjaman itu kepada pelajar-pelajar yang lain. Terima kasih.

Puan Hajah Sabani binti Mat: Terima kasih di atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat. Cumanya soalan yang saya hendak kemukakan ialah bila kita sebut tabung, tidak kira lah sama ada tabung PTPTN ataupun PTPK ini, masalah yang dihadapi kebanyakan peminjam-

peminjam ialah masalah hendak bayar. Jadi, kalau itu lah hasrat ataupun mekanisme yang dibuat oleh pihak kementerian, saya ucap tahniah lah. Cumanya saya hendak tanya pada Yang Berhormat sejauh ini, berapakah jumlah mereka yang meminjam dalam PTPK ini dan daripada jumlah tersebut berapakah yang telah dapat membayar balik dengan mendapat peluang pekerjaan. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Baik terima kasih kepada Yang Berhormat. Satu soalan yang sangat menarik. Macam saya sebutkan tadi bahawa 92 peratus mereka yang melalui latihan kemahiran TVET ini terjamin boleh dapat kerja. Ini kerana macam saya katakan tadi ialah syarat yang kita letakkan kepada penyedia latihan ialah mereka mesti terlebih dahulu membuat MOU dengan industri untuk pastikan supaya kursus yang mereka buat ialah kursus yang diminta oleh industri dan kemudian industri akan ambil mereka bekerja, sama ada penyedia latihan itu di peringkat swasta ataupun penyedia latihan di peringkat awam. Di bawah kementerian saya ada ILP memang kita menggalakkan mereka membuat apa-apa perjanjian dengan pihak industri dan *alhamdulillah* jaminan yang sangat tinggi.

Contoh saya bawa Yang Berhormat, ILP Kepala Batas saya pergi baru-baru ini. Kita buat ada dekat 11 MOU dengan syarikat-syarikat tertentu yang berkaitan dengan *air condition* sebab ILP Kepala Batas itu dia lah *master of excellence* dalam *air condition*. Sememangnya syarikat-syarikat *aircon* di Malaysia ini berebut-rebut hendakkan pelajar-pelajar daripada ILP Kepala Batas untuk bekerja dalam sektor *air condition* iaitu khususnya sebagai *technician*. Tidak cukup *supply* kepada industri yang meminta. Jadi, itu antaranya. Angka sebenarnya saya mohon tempoh untuk beri secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Itu sahaja soalan. Dia hendak statistik.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Ya. Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa. Ya Yang Berhormat Senator Laksamana.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bantu Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani. Kalau boleh kita cadangkan supaya hutang hapus kira. Oleh kerana dalam Buku Harapan, Yang Berhormat Menteri, kita ada iltizam khusus untuk anak muda memberi peluang pendidikan berkualiti yang percuma, Tuan Yang di-Pertua. So, kita mohon supaya kementerian timbang-timbang untuk hapus kira hutang-hutang anak muda. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih kepada Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Cadangan yang baik Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Cadangan itu memang cadangan yang baik *[Ketawa]* Terima kasih. Saya terpulang kepada pihak Kabinet untuk membuat keputusan ini. Sudah tentulah banyak perjanjian yang telah kita buat. Ada yang boleh kita laksanakan segera, ada yang boleh kita kemudiakan. Kita lihat mana menjadi keperluan. Sama seperti macam kita kahwin lah, kita kahwin dengan seorang yang cantik dan sebagainya. Dia ini ibu tunggal kan, jadi kita pujuk dia tidak mahu tetapi akhirnya kita janji-janji dengan dia, kita pun kahwin. Tiba-tiba kita kata hendak bagi itu, hendak bagi ini tiba-tiba bila dah kahwin rupanya...

Tuan Yang di-Pertua: Kita tipu lah.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Bukan tipu, tidak. Rumah itu hendak kena bayar hutang banyak, suami dulu tinggal. Suami dulu tinggal hutang banyak. Jadi, kita hendak kena bayar. Jadi kita kena bayar hutang itu, kalau tidak kita dengan dia dengan anak-anak tiri kita tidur masjid *[Ketawa]* Jadi, kita tengok mana yang dahulu, *insya-Allah*.

6. Dato' Haji Husain bin Awang minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, tindakan kementerian berikutan Malaysia didakwa sebagai penyumbang terbesar pembuangan sampah plastik di Pulau Great Nicobar, India.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Husin bin Awang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, kalau hendak jawab bagi pihak kementerian...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Saya mewakili kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: ...Kena beritahu kepada saya ataupun Dewan. Saya pun tidak tahu tidak dapat apa-apa maklumat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Saya pun diminta oleh pihak kementerian tadi. Saya minta izin.

Tuan Yang di-Pertua: Lain kali tolong beritahu Dewan. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Saya ingatkan pihak kementerian sudah pun memaklumkan kepada pihak Dewan.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, okey.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Okey, okey. Terima kasih. Baik, untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua dan juga Dewan, KPKT tidak pernah menerima sebarang aduan secara rasmi tentang apa yang didakwakan di dalam soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang rakan saya.

■1110

Cuma, ada dilaporkan- itu hanya laporan yang dilaporkan hasil kajian *Foreign Origin Plastic Litter Predominate in Great Nicobar Island* daripada *Berhampur University*, India. Kajian ini kononnya mengatakan bahawa berdasarkan bilangan botol plastik yang ditemui di *Great Nicobar Island*, 40.5 percent itu adalah daripada Malaysia, diikuti dengan Indonesia 23.9 percent dan Thailand 16.3 percent.

Akan tetapi, kajian tersebut hanya menyebut dan berpendapat antara penyebab utama yang menyebabkan pencemaran di *Great Nicobar Island* itu ialah kesan pergerakan arus kerana jarak Malaysia, Indonesia dan Thailand yang berdekatan dengan *Great Nicobar Island*. Ia dekat, jadi arus itu ada kemungkinan ia mengatakan bahawa sampah sarap itu, botol-botol itu dibawa melalui arus. Sebab, dia buat kajian, dia ambil sejumlah botol, kemudian botol itu dia tengok ada *labeling* daripada negara mana. Jadi, itu yang mendapati bahawa seolah-olahnya didapati botol-botol itu daripada Malaysia, bukannya kita hantar eksport ke Nicobar Island.

Kedua ialah pengurusan sisa pepejal yang tidak teratur akibat aktiviti perikanan iaitu nelayan-nelayan dan sebagainya. Dia buang ikut suka, itu yang menyebabkan berlakunya dengan pergerakan arus tadi.

Ketiganya ialah pengurusan sisa pepejal yang tidak teratur akibat daripada aktiviti kapal dagangan yang belayar di situ. Oleh sebab itu berdekatan dengan Selat Melaka, memang banyak kapal di situ dan tidak ada satu kepastian yang menunjukkan kita eksport. Tidak adapun yang kita eksport plastik kita, sampah sarap kita ke negara lain. Malah untuk bawa- saya dimaklumkan oleh KPKT, untuk membawa plastik, bukan sampah, plastik daripada luar pun mempunyai kawalan yang sangat ketat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada soalan tambahan ya, Yang Berhormat Senator. Tidak payahlah fasal Yang Berhormat Menteri ini bukan menteri yang hendak jawab.

Dato' Haji Husain bin Awang: Kecewa saya. Terima kasih [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator, minta soalan tambahan tetapi jawab secara bertulislah kerana kalau bagi Yang Berhormat Menteri jawab, Yang Berhormat Menteri akan buat dasar yang baharu pula. [*Ketawa*] Silakan, Yang Berhormat Senator.

Dato' Haji Husain bin Awang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan bahawa surat pekeliling am yang menyediakan panduan dalam pelaksanaan Kempen Hindari Penggunaan Plastik Sekali Guna di kementerian, agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri telah dikeluarkan pada suku pertama tahun ini. Saya menyambut baik usaha ini sebagai satu langkah dalam mengurangkan pencemaran plastik.

Soalan saya ialah saya ingin mengetahui sambutan daripada semua kementerian dan agensi Kerajaan Persekutuan serta negeri dalam melaksanakan kempen-kempen melarang penggunaan plastik sekali guna di organisasi masing-masing.

Kedua, berkaitan isu pencemaran plastik di lautan ini yang merupakan satu isu yang serius bukan sahaja mengancam hidupan laut bahkan memberi ancaman kepada kesihatan manusia termasuk pencemaran mikro plastik.

Soalan saya, sejauh mana keberkesanan tindakan atau kempen-kempen yang dilaksanakan oleh pihak kementerian dan agensi yang terlibat kepada semua lapisan dalam menangani isu pencemaran plastik terutamanya di lautan? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Saya minta supaya pihak pegawai kementerian yang ada di belakang saya ini untuk berikan jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat Senator. Paling penting, semua perlu terlibat termasuk juga dengan Yang Berhormat untuk berikan kesedaran kepada masyarakat untuk jaga alam sekitar, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair.

Puan Asmak binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas diminta rehat sekejap di klinik sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Berehat di klinik?

Puan Asmak binti Husin: Atas isu kesihatan. Jadi beliau sekarang berada di klinik.

Tuan Yang di-Pertua: *Oh, I see.* Ini tidak payah jawablah.

[Soalan No.7 – YB. Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair tidak hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Okey, dipersilakan Yang Berhormat Tuan Alan Ling Sie Kiong.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Saya ada di dalam Dewan. Semoga...

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi, tetamu Yang Berhormat sudah keluar *[Ketawa]*

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Dia hendak ambil gambar dekat luar dahulu. Nanti jumpa dengan Tuan Yang di-Pertua. Semoga Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas sihat dan sembuh.

8. Tuan Alan Ling Sie Kiong minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apakah tindakan kerajaan untuk memastikan Sabah dan Sarawak turut merasai kemajuan dalam sistem pengangkutan setanding Semenanjung Malaysia selaras dengan Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong atas soalan berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan khususnya di Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sistem pengangkutan terbahagi kepada tiga sektor utama iaitu udara, maritim dan darat di mana darat pula terbahagi kepada pengangkutan jalan dan rel.

Sebagai perbandingan, untuk sektor udara, Semenanjung Malaysia mempunyai 15 lapangan terbang. Tiga daripadanya yang dipanggil, dengan izin, *short takeoff and landing (STOL) airport*. Manakala Sabah dan Sarawak mempunyai 23 lapangan terbang yang mana 15 daripadanya adalah STOLport mengambil kira kawasan pedalaman khususnya di Sarawak yang memerlukan perhubungan udara.

Untuk sektor maritim, jumlah kargo yang dikendalikan di Pelabuhan Klang pada tahun 2018 adalah 221 juta tan manakala jumlah kargo untuk kedua-dua Sabah dan Sarawak berjumlah hampir 100 juta tan. Dari segi jumlah kargo, Pelabuhan Bintulu duduk di tempat ketiga selepas Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas.

Untuk sektor darat pula, projek yang utama berkaitan pengangkutan darat adalah pembinaan Lebuhraya Pan Borneo di bawah Kementerian Kerja Raya yang dijangka akan disiapkan pada tahun 2023 untuk Sarawak dan tahun 2025 untuk Sabah. Kemajuan projek ini boleh dilihat dengan laluan jalan raya dari Serian ke persimpangan Pantu sepanjang 73.5 kilometer yang dijangka akan dibuka untuk laluan trafik pada awal tahun 2020. Projek ini bukan sahaja membantu meningkatkan industri pembinaan dan pelancongan malah diharap meningkatkan liputan dan kecekapan di seluruh Sabah dan Sarawak.

Bagi rel bandaran pula, keperluannya bergantung kepada jumlah penduduk, densiti dan tahap kesesakan trafik dan tahap keperluan di bandar-bandar besar di Malaysia termasuk di Sabah dan Sarawak yang masih lagi dikaji dan dipantau oleh agensi-agensi berkaitan.

Kementerian amat peka kepada kehendak rakyat akan pengangkutan bas henti-henti sejajar dengan janji kerajaan untuk menyediakan penambahan 10 ribu buah bas awam dalam Dasar Pengangkutan Negara (DPN). Maka, RM450 juta telah pun diperuntukkan di bawah Belanjawan 2020 untuk 500 buah bas elektrik yang akan diagihkan ke seluruh negara.

Kerajaan juga kini sedang meneliti kebolehlaksanaan model baharu pembiayaan bas henti-henti yang dicadangkan oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) untuk pelaksanaan di seluruh negara.

Sehubungan dengan itu juga, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah dan Sarawak akan diperkasakan lagi agar setaraf dengan peranan dan fungsi APAD di sebelah Semenanjung ini.

Maka, secara umumnya, inisiatif-inisiatif baharu yang dicadangkan di dalam Dasar Pengangkutan Negara akan bertindak secara menyeluruh untuk semua negeri-negeri di dalam Malaysia ini dengan tidak mengambil kira lokasinya. Ini terkandung di dalam lima teras Dasar-dasar Pengangkutan Negara seperti berikut:

- (i) Teras Dasar 1 yang berpaksikan pengukuhan tadbir urus;
- (ii) Teras Dasar 2 yang berpaksikan kecekapan infrastruktur pengangkutan;
- (iii) Teras Dasar 3 yang berpaksikan aspek keselamatan, integrasi, ketersambungan dan kebolehcapaian;
- (iv) Teras Dasar 4 yang berpaksikan ekosistem pengangkutan hijau; dan
- (v) Teras Dasar 5 yang berpaksikan pengantarabangsaan.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

■1120

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang mengalu-alukan pengenalan Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030. Saya berterima kasih kerana komitmen kerajaan yang tidak mengabaikan mana-mana negeri dalam pelaksanaan dasar-dasar yang baik untuk semua rakyat. Maka seperti yang diumumkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak pada tahun depan mereka akan memperkenalkan *free school bus* di Kuching. Saya ingin tahu daripada pihak Kerajaan Persekutuan sama ada kita akan memperkenalkan *free bus service* ataupun seperti yang dikatakan bas berhenti-henti ini 10 ribu buah, adakah Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan juga akan memperkenalkan bas berhenti-henti di Sarawak ini yang amat memerlukan bas berhenti-henti yang percuma kerana keluasan geografi kita di sana. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Alan Liang Sie Kiong. Secara umumnya sebagaimana saya bacakan tadi dan juga saya bentangkan semalam dalam jawapan, kerajaan melalui kementerian memberi beberapa dan berbagai-bagai subsidi kepada perkhidmatan-perkhidmatan bas sama ada dalam bentuk MyBus atau sebagainya. Akan tetapi pada dasarnya setakat ini amalan bas percuma tidak dilaksanakan secara langsung oleh kementerian, ia dilaksanakan oleh peringkat negeri-negeri ataupun DBKL untuk Kuala Lumpur ini.

Jadi cadangan *free school bus* ini akan perlu pertimbangan dan perkiraan bersesuaian dengan peruntukan-peruntukan yang ada dan mungkin ada nanti. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dipersilakan Yang Berhormat Datuk Theodore Douglas Lind.

9. Datuk Theodore Douglas Lind minta Perdana Menteri menyatakan, adakah kerajaan bersedia memberi elaun khas yang sesuai kepada semua anggota SPRM sebagai satu tanda penghargaan kepada jasa dan perkhidmatan mereka dalam membanteras dan membasmi rasuah yang merupakan musuh utama negara dalam memastikan masa depan negara terjamin.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Theodore Douglas. Tuan Yang di-Pertua sebenarnya soalan ini telah dibangkitkan dalam perbahasan sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya faham.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Akan tetapi Yang Berhormat untuk makluman Ahli Yang Berhormat antara langkah-langkah memperkasakan SPRM beberapa inisiatif sedang dikaji dengan meletakkan rakyat serta keadilan dan kesaksamaan undang-undang sebagai keutamaan. Antara cadangan yang dikemukakan kepada SPRM iaitu kini sedang mengkaji untuk mengesyorkan bagi mendapatkan pertimbangan kerajaan untuk menaikkan kadar saraan bagi pegawai SPRM iaitu meletakkan skim perkhidmatan pegawai SPRM di tahap yang kompetitif dan selayaknya. Suruhanjaya ini mencadangkan supaya kadar Bayaran Insentif Pencegahan Rasuah (BIPR) dibuat semakan semula sebagai satu imbuhan untuk memperkasakan keupayaan warga kerjanya agar mempunyai budaya kerja cemerlang serta meningkatkan kualiti operasi secara keseluruhan.

Ia adalah sejajar dengan perkembangan semasa di mana jenayah rasuah yang semakin kompleks dan rumit. Keupayaan sumber manusia ini memerlukan komitmen serta kemahiran

tinggi dalam penguasaan dan pencegahan jenayah rasuah. Tentang elaun khas itu sebenarnya Yang Berhormat memang sekarang ini sedang berjalan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat.

Datuk Theodore Douglas Lind: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah kerajaan ada rancangan atau usaha yang ada atau yang akan ada untuk memperkasakan rakyat bersama-sama kerajaan untuk membanteras rasuah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekali lagi Yang Berhormat?

Datuk Theodore Douglas Lind: Soalan saya apakah kerajaan ada rancangan atau usaha yang ada atau yang akan ada rancangan atau usaha untuk memperkasakan rakyat untuk bersama-sama dengan kerajaan untuk membanteras rasuah.

Tuan Yang di-Pertua: Program-program pendedahan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Ia satu cadangan, bagi saya cadanganlah ya, cadangan yang baik Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, sebenarnya SPRM memang sentiasa terbuka dengan cadangan-cadangan seperti itu dan sebenarnya memang ada. Untuk makluman Yang Berhormat pada masa ini pun SPRM ada satu dipanggil akademi ya, yang mana di samping melatih pegawai-pegawai untuk memahirkan lagi mereka dan mendedahkan mereka dengan teknik-teknik terbaru termasuk juga mendedahkan juga kepada orang awam.

Boleh melihat di dalam *website* SPRM untuk melihat kalau ada apa-apa aktiviti yang orang awam ingin *joint* lah. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk pertanyaan-pertanyaan jawab lisan selesai.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

Tuan Ismail bin Yusop: Tuan Yang di-Pertua boleh sikit?

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah cakap sudah.

Tuan Ismail bin Yusop: Bukan soalan. Oleh sebab sudah tutup, saya hendak bangkitkan kerana hari ini Dato' Kesavadas, dua hari lepas saya dan beberapa orang rakan. Semalam Yang Berhormat Asmak. Kita punya jadual kita ini padat sangat sebab perbahasan soalan kemudian penggulungan, semalam sudah mula RUU, lewat malam, dua malam jadi ia menjejaskan

kesihatan kawan-kawan kita ini *[Ketawa]* Jadi saya hendak minta pada Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh untuk yang akan datang ini bagi ruang sedikitlah...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Ismail bin Yusop: ...Supaya kami boleh bernafas.

Tuan Yang di-Pertua: Ini semua dalam reformasi Parlimen. Yang Berhormat kena buat dalam kaukus.

Tuan Ismail bin Yusop: *[Ketawa]* Saya hendak sebut ini sebab kesian dekat kawan-kawan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini dia sebenarnya dan tarikh ini ditentukan oleh Ketua Jemaah Menteri, so kita bolehlah meminta supaya dilanjutkan dan dalam Reformasi Parlimen- Kaukus pun boleh beri cadangan-cadangan sebegini.

Tuan Ismail bin Yusop: ...Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Setiausaha.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG ANTIBERITA TIDAK BENAR (PEMANSUHAN) 2019

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.27 pg.

Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk memansuhkan Akta Antiberita Tidak Benar 2018 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang akan saya bantangkan bertujuan untuk memansuhkan Akta Antiberita Tidak Benar 2018 iaitu Akta 803 yang telah dikuatkuasakan pada 11 April 2018. Pemansuhan ini adalah selaras dengan komitmen kerajaan untuk memansuhkan undang-undang yang zalim serta memastikan pihak media mempunyai kebebasan untuk menjalankan proses semak dan imbang terhadap pentadbiran kerajaan seperti mana yang terkandung dalam Janji 27 Manifesto Pakatan Harapan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan mengenai pemansuhan Akta 803 telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 3 Ogos 2018 melalui Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018. Bacaan kali pertama RUU tersebut telah dilaksanakan pada 8 Ogos 2018 iaitu semasa Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama Parlimen Keempat Belas yang lalu. Manakala bacaan kedua dan ketiga RUU tersebut pula telah dilaksanakan pada 16 Ogos 2018 dan seterusnya RUU tersebut telah diluluskan di Dewan Rakyat pada tarikh yang sama.

RUU tersebut kemudiannya telah dibentangkan di Dewan Negara pada 27 Ogos 2018 dan 12 September 2018. Walau bagaimanapun RUU tersebut tidak mendapat sokongan Dewan Negara yang dibuat melalui undi belah bahagian menurut Peraturan Mesyuarat 45(4) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara yang keputusannya adalah seramai 21 orang menyokong, manakala 28 orang tidak menyokong dan tiga orang tidak mengundi.

Susulan penolakan RUU 2018 di Dewan Negara, Fasal 2 Perkara 63 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018 hanya boleh dibentangkan untuk dibahaskan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara selepas 16 Ogos 2019 iaitu setahun selepas tarikh RUU 2018 diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Oleh demikian, pembentangan RUU 2019 telah dibuat pada Mesyuarat kali Ketiga Penggal Kedua Parlimen Keempat Belas yang bermula 7 Oktober 2019. Dewan Rakyat pada 9 Oktober 2019 telah meluluskan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2019 di mana hasil undian belah bahagi selepas di bahas 25 wakil rakyat kerajaan dan pembangkang.

Menerusi undian itu seramai 92 Ahli Parlimen bersetuju supaya akta tersebut dimansuhkan manakala 50 orang sahaja tidak bersetuju. Sehingga 31 Ogos 2019 hanya satu kes sahaja pertuduhan di bawah subseksyen 4(1), Akta 803 telah disabitkan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.

■1130

Seterusnya, tiga permohonan perintah penghapusan penerbitan yang mengandungi berita tidak benar di bawah subseksyen 7(1) Akta 803 telah didengar dan dirumuskan di mana sebanyak dua permohonan didengar di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur dan satu lagi permohonan didengar di Mahkamah Sesyen Melaka.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, proses penggubalan Akta 803 adalah singkat dan konsultasi bersama pihak-pihak berkepentingan seperti pengamal media dan Ahli-ahli Parlimen pembangkang pada masa itu tidak dijalankan secara menyeluruh. Akta

803 juga telah digubal dalam satu tempoh kurang daripada tiga bulan iaitu bermula daripada penubuhan jawatankuasa khas berkaitan dengan isu penyebaran berita tidak benar pada 12 Januari 2018 hingga tarikh ia dikuatkuasakan pada 11 April 2018.

Tempoh penyediaan Akta 803 yang singkat itu juga adalah tidak memadai untuk rundingan dijalankan bersama pihak berkepentingan- *stakeholders*, dengan izin secara menyeluruh mengenai kesan dan implikasi perwujudan akta ini. Tambahan pula, jawatankuasa khas tersebut hanya bermesyuarat sebanyak tiga kali sahaja iaitu pada 24 Januari 2018, 7 Februari dan 13 Februari tahun yang sama dalam tempoh tiga bulan tersebut. Selain itu, hanya satu bengkel telah diadakan pada 12 Mac 2018 untuk membincangkan isu-isu berkaitan dengan penggubalan draf Undang-undang Anti Berita Tidak Benar 2018 bersama dengan kementerian, jabatan ataupun agensi kerajaan yang berkaitan.

Perkara ini telah menunjukkan betapa kerajaan dahulu begitu tergesa-gesa dalam menggubal dan meluluskan Akta 803, maka tidak hairanlah ia mendapat reaksi negatif daripada rakyat dan pengamal media di negara ini. Takrif berita tidak benar di bawah Akta 803 adalah terlalu luas, *pretty wide* ya. Akta 803 mentakrifkan berita tidak benar sebagai termasuklah apa-apa berita, maklumat, data dan laporan yang sebahagiannya atau keseluruhannya adalah palsu sama ada dalam bentuk rencana, visual atau rakaman audio atau dalam apa-apa bentuk lain yang boleh menggambarkan perkataan atau idea.

Takrif ini terbuka kepada pelbagai tafsiran dan berpotensi besar untuk disalah guna terutamanya apabila ia melibatkan berita yang tidak sehaluan dengan pendirian kerajaan. Pengamal media tidak lagi bebas untuk menyiarkan berita ataupun menyuarakan pandangan yang bersifat kritikal terhadap kerajaan kerana bimbang berita tersebut akan dianggap sebagai berita tidak benar yang menyebabkan mereka boleh didakwa di bawah Akta 803.

Melalui Akta 803, kuasa diberikan kepada mahkamah untuk membuat perintah bagi menghapuskan apa-apa penerbitan yang mengandungi berita tidak benar atas permohonan secara *ex parte* sahaja. *Ex parte* maknanya satu pihak sahaja. Dalam hal ini, mahkamah akan menghadapi kesukaran untuk menentukan sama ada satu-satu maklumat atau kenyataan merupakan maklumat atau kenyataan tidak benar secara muktamad semata-mata atau secara *ex parte* terutamanya apabila ia melibatkan kenyataan yang terdedah kepada tafsiran yang pelbagai. Contohnya, kenyataan yang berkaitan sejarah yang ada kalanya berbeza mengambil kira sumber dan elemen politik yang menyelubungi penceritaannya.

Seterusnya, peruntukan di bawah seksyen 3, Akta 803 berhubung dengan pemakaian luar wilayah, membolehkan seseorang sama ada warganegara atau tidak termasuk penerbitan-

penerbitan luar negara didakwa di Malaysia biarpun kesalahan dilakukan di luar negara. Peruntukan ini sukar dilaksanakan sekiranya individu yang melakukan kesalahan itu berada di luar Malaysia dan hanya boleh dituduh apabila dia berada di dalam negara atau jika tertuduh dapat dibawa ke negara ini melalui proses ekstradisi. Situasi ini melibatkan pemakaian undang-undang lain yang berkaitan seperti Akta Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2002 [Akta 621], dan Akta Ekstradisi 1992 [Akta 479] yang dilaksanakan dengan kewujudan perjanjian antara kedua-dua negara.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, di samping itu penggunaan Akta 803 juga ke atas individu bukan negara boleh memberi impak kepada warganegara Malaysia yang berada di luar negara. Seksyen 7(1), Akta 803 boleh membenarkan individu ataupun entiti yang menjadi mangsa berita tidak benar mengemukakan permohonan secara *ex parte* di mahkamah untuk mendapatkan perintah menghapuskan berita tidak benar tanpa memberitahu kepada orang yang dituduh menyampaikan berita tidak benar itu.

Namun, permohonan secara *ex parte* tidak memberi peluang kepada kedua-dua pihak untuk hadir ke mahkamah bagi membicarakan dan menentukan adakah berita yang disebarkan itu tidak benar atau tidak. Meskipun subseksyen 8(1), Akta 803 membolehkan pengetepian perintah di bawah seksyen 7 Akta 803 tersebut.

Keadaan ini boleh menjejaskan imej atau kredibiliti individu atau organisasi yang didakwa walaupun mereka belum tentu melakukan kesalahan tersebut di samping ia juga terbukan kepada penyalahgunaan proses mahkamah. Kerajaan percaya bahawa tiada keperluan untuk mewujudkan Akta 803 apabila pengurusan undang-undang sedia ada seperti Kanun Keseksaan Akta 574, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] dan undang-undang berkaitan fitnah boleh dibuat dengan lebih menyeluruh dan efektif untuk membendung masalah berita tidak benar. Kerajaan juga mempunyai pilihan untuk meminda peruntukan sedia ada bagi tujuan penambahbaikan dan memperhalusi pemakaian dan keberkesanannya dalam menangani penyebaran berita palsu.

Pada masa yang sama, undang-undang yang sedia ada seperti Akta Hasutan 1998 dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 juga boleh digunakan untuk membendung masalah berita tidak benar. Namun begitu, saya ingin tegaskan kedua-dua akta ini sedang dikaji oleh Kerajaan Pakatan Harapan untuk tujuan pemansuhan seperti mana yang telah dijanjikan dalam Manifesto Pakatan Harapan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kewujudan Akta 803 bersama undang-undang yang sedia ada boleh ditafsirkan, dengan izin, *over regulation* terhadap hak untuk bersuara seperti

yang telah dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan. Dari sudut penggubalan undang-undang, menurut G.C. Thornton dalam *Legislative Drafting 5th Edition*, perenggan 7.34 di muka surat 157.

Dengan izin saya baca Tuan Yang di-Pertua; *“The first step is to consider whether further decision is in fact necessary or whether the desire in it might not be capable of achievement wholly or in part either but administrative means or under existing legislation. If legislation is enacted that is not needed, that is clear waste of time and therefore money and as well the volume of the statute book unnecessarily in particular proposal to confers the powers on ministers or official requires scrutiny because it may be that those powers or some of them may or already exist under the common law or possibly under other statutes. Needless legislation must be discouraged unnecessary new legislation is not only useless, it is actively damaging. It has to this statute book thus adding to the complexity of legislation and rendering it understanding and subsequent application doubtful. It encourages the impatient that relation is not significant enough to be preserve for priority policy issues thus spelling to draw the user’s attention to a few well-chosen statutes and it creates the false of fraudulent impression that the government has dealt with associate justice whereas it clearly has not”*.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Anti Berita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018 telah dirangka bertujuan untuk memansuhkan Akta 803. Rang undang-undang ini mengandungi dua fasal di mana fasal 1 adalah berkenaan dengan cerita-cerita ringkas, atau dicadangkan. Fasal 2 pula bertujuan mengenai peruntukan kecualian. Cadangan pemansuhan Akta 803 di bawah fasal 2 ini tidak akan menjejaskan apa-apa perintah yang dibuat di bawah Akta 803 sebelum tarikh permulaan penguatkuasaan rang undang-undang ini.

Pada tarikh permulaan penguatkuasaan rang undang-undang ini, apa-apa permohonan bagi satu perintah di bawah Akta 803 yang dibuat sebelum tarikh permulaan kuat kuasa rang undang-undang atas sebab apa-apa prosiding yang berkenaan dengan permohonan ini yang belum selesai di bawah Akta 803 boleh diteruskan seolah-olah Akta 803 masih berkuat kuasa. Pada tarikh permulaan kuat kuasa rang undang-undang ini, apa-apa penyiasatan, pendakwaan atau prosiding yang berkenaan dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta 803 yang belum selesai di bawah Akta 803 boleh diteruskan seolah-olah Akta 803 masih berkuat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, pemansuhan Akta 803 juga tidak akan membawa kesan secara ke belakang. Oleh yang demikian, pemansuhan Akta 803 tidak akan menjejaskan apa-apa perintah yang telah dikeluarkan atau dibuat atau tindakan atau prosiding yang telah diambil di bawah Akta 803 sebelum tarikh permulaan kuat kuasa rang undang-undang ini. Secara keseluruhannya, cadangan pemansuhan yang kini diusulkan adalah berasaskan kenyataan

bahawa Akta 803 perlu digubal bukan bersandarkan keperluan sebenar sekali gus ia telah gagal, dengan izin, *by design* untuk memberi impak positif dalam mengawal penyebaran berita palsu.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang menyokong Yang Berhormat Menteri?

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk memansuhkan Akta Antiberita Tidak Benar 2018 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh. Yang Berhormat Kesavadas boleh rehat. Saya tidak membenarkan Yang Berhormat untuk berbahas.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Saya boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat?

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Saya boleh berbahas.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah batalkan nama Yang Berhormat atas alasan sakit. Tadi, soalan naik pun Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan...

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Ya, ya. Masa dalam klinik.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat.

■1140

11.40 pg.

Tuan Nga Hock Cheh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang yang tersebut. Masa ini juga memohon keizinan apabila perlu berbahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat.

Tuan Nga Hock Cheh: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-Undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2019, sedikit latar belakang. Selepas satu tahun ditolak oleh Dewan Negara, Akta Antiberita Tidak Benar 2018, sekali lagi dimansuhkan oleh Dewan Rakyat.

Akta itu bagaimanapun, dimansuhkan selepas Pakatan Harapan mengambil alih pentadbiran selepas memenangi Pilihan Raya Umum Ke-14. Pemansuhan itu diluluskan di Dewan Rakyat pada 16 Ogos tahun lalu melalui Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2019. Bagaimanapun, persidangan Dewan Negara pada 12 September tahun lalu, telah menolak Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2019 selepas

diundi belah bahagian menyaksikan seramai 28 Ahli Dewan tidak menyokong pemansuhan akta itu berbanding seramai 21 anggota yang menyokong manakala seramai tiga Ahli Dewan yang lain memilih untuk tidak mengundi.

That is the background of the Act and the Minister has really pointed out that there are sufficient law under the Penal Code, the Printing Presses and Publications Act and the Communications and Multimedia Act 1998 to take care of the false news. Truth Tuan Yang di-Pertua, it's internal. It is facts that may be distorted. What is important is for us to educate a person how to discern the truth.

It is just like the, the Fuzhou community, one of the gastronomic delights is eating fish. When he eats the fish, it is the meat, we are told to swallow it. Where it is bone, we are told to spit it out and when we are not sure, we put into the mouth and chew it a bit longer. In the bank, the tellers are taught how to recognize the genuine notes. When there are familiar with the genuine notes, they will be able to detect the fake or counter fake notes when it is presented to the bank.

Likewise, the time has come. Malaysia are more liberty to discern the news has been published and to decide what is true or false. Of course, the source of the news is important and when that source is corrupted, people will lose their trust in the credibility of the news that is been disseminated.

Very quickly, in the Parliament itself, we might also guard ourselves against fake news under the protection of the Parliamentary Immunity. One way is to asked the person to repeat the allegation outside the House, so, you that you can challenge it in the court of law to renegade himself and the famous case reported is the late Abdul Rahman bin Haji Talib against D.R. Seenivasagam.

In other way in the Parliament is the Point of Order in the Standing Orders to alert Yang Berhormat of the aberration or infraction of parliamentary decorum that he has committed. In this connection Tuan Yang di-Pertua, I also want to bring out that in the sitting beginning of the year of 25th of April. What I said about the unity based on Malaysian identity was distorted and spun and it created an uproar and a little appreciation at that time when Tan Sri won't be on the reboot that may be impending. Only discover subsequently past to my agony, when my news was spun by one of the Senators and came out in the press and created a real uproar at that time.

I, of course did not make any reference to the Islam being digugurkan in the identity card. I only asked for the Malaysian identity to be given to the babies and I'm glad, several months down the road, on 18th September 2019, PM in The Star is reported that the PM to answer to the

racial politics. "Forget about origin and identify ourselves as Malaysian", says Yang Amat Berhormat Tun Dr M. I have photostat copy. Allow me to read just two short paragraphs.

He says, "There will be no racial politic if people forget about their origin and identify themselves as Malaysian", says Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad. "Racial politics has no role to play if we all forget our origin and believed we are all Malaysian". That whole exactly what I was advocating.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bentara, dia bukan Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat [Ketawa] Silakan, Yang Berhormat.

Tuan Nga Hock Cheh: So, apa mustahak apabila buka mulut cakap...

Tuan Yang di-Pertua: *One minute*, Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair, *don't go missing. You're next.*

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Apa dia? Yes, yes.

Tuan Yang di-Pertua: *Don't go missing again [Ketawa]*

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: *No, no. I'll be in here [Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Nga Hock Cheh: *When the person opens his mouth to speak, it is more a reflection of his own character first rather than a depletion of the opponent which he is targeted. In the August's chamber here, we must learn how to agree or to disagree agreeably. Kita hendak selesaikan isu bukan memburukkan nama seseorang Yang Berhormat. Jadi, kalau seseorang ada mempunyai dignity, Point of Order when it is called, should be sufficient to alert the person of his infringement of Parliamentary decorum.*

More also, when I- apabila saya debat pada 12 hari bulan, point of order was raised again oleh one of the Yang Berhormat, oleh a lady Senator. I think the record of our Parliamentary punya behavior, it's important and I felt sorry for that Yang Berhormat. Yang Berhormat punya record, sudah sedikit tercemar olehnya sendiri...

Tuan Yang di-Pertua: Rekod siapa Yang Berhormat?

Tuan Nga Hock Cheh: *I tidak mahu sebutkan namalah [Ketawa] Minta maaf.*

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat itu tidak ada di dalam Dewan. Tidak payahlah Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Nga Hock Cheh: *Kita mahu menjaga apa kita ucapkan di Dewan ini. My preferred responds when trash is thrown at me is not to dignify it with repertoire but you just step aside and leave it to the collection and the attention of the workers of IWK. Not need to membuang masa of these Honorable Dewan Negara. I would say that Tuan Yang di-Pertua, so...*

■1150

Tuan Yang di-Pertua: Menyokong.

Tuan Nga Hock Cheh: Saya sokong dan saya juga merayu semua pihak Ahli-ahli di Dewan Negara kita jaga *the maruah of this Dewan, the dignity and the honor of this*. Kadang-kadang kita nampak *some other quarters of this Parliament* kita nampak *people going back to follow in the political marched*. Semasa itu Chin Peng punya *ancient* pun dia tidak boleh *enjoy peace and the* mainkan isu agama. *I thought that was not a very wise thing to do and not very dignified for Yang Berhormat to ratique the religion of another religious community*.

Hal-hal macam ini nasib baik Dewan Negara di bawah pimpinan Tuan Yang di-Pertua, kita tidak berjumpa hal-hal seperti ini. Tuan Yang di-Pertua, saya sokong dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Nga Hock Cheh: Sikit lagi saya belum habis [*Ketawa*] Mungkin sebab kita hendak *the repeal* ini akta kita sekarang boleh nampak surat khabar *explosive* yang keluar dua hari dulu seperti ini... [*Menunjukkan senaskah surat khabar*] *Shoot to kill*. Then satu respons, *a complete fabrication*. Inilah kalau ada akta masa itu *enforced*, saya ingat berita-berita macam ini surat khabar pun takut hendak *publish* kan.

So, we want to congratulate The Minister and the government for setting free truth for being captive of such draconian law. Keep out the good work Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Kesavadas. Oleh kerana sakit, 10 minit [*Ketawa*]

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Ya, ya. Tapi kesakitan ini semua *temporary* sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, Yang Berhormat saya hendak tegur Yang Berhormat. Yang Berhormat minta soalan naik lepas itu kita bagi peluang, Yang Berhormat pergi jumpa doktor selepas itu cakap *you* sudah baik.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: *No, they asked me to rest for a while*.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, *I know you should rest that's why I took your name out but you want to still go on*.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Ya, *thank you very much* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dengan izin. Silakan, 10 minit Yang Berhormat, *10 minutes*.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Saya ambil lebih kurang satu setengah jam untuk *prepare* ini saya ingat saya akan ringkaskan dalam masa 10 minit.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apalah Yang Berhormat.

11.53 pg.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang dimuliakan, penghapusan Rang Undang-undang Anti Berita Tidak Benar ini kembali ke Dewan kerana tempoh penyejukan satu tahun di bawah Artikel 68, Perlembagaan Persekutuan kini sudah pun berakhir. Ini merupakan inisiatif baharu oleh kerajaan untuk memansuhkan Akta Antiberita Tidak Benar 2018, Akta 803 yang telah pun dibentangkan di Parlimen sebelum ini.

Rang undang-undang ini mempunyai hasrat yang sama yakni bertujuan untuk menghapuskan akta yang diperkenalkan di bawah kerajaan sebelum ini. Penghapusan ini adalah rasionalnya kerana sudah pun ada peruntukan undang-undang yang cukup bagi mengatasi gejala kepalsuan berita menerusi media talian, bukan talian dan ucapan umum.

Rang undang-undang ini kini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemansuhan Akta 803 disebabkan oleh perubahan dalam dasar kerajaan bahawa berita palsu sudah ditangani di bawah undang-undang yang sedia ada seperti Kanun Keseksaan, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Di bawah undang-undang yang sedia ada...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perlahan-perlahan lah. Tidak apa kita boleh tambah masa [*Ketawa*]

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Masa 10 minit, Tuan Yang di-Pertua bagi saya 10 minit.

Tuan Yang di-Pertua: Kita boleh tambah masa jangan panik Yang Berhormat, nanti sakit pula [*Ketawa*]

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ambil prihatin. Di bawah undang-undang yang sedia ada mereka yang didapati bersalah masih boleh dihukum. Peruntukan ini cukup untuk memerangi penyebaran berita palsu dan yang sensitif dalam masyarakat. Oleh itu Akta 803 tidak lagi relevan.

Selama lebih setahun setengah kerajaan baharu mengambil alih sudah pun ramai yang diambil tindakan di bawah undang-undang yang sedia ada ke atas kesalahan yang mereka lakukan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' sekejap tukar giliran.

[*Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat, teruskan.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Jadi tidak perlu lagi kerajaan wujudkan undang-undang khas bagi mengatasi masalah berita palsu dan sensitif. Kerajaan mempunyai niat baik dalam meminda undang-undang berita palsu yang diperkenalkan pentadbiran sebelum ini. Pindaan ini tidak akan menjejaskan hasrat kerajaan untuk memerangi gejala kepalsuan yang boleh menjejaskan keharmonian rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah antara negara pertama di dunia yang memperkenalkan undang-undang berita palsu. Akan tetapi undang-undang yang diluluskan oleh kerajaan terdahulu, dicemuh oleh pengkritik terutama mereka yang mahu mempertahankan hak bersuara dan hak asasi rakyat dalam demokrasi. Akta yang digubal sebelum ini dikatakan oleh para pengkritik direka bentuk untuk tujuan politik, menyekat perbezaan pendapatan dan lebih bertujuan untuk menindas pengkritik kerajaan.

Kumpulan hak asasi manusia telah mengecam undang-undang sebelum ini sebagai menindas dan telah menuduh kerajaan menggunakan untuk menutup tuduhan rasuah dan salah urus pentadbiran. Jelas ramai juga yang diambil tindakan di bawah akta ini sebelum PRU-14 kerana menegur kerajaan dalam kes-kes salah urus 1MDB dan SRC misalnya.

Maka jelas akta yang digubal itu lebih bermotif politik. Undang-undang Berita Anti Palsu macam ini hanya penjenamaan pelapisan kerajaan dalam bentuk yang lebih menarik yang direka untuk mengelirukan orang ramai untuk membolehkan kerajaan dan para pegawai menutup kritikan yang tidak mereka sukai.

Justeru, undang-undang macam ini sudah pun jauh menyimpang dalam amalan demokrasi. Kepada pengkritik kerajaan, hasrat kerajaan untuk memansuhkan undang-undang berita anti palsu kini adalah berita gembira. Kerajaan juga telah mendapat sokongan jitu daripada badan-badan hak asasi dunia.

Tuan Yang di-Pertua, menegur atau membongkar salah laku kerajaan kepada umum bukan suatu kesalahan dalam demokrasi. Akan tetapi biarlah kritikan dan teguran ini berlandaskan kebenaran dan bukan di reka cipta atau dengan sengaja dipalsukan dengan untuk kepentingan politik. Namun, diharap kerajaan tidak terlalu leka untuk bertindak terhadap penyebar berita palsu yang berleluasa sekarang dengan undang-undang yang sedia ada. Jika ini tidak dikawal, ia boleh memudaratkan negara.

Penyebaran berita dalam talian dan bukan dalam talian harus dipantau kandungannya supaya tidak wujud unsur-unsur palsu dan sensitif yang boleh mencetus huru-hara dalam masyarakat berbilang agama dan kaum. Apa yang dimaktubkan di dalam Perlembagaan negara harus dihormati pengguna media.

•1200.

Walau apa pun, kerajaan perlu mengetatkan lagi mekanisme untuk memerangi penyebaran berita palsu yang melibatkan individu dan penipuan dalam media dan ini tidak boleh diabaikan. Kerajaan harus mempunyai kuasa untuk memerangi rangkaian sosial, enjin carian dan perkhidmatan agregasi berita untuk membuat pembetulan untuk mengeluarkan kandungan yang dianggap pihak kerajaan sebagai sensitif dan palsu.

Kerajaan juga harus memerintahkan pembekal perkhidmatan *internet* atau perantara untuk menyekat akses ke laman web yang menyinggung perasaan rakyat. Kerajaan hendaklah sentiasa bekerjasama dengan *Google, Facebook dan Twitter* untuk memastikan dilakukan pembetulan yang diperlukan selaras dengan undang-undang yang sedia ada. Undang-undang tetap diperlukan untuk melindungi keselamatan awam dan hubungannya dengan negara-negara asing serta untuk mencegah pengaruh luar terhadap politik negara.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini hanya boleh menyekat satu bil yang diluluskan Parlimen hanya sekali sahaja. Ini tidak bermakna persetujuan untuk pindaan ini dipaksa ke atas Ahli Dewan untuk diluluskan. Pindaan ini dibuat dengan niat yang ikhlas dan tidak mahu akta ini disalahgunakan untuk tujuan politik dan memberi kekebalan kepada kerajaan seperti sebelum ini. Pemansuhan undang-undang berita anti palsu adalah berita gembira yang sudah lama ditungguhkan. Dengan ini, saya menyokong penuh ke atas pemansuhan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin.

12.02 tgh.

Puan Asmak binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya mulakan dahulu dengan satu ayat Al-Quran daripada permulaan surah Al-Quran iaitu Surah Al-Baqarah. *Bismillahi Rahmani Rahim... [Membaca sepotong ayat] "Alif Lam Mim itu adalah kitab yang tidak ada keraguan padanya dan ia adalah merupakan hidayah bagi orang yang bertakwa".*

Kenapa saya mulakan dengan surah *Al-Baqarah*, buat pengetahuan semua, surah *Al-Baqarah* ini adalah surah kedua dalam ayat Al-Quran. Kita ada 114 surah, jadi surah *Al-Baqarah* ini sebenarnya dia menceritakan tentang sifat-sifat manusia yang ada di dunia ini. Dalam surah ini, Allah menceritakan ada lima sifat orang beriman. Maknanya dia ceritalah sifat orang beriman itu bagaimana, ada lima. Kemudiannya Allah ceritakan sifat orang yang kufur itu ada dua dan

tetapi, Allah menceritakan tentang sifat orang munafik berpuluh-puluh ayat kerana orang munafik inilah sebenarnya yang paling ditakuti dan paling kita sukar hendak kesan.

Sebenarnya kalau kita tengok pada hari ini terutamanya dalam konteks Malaysia, ayat ini sangat relevanlah dengan apa yang berlaku di Malaysia kerana kita ini terdiri daripada masyarakat yang diversiti sama ada kemajmukan dari segi agama, bangsa, wilayah dan lain-lain. Jadi yang paling ketara sekali ialah bagaimana kita ini hendak mengekang dan menguruskan sifat-sifat munafik sama ada munafik dalam kerajaan, munafik dalam pembangkang, munafik dalam bangsa masing-masing, munafik dalam parti masing-masing.

Inilah yang sebenarnya yang menjadi punca kepada keruntuhan apa sahaja termasuklah keruntuhan Malaysia apabila ada sifat munafik dan orang-orang munafik yang sukar kita hendak kenali. Jadi saya lihat, Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar ini adalah salah satu daripada kaedah yang sesuai juga untuk kita menangani sifat-sifat munafik ini.

Okey, baiklah. Saya tidak mahu berhujah panjang pada hari ini kerana pada sidang yang lepas, macam-macam sudah saya fokus berkaitan dengan berita palsu dan lain-lain. Saya ada sentuh tentang *tabayyun* dan sebagainya. Jadi untuk kali ini, saya ingat saya sudah buat *checklist* berdasarkan *Hansard* yang lepas terutamanya *Hansard* ucapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri ini dia Tok Guru saya. Tok Guru ini, saya ini anak murid. Dahulu Yang Berhormat Timbalan Menteri inilah yang ajar saya fasal enakmen berkaitan hudud. Oleh sebab itu kalau dia *smash* sayakah, apakah, saya diam sebab dia Tok Guru, tidak boleh lawan, macam itu... [*Dewan Ketawa*]

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Hebat ini Yang Berhormat Timbalan Menteri ini [*Ketawa*]

Puan Asmak binti Husin: Itulah [*Ketawa*] Okey, jadi apabila saya melihat balik *Hansard* dahulu, ada beberapa persoalan yang mungkin saya buat *checklist* dan untuk ditengok balik dia punya perkembangan pada hari ini. Saya perasan dalam setiap perbahasan mesti ada digunakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri perkataan '*Draconian law*'. Jadi saya pun adalah juga buat *research*, tetapi saya ini bukan orang undang-undang.

Jadi boleh tidak, disenaraikan apakah sebenarnya itu makna *Draconian law* dalam konteks undang-undang di Malaysia? Apakah ciri-cirinya? Kalau ikutlah, boleh senarai tidak apa undang-undang di Malaysia ini yang dianggap sebagai *Draconian* dan dalam proses kita hendak pindahkan, hendak mansuhkan dan lain-lain. Dalam Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar ini, apakah ciri-ciri *Draconian law*-nya? Itu pertama.

Kedua, dalam *Hansard* yang lepas ada disebutkan *Freedom of Information Act* telah diluluskan oleh Kabinet pada 20 Jun 2018. Jadi, apakah perkembangannya sekarang macam sudah lama kan 20 Jun itu?

Okey, seterusnya saya ada juga macam mendengar-dengar ada perbahasan dalam Dewan Rakyat macam kita hendak wujudkan satu akta baharu untuk menyelaraskan dengan akta-akta sedia ada itulah. Oleh sebab katakanlah Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar ini mansuh, kita ada banyak dalam akta-akta lain.

Akta mesin cetaklah, akta komunikasilah tetapi sesuai dengan perkembangan masa, teknologi dan lain-lain, adakah kemungkinan pada masa akan datang kita akan buat satu rang undang-undang yang tidak bersifat *Draconian* itu yang sesuai dengan rakyat Malaysia? Mungkin pada setengah pandangan tadi macam Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas ada sebut, Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar ini dia macam bersifat tidak adil bagi pihak pembangkanglah.

Akan tetapi, kita tidak boleh melihat dari sudut politik semata-mata. Macam kita tengok kita ada seksyen 7, yang memberi juga kelebihan kepada mangsa yang mungkin terkena dengan berita-berita palsu melalui *Facebook*, *WhatsApp* dan lain-lainlah. Macam Yang Berhormat Nga hari itukan, mungkin terkena dalam orang *viral* tentang beliau dalam *Facebook*, *WhatsApp* dan sebagainya. Akan tetapi beliau hendak jawab, hendak minta *delete* pun mungkin ada isu.

Jadi mungkin adakah pada masa akan datang akan ada satu rang undang-undang untuk menangani perkara ini? Selepas itu yang kedua, mungkin akan ada pindaan dalam masa terdekat terhadap rang undang-undang sedia ada?

Keempat, saya ingat dalam perbahasan yang lepas juga kita akan bincangkan tentang *empowerment of police*, *empowerment of agensi-agensi penyiasatan* untuk menyokong akta-akta sedia ada dan juga telah dicadangkan teknologi penyiasatan baharu. Jadi saya hendak tanya, bagaimanakah persediaan teknologi terhadap penguat kuasa-penguat kuasa kita untuk mengenal, untuk *filtering system*, SOP dan sebagainya terhadap berita-berita palsu dan sebagainya?

Oleh sebab kalau kita tengok dalam misalan dalam rang undang-undang yang ada Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar itu, misalannya itu berkembang dari semasa ke semasa dan kadang-kadang bersifat sangat canggih.

Okey, seterusnya dalam *Hansard* yang lepas juga, Yang Berhormat bercakap ada ingin mencadangkan untuk mempertimbangkan, mungkin akan dimasukkan seksyen 7 secara bersesuaian dalam Akta Komunikasi dan Multimedia dan mungkin sekali dengan lapanlah sebab

boleh tarik dalam masa 14 hari itu untuk memastikan hak mangsa itu dapat dijaga. Jadi, apakah perkembangan terhadap perkara ini?

Akhir sekali, saya juga tertarik dengan *Hansard* yang lepas, *Hansard* yang berkaitan dengan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul pernah bertanya tentang kita ada tidak satu *guideline* untuk memerangi atau membendung atau mengenal berita palsu atau SOP, garis panduan yang kita sebarkan kepada masyarakat dan siapa-siapa yang terlibat, pihak-pihak berkepentingan yang terlibat dengan pemberitaan dan sebagainya. Bila sebut tentang pemberitaan, suka saya hendak bawa balik perbahasan Dewan ini kepada yang saya pernah sebut suatu ketika dahulu iaitu *reporting* kita sekarang telah bersifat terbuka.

Semua orang boleh menjadi wartawan. Kita ada *live* wartawan. Siapa-siapa sahaja jumpa apa-apa kes, sudah buat *live* wartawan kan. Kita boleh ada wartawan secara spontan. Tidak berniat pun jadi wartawan, tiba-tiba jadi wartawan. Wartawan sukarela tidak sukarela. So, wartawan ini dia bukan satu-satu sifat yang eksklusif kepada jawatan sahaja, tetapi sekarang semua orang. Bersifat kewartawanan itu sudah ada kepada semua orang termasuklah budak kecil. Ini sebab budak kecil pun sudah boleh akses *handphone* dan ada *handphone* dan belajar jadi wartawan. Jadi, macam mana kita hendak mengekang dengan rang undang-undang sedia ada ini kalau kita mansuhkan berita palsu dan sebagainya yang bersifat *prevention*-lah kepada kita ini?

■1210

Jadi, macam mana perkara ini? Jadi, saya rasa itu sajalah setakat ini perbahasan saya. Jadi, saya mohon tidak menyokonglah pemansuhan ini. Minta maafah tok guru. Lawan tok guru sedikit. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih dan sekarang, terima kasih Yang Berhormat Puan Asmak binti Husin ya, terima kasih dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat.

12.10 tgh.

Puan Hajah Sabani binti Mat: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas ruang yang diberi kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2019. Susulan penolakan Rang Undang-undang 2018 tersebut di Dewan Negara, Akta 803 masih berkuat kuasa.

Oleh itu mana-mana kes yang disiasat atau permohonan yang dibuat di bawah Akta 803 atau sebarang pertuduhan ketika ini masih lagi boleh diteruskan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan dengan perspektif mikro berkaitan tahap psikologi mangsa di dalam senario menerima berita tidak benar atau takrifan yang mudah, yang boleh kita sebut berita palsu. Dalam sesuatu insiden atau situasi penyebaran berita tidak benar, ada penyebar, ada berita tidak benar dan ada mangsanya.

Sekarang mahkamah-mahkamah serata dunia telah mula memberi pampasan yang semakin tinggi yang setimpal dengan kerosakan mental dan akibat daya psikologi yang amat memeritkan kepada mangsa fitnah. Pampasan yang semakin tinggi ini diberi kerana ia menyerang mangsa-mangsa ini dan menjadi satu serangan untuk melakukan kemusnahan seumur hidup seseorang mangsa. Gangguan terhadap emosi dan psikologi individu dan institusi keluarga sudah pasti. Kerosakan terhadap reputasi dan kredibiliti individu-individu dan warga akibat cemuhan, hinaan, kejian mungkin berlarutan hingga ke akhir hayat individu tersebut.

Ianya melalui empat peringkat serangan iaitu minda seseorang mangsa akan melalui satu tekanan perasaan pada *stage* keempatlah, kerosakan terhadap pemikiran dan psikologi. Mangsa yang kena fitnah ini, dia akan mengalami kemurungan, penyeksaan, kemarahan dan tekanan akibat daripada proses ini. Ini adalah perspektif mikro yang kita nampak pada seseorang mangsa. Bayangkanlah sekiranya kita adalah penyebarannya dan bersubahat melakukannya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi antara rasional kenapa akta ini diluluskan adalah bagi menangani penyebaran berita tidak benar yang pantas menular mengikut perkembangan teknologi yang luar biasa. Sekiranya tidak dibendung dan mengakibatkan kerosakan kepada individu dan masyarakat yang luar dari jangkauan yang biasa, ini akan mengakibatkan banyak kerosakan dan kerugian seperti kerugian sebuah perniagaan perlu dibendung. Ketegangan komuniti menjadi lebih bahaya dan juga serangan-serangan mental yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, banyak negara-negara sebenarnya telah mula menjurus kepada usaha-usaha untuk mewujudkan akta-akta ini seperti Filipina, *Singapore* dan terakhir yang saya jumpa iaitu *German* merupakan antara negara pertama memperkenalkan undang-undang ini melalui *Network Enforcement Act* pada September 2017 dan begitu tinggi denda yang dikenakan terhadap pesalah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai badan legislatif, kita mesti meraikan kebebasan bersuara. Kenapa kita pula sebagai Ahli Senator mahu menggalakkan kebebasan menyiar berita tidak benar supaya menjadi rencam dan budaya rakyat kita demi mencapai cita-cita politik kepartian sambil mengatakan itu adalah sebahagian daripada kebebasan bersuara.

Ini adalah berbahaya dan kita tidak mahu masyarakat kita dibina atas kepalsuan dan persepsi yang tidak betul. Kebebasan bersuara harus mempunyai sifat tanggungjawab, berasas kebenaran dan beretika berdasarkan kepada budaya kita dan bukan bersifat universal yang menyesakkan. Akta ini adalah untuk melindungi kedua-dua belah pihak, bukan hanya pembangkang yang pernah menjadi kerajaan, tetapi juga kerajaan yang pernah pembangkang ketika akta ini diluluskan dan setiap rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, fitnah sosial media ini kalau kita melihat cukup laju. Di Amerika hari ini Presiden Donald Trump dituduh menipu menjadi Presiden Amerika Syarikat kerana sosial media kononnya beliau bersahabat dengan Kerajaan Rusia. Dengan Putin, menggunakan teknologi maklumat.

Bukan sahaja membaca pengundi tetapi memberikan berita-berita palsu supaya pengundi mengundi ke arah pendekatan yang dicadangkan oleh beliau. Pada hari ini Hillary Clinton yang kalah sebagai Presiden Amerika Syarikat mengatakan bahawa Presiden Trump adalah penipu yang paling nombor satu di Amerika Syarikat. Oleh sebab itu, teknologi maklumat ini sesuatu yang bahaya. Di sinilah perlunya Akta Berita Tidak Benar ini dipertahankan. Saya berpandangan seharusnya akta ini dilihat dari sudut *complimentary*, pelengkap kepada beberapa akta sedia ada serta sebagai satu kawalan pencegahan bagi menyekat berleluasa penyebaran berita palsu dan berita fitnah.

Apa yang mendukacitakan kita adalah penyebaran berita palsu dan fitnah semakin menjadi-jadi. Ketika berhadapan dengan pilihan raya, fitnah, perang persepsi, berita palsu menjadi medan peperangan utama khususnya di media sosial. Semua ini gambaran yang seharusnya dijauhkan daripada menjadi satu budaya politik di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengundur diri, sebagai badan legislatif, kita harus amalkan dan junjung tinggi nilai integriti dan ketelusan. Bukan lagi soal politik tetapi kesejahteraan rakyat dan kita bertanggungjawab memastikan kestabilan negara dan keamanan negara selamat sekiranya budaya songsang ini diteruskan. Kita akan kecundang bersama. Kebebasan tidak seharusnya mengorbankan aspek yang utama dan pokok iaitu keselamatan, ketenteraman dan kestabilan. Tuan Yang di-Pertua, saya tahu walaupun saya tidak setuju dengan akta ini dibubarkan tetapi pastinya akta ini tetap juga dimansuhkan. Jadi untuk itu, saya tidak menyokong akta ini dibubarkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Cakap berita benar ya. Itu Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat. Sekarang saya jemput pula nombor lima Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Mahamad.

12.17 tgh.

Datin Rahimah binti Mahamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih pada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk terlibat dalam perbahasan rang undang-undang ini. Ini adalah kali kedua RUU ini dibawa ke Dewan yang mulia ini selepas ianya ditolak pada bulan September 2018.

Merujuk kepada laporan *Adelman Trust Barometer 2018*, disebutkan bahawa sebanyak 73 peratus pengguna internet di negara ini amat gusar dan risau dengan impak negatif berita tidak benar. Sebanyak 63 peratus rakyat Malaysia tidak dapat membezakan berita angin dan berita yang baik. Sebanyak 50 peratus dari rakyat Malaysia tertipu dengan mempercayai berita tidak benar yang belum tahu kesahihannya. Dengan peratusan yang saya baru sebutkan sebentar tadi amat jelaslah yang akta ini amat diperlukan di Malaysia.

Ini selaras dengan tuntutan Islam supaya setiap berita berasaskan kebenaran yang boleh dipertanggungjawabkan. Media tidak seharusnya menjadi agen penyebaran kepalsuan dan penyubur budaya fitnah serta propaganda melulu. Firman Allah SWT... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] *"Hai orang-orang yang beriman, apabila datang kepadamu orang fasik membawa sesuatu berita, maka periksalah dengan teliti agar kamu tidak menimpa suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya sehingga kamu akan menyesal atas perbuatanmu itu"* Al-Hujurat, ayat 6.

■1220

Antara alasan oleh pihak kerajaan mengapa akta ini perlu untuk dimansuhkan adalah kerana kerajaan berpandangan bahawa berita tidak benar boleh ditangani di bawah undang-undang sedia ada seperti Kanun Keseksaan Akta 574, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan Akta 301, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 atau Akta 588.

Saya ingin tegaskan di sini bahawa undang-undang yang digubal pada atau sebelum tahun 1990'an tidak dapat menangani sifat kesalahan yang kompleks seiring dengan pengedaran teknologi terkini. Ketika ini penyebaran berita tidak benar majoritinya adalah melalui media sosial. Banyak kelompangan di dalam undang-undang sedia ada yang membolehkan pesalah yang menyebarkan berita palsu ini boleh terlepas.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, jika rang undang-undang ini dimansuhkan adakah terdapat keperluan untuk dilakukan pindaan terhadap undang-undang yang sedia ada bagi memastikan ianya akan selari dan seiring dengan keadaan semasa. Selain itu saya ingin mendapatkan kepastian daripada pihak kerajaan, semenjak Mei 2018, adakah terdapat apa-apa kes yang telah disiasat di bawah akta ini. Jika tiada, bagaimana pula kerajaan

boleh mengatakan yang akta ini akan disalah guna? Jika Kerajaan Pakatan Harapan yakin dengan diri sendiri, mengapa takut akta ini akan disalah guna.

Peguam Negara lantikan kerajaan, Ketua Polis lantikan kerajaan, Hakim lantikan kerajaan, jadi kerajaan mempunyai kuasa untuk mengawal penggunaan akta ini. Saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian, jika IPCMC yang ditarik balik di Dewan Rakyat pada 3 Disember yang lalu telah dibincangkan dalam Jawatankuasa Khas Parlimen dan perbincangan meja bulat dengan pihak-pihak berkepentingan di seluruh negara, bagaimana pula dengan rang undang-undang ini.

Adakah terdapat sebarang perbincangan yang dibuat dengan mana-mana pihak sebelum kerajaan mengambil keputusan untuk memansuhkan akta ini? Jika ada, apakah pandangan daripada pihak-pihak yang dilibatkan? Adakah mereka bersetuju 100 peratus agar rang undang-undang ini dimansuhkan? Selain daripada penguatkuasaan undang-undang, saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah kaedah lain yang diguna pakai atau dirasakan terbaik oleh pihak kerajaan untuk mengawal penyebaran berita-berita tidak benar ini.

Adakah terdapat undang-undang di mana-mana negara di dunia yang dijadikan rujukan atau garis panduan oleh pihak kerajaan dalam mengawal isu penyebaran berita tidak benar ini. Setakat itu sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, mohon maaf saya juga tidak menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad. Terima kasih dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah dipersilakan.

12.33 tgh.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera saya ucapkan kepada semua. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih memberi peluang kepada saya untuk berucap pada petang ini membincangkan tentang Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2019.

Tuan Yang di-Pertua, isu penyebaran berita tidak benar merupakan masalah yang dihadapi secara global, ekoran revolusi teknologi komunikasi yang berkembang dengan pesat dan terlalu pantas. Ia yang bukan sahaja mengelirukan masyarakat malah boleh memberi ancaman terhadap keselamatan ekonomi, kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan negara.

Misalnya berdasarkan kajian oleh *Institut Teknologi Massachusetts (MIT)*, Amerika Syarikat mendapati bahawa daripada 126 ribu berita palsu yang terdapat di dalam *Twitter* pada

tahun 2016 dan 2017 menunjukkan bahawa ke semua berita palsu telah dikongsikan oleh 3 juta hingga 4.5 juta kali sepanjang tempoh berkenaan.

Malahan 70 peratus maklumat palsu disebarakan lebih banyak berbanding berita benar. Ini menunjukkan bahawa penyebaran berita palsu bukanlah sesuatu fenomena biasa tetapi ianya merupakan suatu fenomena yang bahaya dan mampu menggugat ketenteraman dan keselamatan sekiranya tidak dikawal dengan segera. Justeru itu, adalah wajar undang-undang ini di tolak pada sesi yang lepas dan tidak dimansuhkan demi melindungi kemakmuran dan kesejahteraan hidup rakyat dan negara khususnya.

Tuan Yang di-Pertua natijahnya isu berita palsu bukanlah isu tempatan semata-mata kerana ia turut melanda negara-negara maju di seantero dunia. Kuasa besar Amerika Syarikat sendiri turut merasai bahang akibat penyebaran berita-berita palsu yang semakin mengganas. Jelaslah bahawa berita tidak benar berupaya untuk menjejaskan sistem demokrasi malah turut menggugat keharmonian dengan mencetuskan ketegangan dan konflik di dalam negara. Misalnya di Perancis dan *United Kingdom*, berita palsu menjadi ancaman semasa pilihan raya sedang dijalankan pada tahun lalu.

Tambahan pula Presiden Perancis Emmanuel Macron dan bekas Perdana Menteri Britain Theresa May mendakwa pilihan raya di negara mereka telah diselubungi dengan berita tidak benar hingga menjejaskan pelaksanaan sistem demokrasi negara. Cetusan itu Perancis bersedia menggubal undang-undang sedia ada demi melindungi demokrasi, manakala Britain menubuhkan unit khas dikenali sebagai Unit Komunikasi Keselamatan Negara bagi mengekang fenomena berita tidak benar.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa kita perlu mengambil langkah ke belakang dengan memansuhkan rang undang-undang ini memandangkan kebanyakan negara di dunia ini sedang mengorak langkah dengan melaksanakan undang-undang untuk menangani masalah ini kerana ianya bukan bersifat setempat bahkan mencakupi aspek global. Misalnya di Jerman telah meluluskan undang-undang *Network Enforcement Act* bagi membendung penyebaran kandungan media yang bersifat jelik dan palsu. Bahkan hukuman yang dikenakan sekiranya didapati bersalah adalah lebih berat berbanding yang ada di Malaysia dengan mengenakan denda antara Euro 500 ribu ataupun RM2.4 juta sehingga Euro 5 juta atau RM24.17 juta.

Bahkan platform penyampaian media juga turut akan dikenakan hukuman sekiranya tidak mengambil tindakan terhadap berita palsu yang disiarkan menggunakan platform mereka dan boleh didenda sebanyak Euro 50 juta atau RM242 juta sekiranya didapati bersalah. Malahan negara jiran kita iaitu *Singapore* pada Mei 2019 yang lalu telah menguatkuasakan undang-

undang mengenai perlindungan daripada kepalsuan *online* dan manipulasi. Memperuntukkan individu yang didapati bersalah boleh dikenakan denda sehingga SGD100 ribu atau di penjara sehingga 10 tahun atau kedua-duanya. Manakala syarikat pula boleh dikenakan denda sehingga SGD1 juta.

Ini menunjukkan Tuan Yang di-Pertua bahawa undang-undang ini merupakan satu perkara yang penting, hinggakan ianya turut dilaksanakan di negara-negara luar. Justeru itu, apakah relevannya rang undang-undang ini dimansuhkan. Saya ingin membuktikan Tuan Yang di-Pertua beberapa contoh isu penyebaran berita palsu yang telah memberikan impak negatif terhadap masyarakat dan negara kita, sehingga mengakibatkan kerugian terhadap rakyat dan negara. Contohnya, kenyataan artikel Rafizi Ramli bekas Ahli Parlimen Pandan bertajuk 'Analisa Kewangan Tabung Haji 2009 hingga 2015' di akaun *Facebook* bertarikh 9 Februari 2016 telah menimbulkan panik sehingga menggugat keyakinan rakyat terhadap institusi Tabung Haji.

Kesannya, seramai 3,954 pendeposit Tabung Haji menutup akaun mereka dan daripada jumlah itu seramai 3,105 hilang kelayakan menunaikan haji termasuk hilang tahun giliran menunaikan haji. Ini dapat dibuktikan berdasarkan aktiviti pengeluaran harian yang direkodkan oleh Tabung Haji pada 10 Februari 2016 iaitu selepas artikel itu disiarkan. Selepas sehari artikel itu disiarkan, terdapat peningkatan pengeluaran sebanyak RM41 juta pada 10 Februari diikuti dengan RM49.8 juta pada 11 Februari berbanding hanya RM8 juta pada 9 Februari sebelum itu.

■1230

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian, apa yang menghairankan adalah beliau sendiri tidak menutup akaun Tabung Haji miliknya, bahkan simpanan di dalam Tabung Haji berjumlah RM464,372.32. Tidak cukup dengan itu, beliau juga turut mendapat keuntungan sebanyak RM37,150 hasil daripada dividen diberikan Tabung Haji sedangkan pada masa itu berita palsu berkenaan Tabung Haji terus dimainkan oleh beliau.

Kesannya, penyebaran berita tidak benar oleh Mohd Rafizi bin Ramli telah mengakibatkan 3,954 pendeposit yang menutup akaun mereka kerana percaya dengan berita tidak benar ini. Ini menunjukkan bahawa penyebaran berita palsu memberikan impak yang sangat negatif hinggakan membawa kerugian terhadap kebanyakan rakyat yang naif dan mudah terpedaya dengan hasutan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sejarah Islam bahkan pada zaman sahabat, berlakunya satu peperangan saudara yang disebabkan oleh berita palsu iaitu Perang Siffin iaitu di antara Sayidina Ali bin Abi Talib dan Sayidina Muawiyah bin Abi Sufyan yang disebabkan oleh fitnah, berita palsu yang disebarkan oleh Abdullah bin Saba' mengenai kematian Sayidina Uthman. Disebabkan

berita palsu ini, maka bergaduhlah mereka sesama sendiri antara Islam dengan Islam disebabkan berita palsu tadi.

Terbaru, bahkan yang masih ingat dan masih hangat contoh-contoh yang masih menghantui dunia Islam khususnya hingga ke hari ini ialah apa yang telah berlaku kepada Saddam Hussein di Iraq, Gaddafi di Libya, Syria, *Egypt* dan Yaman dan lain-lain disebabkan oleh berita palsu yang dimainkan oleh kuasa-kuasa besar terutama *US* dan Mossad, Israel.

Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya membunuh Saddam Hussein atas tuduhan Iraq mempunyai *weapon of mass destruction* iaitu senjata pemusnah besar-besaran. Berita palsu ini bukan sahaja telah mempengaruhi dunia pada masa itu bahkan rakyat Iraq sendiri. Akan tetapi, untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, hingga ke hari ini, bahkan Amerika pun telah mengakui, tidak ada sedikit bukti sekalipun bahawa Iraq mempunyai senjata *of mass destruction*. Akan tetapi, Saddam telah mati dan lihatlah apa yang berlaku di Iraq pada hari ini. Tidak perlu kita bincangkan.

Berita palsu ini juga, Ahli-ahli Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, telah mengakibatkan *the Arab Spring* yang dimulakan dengan Tunisia dan akhirnya negara-negara lain yang terbabit hancur dan lebur termasuklah Libya, Yaman, Syria. Harapan *Arab Spring* tidak ada *spring*, yang berlaku pada hari ini adalah *fall*, berguguran. Lihatlah bagaimana anak-anak Syria mati tenggelam di dasar laut, bapa-bapa mereka dibunuh, isteri-isteri mereka dibunuh dan menjadi *sex slaves*, anak-anak perempuan mereka dilelong sebagai *sex slaves*. Pergaduhan dan permusuhan *civil war* di kalangan rakyat Syria selepas kuasa besar memusnahkan Syria dan meninggalkan Syria.

Kita bergaduh sesama sendiri dan kita percaya seolah-olah pemimpin-pemimpin Islam di negara itu adalah zalim, tidak guna, patut dihancurkan dan sewajarnya kita membentuk negara-negara baharu dengan bantuan negara-negara barat dan memilih pemimpin baharu. Pada hari ini, apa yang mereka dapat? Lihatlah apa yang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, ini pengalaman saya sendiri di Libya. Saya berkesempatan ke Libya pada tahun 2009. Saya sebenarnya merasa cukup benci kepada Libya sebelum itu kerana saya mendengar dan membaca berita Libya ini memanglah tidak guna. Akan tetapi, apabila tahun 2009 saya pergi Libya, saya tinggal di Libya lebih kurang hampir satu minggu, saya melihat keadaan Libya, saya merasa insaf dan merasa begitu *guilty* kerana saya tidak nampak- ini sebelum *Arab Spring* tahun 2011. Saya ke Libya 29 September.

Bahkan, saya ke Syria. Syria pun sama, lebih cantik daripada kita. Saya duduk di hotel, lelaki mereka *handsome*, perempuan memang cantik. Mereka makan di hotel macam kita. Syria.

Libya pun sama. Kalau kita tuduh Gaddafi zalim, diktator, berbagai-bagai kerana kita membaca berita palsu yang akhirnya pada hari ini lihatlah apa berlaku kepada Libya, apa berlaku kepada perpaduan umat Islam di dunia ini?

Saya merasa begitu bersalah kerana rupa-rupanya saya dapati Libya boleh saya katakan sebuah negara yang cukup baik. Bukan sahaja cantik. Kepada orang lelaki, Ahli-ahli Yang Berhormat, di Libya, hendak kahwin dapat subsidi. Hendak kahwin dapat subsidi. Dapat anak, tiap-tiap anak diberi USD5,000...

Timbalan Yang di-Pertua: Hingga sekarang, Ahli Yang Berhormat?

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Hingga sekarang?

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Hingga sekarang. Eh, sekarang tidak tahu. Saya ingat ini sebelum *Arab Spring*. So, jangan kahwin sekarang. Mungkin tidak dapat sebab tidak ada duit pun. Bini pun susah, tidak ada makan. Kita pun tidak ada makan. Ini saya cakap sebelum *Arab Spring*, masa saya pergi ke Libya.

Rumah- Gaddafi mengatakan selagi rakyat saya tidak ada rumah, saya akan duduk di bawah *tent*. Hendak buat rumah, *tax free loan*. Tidak adapun *interest* dikenakan kalau Ahli-ahli Yang Berhormat membeli rumah.

Education daripada bawah sampai universiti- saya pergi ke sana kerana urusan universiti. Ya, bukan kerana politik, tidak. *Education free* daripada *primary* sampai universiti. Bahkan masa saya belajar di *US* semenjak buat *degree*, budak-budak Libya yang belajar di luar negara dapat *free education*. *Full scholarship*. Semua lebih banyak daripada kita. Apa yang dikatakan Gaddafi jahat?

Medical treatment free. Kalau hendak buat *farming*- sebab Libya sebuah negara yang *desert* di bawah *economic sanction* Amerika Syarikat, mereka terpaksa hidup sendiri. Epal pun tidak ada, cili pun tidak ada, terpaksa tanam sendiri. Dengan kebijaksanaan Gaddafi, mereka telah mewujudkan *irrigation*. Saya sempat pergi ke Benghazi, *dessert* di-convert jadi *agricultural area*. Ia air-air dijadikan sungai, bukan original, dan mengeluarkan air minuman. Benghazi merupakan satu kawasan *agricultural* di mana ditanamnya pelbagai sayur dan buah-buahan yang tidak dapat diimport daripada luar dan rakyat dapat merasai kebahagiaan itu.

Kalau hendak buat *farming*, diberi rumah *free* di *farm* tersebut, tanah diberi *free*, ternakan diberi *free*, benih diberi *free*, elektrik *free*, petrol paling murah USD0.14. Berapa sen itu ya? Per liter. *Literacy* sebelum beliau 25 peratus, semasa beliau 90 *percent*. *Bank, no interest*. Akan tetapi, pada hari ini, apa yang ada? Apa yang ada?

Ahli-ahli Yang Berhormat, tidak kisah Gaddafi ataupun Saddam Hussein, dengan berita palsu yang membinasakan negara itu, dengan berita palsu yang meracuni pemikiran kita adalah disebabkan berita palsu itu diwujudkan untuk memastikan negara-negara Islam bergaduh dan kita bergaduh sesama sendiri. Ini adalah buatan Mossad, Israel dan Amerika Syarikat, di samping sumber minyak yang mereka hendak *control*. Pada hari ini, apa yang dapat?

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa begitu bersalah apabila saya balik ke Malaysia, apabila saya pencen daripada UiTM sebagai Naib Canselor UiTM pada tahun 2010, saya pun tidak ada pangkat, gaji tidak ada, duit tidak ada. Sebab saya rasa bersalah, saya hantar surat kepada pihak kerajaan, kepada KSN dan kepada rektor UIA supaya menganugerahkan hari ini *doctorate* kepada anak Gaddafi bernama Saif al-Islam. Itu pada tahun 2010.

■1240

Itu pada tahun 2010, kerana apa? Ini kerana saya mengatakan saya bersalah. Kita orang Malaysia bersalah. Kita mendengar berita palsu daripada negara mereka itu negara yang baik. Pada saya Tuan Yang di-Pertua, Saddam Hussein memang patut menjadi ketua di Iraq. Ini kerana di Iraq, orang Arab ini dia suka bergaduh. Dia hendak orang yang gedeber. Dia hendak kaki pukul. Dia hendak orang yang ada misai panjang, boleh hentam sama dia [*Ketawa*] Bukan orang yang lembik...

Timbalan Yang di-Pertua: Misai pendek boleh?

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Kena gedeber. Akan tetapi kepentingan rakyat dijaga. Ini sebab- selepas itu kita tengok si Gaddafi dengan *the bodyguard* perempuan pakai *skirt*, kita benci dia. Pada Gaddafi saya bacakan tadi *long list*- ini tidak saya bacakan bantuan-bantuan diberikan kepada negara-negara luar, ia dengan buku hijau beliau.

So, maksudnya saya hendak katakan kita mempunyai pemimpin yang memang ada kesilapan. Akan tetapi kalau rakyat hidup senang macam tadi yang saya katakan Libya, lebih hebat daripada mana-mana negara dalam dunia ini. Maka apabila saya balik, saya rasa begitu *guilty*.

Saya hantar surat kepada KSN, walaupun saya tidak mempunyai pangkat apa benda pun- UIA, diluluskan. Pihak kerajaan telah meluluskan penganugerahan *honorary doctorate* oleh UIA kepada Saif al-Islam yang sepatutnya diberikan kepada bulan lebih kurang September 2011 tetapi *Arab Spring early September*. Libya Presiden Gaddafi di bunuh dan Saif al-Islam tidak sempat menerima *honorary doctorate* daripada UIA, bahkan beliau juga telah dibunuh.

Persoalan saya, apa hasilnya? Apa yang kita dapat? Satu persatu negara-negara Islam- disebabkan oleh kezaliman Israel yang menyebabkan kita marah, pemimpin-pemimpin yang lantang seperti Saddam Hussein dan Gaddafi terhadap Israel dan Amerika Syarikat, mereka mesti dibunuh. Negara-negara Islam mesti dikucar-kacirkan. Kita di laga-lagakan kerana negara Islam ini juga ada orang bukan Islam, bukan orang Islam sahaja sama di Malaysia. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti buku yang saya *quote* hari itu yang sebenarnya memang ada elemen kita dilaga-lagakan supaya orang bukan Islam membenci orang Islam, supaya kita bergaduh- ini daripada buku. Bahkan buku ini telah menasihatkan semua rakyat di Malaysia ini jangan buat benda-benda ini.

Kita lihatlah apa yang berlaku kepada negara-negara luar. Jangan ingat Malaysia ini begitu hebat, maju, makmur. Apa yang berlaku di Syria dan Libya tidak akan berlaku di negara kita. Jangan ingat demikian, ia boleh berlaku kerana telah berlaku kepada negara-negara lain yang juga hebat dan aman seperti kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya rasa cukup pentinglah. Saya memang mohon kepada rakan-rakan ketepikan politik pada pagi ini, pada hari ini. Kita kena fikirkan matlamat kehidupan bukan sahaja untuk negara tetapi untuk anak-anak kita.

Kalau kita tidak menggunakan akal fikiran dengan waras, hanya berlandaskan kepada dendam kah, marah kah, politik kah atau ideologi berbeza, kita tidak mahu menarik balik segala bentuk ideologi ataupun matlamat yang seiring dengan negara kita. Kita masih bertegas dengan manifesto kita atau ideologi kita yang tidak bersesuaian. Kita masih mengamalkan perasaan-perasaan yang tidak sesuai dengan jati diri Malaysia, dengan kepentingan negara. Ia tidak akan membuahkan apa-apa hasil.

Kita ini sebagai manusia dan kita akan pergi tetapi kita kena fikirkan apa yang akan berlaku kepada anak-anak kita. Maka segala tindakan yang kita ambil, fikirkan kepentingan politik masing-masing. Maksudnya jangan meletakkan kepentingan politik sebagai asas. Apa yang penting ialah kebajikan anak-anak, keselamatan negara. Supaya anak-anak kita generasi *after* generasi boleh hidup bersama dengan aman dan yang penting pastikan kita tidak dipengaruhi, tidak dicucuk, tidak digunakan oleh mana-mana kuasa besar, oleh mana-mana gerakan dalaman ataupun luaran yang akhirnya akan memecahbelahkan kita.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bergaduh, apabila berlaku *civil war* sudah pasti *the foreign intervention, foreign military intervention will come in*, dengan izin. Itu yang mereka hendak. Di Syria, itu yang mereka hendak. Di Libya, itu yang mereka hendak. Di Iraq, itu yang mereka hendak. Mereka cucuk rakyat Iraq, mereka cucuk rakyat Syria, mereka cucuk rakyat

Libya dan kita pun sama-sama bunuh pemimpin. Akhirnya kita bergaduh sesama sendiri. Apa yang kita dapat? Menang jadi abu, kalah jadi arang. Tidak ada hasil.

Tuan Yang di-Pertua, saya memberikan pandangan secara ikhlas. Saya tahu Ahli-ahli Yang Berhormat akan menyokong rang undang-undang ini. Saya secara tegas saya tetap bangkang, bangkang, bangkang. Walau apa jadi pun, saya tidak terima kerana untuk kepentingan negara saya, untuk kepentingan anak Yang Berhormat dan anak saya. Cucu Yang Berhormat, cucu saya. Ya, sila.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Saya ingin- boleh Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Saya ingin minta pandangan daripada Yang Berhormat Senator. Apa pandangan apabila saya mengatakan bahawa sebenarnya negara kita telah pun mempunyai suatu akta yang dari sudut lama sudah sangat cantik sebenarnya iaitu Akta Antiberita Tidak Benar. Tiba-tiba pada hari ini kita pakat-pakat untuk memansuhkan. Sebut nama sahaja pun sebenarnya sudah cantik. Terima kasih.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Baru saya terfikir, memang betul Tuan Yang di-Pertua. Nama akta pun Akta Antiberita Tidak Benar. Nampak atau tidak? Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya pun tidak teringat benda alah itu.

Akta Antiberita Tidak Benar, bukan akta antiberita benar. Kita seolah-olah membimbing, menggalakkan, memberi signal yang cukup tidak baik kepada anak-anak, kepada generasi muda. Kita hari ini yang sebenarnya dengan akta ini memberitahu generasi muda, "Okey anak-anak muda, kamu mesti berlaku tidak benar. Berita kamu buat mesti tidak benar. Jangan buat berita yang betul". Kan tidak elok itu? Terima kasih Yang Berhormat Senator, saya pun tidak perasan.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua, sedikit. Boleh?

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ya, sila.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Yang Berhormat Senator, saya hendak tanya sama ada Yang Berhormat Senator telah meneliti butiran secara terperinci Akta Antiberita Tidak Benar ini? Oleh kerana kita lihat kita ada akta-akta yang lain. Akta SKMM khususnya, oleh kerana berita-berita tidak benar ini sekarang disebarkan melalui *internet*, melalui *WhatsApp*, melalui media. Jadi akta itu sudah boleh mengawal berita-berita seperti ini. Kita lihat akta yang dibuat oleh kerajaan lama ini sebenarnya kerajaan lama. Niat kerajaan lama untuk mengenakan pembangkang masa dahulu tetapi kalah kita akan hapuskan.

Oleh kerana kita lihat dalam kandungan akta-akta ini hukumannya memang *draconian*, memang zalim. Jadi kerajaan baru ini lihat, kita tidak mahu menzalimi sesiapa dan kita yakin rakyat kita baik-baik belaka. Bukan macam di Libya, bukan macam di Iraq, bukan macam di Iran. Kita tidak boleh- sepatutnya kita tidak boleh samakan dengan keadaan sana kerana kita Kerajaan Malaysia, kita mempunyai tatacara, rakyat kita semua baik-baik belaka. Kita tidak perlukan akta ini. Apa pandangan Yang Berhormat Senator?

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tuan Yang di-Pertua, saya yang sebenarnya- akta ini *complementary* dengan apa yang kita ada. Kita hendak memperkukuhkan lagi supaya anak-anak muda kita, generasi muda tidak dilatih, tidak dibimbing supaya memberikan, menular berita-berita yang tidak betul. Apa salahnya? *What is wrong with that?* Apa salahnya?

Pada saya, saya tidak nampak *draconian*. Pada saya yang penting saya, bahkan pada saya, dalam ucapan yang lepas perkataan prasangka ini, saya sebenarnya cukup prasangka Tuan Yang di-Pertua. Saya mengatakan bahawa akta ini semata-mata untuk memperkukuhkan lagi golongan-golongan tertentu supaya dapat membuat sesuka hati apa yang mereka hendak buat seperti yang berlaku pada hari inilah, yang melanggar Perlembagaan, yang melanggar undang-undang boleh buat lagi sebab tidak ada akta ini.

■1250

Kita buat akta ini untuk melawan perkara-perkara itu, mempertahankan Perlembagaan, mempertahankan keselamatan negara. *What's wrong with that?* Kalau jangan kata Syria, Libya dan lain-lain tidak ada kena mengena. Saya bercakap melalui buku. Saya malulah hendak- sikit-sikit hendak keluar buku, malas aku. Malas hendak keluar buku, asyik hendak keluar buku. Akan tetapi saya selalu *carry books*, okey.

Apa yang saya hendak kata, saya bercakap melalui buku berbukti mengikut *references* dan buku ini bukan ditulis oleh orang Melayu. Buku ini ditulis oleh Orang Putih. Pada kita *academician*, kita buat *research*, kira *really* buat *research*.

Puan Hajah Sabani binti Mat: Tuan Yang di-Pertua, saya minta mencelah sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Hajah Sabani binti Mat: Seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana bahawa undang-undang dibuat ini sebagai untuk mencegah ketika itu kita jadi kerajaan. Akan tetapi kalaulah kita jadi pembangkang pun kita mahu supaya undang-undang ini diteruskan, maknanya ketika ini kita niat ikhlas supaya undang-undang ini kita laksanakan. Tidak kira sebagai pelengkap tadi.

Tuan Nga Hock Cheh: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua, pendek sahaja.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Habiskan, kalau tidak nanti saya tidak habis apa yang saya hendak cakap. Biarkan saya habiskan sikit lagi dan boleh sambung. Kalau Tuan Yang di-Pertua dibenarkan.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Pegawai saya pegang buku ada satu buku yang cukup penting- *I have to quote that, Ali are you around?* Ia ada empat keping buku. Saya rasa- boleh tidak saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberikan taklimat secara percuma- dua jam kepada semua pemimpin-pemimpin negara ini. Tidak kira apa parti. *Free of charge for two hours- non-political.*

Maksudnya bukan untuk dalam Dewan sahaja. Saya bercakap dari segi pemimpin-pemimpin di atas kerana pemimpin yang akan membuat keputusan. Bukan kita mencadangkan, kita boleh tolak. Maksudnya kalau saya hendak kata empat keping buku ini, yang tiga keping masih- pegawai saya tengah fotostat tadi. Menegaskan banyak Ahli-ahli Yang Berhormat tidak tahu yang berkaitan dengan senario global yang sebenarnya sememangnya mempunyai kaitan yang rapat.

Apa yang berlaku? Misalnya *interference* daripada luar. Campur tangan politik daripada luar memang juga berlaku di negara kita. Sebab saya terfikir sebab saya tengok sahabat saya memandang saya. Apa yang berlaku, saya hendak baca Tuan Yang di-Pertua, sikit. Ia banyak *actually*. Contoh banyak tapi bila terpandang muka saya teringat satu *statement* sebab saya hendak katakan yang saya terangkan dalam perbahasan yang lepas. Apabila saya kaitkan peranan *Zionism Israel*. Saya kaitkan negara ini- semua diceritakan dengan sepenuhnya oleh buku ini, buku ini dan satu lagi *The Ten Parallel*.

Diceritakan sepenuhnya iaitu apa berlaku di sana ada kaitan- walaupun Israel berada di *Middle East*. Berlaku di Israel dengan negara Arab. Tidak ada kena-mengena dengan kita. Akan tetapi ada kaitan. Bahkan dikatakan ada kumpulan digunakan oleh kumpulan ini termasuklah kes murtad, liberal, *plural*, bermacam-macam.

Cuma saya hendak cakap sini, *the victims of both Christian and non-Christian, it is very much a part of the problem that there are many Christian in Malaysia who are secure within their faith and there are local church who contribute generously to the community and who have little urge to evangelise people other faith still less promote an agenda of Christian Zionism. Their activities of an extremist minority threaten the security of such fellow Christian as well as the security of the rest of the population.*

Ini saya terfikir sahabat saya Yang Berhormat Nga. Saya hendak katakan jangan kata tidak ada kaitan...

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Minta laluan sikit. Minta penjelasan sikit, boleh?

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Sebelum ini saya sudah katakan ada buku *quote* dia kata orang-orang Kristian terutama Sabah dan Sarawak *you are being used by this group by this extremist group*. Itu saya *quote* juga.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Saya tidak habis.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Sekejap sahaja.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Bagi habis sikit. Sikit lagi. Lepas itu boleh tanya lagi. Sebab saya hendak habiskan, saya tidak hendak sambung petang. Nanti orang marah terlampau panjang sangat. Itu hari pun sudah kena marah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berdasarkan kepada hujah-hujan yang diberikan menunjukkan bahawa berita palsu memberikan kesan yang amat buruk...

Datuk Razali bin Idris: Yang Berhormat Tan Sri,...

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: ...Hingga mampu mengugut ekonomi negara dan perang saudara.

Datuk Razali bin Idris: Tan Sri, saya hendak tanya fasal buku?

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ya.

Datuk Razali bin Idris: Buku yang Tan Sri ini. Saya hendak tanya siapa yang penulis buku itu. Sama ada orang Islam ataupun orang bukan Islam?

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Orang bukan Islam.

Datuk Razali bin Idris: Bukan Islam tidak boleh percaya.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Oh, jangan. Sebab selama ini orang Islam terutama di Malaysia kalau buku di tulis oleh orang Melayu, orang Islam, kita tidak percaya.

Datuk Razali bin Idris Sebab yang Tan Sri rujuk semua ini...

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Apa ulama cakap, ustaz cakap, *you* tidak percaya. Itu sebab saya kumpul apa yang bukan orang Islam cakap sebab *they are researches*.

Datuk Razali bin Idris: Sebab yang Tan Sri rujuk tadi Libya, Syria. Semua negara Islam. So, Tan Sri baca pula buku yang bukan orang Islam.

Puan Asmak binti Husin: Tuan Yang di-Pertua.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Itu bukan buku ini- yang Libya lain.

Datuk Razali bin Idris: Oh, lain pula.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Yang Libya lain ia punya *source*. Tidak sama.

Datuk Razali bin Idris: Okey, terima kasih.

Puan Asmak binti Husin: Tuan Yang di-Pertua.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Itu global.

Puan Asmak binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon Ahli-ahli Yang Berhormat jangan mencelah. Kalau hendak bincang, kita bincang di luar sebab masa pendek mungkin boleh *settle* sudah. Sekian, terima kasih.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencelah sedikit tapi ini relevanlah Yang Berhormat Tan Sri.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Sahabat saya, saya kena bagilah.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Kita ada multimedia, *Penal Code*. Kita ada *Sedition Act*. Kita ada bermacam-macam *act* boleh *control* isu *antifake news*. Apa Tan Sri cadangkan sekarang lebih kurang macam kata kita kena ada curi kereta *act*, curi motosikal *act*. *But we have the theft act, and we have a Penal Code*. Samalah. *So*, kenapa hendak *have additional act* pada hal kita ada akta-akta yang sudah ada *control anti fake news*. Terima kasih.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tuan Yang di-Pertua,...

Tuan Nga Hock Cheh: Tan Sri, boleh kah Tan Sri beritahu adakah sebab Akta Anti Berita Tidak Benar telah menghalang isu 1MDB dibongkar sebab ini akta di-*enacted* 2018 sebelum Pilihan Raya 14. *So*, kalau tiada ini kita tidak baca surat khabar isu 1MDB. Pihak tertentu cakap tidak ada ini hal palsu. *So*, mungkin ia hendak tutup mulut orang. *So*, sekarang bongkar kita baru tahu.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Macam inilah Yang Berhormat, minta maaf cakaplah. *You're talking about 1MDB, Altantuya* kah? Kalau orang salah, salah. Terus terang *my stance very simple*. Saya menghormati Dato Sri Najib, saya menghormati beliau. Saya menghormati Tun Mahathir. Saya mengenali Tun Mahathir bukan baru, lama.

Akan tetapi yang bersalah tetap bersalah waima kalau Dato Sri Najib bersalah, 1MDB, tangkap sama dia. Berkenaan dengan Altantuya dia bersalah, tangkap sama dia. Akan tetapi

mesti berlaku adil dengan bukti-bukti yang kukuh. Jangan menggunakan *the law of the jungle*. Yang mana *you* pilih bulu, *you* hendak tangkap *you* tangkap. Yang mana lain buat salah, *you* senyap, sunyi tidak ada tindakan...

Puan Raj Murni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: So, jangan kait dengan 1MDB. 1MDB proses mahkamah telah berjalan dengan baik hingga ke hari ini.

Puan Raj Murni binti Sabu: Ada dua minit lagi. Saya hendak mohon laluan

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *Prove it. So, now Altantuya coming, okay prove it. Gunakan court.* Tidak ada kaitan, saya tidak mahu kaitkan dengan ini. Saya mengatakan ini, saya bagi contoh apa yang berlaku di seluruh dunia- saya sebagai profesor dalam bidang politik, ini bidang saya. *This is my area. This is my forte.* Saya study benda ini. Semasa saya buat PhD saya mengambil kursus *The Politic of Israel, I do a course on that...*

Puan Raj Murni binti Sabu: Okey, Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan. Profesor ada satu minit lagi.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Saya kena habiskan.

Puan Raj Murni binti Sabu: Kena sambung petang. *Best* cerita ini. Akan tetapi saya hendak tanya dululah. Minta laluan. Rang undang-undang ini cuba dimansuhkan adalah bagi kerajaan untuk mengelak supaya khususnya pihak kerajaan sendiri menyalahgunakan. Seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Nga tadi.

Kalaulah ada Akta *Fake News* ini pada ketika kerajaan yang lepas tentu kita tidak tahu apa yang berlaku sebenarnya. Tidak akan terbongkar beberapa pengakuan, rakaman yang dibuat oleh pegawai-pegawai kerajaan sendiri tentang arahan untuk menghapuskan bukti-bukti, penyelewengan dana kewangan. Jadi tidakkah jika Akta *Fake News* ini diteruskan kemungkinan juga memberi ruang kepada kerajaan sedia ada untuk melakukan perkara yang sama. Lalu untuk kita mengelak daripada perkara-perkara, mendiamkan mulut rakyat, mendiamkan mulut-mulut pegawai yang berani maka Akta *Fake News* ini dimansuhkan terus.

Akan tetapi, tidak kurang ada peraturan-peraturan lain yang berguna pakai di dalam akta-akta yang lain.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Saya rasa jangan kaitkan dengan pegawai-pegawai. Itu bukan berita palsu. Saya bercakap tentang kes berita palsu. Terutama yang di provokasi melalui sosial media. Mengutuk sesama bangsa. Mencerca royalti.

Mengadakan cerita-cerita yang tidak benar. Itu kesalahan pegawai itu kepada *corruption*, penyelewengan. *Is not* berita palsu.

Kita tegas, saya bercakap...

Puan Raj Murni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua saya ingin sebutkan sedikit. Pada ketika tahun yang lepas kerajaan yang lama itu sebut tentang 1MDB, semua salah, semua tidak betul. Jadi itu yang kita katakan betapa pentingnya *fake news* ini dimansuhkan. Tidakkah Tan Sri bersetuju?

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Itu sebab saya katakan kita lagi mempunyai sebab yang kukuh untuk menerima rang undang-undang ini. Ini kerana kita hendak banteras berita tidak betul. Saya pun tidak faham, saya pun tidak faham apa yang susah sangat. Kalau betul-betul serius, ikhlas mengelakkan prasangka kita tadi, apa benda untuk mempertahankan Perlembagaan. Seolah-olah sengaja ditolak. Itu prasangka kita...

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Tan Sri.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Itu yang saya rasa masalah yang besar pada saya sendiri sebagai seorang insan- saya mempunyai masalah dari segi itu. Saya begitu syak wasangka.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat saya bagi Yang Berhormat gulung.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Gulung ya- tidak boleh sambung petang. Hendak gulung sekarang. Bolehlah. Saya akur sebab terlalu lama, nanti orang benci saya.

Puan Hajah Nuridah bt Mohd Salleh: Boleh sedikit.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Saya tidak mahu benci saya. Saya hendak kalau boleh semua sayang saya- hendak yang perempuan lagi bagus sayang saya [*Ketawa*] Yang jantan ini tidak payah, tidak apa.

Okeylah, saya habiskanlah. Justeru Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan hujahan yang saya berikan tadi. Tuntasnya negara memerlukan pada suatu undang-undang yang bersifat membendung gejala penyebaran berita tidak benar atau palsu yang sememangnya bermotifkan niat jahat sehingga berupaya mengugut ekonomi, politik dan keselamatan negara. Mengakhiri ucapan saya mohon menolak. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi Yang Berhormat. Jam pukul 1. Saya tangguhkan mesyuarat Dewan ini hingga jam 2.30 petang.

[Mesyuarat ditempohkan pada jam 2.30 petang]

▪ 1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

2.33 ptg.

Timbalan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salah sejahtera, salam bahagia. Saya hendak sambung kita punya perbincangan iaitu saya minta giliran Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa, dipersilakan... *[Disampuk]* Oh, sembahyang.

Okey, saya beri kepada orang lain dulu ya. Jadi Yang Berhormat tidak ada, Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari.

Seorang Ahli: Tidak ada juga.

Puan Raj Munni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lain?

Puan Raj Munni binti Sabu: Saya mohon kalau tidak ada, saya bahas, ambil bahagian. Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila.

2.34 ptg.

Puan Raj Munni binti Sabu: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua dan sidang Dewan sekalian. Terma *fake news*, berita palsu atau tidak sebenarnya mula mendapat perhatian daripada perhatian dunia selepas dipopularkan oleh Presiden Amerika Syarikat iaitu Donald Trump. Biar pun tindakan penyebaran maklumat palsu bukan fenomena baharu, masyarakat global dilihat terpancang untuk mengambil langkah-langkah tertentu bagi membendungnya. Kita lihat beberapa negara menggubal undang-undang anti berita palsu termasuklah Malaysia contohnya Akta Antiberita Tidak Benar 2018 yang merupakan antara undang-undang terakhir yang sempat digubal oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum Pilihanraya Umum Ke-14 yang berlangsung.

Namun, beberapa negara yang memiliki sistem keadilan jenayah berdasarkan kerangka *common law* dan berteraskan Kanun Keseksan seperti negara kita kelihatannya lebih berhati-hati dalam menggubal undang-undang sebegini. Tindakan sedemikian munasabah mengambil kira beberapa faktor dan bahaya daripada undang-undang ini.

Saya ingin berkongsi Tuan Yang di-Pertua empat sebab mengapa saya bersetuju dengan cadangan pemansuhan rang undang-undang anti *fake news* ini.

Pertamanya ialah undang-undang ini kelihatannya bersifat reaktif yang dikhuatiri digubal bukan berdasarkan keperluan sebenar tetapi lebih dipengaruhi oleh sentimen politik antarabangsa dan juga tempatan. Sarjana undang-undang jenayah kerap mengingatkan mudarat daripada undang-undang yang bersifat reaktif yang tidak *reflective* kepada ancaman jenayah yang ingin dibanteras. Secara amnya, undang-undang jenayah perlu sentiasa ditambah baik, mengambil kira tuntutan semasa tetapi undang-undang reaktif sebegini lazimnya digubal dalam keadaan tergesa-gesa tanpa kajian mendalam dan pembabitian pelbagai pihak secara terangkum.

Kita tahu bahawa rang undang-undang anti *fake news* ini telah digubal bagi menghadapi Pilihan Raya Umum yang ke-14 dan mengekang ulasan-ulasan rakyat terhadap skandal-skandal yang berlaku di negara kita termasuklah 1MDB. Memandangkan undang-undang ini boleh membatasi hak madani, pandangan pelbagai pihak seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) contohnya dan kumpulan masyarakat sivil perlu diambil kira. Akan tetapi menurut SUHAKAM, kerajaan terdahulu hanya merujuk badan tersebut pada minit-minit terakhir tanpa mengemukakan rang undang-undang itu kepada mereka.

Sebab yang kedua ialah konsep *fake news* sendiri itu adalah samar. Akta anti *fake news* ini mendefinisikan berita tidak benar dengan merangkumkan apa-apa berita, maklumat, data dan laporan yang sebahagiannya atau keseluruhannya palsu sama ada dalam bentuk rencana, visual ataupun rakaman audio atau dalam apa-apa bentuk lain yang boleh menggambarkan perkataan atau idea. Definisi ini sendiri tidak jelas Tuan Yang di-Pertua dan sangat mudah untuk disalahgunakan. Skop definisi ini cukup besar dan samar.

Prinsip Kedaulatan Undang-undang dan ataupun *rule of law* menuntut kepada peruntukan undang-undang yang jelas dan difahami oleh masyarakat. Bahkan amat sulit untuk mahkamah merumuskan sama ada sesuatu maklumat atau kenyataan itu sebagai palsu secara muktamad.

Ada sebahagian perkara yang mustahil untuk dibuktikan benar atau palsu dalam bentuk keterangan yang boleh diterima pakai di mahkamah atau secara saintifiknya. Misalnya kenyataan tentang doktrin agama ataupun teori-teori baharu. Terdapat juga hal yang tidak boleh ditentukan secara muktamad dan terdedah kepada pentafsiran yang pelbagai. Contohnya kenyataan berkaitan sejarah yang ada kalanya berbeza, mengambil kira sumber dan elemen politik yang menyelubungi penceritaannya ataupun penulisannya.

Begitu juga ada perkara yang bersifat relatif kepada maklumat sedia ada yang dianggap berwibawa ketika itu dan akal waras membuat kesimpulan yang sama. Sukar diterima akal bahawa tindakan menyatakan penilaian semasa adalah satu kesalahan jenayah yang boleh dihukum penjara. Harus ditekankan bahawa Akta Antiberita Tidak Benar 2018 menetapkan sesuatu maklumat boleh dikelaskan sebagai berita tidak benar biar pun hanya sebahagiannya didapati palsu dan situasi ini dikhuatiri menekan kebebasan bersuara rakyat termasuklah kumpulan media dan juga kumpulan *academician*.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga, sebab yang ketiga ialah Akta Antiberita Tidak Benar 2018 tidak selari dengan prinsip dan norma undang-undang jenayah di negara kita. Bagi negara yang mengguna pakai Kanun Keseksaan- Lord Macaulay, guru undang-undang-undang kita lebih tahu 1835 dan prinsip keadilan jenayah bersandarkan *common law*, konsep *fake news* adalah cukup asing dalam pengajian undang-undang ini. India tidak meneruskan.

Contohnya India tidak meneruskan hasrat menggubal Undang-undang Antiberita Tidak Benar secara umum. Undang-undang jenayah hanya menjenayahkan perbuatan berkaitan kenyataan palsu bersandarkan tiga perkara:

- (i) seseorang hanya akan dihukum kerana mengeluarkan kenyataan palsu jika undang-undang mewajibkan dia berkata benar. Misalnya seseorang melakukan jenayah, jika dia berdusta di mahkamah atau ketika dalam proses siasatan;
- (ii) tindakan mengeluarkan kenyataan palsu menjadi kesalahan jenayah jika tindakan itu mengakibatkan mudarat langsung kepada orang yang mendengar dan mempercayainya. Misalnya jenayah penipuan, kata-kata tidak benar digunakan dan memperdayakan dan mengakibatkan mangsa rugi. Hal ini, pendakwaan perlu buktikan mangsa percaya dia telah ditipu; dan
- (iii) kata-kata palsu yang disebarkan hanya menjadi jenayah sekiranya dibuat atas niat jahat untuk menggugat ketenteraman awam.

■1440

Elemen niat- *mens rea* ini tiada dalam Akta Antiberita Tidak Benar 2018. Tindakan menyebarkan berita tidak benar semata-mata tanpa niat jahat sukar untuk dikelaskan sebagai kesalahan berliabiliti ketat mengambil kira kesan langsungnya.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu, Akta Antiberita Tidak Benar 2018 ada bidang kuasa yang menjangkau sempadan yang membolehkan seseorang sama ada warganegara dan bukan

warganegara didakwa di Malaysia biarpun kesalahan itu dilakukan di luar negara. Pendekatan ini bercanggah dengan norma kelaziman dalam undang-undang jenayah. Peruntukan ini mungkin boleh diterima bagi kesalahan berkaitan keganasan dan jenayah transnasional. Harus diingat, jenayah sedemikian diterima secara global sebagai fenomena yang wajib dibanteras oleh setiap negara. Perkara ini dapat digarap melalui resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan konvensyen antarabangsa yang lain.

Sebab yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, kenapa akta ini wajib dimansuhkan. Undang-undang Akta Antiberita Tidak Benar ini ialah produk penjenayahan yang berlebihan atau lazimnya dirujuk sebagai *overcriminalization* dan kesalahan yang diwujudkan dalam Akta Antiberita Tidak benar ini bertindih dengan kesalahan jenayah yang sudah sedia ada dalam Kanun Keseksaan.

Sebagai contoh, beberapa peruntukan dalam Kanun Keseksaan seperti seksyen 505 memadai mengekang penyebaran berkenyataan berniat jahat yang mampu menggugat ketenteraman dan keteraturan awam. Pertindihan ini nantinya hanya akan melebarkan kuasa budi bicara pihak berkuasa dan dikhuatiri boleh membuka ruang kepada salah guna kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan mengulas beberapa perkara yang disebutkan tadi tentang apabila kita setuju- ia sebenarnya perkara ini ada dua, Tuan Yang di-Pertua. Satu, menentang berita palsu dan kedua, kita menentang akta yang zalim. Apabila kita setuju memansuhkan akta ini tidak bermakna kita setuju pada amalan berita palsu tetapi sebenarnya kita menolak peraturan yang zalim. Itu adalah dua perkara yang berbeza. Jadi, apabila kita menolak, Dewan Negara ini menolak akta ini, tidak bermaksud kita setuju dengan berita palsu. Itu mesti difahami.

Kedua, di Jerman dan Filipina, definisi palsu itu lebih jelas dan terperinci dalam aktanya sedangkan rang undang-undang ini sangat longgar sehingga terdedah kepada salah guna kuasa.

Ketiga, ada disebutkan tadi tentang pelan Israel. Yang Berhormat Profesor kita menyebutkan. Akan tetapi, saya pun tidak akan lupa bahawa perunding media bekas Perdana Menteri adalah orang Israel, Yahudi yang sedang berlindung sekarang di negara haram Israel. Betul?

Keempat, ada yang menyebutkan namanya cantik, Akta Antiberita Tidak Benar. Tuan Yang di-Pertua, kita ini Dewan Negara. Kita tidak hanya melihat kepada namanya tetapi intinya, *substance*-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, diminta Yang Berhormat Menteri menjawab. Silakan.

2.43 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada semua tujuh orang pembahas. Saya sebenarnya mengharapkan lagi dua orang lagi pembahas tetapi kemungkinan mereka ada hal.

Tuan Yang di-Pertua, saya menekuni setiap perbahasan itu dan saya berterima kasih dengan segala *point* yang telah pun dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab dahulu Yang Berhormat Senator Profesor ya. Yang Berhormat Prof. Emeritus telah berbahas agak panjang daripada orang lain. Tadi saya sebenarnya mendengar dengan penuh tekun tetapi saya dapati Yang Berhormat Senator tidak sangat bercakap tentang akta ini, dia pergi kepada Israel lah, Libya lah kan. Sebab itu dia kata dia perlukan dua jam.

Yang Berhormat Senator Profesor, saya ingin hendak menggunakan peluang ini, kalau Yang Berhormat Senator Profesor hendak dua jam, saya mencadangkan kita mengadakan debat dua orang di TV secara langsung tentang tajuk ini. Saya berani untuk berdebat dengan Yang Berhormat Senator, dua orang di TV secara langsung *on this topic*. Saya berharap ahli-ahli media yang *pick up* ini sila siarkan ini, *on this topic...* [Tepuk]

Sebenarnya saya hendak beritahu beginilah. Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Raj Murni tadi. Isunya bukan kita ini *condone*, dengan izin, berita palsu ataupun *fake news*, berita tidak benar. Saya rasa kita bersama, baik pembangkang kah, baik kerajaan, kita bersama, kita menentang *fake news* ataupun berita palsu ini sebab berita palsu ini tidak boleh kita *tolerate*, dengan izin, ataupun kita *compromise*. Ini saya rasa pendirian kerajaan dan juga pendirian semua orang.

Akan tetapi, apa yang berlaku bukan masalah itu yang kita perbahaskan. Apa yang kita hendak bahaskan sekarang ini ialah adakah akta ini akta yang, pertamanya, memang akta yang adil? Ini yang patut kita bahaskan. Dekat mana keadilannya? Saya hendak ambil contoh kenapa ia tidak adil.

Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat- sebelum saya jawab, saya singgung juga apa yang dikatakan oleh- dia kata anak murid saya. Yang Berhormat Senator Puan Asmak ya, fasal *Draconian*.

Saya hendak terangkanlah. Saya minta Yang Berhormat mungkin boleh- sekarang lagi senanglah, Yang Berhormat boleh *Google*. *Draconian* ini diambil daripada perkataan *Draco*.

Draco ini nama seorang ahli politik di Athens. Saya bagi tahun dia, tahun 1777- *Draco*. Daripada perkataan *Draco* itulah menjadi *draconian*. *Draco* ini secara mudahnya beginilah. Dia *is a harsh punishment*. Dia kan- saya bagi contoh, Yang Berhormat. *Draco* ini dia mencadangkan hukuman mati walaupun kesalahan yang melibatkan kesalahan yang kecil *under Draco* ini. Jadi kalau ada anak, jangan letak nama *Draco* lah. Jadi, Yang Berhormat, *draconian* ini secara umumnya adalah undang-undang yang bersifat kejam ataupun zalim.

Yang Berhormat daripada parti PAS, saya rasa biasa dengan hadis, biasa dengan al-Quran dan sebagainya dan saya rasa Yang Berhormat biasa dengar para ulama daripada PAS membaca ayat... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] "*Janganlah kamu cenderung kepada kezaliman kerana kamu akan disentuh api neraka.*"

Kalau Yang Berhormat lihat dalam tafsir-tafsir, ia menceritakan bagaimana dalam zaman Hajjaj Yusuf al-Thaqafi, ada seorang yang kerjanya adalah, kalau dalam zaman sekarang, ambil kontrak jahit baju. Tiba-tiba baju- Yusuf al-Thaqafi ini seorang yang zalim yang banyak bunuh ulama. Dia ditawarkan untuk menjahit baju Hajjaj Yusuf al-Thaqafi tetapi dia menolak sebab dia mendapatkan pendapat ulama dahulu. Kata ulama, walaupun kamu jahit baju orang yang zalim, kamu dianggap telah menyokong kezaliman. Oleh sebab itu, kita tidak boleh *compromise* langsung dalam kezaliman ini.

Yang Berhormat, ada satu hadis daripada Abu Zar, ini dipanggil hadis qudsi. Hadis qudsi di mana hadis yang Allah SWT sebutkan- perkataan daripada Allah SWT tetapi Rasulullah SAW sebutkan. Saya rasa Yang Berhormat fahamlah. Dia kata apa? Saya ambil yang pendek ya. Dia kata... [*Membaca sepotong hadis*] "*Hai hamba-hamba Ku, Aku mengharamkan kezaliman ke atas diri Ku sendiri.*" Itu penegasan daripada Allah SWT. Haramkan kezaliman. Jadi, kezaliman ini benda yang tidak boleh kita main-main. Bahaya ya.

Oleh sebab itu, dalam akta ini, ada unsur-unsur kezaliman, dan sebagai kerajaan, kita terpaksa- apabila kita mendapat mandat daripada rakyat yang antara mandat kita adalah mereka meminta kita untuk menghapuskan benda-benda yang zalim ini sebab mereka sudah lama hidup dalam kezaliman, mereka mahulah kerajaan sekarang ini kerajaan tidak zalim, jadi, tidakkan kita hendak teruskan kezaliman mereka?

Oleh sebab itu, apabila kita memerintah, antara perkara yang awal kita buat ialah menghapuskan Akta Antiberita Tidak Benar ini yang mana kita telah tentang semasa kita menjadi pembangkang. Kita konsisten, istiqamah dalam bahasa orang PAS lah.

Jadi, Yang Berhormat, kita sebagai kerajaan ini- ia ada satu kaedah. Saya rasa Yang Berhormat pun tahu. Hari ini mungkin saya tidak sampai dua jamlah tetapi saya hendak bagi sedikitlah. Saya tidak baca buku-buku inilah. Mungkin saya baca sesetengah kitab sahajalah.

Yang Berhormat, ada satu kaedah dipanggil... *[Berucap dalam bahasa Arab]* Boleh faham ya, atau hendak terjemahan? Beginilah. Tindakan pemerintah ini dalam menguruskan rakyat dia, dia mesti *based on masalah*. Itu dia. Jadi, Yang Berhormat, saya akui dalam undang-undang ini mesti ada benda yang baik dan ada benda yang buruk. Tidak semua undang-undang *perfect*, 100 peratus baik, 100 peratus jahat. Ada. Akta ISA dahulu ada kebaikannya.

■1450

Ia mungkin boleh mewujudkan kestabilan tetapi ada dia punya kerosakan juga, sebab itu kita tentang. Akhirnya kerajaan yang lama pun haramkan ISA. Oleh sebab itu Yang Berhormat, ada satu kaedah lagi... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* kita menolak kerosakan ini diutamakan daripada kita membuat benda-benda yang maslahat, itu dia punya kaedah. Sedang terang kepada anak murid ini *[Ketawa]*

Oleh sebab itu Yang Berhormat, saya hendak beri contoh, Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat baca Al-Quran, arak itu, arak ya, arak itu ada juga kebaikan, ada juga dia punya manfaat, ada juga kerosakan. Oleh sebab itu arak ini... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* baca sekarang dalam Al-Quran. *"Mereka bertanya kepada kamu tentang hukum arak dan juga hukum judi"*. Allah menyatakan kedua-duanya itu ada manfaat, ada juga keburukan.

Akan tetapi, keburukannya mengatasi manfaatnya. Orang bertanya kepada Yusuf al-Qaradawi dalam buku Fatawa Muasirah- fatwa semasa, Imam Yusuf al-Qaradawi yang pernah mendapat Hadiah Tokoh Maal Hijrah oleh kerajaan yang lama. Yusuf al-Qaradawi dia bertanya, apakah manfaat minum arak ini? Di dalam waktu sejuk Yang Berhormat, pergilah mana-mana negara Barat, kalau waktu sejuk, bila kita minum- saya tidak tahulah, saya tidak minumlah tetapi dia orang kata kalau minum *[Ketawa]* Saya bacalah, saya tidak boleh minumlah. Yang Berhormat depan saya ini...

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Tidak akan tunggu orang minum *kot?*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tok Guru minum air sejuk sahaja. Okey, orang-orang yang berada di dalam *winter*, mereka mengatakan kalau kita minum arak ini boleh memanaskan badan dan juga ada faedah ekonomi. Kerajaan kalau benarkan jual itu dapat *tax* dan sebagainya. Makna ada faedahnya, tetapi keburukan dia lebih. Keburukan dia- sebab itu

pada zaman jahiliah, seorang orang Arab yang hebat, bila tiba minum arak ini- apabila bapa dia meninggal pun dia tidak kisah.

Seorang yang bernama Umru' Al-Qais- ini seorang penyair Arab pada zaman jahiliah. Dia ini, apabila bapa dia mati- dia tengah mabuk, dia tengah minum arak, bapa dia mati. Orang kata apa? Bapa kamu mati, dia kata apa?... [*Berucap dalam bahasa Arab*] “Hari ini untuk arak, esok baru urusan bapa aku”. Nampak? Teruknya orang minum arak ini... [*Berucap dalam bahasa Arab*] “Hari ini untuk arak, jangan kacau aku, aku tengah minum arak jangan kacau, hari ini untuk arak, esok baru urusan bapa aku”. Bapa dia mati itu, itu hendak bagi contoh bagaimana keburukan arak itu.

Begitu juga dengan *fake news*, ada keburukan dia, ada kebaikan. Bukan tidak ada kebaikan, ada. Saya setuju ada kebaikan iaitu kita boleh minta perintah mahkamah untuk buang *fake news* itu, boleh! Akan tetapi Yang Berhormat, perintah ini pertamanya buat secara *ex-parte* secara sebelah pihak, boleh kita dengar secara sebelah pihak. Yang Berhormat, sebelah pihak ini bermakna kita dengar tidak boleh berlakunya keadilan sebab kita dengar sebelah pihak.

Apabila kita mendengar sebelah pihak, kita tidak akan dengar versi satu lagi. Oleh sebab itu Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat pernah menjadi peguam, yang biasa buat kes-kes yang melibatkan dipanggil *habeas corpus*. Selalunya apabila kita buat permohonan, kita kebanyakan mendengar sebelah pihak sahaja. *Version* keselamatan negara ini kena dengar pihak yang menangkap dia.

Jadi Yang Berhormat sebab itulah kita merasakan ada unsur ketidakadilan. Selepas itu Yang Berhormat memanglah seksyen 8(1) dia kata perintah yang diperoleh itu boleh di-*set aside* boleh diketepikan, betul. Akan tetapi Yang Berhormat, persoalannya timbul bagaimana kalau orang tidak mohon untuk *set aside*, macam mana. Jadi perintah itu akan terus *valid*, sedangkan dalam undang-undang *disobedience to injunction* dia ada *lifespan*- ada dia punya jangka hayat.

Jikalau kita dapat perintah yang *ex-parte*, dalam masa 21 hari, dahulu 14 hari, 21 hari kalau kita tidak buat permohonan untuk lanjutkan perintah itu, perintah itu automatik akan terpadam. Jadi perintah itu dia ada jangka hayat. Akan tetapi, perintah dalam *ex-parte* dalam seksyen 7 ini tidak ada jangka hayat. Walaupun ada permohonan *set aside* tetapi tidak ada jangka hayat.

Jadi hendak kena dengar sebelah pihak. Kemudian Yang Berhormat, kalau dapat perintah itu, Yang Berhormat dianggap telah pun menyerahkan ada *deeming provision* ia dipanggil-seksyen 7(5) bacalah. Ada *deeming provisions, you are deemed to serve on the other side*.

Maknanya kalau dapat perintah, Yang Berhormat tidak payah serah pun tidak mengapa. Yang Berhormat dianggap telah serah.

Kalau saya sebagai penerima perintah itu gagal untuk *comply*, dengan izin, ataupun mematuhi perintah itu Yang Berhormat, saya boleh dikenakan tindakan. Saya boleh didakwa di mahkamah. Nampak Yang Berhormat? Inilah kezaliman, bila kita kezaliman, tidak boleh kita *compromise*... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] ini Allah berkata, bukan saya kata. Bukan Yang Berhormat Mahfuz, bukan saya, bukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ini Allah berkata. Tadi kita baca Al-Quran, Yang Berhormat kata baca Al-Quran kan?... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] “*Tidak ada keraguan dalam Al-Quran ini*” tetapi kita boleh tiba-tiba akta zalim ini kita boleh menafikan pula.

Tadi saya dengar daripada Yang Berhormat Profesor kata tentang Tabung Haji. Baguslah yang dikatakan tentang Rafizi itu. Akan tetapi, saya hairan, masa dahulu berlakunya penyelewengan Tabung Haji, ke mana profesor-profesor kita? Tidak bercakap. Sekarang baru tahu, apabila jatuh kerajaan baru terdedah semua. Baru tahu, rupanya orang yang terlibat dengan Tabung Haji didakwa di mahkamah. Dahulu tidak tahu, dahulu kita ingat semua baik, sekarang baru tahu rupanya ada *password* salam, macam-macam kita dengar.

Oleh sebab itu Yang Berhormat, saya hendak menyatakan bahawa, kita sebagai sebuah kerajaan ini, kita ada *duty* untuk memastikan Yang Berhormat benar-benda *mafiasid* ini, benda kerosakan ini kita mesti halang. Walaupun di sana ada wujudnya masalah yang baik. Akan tetapi kita kena ke hadapan benda yang menolak kerosakan dahulu. Jadi, itu yang saya rasa kita kena faham.

Tadi ada juga yang- saya hendak sedikitlah sentuh fasal Yang Berhormat Profesor kata dia pergi Libya, betul Yang Berhormat saya setuju. Sebenarnya Yang Berhormat, ada buku hendak kata... [*Disampuk*] [*Ketawa*] Sampai lupa *mic*.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Dia bergerak lah itu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Oleh sebab Yang Berhormat Profesor ini terpegun dia punya ucapan sampai saya lupa *mic*. Okey Yang Berhormat, saya setuju apabila Yang Berhormat kata fasal Iraq dan sebagai. Memang Amerika ini memang mereka ini- sebab itu mereka kata bukan *mass of destruction*, dia kata *mass of deception*. Ini ada, memang ada orang bercakap ini.

Yang Berhormat, sebenarnya di Libya ini kita kena menghormati rakyat mereka. Rakyat mereka lebih tahu apa yang berlaku. Orang Arab kata, orang Mekah lebih tahu apa lorong-lorong di Mekah itu. Yang Berhormat duduk seminggu, orang yang duduk di Libya itu bertahun-tahun

mereka hidup di zaman Gaddafi tidak akan kita hendak anggap mereka semua bodoh. Mereka juga ada ramai profesor. Jadi, mereka tahu apa yang berlaku, sebab itu mereka buat *Arab Spring* ini. Jadi kita, Yang Berhormat- sebab itu saya rasalah, kalau sekiranya Yang Berhormat Profesor jadi ahli warganegara Libya, kemungkinan tidak ada *Arab Spring*. Kemungkinan Qaddafi pun masih hidup lagi. Kemungkinan juga Saddam Hussein tidak jatuh. Oleh sebab Yang Berhormat adalah orang yang anggap mereka ini semua hero, ini contohlah.

Oleh sebab itu- saya minta maaf Yang Berhormat. Saya terasa macam saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat tadi. Oleh sebab Yang Berhormat banyak bercakap tadi- saya rasa boleh diperbahasakan. Oleh sebab itu saya mengajak Yang Berhormat berdebat dengan saya tajuk ini di *live TV*. Saya harap RTM ataupun TV3 bolehlah menyiarkan ini.

Tentang cadangan daripada Yang Berhormat mengatakan adakah kita akan mengambil elemen-elemen yang baik. Yang Berhormat, saya telah bercakap dengan Menteri Komunikasi dan Multimedia Yang Berhormat Tuan Gobind, saya minta ada beberapa peruntukan yang saya tuju ini- yang tujuh, lapan yang baik ini saya minta dimasukkan dalam rang undang-undang kalau kita buat pindaan ini nanti kepada Akta Komunikasi.

Yang Berhormat, saya hendak cerita apa yang berlaku sekarang ini ialah, memang kita ada cadangan untuk meminda Akta Multimedia dan Komunikasi tetapi dalam masa yang sama Menteri merasakan kita juga ingin meminda Kanun Keseksaan. Jadi kata Yang Berhormat Tuan Gobind, kita tunggu dahulu pindaan kepada Kanun Keseksaan selepas itu kita akan pinda juga Akta Komunikasi dan Multimedia.

Jadi, Yang Berhormat, benda itu akan berlaku, cumanya *takes time* lah. Oleh sebab banyak rang undang-undang kita hendak buat. Banyak yang kita ini- Yang Berhormat kata *Draconian* ini banyak sangat. Sesetengah *Draconian laws* ini kita dahulukan. Kita kena ada dipanggil *awlawiyyat- priority...*

Puan Asmak binti Husin: Cuma ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Ya, silakan.

Puan Asmak binti Husin: Tidak mengapa, tidak mahu bahas, tidak mahu debat. Cuma ini, boleh tidak bagi jawapan bertulis kepada saya senarai *Draconian law* di Malaysia ini yang kita akan gubal kah, pinda kah. Supaya saya ini jenis suka *keep track*, buat kah tidak buat kah. Macam itu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey Yang Berhormat. Sebenarnya saya tidak perlu bagi jawapan bertulis, sebenarnya Yang Berhormat boleh baca manifesto, saya bagi *free* sahaja manifesto Pakatan Harapan. Yang Berhormat sebagai anak murid saya kan? Saya cadang Yang

Berhormat bacalah manifesto. Saya pun tidak kenal Yang Berhormat anak murid saya, hari ini baru tahu. Akan tetapi saya pun *respect* anak murid saya ini. Yang Berhormat Yusmadi janganlah kacau. Yang Berhormat selepas ini kita minta bagi borang Amanah pulalah.

■1500

Saya gurau sahajalah. Yang Berhormat tentang tadi kata nama. Nama pun anti *fake news* itu kata Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah. Dia kata nama pun sudah baik sudah. Saya bersetuju dengan apa dikatakan oleh Yang Berhormat Puan Raj Munni tadi. Sebenarnya nama ini jangan terpedaya. Loteri kebajikan itu nama baik iaitu kebajikan, konsep amal adalah baik. Nama jangan terkeliru.

Orang Arab panggil arak ini apa?... [*Berucap dalam bahasa Arab*] minuman penenang jiwa- nama *hibbul ruh*, dia pandai ubah nama ini. Nama ini, Ya Allah sebab itu syaitan pun dia pandai. Dia kata, kalau kisah daripada Nabi Adam, kamu makanlah buah ini sebab Allah sudah bagi sebab kata kalau kamu makan buah khuldi ini kamu akan kekal dalam syurga. Dia pandai, itu perangai syaitan. Ini dia di antara dia tukar nama. Dia bagi nama baik-baik oleh sebab itu jangan terpedaya. Jangan jadi- kita panggil *ghurur*. Jadi, kita *delusion*. Oleh sebab itu, kita jangan *we don't be deluded* dengan nama ya.

Kita tengok *contain* dia, *contain of substance*. Oleh sebab itu, dalam kalau kita belajar undang-undang khususnya undang-undang Islam belajar al-Qawaid al-Fiqhiyah dia kata dari segi kita mengambil daripada pengajaran jangan ambil daripada nama, ambil daripada *substance, not the form*. Kita ambil *substance*. Itu prinsip perundangan. Oleh sebab itu, Yang Berhormat jangan terpedaya dengan nama. Jadi, saya hendak kata kepada Yang Berhormat bahawa akta *fake news* ini kita tidak boleh menentang bukan kerana nama dia ya.

Hatta kalau nama dia baik sekali lagi lebih baik daripada ini pun kita akan tentang kalau sekiranya ada kezaliman. Itu kita punya prinsip. Yang Berhormat ada juga- saya tidak sebut nama, minta maaf ya. Ada yang menyatakan negara-negara lain pun hendak buat contohnya *Singapore* selepas itu Jerman, betul Yang Berhormat saya setuju. Akan tetapi Yang Berhormat, kita tengok undang-undang di Jerman tadi orang ada sebut Jerman. Adakah kita baca undang-undang di Jerman?

Di Jerman mereka sasarkan kepada pembekal maklumat itu yang besar-besar. Mereka tujukan kepada orang panggil *big fish* seperti *Goggle, YouTube*. Mereka fokus kepada orang yang besar-besar. Mereka bukan fokus kepada ikan bilis. Undang-undang ini kalau hendak berjaya, kita mesti sama ratakan semua orang sama rata, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu, dalam-

apa ini Sayidina Umar, saya rasa apa ini Tuan Yang di-Pertua kebebasan ini seperti mana kata oleh ramai orang Yang Berhormat kebebasan ini benda yang adalah paling berharga.

Ada satu pepatah Arab dia kata apa?... [*Berucap dalam bahasa Arab*] Tidak ada benda yang lebih berharga kecuali kebebasan. Kebebasan ini memang sebab itu Sayidina Umar bila ada orang dizalimi dia kata... [*Berucap dalam bahasa Arab*] Sejak bilakah kamu apa dia tegur kepada dia punya pemimpin Abdul Az seorang gabenor di Mesir. Apabila anak dia ada memukul seorang hamba. Dia kata sejak bila kamu memperhambakan manusia sedangkan ibu mereka melahirkan mereka dalam keadaan yang merdeka? Oleh sebab itu, kita tidak boleh sekali-sekali memperhambakan manusia dengan kita membuat undang-undang zalim.

Ini yang sebabnya rakyat pada 9 Mei telah bangun menentang kezaliman, menentang segala yang berlaku sebelum ini dan mereka memilih kerajaan baharu. Jadi, sebagai kerajaan baharu kita bertanggungjawab untuk melaksanakan mandat yang diberi oleh rakyat. Oleh sebab itu, kita hapuskan undang-undang zalim ini. Di Jerman, di Singapura undang-undang memang ada tetapi kalau kita baca undang-undang mereka dengan undang-undang mereka:

Pertama, di sana mungkin mereka tidak ada undang-undang yang sudah ada macam undang-undang di negara kita. Kita terlalu banyak undang-undang. Kita ada Kanun Keseksaan seksyen 449, perkataan "fitnah", 500 tentang fitnah. Yang Berhormat, saya pernah cakap di sini, saya pengamal undang-undang selama 25 tahun.

Saya pernah mewakili Yang Berhormat Tuan Mohamad bin Sabu, Menteri Pertahanan yang didakwa kerana memfitnah orang mati bukan orang hidup tetapi orang mati. Dalam tinjauan kes mengenai Bukit Kepong.

Pertama, *the first* kes di Malaysia orang mati dikatakan difitnah selepas itu didakwa, kes Yang Berhormat Tuan Mohamad bin Sabu. Semasa kes mahkamah itu, pendakwa raya minta berapa? Minta *bail* sebanyak RM50 ribu dan kita tidak ada duit. Kita pungut derma. Bak kata Milo lah, pakai lainlah [*Ketawa*] Kita pungut derma. Bila kita pungut derma, kita lawan akhirnya kita dapat sejumlah RM15 ribu. Itu pun kita rasa susah. Kita kumpul derma juga untuk bayar. Sekarang saya tengok orang bayar *bail* sebanyak RM800 ribu, senyum lagi. Orang boleh ber-*selfie* lagi.

Zaman kami dahulu kami pucat-pucat hendak bayar sejumlah RM5,000 pun. Ini beza kerajaan dahulu dengan kerajaan lama lah, kerajaan lama dengan kerajaan sekarang. Jadi, seksyen 449 itu hatta kita boleh mengambil tindakan kepada orang yang memfitnah orang yang mati. Itu berlaku dan sudah berlaku pun. Betapa hebat undang-undang itu dipanggil *criminal defamation*.

Kita ada seksyen 8 Akta Penerbitan dan Percetakan 1984 yang terang-terang ada perkataan palsu. Kita ada Akta Multimedia seksyen 233. Kita ada juga Akta Hasutan, kita ada juga banyak akta Yang Berhormat. Jadi, kita sudah ada *sufficient laws* seperti mana kata Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas bahawa kita ada undang-undang-undang.

Tidak akan kita hendak ada satu undang-undang untuk curi motosikal, curi bas- lain. Tidak boleh. Kita kena ada undang-undang satu itu, kita sudah cukup sudah. Kalau undang-undang itu ada kelemahan, kita ada peringkat untuk meminda. Itu yang berlaku sebab itu dahulu masa zaman pembangkang dahulu, kami kata kalau rang undang-undang yang lama itu kata ada kelemahan, kita bawa ke *Select Committee* selepas itu kita pinda.

Akan tetapi yang berlaku dahulu mereka tidak pinda, mereka teruskan juga sebab mereka ada dua per tiga. Bila kita memerintah, kita sekarang tubuhkan apa? Lebih kurang tujuh dipanggil Jawatankuasa Khas atau *Select Committee* untuk kita antaranya mengkaji undang-undang ini. Oleh sebab itu, saya rasa Yang Berhormat kita sudah banyak buat benda-benda untuk memastikan...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Yang Berhormat Menteri boleh sedikit Yang Berhormat Menteri?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Sekejap. Kita hendak memastikan Yang Berhormat kezaliman tidak lagi berlaku. Bagi kita kezaliman ini sejarah. Jadi, kita tidak mahu lagi. Kita tidak mahu ulang. Oleh sebab itu, saya pun rasa pelik. Saya minta Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah kena nasihatlah parti Yang Berhormat. Dahulu parti Yang Berhormat antara orang yang kuat menentang kezaliman tetapi sekarang bersama dengan kerajaan yang zalim macam mana?

Puan Asmak binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya difokuskan kepada Rang undang-undang Antiberita Tidak Benar [*Ketawa*]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya fokus lah ini.

Puan Asmak binti Husin: Selepas itu daripada...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya hendak beri contoh, anak murid duduk dahulu...

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Yang Berhormat, saya ingat kena tarik baliklah contoh itu...

Puan Asmak binti Husin: Contoh...

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Saya- jangan hendak merepek sangat lah. Jangan merepek, *just focus*.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Ya, tarik balik ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang merepek saya ke profesor? Tadi profesor banyak merepek, saya dengar sahaja. Sabar sahaja. Yang Berhormat pun banyak...

Puan Asmak binti Husin: Tidak yang sekarang ini, yang...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: ...Dua jam.

Puan Asmak binti Husin: ...Sekarang ini Yang Berhormat Timbalan Menteri ini....

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: *I need two hours to debate.*

Puan Asmak binti Husin: ...Main tuduh-tuduh macam ini?

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *You are a Minister* lah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: *I will debate with you. Please.*

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *You are Minister.* Jawab profesional. Jangan buat macam itu, *come on* lah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: *I profesional. Are you profesional, as a professor? Let me ask you, are you professional?*

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *You* menjawab sebagai Yang Berhormat Menteri. Jawab dengan baik.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya jawab dengan baik.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Jawab dengan baik.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat pun berdebat dengan baiklah.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Jawab dengan baik. Jangan *insult* orang. *Come on*-lah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat Senator bahas tadi banyak menyeleweng. Saya dengar sahaja, sabar sahaja. Yang Berhormat kena sabarlah sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat ambil masa sudahlah lama.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak mahu tarik balik kah?

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Cabar-cabar orang, apa ini?

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Tuduhan tadi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tuduhan apa?

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Untuk saya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tidak...

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Kata dahulu saya ini...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tetapi betul..

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: ...Tidak suka kepada kezaliman, sekarang ini?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya tidak tuduh, adakah Yang Berhormat kata saya tuduh itu?

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Ya, lah tadi Yang Berhormat sebutkan tadi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tidak, saya bukan tujukan Yang Berhormat,

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Sebut siap lagi nama saya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya puji lagi Yang Berhormat dahulu memang lawan kezaliman. Saya puji.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Ha, selepas itu? Tidak habis lagi cakap itu ya, seterusnya?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tidakkannya puji hendak tarik balik? Okey, saya tarik balik puji itu. Yang Berhormat minta saya tarik balik, saya tarik balik pujian itu. Tuan Yang di-Pertua, saya tarik baliklah pujian itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Jadi, saya merasakan saya sudah menjawab semua soalan. Jadi, saya merasakan bahawa apa yang telah dibahaskan...

Puan Asmak binti Husin: Satu lagi, satu lagi. *Freedom of Information Act* itu yang telah diluluskan oleh 20 Jun itu?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Akta *Freedom Information Act* itu kita akan buat, Yang Berhormat. Kita Yang Berhormat saya tarik balik. Walaupun tidak relevan tetapi saya jawablah. Yang Berhormat *Freedom Information Act* ini kita buat untuk dipanggil *offset* akta OSA. OSA kita kekalkan *insya-Allah* dan dalam pada masa yang sama kita juga mungkin akan buat akta *Freedom of Information Act* ya.

Yang Berhormat, *Freedom of Information Act* ini undang-undang yang sepatutnya kita promosi. Ini semasa Selangor memerintah, Selangor buat. Jadi, kita sekarang Yang Berhormat kita hendak memastikan undang-undang dalam Malaysia ini dapat maklumat dengan cara yang betul. Oleh sebab itu, kalau kita hendak buat undang-undang yang dipanggil yang ini dipanggil... [Berucap dalam bahasa Arab] Akan tetapi, dalam masa yang sama kita akan menentang benda-benda yang merosakkan.

Oleh sebab itulah saya menyatakan bahawa bila saya mendengar banyak ucapan tadi saya merasakan bahawa saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh rakan saya daripada Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh. So, Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh saya harap selepas ini kalau boleh lebih banyak berbahas dalam Bahasa Melayu lebih banyaklah, ya [*Ketawa*] Bukan hendak- tidak, ini saya cakap sebagai *he my friend* lama sudah kawan.

Yang Berhormat bukan masalah tidak faham. Akan tetapi Yang Berhormat, kita Malaysia ini kita cuba hendak promosi Bahasa Malaysia. Nanti jangan orang dekat luar kata inilah Yang Berhormat daripada DAP. Itulah yang mereka kata inilah DAP anti Bahasa Melayu. Saya tidak mahu Yang Berhormat dituduh begitu.

Tuan Nga Hock Cheh: Minta laluan Yang Berhormat Menteri. Memang berterima kasih atas peringatan. Sebenarnya saya hendak guna bahasa tetapi kalau sampai kandungan ucapan saya dengan terang dan tepat, saya terpaksa guna lebih sedikit bahasa Inggeris maaf.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey tidak apa Yang Berhormat. Saya faham Yang Berhormat. Memang Yang Berhormat hendak lebih-lebih tepatlah. Akan tetapi, saya mencadangkanlah selepas ini Yang Berhormat boleh kursus Bahasa Melayu dengan lebih baik lagi. Yang Berhormat, bukan apa ini kita hendak supaya Yang Berhormat.

Yang Berhormat saya hendak beri contoh Yang Berhormat ramai Ahli Parlimen daripada DAP di Dewan Rakyat yang fasih dalam Bahasa Melayu, fasih betul. Termasuk Yang Berhormat Timbalan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming. Boleh berpantun lagi, dapat A dalam SPM.

■1510

Dia kata STPM pun saya rasa dia dapat baik. Dia baik. BM dia baik-baik. Yang Berhormat Gobind BM baik. Hatta dulu mendiang Yang Berhormat Karpal Singh. Saya tidak kata lah dia punya Bahasa Malaysia mungkin *first class* tetapi dia boleh cakap dalam bahasa Melayu dengan baik juga. Anak dia Yang Berhormat Gobind jangan cakap lah, memang dah baik. Jadi Yang Berhormat pun boleh.

Jadi Yang Berhormat, Yang Berhormat Yusmadi ada hendak tanya ke tadi?...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Sedikit sahaja.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey. Okey. Silakan.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Tuan Yang di-Pertua. Timbalan Menteri. Memandangkan saya tengok isu *fake news* ini satu isu dapat sambutan lah dua-dua pihak

bersetuju dan tak setuju. Untuk ke depan memandangkan Menteri kata ada kajian tengah dibuat, Dewan Negara sekarang telah wujudkan Kaukus Dewan Negara.

Jadi saya mencadangkan kalau boleh setuju Menteri hari ini bahawa ke depan kita lebih proaktif, kita beri pemahaman daripada awal menggunakan saluran kaukus itu dan saya rasa itu akan memberi pemahaman yang lebih dan saya rasa sebentar lagi pun Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain akan membuat pendirian. Saya rasa kalau Menteri cadangkan akan menggunakan kaukus, saya rasa *insya-Allah* hari ini kita akan dapat seorang yang baik *insya-Allah* daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang itu saya sokong 100 peratus... [*Tepuk*] Yang kaukus saya akan setuju. Yang Berhormat saya setuju. Saya akan sampaikan kepada pihak yang berkenaan lah. Jangan takut Yang Berhormat, benda yang baik kita boleh terima.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey itu sahaja. Terima kasih. Yang Berhormat Mahfuz pun tidak sabar hendak jawab.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin yang telah menjawab tadi. Sekarang saya pergi kepada seterusnya ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yg kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[**Fasal-fasal 1 dan 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Liew Chin Tong) dan diluluskan]

USUL**MENDAHULUKAN URUSAN KERAJAAN
DI BAWAH P.M 13(1) DAN 13(2)****3.15 ptg.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 13(2) dibaca bersama-sama Peraturan Mesyuarat 13(2) saya mohon mencadangkan:

“Bahawa perbincangan ke atas D.R. 31/2019 Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2019, bagi Bacaan Kali Yang Kedua yang dijadualkan sebagai No. 6 di dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini didahulukan sekarang, manakala rang undang-undang yang lain dijadualkan semula mengikut aturannya selepas ini.”

Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Saya sokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERHUBUNGAN PERUSAHAAN
(PINDAAN) 2019****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****3.11 ptg.**

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada semua Ahli Dewan yang bersetuju untuk memberikan laluan kepada rang undang-undang di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2019 iaitu suatu akta untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Perhubungan Perusahaan 1967, Akta 177 selepas ini disebut sebagai Akta 177 merupakan undang-undang buruh utama yang mengawal selia hubungan antara majikan, pekerja dan kesatuan sekerja melalui penepatan hak-hak pekerja dan majikan serta menyediakan mekanisme penyelesaian bagi sebarang bentuk pertikaian perhubungan perusahaan di antara pihak-pihak yang terlibat.

Objektif Akta 177 adalah untuk mempromosi dan mengekalkan suasana perhubungan perusahaan yang harmoni di negara ini. Akta 177 terpakai kepada semua majikan kesatuan sekerja, majikan, pekerja dan kesatuan sekerja pekerja di negara ini. Walau bagaimanapun, beberapa bahagian di bawah akta ini tidak terpakai kepada majikan kesatuan sekerja, majikan, pekerja dan kesatuan sekerja pekerja di sektor awam.

Akta 177 ini dikuatkuasakan oleh di bawah Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia. Sejak dikuatkuasakan pada tahun 1967, Akta 177 ini telah dipinda sebanyak enam kali di mana pindaan terakhir dibuat pada tahun 2014. Dalam menggubal pindaan Akta 177, Kementerian Sumber Manusia telah memuat naik cadangan-cadangan pindaan di laman web rasmi Kementerian Sumber Manusia sejak 4 Disember 2018 bagi mendapat maklum balas daripada orang awam.

Satu bengkel kursus telah diadakan sebanyak dua kali iaitu pada Disember 2018 dan awal tahun 2019 bagi mendapat maklum balas daripada Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan Persatuan Majikan-majikan Malaysia (MEF). Bengkel anjuran bersama antara Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan KSM ini menjadi platform dan memastikan cadangan untuk meminda Akta 177 mematuhi prinsip-prinsip utama Konvensyen ILO nombor 87 berhubung dengan *Freedom of Association and Protection of the Right to Organise Convention* (1948).

Sesi libat urus dengan *stakeholders* pula telah diadakan sebanyak 14 kali di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak yang melibatkan majikan-majikan, persatuan-persatuan majikan, kesatuan-kesatuan sekerja, pertubuhan-pertubuhan pekerja, *civil society organizations* dan agensi-agens kerajaan yang terlibat. Cadangan pindaan ini juga telah di bincang di dalam mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pindaan Undang-undang Perburuhan di bawah mesyuarat Majlis Penasihat Kebangsaan (NLAC) yang dianggotai oleh wakil-wakil daripada pihak majikan dan pekerja yang sebahagian besarnya daripada MTUC dan MEF sebanyak tiga kali.

■1520

Dalam hubungan ini, Kementerian Sumber Manusia percaya bahawa rang undang-undang bagi meminda Akta 177 ini telah melalui satu proses konsultasi yang komprehensif dan dakwaan pihak-pihak tertentu bahawa Kementerian Sumber Manusia gagal mengadakan

konsultasi adalah tidak berasas sama sekali dan mengelirukan masyarakat khususnya golongan pekerja.

Selaras dengan perkembangan ekonomi dan teknologi, kerajaan berpandangan Akta 177 perlu dipinda bagi meningkatkan dan memperluaskan perlindungan dan kebajikan golongan pekerja di negara ini. Pindaan ini juga akan menjadi sebahagian besar peruntukan Akta 177 setara dengan standard perburuhan antarabangsa yang digariskan oleh ILO khususnya berkaitan dengan Konvensyen nombor 87.

Secara amnya rang undang-undang bagi meminda Akta 177 ini adalah bertujuan untuk memenuhi hasrat berikut iaitu:

Pertama, Menjunjung Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa pembukaan Penggal Kedua Majlis Parlimen Keempat Belas pada 11 Mac 2019. Baginda antara lainnya bertitah bahawa kerajaan akan mereformasi undang-undang buruh bagi memastikan ia mematuhi standard antarabangsa di samping menambah baik aspek perlindungan ke atas pekerja.

Kedua, menambah baik sistem penyelesaian pertikaian sedia ada bagi membolehkan pertikaian yang berlaku diselesaikan dengan lebih berkesan dan pantas.

Ketiga, memenuhi janji kerajaan bagi memastikan perlindungan hak pekerja di Malaysia sekurang-kurangnya setara dengan standard antarabangsa. Kerajaan Pakatan Harapan telah berjanji untuk meningkatkan martabat golongan pekerja dan memastikan perlindungan hak pekerja di Malaysia setara dengan standard antarabangsa termasuklah konvensyen-konvensyen yang digariskan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa.

Keempat, memudahkan Malaysia merunding perjanjian-perjanjian perdagangan yang pada ketika ini kerap memasukkan fasal berhubung dengan standard minimum perburuhan sebagai salah satu daripada terma perjanjian yang perlu dipatuhi oleh negara-negara yang terlibat. Sebagai contoh, *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans Pacific Partnership* (CPTPP) memperuntukkan supaya setiap negara hendaklah menerima pakai dan mengekalkan dalam undang-undang dan peraturan serta amalan masing-masing berhubung hak-hak yang terkandung dalam Deklarasi ILO 1998, *Fundamental Principle and Right At Work*.

Tuan Yang di-Pertua, secara amnya rang undang-undang ini melibatkan pindaan ke atas 29 peruntukan sedia ada dan memperkenalkan empat peruntukan baharu. Seterusnya saya ingin menjelaskan fasal-fasal rang undang-undang ini.

Fasal 1 adalah mengenai tajuk ringkas rang undang-undang ini dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa pindaan akta ini.

Fasal 2, rang undang-undang meminda seksyen 2 berkaitan dengan definisi Presiden dengan memasukkan perkataan *includes Deputy President* bagi menjalankan kuasa-kuasa Presiden Mahkamah Perusahaan semasa ketiadaan beliau.

Fasal 3, rang undang-undang bertujuan meminda kuasa Menteri di bawah seksyen 8 kepada Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan bagi mempercepatkan proses rujukan aduan ke Mahkamah Perusahaan berkaitan pelanggaran terhadap hak-hak majikan pekerja dan juga kesatuan sekerja.

Fasal 4 hingga fasal 9 rang undang-undang merupakan pindaan bagi menambah baik dan menyelaras serta mempercepatkan proses penyelesaian pertikaian berkaitan dengan isu kapasiti dan tuntutan pengiktirafan. Antara pindaan substantif terhadap peruntukan ini adalah seperti berikut:

- (i) meminda kuasa Menteri di bawah seksyen 9 kepada Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan bagi mempercepatkan proses penyelesaian pertikaian berkaitan isu kapasiti dan tuntutan pengiktirafan;
- (ii) menetapkan pengiktirafan secara sukarela oleh majikan atau kesatuan sekerja. Majikan hendaklah selaras dengan skop keanggotaan kesatuan sekerja pekerja yang menuntut pengiktirafan. Ini bertujuan bagi mengelakkan majikan atau kesatuan sekerja majikan memberi pengiktirafan secara sukarela kepada kesatuan sekerja pekerja yang skop keanggotaannya tidak meliputi pekerja-pekerja majikan atau kesatuan sekerja majikan berkenaan;
- (iii) memansuhkan keperluan Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan. Merujuk kepada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja untuk menentukan isu kelayakan kesatuan sekerja pekerja yang menuntut pengiktirafan. Ini bertujuan bagi mempercepatkan proses tuntutan pengiktirafan di mana hanya satu jabatan iaitu Jabatan Perhubungan Perusahaan akan mengendalikan urusan ini;
- (iv) Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan akan menentukan sama ada skop keanggotaan kesatuan sekerja pekerja yang menuntut pengiktirafan adalah selaras dengan perlembagaan kesatuan sekerja berkenaan. Ini bertujuan untuk memastikan pekerja-pekerja yang hendak diwakili oleh kesatuan sekerja pekerja yang menuntut pengiktirafan tidak bertentangan dengan skop perlembagaan kesatuan berkenaan;

- (v) penentuan peratusan keanggotaan kesatuan sekerja pekerja melalui undi sulit digantikan dengan peratusan sokongan terhadap kesatuan sekerja pekerja. Ini memandangkan undi sulit tidak dapat menggambarkan peratusan sebenar keanggotaan kesatuan sekerja pekerja yang menuntut pengiktirafan; dan
- (vi) tempoh sekatan untuk sesebuah kesatuan sekerja menuntut pengiktirafan selepas kesatuan sekerja yang lain mendapat pengiktirafan dipendekkan daripada tiga tahun kepada satu tahun. Ini bertujuan untuk memberikan peluang kepada kesatuan sekerja pekerja lain memohon tuntutan pengiktirafan.

Seksyen baharu 12A dan 12B. Sebagai mana yang saya sebutkan awal tadi salah satu tujuan cadangan pindaan Akta 177 ini adalah untuk memastikan peruntukan di bawah akta ini adalah sekurang-kurangnya setara dengan standard perburuhan antarabangsa. Antaranya berkaitan, dengan izin, *Freedom of Association and Protection of the Right to Organize Convention 1948 (No. 87)*.

Berdasarkan kepada konvensyen ini, pekerja-pekerja bebas untuk menubuhkan kesatuan sekerja tanpa sekatan dan ini boleh mewujudkan kepelbagaian kesatuan sekerja, dengan izin, *multiplicity of trade union* di sesuatu organisasi atau pun tempat pekerjaan.

Bagi maksud ini, fasal 10 bertujuan memasukkan dua seksyen baharu iaitu seksyen 12A mengenai hak perundingan tunggal dan seksyen 12B mengenai kesan apabila kesatuan sekerja pekerja memperoleh hak perunding tunggal. Antara pindaan substantif terhadap peruntukan ini adalah seperti berikut:

Pertama, membenarkan kesatuan-kesatuan sekerja yang telah mendapat pengiktirafan memutuskan di kalangan mereka sebuah kesatuan sekerja yang mempunyai hak berunding tunggal atau memohon kepada Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan untuk menentukan kesatuan sekerja yang mempunyai hak berunding tunggal.

Kedua, Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan apabila menerima permohonan boleh mengambil langkah-langkah bagi menyelesaikan permohonan berhubung hak berunding tunggal di kalangan kesatuan sekerja tersebut. Sekiranya tiada penyelesaian tercapai, Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan boleh mengadakan undi sulit bagi membolehkan pekerja-pekerja yang terlibat memilih satu kesatuan sekerja sahaja untuk mewakili mereka di dalam perundingan kolektif. Kesatuan sekerja yang mendapat undi tertinggi akan mempunyai hak berunding tunggal sehinggalah ada kesatuan sekerja lain berjaya mendapat hak tersebut.

Ketiga, seksyen 12B bertujuan untuk menjelaskan bahawa apabila sesebuah kesatuan sekerja pekerja mendapat hak berunding tunggal, tiada kesatuan sekerja lain boleh mempunyai hak berunding tunggal kecuali selepas tiga tahun atau kesatuan sekerja yang mendapat hak berunding tunggal itu tidak wujud lagi.

Fasal 11 bertujuan menjelaskan prosedur bagi memulakan perundingan kolektif untuk membolehkan kesatuan sekerja pekerja yang telah mendapat hak berunding tunggal untuk menjemput majikan atau kesatuan sekerja majikan memulakan perundingan kolektif.

Fasal ini juga bertujuan untuk membenarkan kesatuan sekerja pekerja-pekerja membangkitkan secara umum perkara-perkara yang berkaitan dengan pertukaran, pengambilan pekerja, pengenehan pekerja, penamatan dan pembuangan kerja serta agihan tugas di samping perkara-perkara berkaitan kenaikan pangkat.

■1530

Pindaan seksyen 20. Fasal 12 bertujuan untuk memindahkan kuasa Menteri di bawah seksyen ini kepada Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan. Di samping itu, kuasa budi bicara sama ada untuk merujuk atau tidak merujuk sesuatu representasi pembuangan kerja ke Mahkamah Perusahaan juga dimansuhkan bagi membolehkan semua kes dirujuk terus ke Mahkamah Perusahaan apabila tiada penyelesaian dicapai melalui proses rundingan damai oleh Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan.

Ini bertujuan untuk mempercepatkan proses penyelesaian kes dan membolehkan pekerja mendapat keadilan dan hak untuk didengar di Mahkamah Perusahaan. Fasal ini juga bertujuan untuk memberikan lebih pilihan kepada majikan dan pekerja untuk memilih perwakilan dengan membenarkan mana-mana orang selain daripada peguambela dan peguamcara untuk mewakili mereka semasa prosiding rundingan damai. Selanjutnya, seksyen 20(6A) yang baharu diperkenalkan bagi membenarkan pekerja kurang upaya mental yang tidak mempunyai, dengan izin, *guardian ad-litem* untuk diwakili oleh waris terdekat semasa prosiding di Mahkamah Perusahaan.

Pindaan seksyen 21. Fasal 13 bertujuan untuk memperkenalkan perenggan baharu di bawah seksyen ini bagi membolehkan pelantikan Timbalan Presiden Mahkamah Perusahaan untuk menjalankan kuasa dan tugas Presiden semasa ketiadaan beliau.

Pindaan seksyen 22 dan 23. Fasal 14 dan fasal 15 bertujuan untuk meminda subseksyen 22(5), dan subseksyen 23(4) bagi membenarkan Presiden, Timbalan Presiden dan Pengerusi Mahkamah Perusahaan untuk bersidang bersendirian dalam mengendalikan aduan ketidakpatuhan award di bawah subseksyen 20(3) kerana ia tidak melibatkan isu yang rumit.

Cadangan pindaan ini secara tidak langsung akan mengurangkan perbelanjaan kerajaan dari segi bayaran elaun kepada ahli-ahli panel.

Subseksyen baharu bagi 23A. Fasal 16 bertujuan untuk membolehkan mana-mana orang yang berkelayakan sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Profesion Undang-undang 1976 dan mempunyai sekurang-sekurangnya 15 tahun pengalaman dalam perburuhan dan perhubungan perusahaan di Kementerian Sumber Manusia dipertimbang untuk pelantikan sebagai Pengerusi Mahkamah Perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, subseksyen baharu bagi seksyen 25, fasal 17 bertujuan untuk membolehkan pegawai-pegawai daripada Skim Perkhidmatan Pegawai Perhubungan Perusahaan dilantik sebagai Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar Mahkamah Perusahaan serta diwartakan.

Proviso baharu di bawah seksyen 26. Fasal 18 bertujuan untuk memperkenalkan proviso baharu bagi menghadkan kuasa Menteri untuk merujuk kes-kes yang melibatkan perjanjian kolektif ke Mahkamah Perusahaan. Rujukan ke Mahkamah Perusahaan hanya boleh dibuat atas persetujuan bersama pihak-pihak yang terlibat. Ia bertujuan bagi membolehkan proses perundingan kolektif berjalan secara bebas dan sukarela serta meningkatkan kuasa tawar menawar pihak-pihak yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, terdapat empat pengecualian yang membolehkan suatu pertikaian dirujuk ke Mahkamah Perusahaan tanpa persetujuan bersama pihak yang terlibat seperti mana yang dinyatakan dalam fasal ini iaitu:

- (i) kes yang melibatkan perjanjian kolektif yang pertama;
- (ii) kes yang melibatkan perkhidmatan perlu yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;
- (iii) kes yang menyebabkan *acute crisis* jika tidak diselesaikan segera; dan
- (iv) pihak yang terlibat tidak bertindak secara *good faith* dalam menyelesaikan pertikaian dengan segera.

Pindaan seksyen 29. Fasal 19 bertujuan untuk memberikan kuasa kepada Mahkamah Perusahaan memutuskan pertikaian berhubung tarikh pembuangan kerja. Selanjutnya, fasal ini juga memberi kuasa kepada Mahkamah Perusahaan untuk meneruskan prosiding sekiranya seseorang pekerja yang telah memfailkan representasi pembuangan kerja meninggal dunia.

Pindaan seksyen 30. Fasal 20 bertujuan untuk meminda seksyen 30 untuk membolehkan Mahkamah Perusahaan mengenakan faedah ke atas award pada kadar lapan peratus setahun atau apa-apa kadar yang lebih rendah bagi meningkatkan pematuhan terhadap award. Di

samping itu, satu proviso baharu di bawah subseksyen 30(6A) diperkenalkan bagi memberi kuasa kepada Mahkamah Perusahaan untuk menurunkan award berkaitan pembuangan pekerja yang melibatkan kes-kes *union busting* seksyen 4, 5 dan 7 tanpa terikat kepada sekatan di bawah Jadual Kedua.

Pindaan ini bertujuan untuk meningkatkan perlindungan terhadap pekerja, khususnya kepada pegawai-pegawai Kesatuan Sekerja. Selain itu, subseksyen 30(6B) baharu telah diperkenalkan bagi membenarkan gaji ke belakang atau pampasan sebagai ganti kepada pemulihan kerja atau kedua-duanya sekali diawardkan kepada waris yang terdekat pekerja yang meninggal dunia.

Manakala proviso di bawah subseksyen 30(7) yang menetapkan tarikh ke belakang sesuatu award kecuali award di bawah seksyen 20, 33 dan 56, tidak boleh melebihi enam bulan daripada tarikh rujukan ke Mahkamah Perusahaan dimansuhkan. Pindaan ini bertujuan untuk memberikan kuasa budi bicara kepada Mahkamah Perusahaan menetapkan tarikh ke belakang sesuatu award berdasarkan merit sesuatu kes tanpa terikat dengan tempoh enam bulan maksimum.

Pindaan seksyen 32. Fasal 21 bertujuan bagi membenarkan waris terdekat pekerja yang meninggal dunia menjadi pihak kepada award, dengan izin, *party to the award* yang melibatkan kes representasi pembuangan kerja.

Pindaan seksyen 33A. Fasal 22 bertujuan untuk memotong seksyen 33A berikutan dengan pengenalan mekanisme baharu rayuan terhadap award ke Mahkamah Tinggi.

Pindaan seksyen 33B. Fasal 23 merupakan pindaan berbangkit berikutan pengenalan mekanisme baharu rayuan terhadap award ke Mahkamah Tinggi.

Seksyen baharu 33C. Fasal 24 bertujuan untuk memperkenalkan seksyen 33C bagi memperjelaskan mekanisme baharu bagi proses rayuan terhadap award yang diperturunkan oleh Mahkamah Perusahaan ke Mahkamah Tinggi yang tidak menghadkan hanya kepada persoalan undang-undang sahaja. Ini bertujuan untuk mempercepatkan proses rayuan dan memberikan hak substantif kepada pihak yang terkilan untuk merayu atas persoalan fakta dan persoalan undang-undang.

Pindaan seksyen 40 dan seksyen 46. Fasal 25 dan 27 bertujuan untuk meminda subseksyen 40(3), subseksyen 46(1) dan subseksyen 46(2), Akta 177 untuk memansuhkan hukuman penjara dan menaikkan kadar denda bagi kesalahan berhubung piket, mogok dan tutup pintu daripada RM1,000 kepada RM5,000.

Subseksyen baharu 44A. Fasal 26 bertujuan memperkenalkan subseksyen 44A yang baharu bagi memberikan kuasa kepada Menteri menghentikan tindakan mogok atau tutup pintu jika ia membahayakan nyawa, keselamatan dan kesihatan awam.

Pindaan seksyen 47 dan seksyen 48. Fasal 28 dan 29 bertujuan untuk meminda seksyen 47 dan seksyen 48 dengan menaikkan kadar denda kepada RM5,000 bagi kesalahan menghasut atau memberikan bantuan kewangan kepada mogok haram dan tutup pintu haram dengan izin, *illegal strike and illegal lockout*.

Pindaan seksyen 52. Fasal 30 bertujuan untuk memperkenalkan subseksyen 52(3) yang baharu untuk membolehkan pekerja yang digajikan oleh badan berkanun untuk memfailkan representasi pembuangan kerja kepada Ketua Pengarah melalui perintah yang diwartakan oleh Menteri.

■1540

Pindaan seksyen 56, fasal 31 bertujuan untuk meminda seksyen 56 bagi meningkatkan kadar denda kepada RM50 ribu bagi memastikan pematuhan *award* subseksyen 3(A) yang baru diperkenalkan bagi membolehkan mahkamah memerintahkan jumlah *award* tertunggak dibayar kepada pekerja yang terlibat.

Pindaan seksyen 60, fasal 32 bertujuan untuk meminda seksyen 60 untuk memperjelaskan sebarang pelanggaran kepada peraturan-peraturan di bawah akta ini adalah menjadi satu kesalahan. Selanjutnya, kadar denda di bawah seksyen ini dinaikkan kepada RM50 ribu untuk memastikan pematuhan kepada akta ini.

Pindaan seksyen 62, fasal 33 bertujuan untuk meminda seksyen 62, Akta 177 bagi membolehkan Menteri membuat peraturan berkaitan dengan proses penentuan hak berunding tunggal.

Menggantikan Jadual Pertama, fasal 34 bertujuan untuk memperuntukkan senarai perkhidmatan perlu yang baharu dalam Jadual Pertama. Senarai perkhidmatan perlu yang baharu ini adalah setara dengan standard perburuhan antarabangsa kecualian dan peralihan.

Fasal 35 adalah fasal terakhir rang undang-undang ini yang memperkatakan peruntukan kecualian dan peralihan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, rang undang-undang ini adalah langkah pembaharuan undang-undang yang signifikan bagi menambah baik perlindungan dan kebajikan golongan pekerja di negara ini. Rang undang-undang ini juga secara keseluruhannya dapat menambah baik sistem penyelesaian pertikaian perusahaan yang sedia ada agar ia menjadi lebih berkesan dan juga lebih pantas.

Walaupun terdapat sesetengah pihak yang melahirkan kebimbangan dengan kewujudan kepelbagaian kesatuan sekerja susulan hasrat kementerian untuk menerapkan prinsip dalam konvensyen nombor 87 berhubung kebebasan berpersatuan, namun Kementerian Sumber Manusia berpandangan bahawa kepelbagaian kesatuan sekerja akan membolehkan pekerja-pekerja mempunyai lebih banyak pilihan untuk memilih kesatuan sekerja terbaik untuk mewakili dan memperjuangkan kepentingan mereka.

Pada masa ini, peruntukan undang-undang yang tidak membenarkan kepelbagaian kesatuan sekerja menyebabkan wujudnya monopoli dan manipulasi oleh sesetengah kesatuan sekerja. Keadaan ini menyebabkan pekerja tidak mempunyai pilihan dan motivasi untuk menyertai kesatuan sekerja tersebut yang akhirnya memberikan kesan negatif kepada kepadatan keahlian kesatuan sekerja di negara ini.

Peruntukan Akta 177 yang ditambah baik supaya selari dengan konvensyen ILO ini menunjukkan usaha dan komitmen kerajaan dalam merealisasikan janji Buku Harapan serta memastikan undang-undang buruh negara ini setara dengan standard dan instrumen sejagat seterusnya meningkatkan imej dan memudah cara penyertaan Malaysia dalam apa-apa jua perdagangan antarabangsa.

Akhir kata, saya memohon pindaan ini dilihat secara positif sebagai satu pakej yang akan memartabatkan kesatuan sekerja dalam jangka masa panjang dan akan memberikan faedah yang besar kepada golongan pekerja. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama yang tidak berbelah bagi dalam menjayakan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]: Saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Saya jemput, pertama sekali ada hampir 10 orang hendak bercakap. Siapa hendak boleh lagilah. Saya mulakan dengan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair.

3.45 ptg.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sebab memberi saya peluang untuk berucap bagi Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2019.

Tuan Yang di-Pertua, jelas terdapat penambahbaikan terhadap Akta Hubungan Perindustrian 1967 yang dibangkitkan oleh rang undang-undang pindaan kepada Akta 177 dan telah diluluskan di Dewan Rakyat baru-baru ini. Tidak dinafikan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MAF), Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) merupakan aset penting kepada pekerja. Malangnya mereka ini tidaklah merupakan kesatuan atau badan tunggal kerana ada badan yang ditubuhkan mengikut cita rasa yang pelbagai dan ini merumitkan lagi rundingan dibuat antara majikan, pekerja dan kerajaan.

Sudah tentu seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia, kerajaan telah mendengar pendapat dan pandangan daripada wakil majikan dan wakil kesatuan pekerja sebelum merumuskan akta ini untuk memastikan kepentingan semua pihak, *win-win situation*, dengan izin, kepada pekerja, majikan dan juga kerajaan. Undang-undang buruh di negara ini sudah usang kerana kebanyakannya digubal sekitar tahun 50-an, 60-an dengan hanya beberapa pindaan minima yang dilakukan oleh pentadbiran sebelum ini.

Apa yang penting, dengan pindaan ini kerajaan tidak lagi perlu menjadi orang tengah melalui Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan dalam merungkai sebarang bentuk pertikaian, perbezaan pendapat dan pandangan antara majikan dan pekerja terutamanya pindaan terhadap prosedur yang akan mempercepatkan rujukan kes-kes pemecatan pekerja dan pertikaian perjanjian kolektif kepada pertama kali merupakan pindaan secara menyeluruh bagi memastikan akta itu menuju ke arah Pematuhan Standard Perburuhan Antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Akta 177 merupakan undang-undang buruh utama yang mengawal selia hubungan antara majikan, pekerja dan kesatuan sekerja serta ia menyediakan mekanisme penyelesaian bagi sebarang bentuk pertikaian perhubungan perusahaan di antara pihak-pihak yang terlibat. Ini adalah untuk mengalahkannya suasana perhubungan perusahaan yang harmoni di negara ini. Ia terpakai kepada semua majikan- kesatuan sekerja, majikan- pekerja dan kesatuan sekerja- pekerja di negara ini.

Akta 177 ini adalah untuk memastikan peruntukan di bawah akta ini adalah sekurang-kurangnya setara dengan piawaian perhubungan antarabangsa- *International Labor Organization*. Antaranya berkaitan *Freedom of Association and Protection of the Right to Organize Convention 1948* atau dirujuk CO87. Diharapkan dengan pindaan ini, ia dapat

meningkatkan martabat golongan pekerja dan memastikan perlindungan hak pekerja setara dengan piawaian antarabangsa termasuk konvensyen-konvensyen yang digariskan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa. Juga secara keseluruhannya dapat menambah baik sistem penyelesaian pertikaian perusahaan sedia ada agar ia menjadi lebih mudah, berkesan dan pantas.

Jelas pindaan seksyen 20, fasal 12 bertujuan untuk meminda kuasa Menteri di bawah seksyen ini kepada Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan. Di samping itu, kuasa budi bicara sama ada untuk merujuk atau tidak merujuk sesuatu representasi berhubung pembuangan kerja ke Mahkamah Persekutuan juga dimansuhkan bagi membolehkan semua kes terus dirujuk ke Mahkamah Perusahaan.

■1550

Tentang ada merit atau tidak, kes pembuangan kerja itu dirujuk terus ke mahkamah. Ini bertujuan untuk mempercepatkan proses penyelesaian kes dan membolehkan pekerja mendapatkan keadilan hak untuk didengar di mahkamah. Pindaan ini akan mengurangkan segala birokrasi dan juga memendekkan masa untuk kes-kes dirujuk ke Mahkamah Perusahaan.

Untuk kepentingan pekerja dan juga majikan, kerajaan wajar melakukan pindaan seksyen 40 dan 46, Fasal 25 dan 27. Tujuan untuk meminda seksyen 40(3) dan subseksyen 46(1), dan subseksyen 46(2), Akta 177, adalah untuk memansuhkan hukuman penjara dan hanya menaikkan kadar denda dengan kesalahan berhubung dengan piket, mogok, dan *closed shop*, dengan izin, daripada RM1,000 kepada RM5,000.

Menggantikan Jadual Pertama, fasal 34, dengan senarai perkhidmatan perlu- *essential services* yang baharu adalah wajar sekali. Ini mengurangkan bilangan perkhidmatan penting-*essential services* dalam Jadual Pertama. Ini adalah setara dengan standard perhubungan antarabangsa.

Kerajaan sedang memastikan Undang-undang Buruh negara ini selari dengan piawaian global untuk meningkatkan imej dan memudahkan lagi cara penyertaan negara dalam apa-apa juga perdagangan antarabangsa. Dengan pindaan ini, kerajaan dapat juga mewujudkan beberapa seksyen dalam pindaan ini untuk melindungi hak semua pekerja. Antaranya, konsolidasi proses pengesahan kesatuan sekerja dengan meletakkan kuasa di tangan Jabatan Perhubungan Perusahaan. Mempertimbangkan situasi pekerja yang kurang upaya dan yang sudah meninggal dunia dalam kes-kes Mahkamah Perusahaan dan disentralisasikan kuasa Yang Berhormat Menteri kepada Ketua Pengarah untuk mempercepatkan proses merujuk kes-kes pertelingkahan pekerja ke Mahkamah Perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua, timbulkan juga isu kuasa yang tidak seimbang di antara majikan dan pekerja adalah punca utama pendapatan bahagian buruh ataupun *labour share of income*, dengan izin, ataupun *compensation of employees*, berada di tahap 35 peratus. Manakala pendapatan bahagian buruh di negara-negara Eropah termasuklah Singapura di ASEAN, adalah lebih kurang 50 peratus sehingga 60 peratus.

Di sini, sebenarnya produktiviti pekerja dan hasil pulangan majikan yang menentukan kriteria ini. Kesatuan sekerja haruslah peka bahawa produktiviti pekerja kita perlu dinaikkan. Jika tidak, jurang produktiviti dan pendapatan pekerja akan semakin lebar. Pada umumnya, hampir 30 pindaan akta ini, adalah penambahbaikan untuk memberikan perlindungan dan kebajikan kepada kaum pekerja di seluruh negara.

Pekerja ataupun majikan dan kesatuan sekerja adalah rakan kongsi yang terbaik untuk mereka sama-sama berusaha untuk memastikan kejayaan terutama dalam perancangan untuk membentuk sebuah negara berdaya saing. Kesatuan sekerja adalah mekanisme untuk melindungi kepentingan pekerja secara kolektif.

Akan tetapi, ia harus juga mempunyai tanggungjawab terhadap pekerja dan majikan dalam memelihara mercu jaya ekonomi negara. Bukan semua tuntutan mereka boleh dilaksanakan. Jika tuntutan yang dibuat tidak setimpal dengan produktiviti dan tidak sejajar dengan hasrat majikan, nescaya kilang dan syarikat akan berpindah ke negara lain dan pekerja yang ada sekarang tidak ada pendapatan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri telah menyangkal dengan jitu sekali beberapa dakwaan tidak berasas oleh MTUC dan MEF yang mendesak Dewan Negara agar menolak Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2019. Penerangan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri adalah cukup jelas. Jelas juga MTUC telah mengemukakan cadangan pindaan yang komprehensif untuk ketiga-tiga akta tersebut dalam usaha menambah baik kebajikan pekerja dan membela nasib golongan kita itu.

Kementerian juga telah mendapat sokongan MTUC Sarawak, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan para aktivis. Kementerian Sumber Manusia juga telah mengambil inisiatif untuk mendapatkan pandangan orang awam secara *online* berhubung pindaan kepada akta itu, tanpa menghadkan kepada anggota *tripartite* sahaja. Kementerian juga telah mendapat sokongan daripada pemegang taruh- *stakeholders*.

Akta Perhubungan Perusahaan 1967 ini merupakan sebuah akta yang mengawal selia hubungan antara majikan dan pekerja serta kesatuan sekerja dalam bentuk pencegahan dan penyelesaian apa-apa perselisihan antara mereka.

Justeru, pindaan ini adalah satu perubahan besar ke arah kewujudan kesatuan sekerja yang lebih efektif dan dapat membawa kepada sistem perhubungan perusahaan yang dinamik.

Mengkaji semula Akta Perhubungan Perusahaan 1967, dan Akta Kesatuan Sekerja 1959, adalah searus dengan janji Manifesto Pakatan Harapan pada Pilihanraya Umum Ke-14. Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2019 ini adalah satu langkah pembaharuan undang-undang yang signifikan bagi menambah baik perlindungan dan kebajikan golongan pekerja di negara ini dan juga ia akan memberikan manfaat kepada majikan.

Kerajaan telah menetapkan Gaji Minimum Kebangsaan, Akta Umur Persaraan Minimum, Sistem Insurans Pekerjaan dan banyak faedah lain tanpa persetujuan yang dicapai antara MTUC dan MEF dalam perkara ini.

Inilah contoh bagaimana dalam praktiknya, kerajaan dapat tiba di tengah-tengah isu yang berkaitan dengan tenaga kerja. Dicadangkan dalam bidang kerja yang tidak menentu, Skim Insurans Pekerjaan harus diperluaskan dan jika perlu diwajibkan dalam kalangan pekerja sebagai *safety net*. Ini bagi memastikan mereka yang diberhentikan, mendapat ruang kebajikan yang sebaiknya dalam mendapat pekerjaan.

Cuma satu isu sahaja, iaitu kementerian telah terpandang seksyen 50. Walaupun tidak ada apa-apa cadangan untuk dipinda di dalam RUU ini, saya memohon kementerian menyemak balik seksyen 50. Ini lebih kurang macam Akta SOSMA dan ini hendaklah disemak balik.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2019 iaitu suatu akta untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan diharap ini boleh diluluskan di dalam Dewan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu.

3.58 ptg.

Puan Raj Munni binti Sabu: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas laluan kepada saya untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2019. Suatu perkara yang serius yang perlu diberikan keutamaan penting adalah kerajaan telah mencadangkan untuk meminda akta ini supaya ia memberi kebebasan yang lebih luas bagi membolehkan pekerja-pekerja menubuhkan dan menyertai kesatuan sekerja di dalam negara ini.

Sekatan yang amat ketara telah berlaku sebenarnya sejak daripada zaman penjajahan *British* yang telah mengakibatkan kadar penubuhan kesatuan sekerja dalam negara hanya

berada pada kadar yang sangat rendah iaitu kurang daripada 10 peratus daripada jumlah pekerja-pekerja yang ada di dalam negara kita. Selepas lebih daripada 60 tahun peraturan yang naratifnya adalah daripada penjajahan, akan ditamatkan sebenarnya bermula daripada kelulusan rang undang-undang pada hari ini, pindaan pada hari ini.

Pada saya, kerajaan telah meletakkan satu asas ataupun satu tanda kemerdekaan yang lengkap untuk para pekerja yakni hasil daripada cadangan-cadangan pindaan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri. Tidak boleh tidak, saya kira perlu untuk kita rakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada kementerian yang khususnya kepada Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri atas usaha keras dan inisiatif libat urus yang merata dengan pelbagai pihak dan peringkat *stakeholders*.

■1600

Saya mengambil maklum bahawa wujud pelbagai reaksi di kalangan *stakeholders* terhadap cadangan-cadangan pindaan ini dan saya kira bersama teman-teman Jawatankuasa Majlis Senator Malaysia, kita telah pun bertemu dengan khususnya kedua-dua pihak yang bertentanganlah. Ada yang bersetuju dan ada yang tidak bersetuju tapi pada keseluruhannya kami boleh memberikan pandangan ataupun saya bagi pihak Majlis Senator juga boleh memberikan pandangan bahawa pindaan yang telah dibentangkan pada hari ini telah membuka jalan kepada pengesahan Konvensyen 87 mengenai kebebasan berserikat, itu yang pertama.

Kedua, kita mengambil maklum akan segala usaha dan program libat urus, yang disebutkan tadi ada 14 sesi libat urus yang turut melibatkan kesatuan-kesatuan daripada Sabah dan Sarawak yang telah bermula daripada Disember 2018, berakhir pada 4 September 2019 saya lihat, yang telah pun dijalankan oleh pihak Kementerian Sumber Manusia dan saya berpandangan bahawa ia adalah menyeluruh. Libat urus yang berkaitan dengan pindaan Akta 177 sahaja dan juga Akta 262 telah dilakukan dan ada diwujudkan juga Jawatankuasa Teknikal Pindaan Akta 177 yang melibatkan MTUC, MEF, MAPPA dan CUEPACS.

Walaupun kita boleh membaca beberapa laporan mengatakan bahawa pihak kerajaan gagal untuk mengadakan konsultasi dengan pihak-pihak *stakeholders* yang berkepentingan tetapi daripada hasil laporan dan juga kita boleh dapatkan maklumat-maklumat daripada pegawai-pegawai yang terlibat bahawa konsultasi itu wujud. Saya juga berpendirian bahawa pindaan kepada Akta 177 yang dibentangkan pada kali ini mempunyai banyak manfaat.

Pertamanya ia selaras dengan Konvensyen ILO 87 mengenai kebebasan berserikat, dan kedua, rayuan terus ke Mahkamah Tinggi untuk memudahkan dan supaya ia lebih mudah kepada para pekerja yang ingin mencabar keputusan Mahkamah Perusahaan.

Ketiga, tiada had pampasan bagi kes-kes yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, *union busting* kepada ahli-ahli kesatuan.

Keempat, *removed* kuasa yang ada pada Menteri untuk membenarkan rujukan automatik adalah terus kepada mahkamah induk.

Saya kira ini adalah bertepatan dengan semangat kerajaan baharu Pakatan Harapan bahawa Menteri bersedia untuk mengurangkan kuasanya untuk kepentingan para pekerja dan rakyat. Sekiranya itu boleh memberikan kebaikan kepada rakyat dan negara sama ada- saya lihat Perdana Menteri juga sanggup mengurangkan kuasanya, Menteri-menteri juga sanggup mengurangkan kuasanya dan pada saya pindaan pada kali ini adalah seiring dengan roh kerajaan baharu Pakatan Harapan.

Majikan juga membayar kenaikan penalti dan kepentingan jika mereka tidak mematuhi keputusan-keputusan mahkamah itu juga kita boleh lihat daripada pindaan hari ini. Cuma Tuan Yang di-Pertua, saya mungkin saya tidak akan membahaskan panjang sebab maklumat pada saya ada daripada kedua-dua pihak, yang pro dan kontra. Akan tetapi pada keseluruhannya kita boleh melihat pindaan-pindaan ini adalah memberi sangat kebaikan kepada para pekerja dan mungkin ini boleh menjawab satu masalah rumit yang berada di dalam kalangan masyarakat kita yang disebutkan masalah sebenar rakyat itu adalah tangga gaji mereka.

Di mana kos hidup begitu meningkat dengan ketara tetapi pendapatan relatif rendah dan hampir tidak bergerak dan kalau kita lihat mengkaji keseluruhan ini lagi ia adalah kerana wujudnya monopoli kuasa dan kawalan daripada pihak-pihak tertentu dalam kalangan kesatuan sekerja itu juga. Mungkin kelihatannya berlaku, cuma saya mohon kepada Menteri dan kementerian Yang Berhormat Menteri supaya melihat perkara ini secara lebih serius sebab sekira ia tidak diuruskan dengan baik saya lihat *politicking* yang berlaku di peringkat kesatuan sekerja itu jauh lebih teruk berbanding *politicking* yang ada di dalam parti politik dan juga politik negara.

Jadi sekiranya *politicking* di dalam kesatuan sekerja itu, dalam pada dihadkan kesatuan sekerja itu kerana dihadkan menjadi monopoli itu berlaku, kawalan yang ketat itu lebih berlaku, mereka tidak ada banyak pilihan. Jadi kalau ini terus terjadi dalam negara kita, saya kira ia akan membawa masalah untuk mereka memahami dan bekerjasama dengan kerajaan untuk memacu kepada kejayaan yang lebih baik dalam ekonomi negara kita. Saya kira cukup setakat itu, saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Puan Raj Munni dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying.

4.05 ptg.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih di atas peluang yang telah diamanahkan kepada saya bagi membahaskan rang undang-undang ini yang bertujuan untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Satu akta yang telah lama ketinggalan zaman atau, dengan izin, *outdated* dan tidak relevan dengan keadaan pasar buruh sekarang.

Cadangan pindaan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 yang telah diusulkan oleh Kementerian Sumber Manusia ini sememangnya disambut dan disokong dengan baik kerana ia mengandungi pelbagai kebaikan kepada kaum pekerja yang merupakan tulang belakang negara yang tercinta kita ini.

Pindaan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 juga adalah sebahagian daripada janji nombor 35, manifesto pilihan raya Pakatan Harapan yang antara lain berhasrat untuk memastikan perlindungan hak pekerja adalah setara dengan standard perburuhan antarabangsa dan mematuhi konvensyen-konvensyen yang ditetapkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa atau, dengan izin, *International Labour Organization*.

Sebanyak 32 pindaan telah dicadangkan oleh Menteri Sumber Manusia di dalam rang undang-undang ini dan 18 daripada pindaan itu membabitkan golongan pekerja serta ia mampu memberikan kebaikan kepada 12.7 juta pekerja di negara kita.

Saya juga ingin menekankan di sini bahawa *UNI-Malaysia Labour Centre* yang mewakili 104 kesatuan, dan *Labour Reform Coalition* yang terdiri daripada 54 kesatuan dan beberapa NGO juga menyokong pindaan tersebut. Begitu juga dengan sebahagian besar pimpinan utama MTUC.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya pindaan-pindaan yang dibawa ke Dewan yang mulia ini adalah amat positif kepada warga pekerja. Khususnya kepada pekerja sektor swasta di negara ini, ia mengandungi pelbagai penambahbaikan kepada pekerja-pekerja.

Antara lain ia membuka jalan ke arah ratifikasi Konvensyen Pertubuhan Antarabangsa Buruh 87 atau lebih dikenali sebagai C87 di mana ia merangkumi hak kebebasan berpersatuan. Isu ini telah diperjuangkan oleh kesatuan-kesatuan sejak 60 tahun dahulu tetapi kerajaan sebelum ini tidak menghiraukan kepentingan pekerja. Selaras dengan prinsip Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa 87, mengenai *Freedom of Association and Protection of the Right to Organise Convention 1948*, dengan izin, penubuhan Kesatuan Pekerja tidak akan dihadkan mengikut trend industri atau pekerjaan.

Ini akan membenarkan kewujudan lebih daripada satu Kesatuan Sekerja dalam satu organisasi iaitu boleh mewujudkan kepelbagaian Kesatuan Sekerja, dengan izin, *multiplicity of trade unions*. Jika itu yang dikehendaki oleh para pekerja dalam satu organisasi atau tempat pekerjaan, kita harus mengambil maklum bahawa ILO telah menjelaskan bahawa kepelbagaian kesatuan pekerja adalah teras utama prinsip kebebasan berpersatuan yang memberi hak kepada pekerja-pekerja untuk menubuhkan dan menyertai kesatuan sekerja atas pilihan mereka sendiri tanpa sekatan.

Pindaan ini tidak akan melemahkan kesatuan tetapi sebaliknya akan mempertingkatkan lagi prestasi pimpinan kesatuan kerana terdapat peruntukan-peruntukan yang membolehkan pekerja memilih kesatuan sekerja pilihan mereka untuk mewakili mereka dalam hak berunding atau, dengan izin, dalam *collective bargaining* sekiranya terdapat lebih daripada satu kesatuan sekerja yang diiktiraf untuk mewakili pekerja.

Peruntukan-peruntukan ini akan memastikan hanya kesatuan sekerja yang memperoleh bilangan undi tertinggi mempunyai hak berunding tunggal untuk mewakili pekerja dalam perunding kolektif. Tuan Yang di-Pertua, saya melihat pindaan-pindaan ini sebagai satu agenda utama bagi mereformasi kesatuan sekerja di Malaysia.

Dalam pembentukan rang undang-undang ini secara tidak langsung akan memberikan satu kesan yang besar kepada pekerja di Malaysia bagi menyatakan hak dan pendirian mereka dalam isu hak sekerja. Seperti yang kita semua sedia maklum, pada masa sekarang pergerakan kesatuan sekerja di negara ini adalah lemah.

■1610

Kalau tidak salah, dengan izin, *the presence of unionization* hanya empat peratus sahaja dan dari ini hanya dua peratus di-cover oleh *collective agreement*, begitu rendah sekali. Dengan cadangan pindaan ini, saya percaya peratusan pekerja yang berkesatuan boleh meningkat. Dengan adanya lebih ramai pekerja berkesatuan, sudah tentu pekerja-pekerja dapat berunding untuk mengadakan perjanjian kolektif dengan majikan bagi menambah baik terma pekerjaan untuk pekerja-pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, antara faedah lain dalam RUU ini yang menarik perhatian saya ialah fasal 19 dan fasal 20. Fasal 19 bertujuan untuk meminda seksyen 29, Akta Ibu untuk membolehkan pembicaraan kes pembuangan kerja di Mahkamah Perusahaan akan diteruskan walaupun pekerja telah meninggal dunia. Manakala fasal 20 bertujuan untuk memasukkan satu subseksyen baharu untuk membenarkan Mahkamah

Perusahaan memberikan pampasan sebagai ganti pengambilan kerja semula kepada waris terdekat pekerja yang telah meninggal dunia.

Kedua-dua fasal ini merupakan suatu perkembangan positif yang saya sokong sepenuhnya kerana jika pembuangan tersebut dapat dibuktikan, maka ahli keluarga atau waris, suami, isteri atau anak-anak boleh mendapat sedikit pampasan dalam bentuk kewangan dan dapat membantu mereka dalam menempuhi kehidupan dan mengurangkan beban mereka. Saya menyambut baik cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu platform yang amat bersesuaian bagi saya menekankan mengenai kedudukan upah Malaysia walaupun sudah mencapai merdeka lebih 60 tahun, namun begitu kedudukan upah kepada GDP masih rendah. Persoalan saya ialah adakah kerana para majikan di negara ini sangat tidak berminat untuk membayar gaji yang lebih tinggi kepada pekerja-pekerja dan ini telah menyebabkan, dengan izin, *ratio CE to GDP* hanya berada pada tahap 35.7 peratus sahaja atau kesatuan sekerja di Malaysia ini tidak mempunyai pengaruh yang kuat dan tidak cukup dalam memberi tekanan kepada majikan agar memberi gaji yang lebih tinggi kepada pekerja.

Mari kita mengambil beberapa negara jiran kita sebagai contoh untuk membuat perbandingan. Contohnya Singapura telah melaporkan bahawa pada tahun 2019, dengan izin, *ratio GE to GDP* adalah 39.7 peratus, di New Zealand 43 peratus dan di Australia 47.1 peratus. Tambahan lagi di negara Korea Selatan kini mempunyai *ratio GE to GDP* pada kadar 45.7 peratus dan sebelumnya mereka pernah mencecah kedudukan ekonomi yang hampir setangga dengan negara Malaysia. Dengan inisiatif pindaan ini saya amat berkeyakinan bahawa *ratio GE to GDP*, *CE to GDP* negara kita juga menjelang empat atau lima tahun yang akan datang akan mencecah ke suatu tahap yang akan membanggakan kita semua selaku rakyat Malaysia.

Malaysia merupakan antara negara yang sedang membangun dan akan mencapai taraf negara maju dalam tempoh terdekat. Wawasan 2020 seperti aspirasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan juga digagaskan mulai tahun hadapan. Dengan ini saya berharap kadar gaji pekerja di negara ini haruslah dinaikkan supaya Malaysia tidak lagi dianggap sebagai sebuah negara *low-wage nation income*, dengan izin. Semoga dengan pindaan akta ini akan memberikan satu nafas baharu kepada seluruh pekerja di Malaysia. Saya yakin dan percaya dengan pembaharuan ini dapat memberi motivasi yang baik kepada seluruh pekerja dan sekeluarga.

Tuan Yang di-Pertua, demokrasi merupakan sistem bagi pemerintahan negara kita. Selaras dengan ini, kita harus menampakkan satu hala tuju yang lebih positif bagi menghapuskan monopoli dari segi aspek kepimpinan kesatuan sekerja seperti mana yang kita hadapi sejak 60

tahun yang lalu. Kewujudan kepelbagaian kesatuan sekerja tanpa sebarang urusan campur tangan dari pihak kerajaan telah lebih jelas menampakkan bahawa kita kini menuju ke arah kepimpinan yang lebih tulus.

Satu lagi perubahan baik yang akan saya sokong adalah dengan adanya fasal 10 dalam RUU ini iaitu pengenalan seksyen baharu 12A dan 12B. Saya percaya sebarang konflik tentang siapakah yang bakal mendapat hak untuk merundingkan perjanjian kolektif, dengan izin, *collective agreement* dapat ditentukan secara demokratik di mana pekerja sendiri boleh mengundi secara bebas dalam penentuan hak ini. Bak kata pepatah, dengan izin, "*May the best man wins*" dan dalam konteks RUU ini, "*May the best trade union wins*", dengan izin.

Seterusnya di dalam fasal 12 iaitu pindaan-pindaan kepada seksyen 20 Akta Ibu, cadangan Yang Berhormat Menteri untuk melepaskan kuasa budi bicara beliau bagi merujuk kes pembuangan kerja ke Mahkamah Perusahaan juga adalah satu perubahan dasar yang drastik dan saya menyambut baik hasrat ini. Bagi saya, ini dapat memberi keadilan kepada pekerja-pekerja yang dibuang kerja di samping dapat mempercepatkan urusan rujukan kes ke Mahkamah Perusahaan. Biarlah mahkamah sendiri yang membicarakan kes ini dan memberikan keputusan yang adil.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah sedikit sebanyak perbahasan saya mengenai RUU ini dan dengan ini saya menyokong sepenuhnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker.

4.16 ptg.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi saya peluang untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2019. Jika diimbis secara kasarnya pindaan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [*Akta 177*] ini seperti apa yang dijelaskan oleh pihak Kementerian Sumber Manusia adalah merupakan sebahagian daripada kajian holistik dan pematuhan standard piawaian antarabangsa bagi mentransformasikan landskap perhubungan perusahaan di negara ini.

Pindaan Akta 177 sebelum ini telah pun melalui pembentangan yang dibuat oleh pihak kementerian sebanyak enam kali pindaan sehingga yang terakhir ialah pada tahun 2014. Apa yang menarik perhatian saya selama ini ialah pindaan ini melibatkan 29 pindaan dan empat peruntukan baharu iaitu saya kira satu pindaan yang cukup banyak selaras dengan transformasi yang ingin dilaksanakan oleh kementerian. Namun begitu, perhatikan begitu banyak pindaan dan

peruntukan baharu yang digariskan, terdapat satu persoalan yang terlintas adakah kementerian tidak berpendapat bahawa pembentangan pindaan pada kali ini merupakan satu langkah yang kelihatan tergesa-gesa.

Ketika dibentangkan pada Dewan Rakyat pada 9 Oktober yang lalu, sesi perbincangan hanya dilakukan selama dua jam sahaja. Apakah ia mencukupi untuk kita meneliti dan memperhalusi pindaan-pindaan ini dalam usaha kita untuk menjaga kebajikan serta membela nasib 15.51 juta tenaga buruh yang terdapat di negara ini.

Malah ketika pindaan ini dibentangkan di Dewan Rakyat dan baru-baru ini juga, kita sedia maklum mengenai pihak Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) yang dengan tegasnya menolak pindaan akta ini dengan dakwaan pindaan ini dibentangkan tanpa persetujuan kesatuan dan Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF).

Saya ingin mendapatkan penjelasan mengenai sejauh manakah dakwaan salah guna kuasa Yang Berhormat Menteri oleh MTUC apabila ia dikatakan telah menghantar cadangan pindaan tiga undang-undang perburuhan iaitu Akta Kesatuan Sekerja 1959, Akta Kerja 1955, dan Akta 177 ini kepada Jabatan Peguam Negara untuk diluluskan walaupun belum lagi diperbincangkan ataupun diperakui diiktiraf oleh Jawatankuasa Teknikal dan Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC).

Persoalan saya yang seterusnya apakah pandangan kementerian mengenai isu yang dikatakan meminggirkan Jawatankuasa Teknikal dan NLAC ini secara tidak langsung telah melanggar Konvensyen 144, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) iaitu *Tripartite Consultation*. Maka wajarlah pindaan akta ini dipulangkan kembali untuk dibincangkan di peringkat NLAC seperti yang dijanjikan dalam mesyuarat NLAC sebelum ini.

Seterusnya, saya turut ingin mendapatkan penjelasan dari pihak kementerian mengapakah dikatakan wujud kelompok yang bersetuju dan tidak bersetuju dalam pindaan akta ini. Kononnya MTUC Sarawak menyokong pelaksanaan pindaan ini, namun MTUC semenanjung pula menentang. Apakah wujudnya *conflict of interest* ini dari pihak-pihak tertentu sepanjang tempoh perbincangan dilakukan? Akan tetapi hari ini Setiausaha MTUC Sabah, Catherine Jikunan menafikan MTUC Sabah pernah memberi persetujuan pada pindaan seperti yang telah dikatakan- diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia.

■1620

Bagaimanakah boleh berlakunya percanggahan fakta seperti ini? Pihak kementerian seharusnya mengambil inisiatif bertemu dan berjumpa dengan ke semua pihak, tidak kira yang sokong atau yang membantah untuk memastikan bahawa mendapat permuafakatan.

Puan Raj Murni binti Sabu: *[Bangun]*

Dato' Sri Ti Lian Ker: Itu adalah tanggungjawab dan peranan kementerian dalam mengumpul pandangan, pendapat secara kolektif.

Puan Raj Murni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan kalau boleh. Yang Berhormat Senator terima kasih bagi laluan.

Cuma saya ingin bertanya pada Yang Berhormat adakah Yang Berhormat tahu bahawa yang saya sebutkan tadi kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya disemak *politicking* yang ada dalam MTUC sebab kita juga menerima sebenarnya memorandum bersetuju terhadap pindaan Rang Undang-undang ini daripada yang di tandatangan oleh Timbalan Presiden MTUC dan juga Timbalan Setiausaha Agung MTUC.

Oleh sebab itu saya kira kerajaan perlu serius melihat perkara ini sebab satu pihak menentang, satu pihak lagi menolak dan di situ saya lihat adanya *politicking* pihak-pihak tertentu dengan menolak sebenarnya keutamaan kebajikan pekerja. Yang Berhormat Dato' Sri, adakah bersetuju, adakah tahu bahawa kita juga menerima memorandum sokongan.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Sebenarnya kalau hendak katakan *politicking* ini bukan dari satu pihak. Mungkin di pihak kementerian ataupun Yang Berhormat Menteri-menteri pun ada juga tuduhan bahawa ada *politicking*. Kononnya MTUC juga ada berjumpa dengan saya mengatakan bahawa Yang Berhormat Menteri sebenarnya bersetuju dengan pendapat mereka tetapi setelah itu telah mengelakkan diri kerana terpaksa, kerana ada *politicking* juga, terpaksa tunduk pada tekanan-tekanan. Itu lah tuduhan mereka tetapi saya tidak mahu bahawa di sini, kerana ini *by word of mouth*.

Maka *politicking* ini- sebenarnya itulah yang saya maksudkan. Sebelum kita melaksanakan apa jua pindaan untuk memastikan tidak ada lapisan-lapisan *politicking*, kita seharusnya lebih menyeluruh dan lebih teliti supaya tidak ada ruang-ruang ataupun tidak nampak *justice rush* ataupun *hurried* di mana kita seakan-akan ada tekanan politik untuk meminda ini secepat mungkin ataupun ada tekanan-tekanan tertentu, kuasa-kuasa tertentu dan sebagainya.

Pihak kementerian tidak perlu tergesa-gesa untuk melaksanakan pindaan ini. Jika pandangan semua pemegang diambil kira dan sekiranya ada ketidak persetujuan, saya rasa kita ada masa lagi untuk membincangkan, memberi ruang perbincangan seperti yang telah ditetapkan oleh peraturan-peraturan dan sebagainya.

Saya juga ingin menyentuh serba sedikit mengenai pindaan yang dicadangkan melalui fasal 12 yang bertujuan bagi meminda seksyen 20 yang menggantikan kuasa Yang Berhormat Menteri dengan kuasa Ketua Pengarah untuk merujuk presentasi pembuangan kerja oleh pekerja

kepada Mahkamah Perusahaan bagi mempercepat proses. Saya menyambut baik pindaan Fasal ini yang akan membantu mana-mana pekerja atau majikan yang mungkin teraniaya dalam apa jua kes.

Namun begitu, persoalan saya sekiranya terdapat kes-kes yang tidak dirujuk kepada Ketua Pengarah, apakah keadaan ini akan menyebabkan pekerja, kesatuan ataupun majikan yang terlibat perlu mengeluarkan wang perbelanjaan bagi tujuan mencabar keputusan ini di peringkat Mahkamah Tinggi. Apakah juga penjelasan mengenai dengan penurunan kuasa oleh Yang Berhormat Menteri ini secara tidak langsung akan mendedahkan kuasa yang berlebihan kepada Ketua Pengarah tersebut?

Sejauh manakah hak bidang kuasa Ketua Pengarah dalam perkara ini bagi memastikan tidak wujud sebarang manipulasi kuasa bagi apa jua kes yang melibatkan pekerja, kesatuan mahupun majikan.

Saya turut ingin mendapatkan penjelasan daripada jumlah 24,600 orang pekerja yang telah diberhentikan dari Januari sehingga September 2019, berapa ramai kah yang telah dirujuk ke Mahkamah Perusahaan sepanjang tahun ini. Seterusnya bagi Fasal 10, hak perunding tunggal. Pindaan ini akan membenarkan kewujudan lebih daripada satu kesatuan sekerja dalam satu organisasi dan difahamkan peruntukan mengenai permohonan bagi hak perunding tunggal akan diperkenalkan untuk membolehkan pekerja memilih kesatuan sekerja pilihan mereka sekiranya terdapat lebih daripada satu kesatuan sekerja yang diiktiraf untuk mewakili pekerja. Ini juga akan menghangatkan *politicking*.

Persoalan saya, sejauh manakah kewujudan lebih banyak kesatuan dalam satu organisasi dapat menjadikan persekitaran organisasi tersebut menjadi lebih harmoni. Bagaimana pula sekiranya memang akan wujud lebih daripada satu kesatuan sekerja yang memperoleh undi yang sama bagi mendapatkan hak perunding tunggal. Bukankah itu akan menjadikan segala-galanya menjadi lebih keruh dan akan membawa kepada *divide and rule* dan sebagainya di mana inilah lumrah dilakukan di dalam negara kita, di mana kita mempunyai kepelbagaian bahasa, bangsa, budaya dan sebagainya.

Maka prinsip *divide and rule* ini selalu dilaksanakan lebih-lebih lagi oleh mereka yang ada kepentingan dan sebagainya. Oleh yang demikian, saya meminta pihak kementerian untuk mempertimbangkan semula pelaksanaan pindaan akta ini memandangkan impaknya akan dirasai oleh 15.51 juta tenaga buruh di Malaysia dan ianya bukanlah satu perkara yang kecil, yang remeh yang kita tidak perlu memberi perhatian dan kebimbangan dan sebagainya. Pelaksanaan dasar secara tergesa-gesa ini hanya akan memburukkan lagi keadaan jika ia

dirangka dengan tidak berhati-hati ataupun dengan tidak baiknya. Itulah yang saya ingin utarakan untuk dibahaskan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker. Terima kasih banyak dan sekarang saya minta pula Yang Berhormat Senator Dato' Husain bin Awang.

4.26 ptg

Dato' Husain bin Awang: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam.*

Dato' Husain bin Awang: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang (Pindaan) Akta Perhubungan Perusahaan 1997 dalam sidang hari ini. Seperti mana yang kita sedia maklum, Akta Perhubungan Perusahaan 1967, atau Akta 177, merupakan undang-undang buruh utama yang mengawal selia hubung kait di antara pekerja, majikan dan kesatuan sekerja. Oleh itu kita perlu meneliti dengan lebih mendalam sebarang perubahan peruntukan dalam akta ini bagi memastikan hak....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebentar ya.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Husain bin Awang: Oleh itu kita perlu meneliti dengan lebih mendalam sebarang perubahan peruntukan dalam akta ini bagi memastikan hak di antara ketiga-tiga pemegang taruh ini senantiasa terpelihara di samping menyediakan satu mekanisme penyelesaian yang terbaik bagi menangani sebarang bentuk pertikaian perhubungan perusahaan yang timbul.

Isu utama yang saya ingin sentuh berkenaan dengan pindaan yang dibentangkan adalah pindaan seksyen 20, Akta 177 iaitu pada fasal 12. Ia menjelaskan pemindahan kuasa daripada pihak Yang Berhormat Menteri kepada Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan dalam menentukan merit sesuatu kes untuk dibawa ke Mahkamah Perusahaan. Pindaan ini juga bertujuan merujuk kes-kes yang tidak mencapai kata sepakat dalam proses perundingan damai seperti yang terkandung dalam sub seksyen 2 ke Mahkamah Persekutuan. Saya berpandangan, ia suatu pindaan yang baik memandangkan proses birokrasi dapat dikurangkan dalam menyelesaikan kes-kes pemberhentian kerja yang tertunggak sekian lama.

Namun satu perkara yang saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian, apakah Ketua Pengarah Negeri-negeri turut diberi kuasa yang sama bagi memastikan kelancaran proses rundingan damai atau *reconciliation* dilakukan seterusnya merujuk kes-kes tertentu kepada Mahkamah Perusahaan.

■1630

Apa yang penting adalah pindaan ini juga turut merangkumi pemansuhan terhadap kuasa budi bicara sama ada mahu meneruskan representasi kes pemberhentian kerja ke Mahkamah Perusahaan atau tidak selepas proses rundingan damai gagal mencapai sasaran yang diharapkan. Maka selepas ini, semua kes-kes pemberhentian kerja akan terus dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan jika proses rundingan damai bersama Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan tidak mencapai kata sepakat dan diharapkan ia dapat mempercepatkan proses keadilan kepada pihak pekerja dan majikan.

Walaupun secara asasnya kita menyokong pembaharuan-pembaharuan yang dilakukan ini, namun apa yang memerlukan penjelasan lanjut daripada pihak kementerian adalah sejauh mana kos guaman bagi pihak pekerja akan diringankan. Hal ini kerana sudah pasti bagi pihak pekerja sukar untuk mereka mendapat peguam disebabkan kos guaman yang tinggi selain kekangan kewangan yang dihadapi selepas proses pemberhentian kerja. Justeru, perkara ini juga perlu diteliti dan dijelaskan oleh pihak kementerian.

Isu kedua yang saya ingin bangkitkan adalah berkenaan Laporan Jawatankuasa Tenaga Kerja yang menunjukkan 24,600 orang telah dibuang kerja sepanjang Januari hingga September tahun ini dengan sektor pembuatan mencatatkan jumlah pembuangan pekerja tertinggi iaitu 7,994 orang. Berdasarkan jumlah tersebut, berapakah kes yang telah dirujuk kepada proses rundingan damai atau yang telah dibawa ke Mahkamah Perusahaan?

Sejauh mana kebajikan mereka yang telah diberhentikan kerja ini diambil perhatian oleh pihak kementerian. Persoalan yang sama juga berkaitan dengan sejauh mana Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) telah diaktifkan bagi membela nasib pekerja-pekerja tersebut khususnya dalam meningkatkan kemahiran kebolehpasaran supaya mereka dapat mencari pekerjaan baharu pada masa akan datang.

Seterusnya dalam topik yang sama, pihak majikan sewajarnya mengambil kira pendekatan yang termaktub dalam tatacara untuk keharmonian perusahaan sebelum mengambil langkah-langkah terakhir memberhentikan pekerja. Antaranya, dengan melakukan proses pembekuan pengambilan pekerja baharu kecuali bidang pekerjaan kritikal, menawarkan Pemberhentian Secara Sukarela (VSS) atau mengurangkan gaji pekerja- *Pay-Cut*, yang dibuat

adil di semua peringkat dan sebagainya. Persoalannya sejauh mana tatacara ini diambil perhatian oleh pihak majikan termasuklah proses *foreign worker first out* iaitu memberhentikan pekerja asing terlebih dahulu diguna pakai oleh pihak majikan yang juga disebut dalam seksyen 60M Akta Kerja 1955.

Ini adalah sebahagian isu yang perlu dititikberatkan oleh pihak kementerian dalam isu pemberhentian kerja yang berlaku dalam negara ini. Ini kerana selain meneliti soal *procedural* dalam pindaan yang dinyatakan dalam rang undang-undang ini kita juga perlu fikirkan aspek kebajikan dengan tekanan kos yang tinggi khususnya di bandar-bandar ketika ini menyebabkan kehidupan mereka lebih tersepit.

Malah saya juga berpandangan sudah sampai masanya kementerian mengambil berat untuk meneliti ratifikasi *Termination of Employment Convention 1982* dan *Termination of Employment Recommendation 1982* bagi memastikan sebarang peruntukan perundangan tatacara dan prosedur pemberhentian kerja oleh majikan di negara ini mencapai piawaian yang ditetapkan di peringkat antarabangsa, selain semakan terhadap hak yang adil dan saksama sama ada kepada pihak pekerja mahupun juga majikan.

Perkara lain yang ingin saya sentuh ialah mengenai langkah-langkah strategik kementerian berhadapan dengan perkembangan teknologi yang mengurangkan bidang pekerjaan pada masa hadapan. Laporan pekerjaan masa hadapan pada tahun 2018 oleh *World Economic Forum* menunjukkan pada tahun 2022, sebanyak 133 bidang pekerjaan akan berubah kepada pekerjaan baru selain 75 juta bidang pekerjaan yang dijangka akan lupus disebabkan akan digantikan dengan perkembangan teknologi.

Sudah pasti perkara ini akan mendorong kepada peningkatan peratusan pengangguran jika ia tidak ditangani dengan cermat oleh pihak kementerian. Saya telah meneliti beberapa dasar kementerian lain yang saya fikir berkaitan antaranya Dasar Kebangsaan Industri 4.0.

Sejauh mana dasar-dasar ini digabung jalin bersama Kementerian Sumber Manusia bagi memastikan pemeliharaan terhadap aspek bidang pekerjaan seiring dengan perkembangan teknologi menghadapi peredaran zaman Revolusi Industri 4.0. Tuan Yang di-Pertua, sekadar itulah ucapan saya. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani.

4.36 ptg.

Puan Hajah Sabani binti Mat: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2019.

Jika dilihat daripada pembentangan yang telah dibuat oleh pihak menteri di mana akta ini telah mula melalui enam kali pindaan sehingga kali terakhir pada tahun 2014 dan pada kali ini melibatkan 29 pindaan serta empat peruntukan baharu. Secara umumnya saya mengalu-alukan semua penambahbaikan yang ada di dalam akta ini untuk memberi perlindungan dan kebajikan kepada kaum pekerja di seluruh negara.

Cuma saya ingin penjelasan, sejauh manakah pindaan yang telah dibuat ini telah melalui libat urus dengan kesatuan sekerja, dengan pihak NLAC, MEF dan juga Kesatuan MTUC dan yang lain. Sebagaimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri tetapi ada dakwaan dalam media mengatakan bahawa mereka tidak dilibatkan terutama di fasa-fasa terakhir sebelum pindaan ini dibawa kepada Jabatan Peguam Negara. Jadi sejauh manakah kebenaran dakwaan ini dan kenapa perkara ini berlaku. Sekiranya perkara ini benar, maka perkara tersebut adalah satu perkara yang sangat saya kesalkan.

Selain itu, saya ingin penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri iaitu berhubung undang-undang yang telah dipinda ini memberi kebaikan terutama kepada kesatuan sekerja yang melibatkan terutama sektor swasta dan juga yang melibatkan kebajikan kaum pekerja. Banyak isu yang terlibat di dalam negara ini yang melibatkan pekerja.

Hal ini kerana kita melihat ada majikan yang sewenang-wenangnya mengambil kesempatan menggunakan akta ataupun melakukan satu pelanggaran untuk menamatkan perkhidmatan pekerja tempatan dengan tujuan untuk menggantikan dengan pekerja asing sedangkan ia sangat bercanggah dengan seksyen 60, Akta Kerja. Saya ingin tahu, berapakah kes yang telah dikenal pasti oleh pihak kementerian untuk mengambil tindakan dengan majikan yang sengaja memberhentikan pekerja dan mengalihkan kepada pekerja asing dengan tujuan untuk menjimatkan kos pengurusan operasi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan kebajikan pekerja, ada pekerja yang dinafikan hak mereka sebagai pekerja. Sebagai contoh, pembantu rumah.

■1640

Kita lihat banyak pelanggaran berlaku. Contohnya, ramai pembantu rumah dibawa ke dalam negara kita dengan permit sebagai pembantu rumah tetapi mereka diletakkan di tempat-

tempat seperti restoran, kedai-kedai makan sedangkan ia bercanggah dengan Akta Imigresen itu sendiri. Jadi, sejauh mana tindakan yang telah diambil dan berapa kes yang telah diambil tindakan? Selain itu, sejauh manakah kementerian melihat isu ini? Kenapa tidak ada tindakan dibuat sehingga rata-rata berleluasa berlaku pelanggaran ini? Sejauh manakah perkara ini dikuatkuasakan?

Begitu juga saya ingin penjelasan berkaitan dengan hak pekerja terutama pekerja yang telah dibuang kerja. Kita dapati perangkaan yang telah dimaklumkan kepada kita daripada Januari hingga September tahun 2019 lebih daripada 24,600 pekerja yang telah diberhentikan. Sejauh manakah pampasan yang telah diberikan kepada mereka? Apakah bentuk penguasaan yang telah dibuat? Apakah kerajaan telah mencadangkan untuk menaikkan skim insurans pekerja untuk memastikan mereka yang diberhentikan ini mendapat ruang kebajikan yang sebaiknya sebelum mendapat pekerjaan yang baru. Setakat ini berapakah daripada jumlah yang telah diberhentikan yang telah mendapat semula pekerjaan baru dalam pasaran pekerjaan? Jadi, saya ingin penjelasan berkaitan dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu hak para pekerja di negara ini. Saya ingin pihak kementerian memberi penjelasan berkaitan dengan program yang telah dirancang oleh kerajaan di bawah TVET iaitu dana pinjaman TVET telah melalui Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran di mana sebelum ini di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas di mana kerajaan telah memperuntukkan lebih kurang RM1 bilion untuk menjana lebih kurang 66 ribu pekerjaan. Lebih-lebih lagi kita akan berhadapan dengan Revolusi Industri 4.0.

Adakah kerajaan bercadang dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas nanti kerajaan akan meningkatkan lagi dana bantuan dan pinjaman TVET ini untuk melahirkan lebih ramai tenaga-tenaga mahir dalam negara kita?

Dalam keadaan sekarang ini kita melihat banyak isu termasuk dari sudut projek-projek yang telah dijanjikan oleh kerajaan yang ditangguhkan, ada yang dibatalkan dan sebagainya. Jadi, sepatutnya dalam Malaysia menuju Revolusi Industri 4.0 ini sepatutnya banyak ruang dan peluang yang lebih baik disediakan terutama kepada generasi belia.

Tuan Yang di-Pertua, demikian tadi perbincangan saya mengenai dengan Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2019. Saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Silakan Yang Berhormat Tuan Manolan.

4.43 ptg.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau yang dah bahas itu, orang lain...

Tuan Manolan bin Mohamad: Banyak sikit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator lain telah berbahas saya ingat tidak perlu bahaslah. Bukan kepada Yang Berhormat Senator, saya cakap kepada seluruh Dewan kerana kita ada enam hingga tujuh rang undang-undang.

Tuan Manolan bin Mohamad: Tidak apa. Saya punya sikit sahaja Tuan Yang di-Pertua
[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Boleh, boleh. Kalau yang dah bahas itu – silakan Yang Berhormat Senator.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya berbahas sedikit berkenaan dengan Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2019. Banyak sebenarnya yang kita telah dengar tetapi dekat sini saya ingin mendapatkan beberapa kepastian dan juga penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Saya memang amat mengalu-alukan pindaan ini kerana kita mahu memperkasakan kesatuan sekerja ini di mana kebajikan antara pekerja dan juga majikan ini perlu dibela.

Ramai juga pekerja ini yang tidak terbela sekarang ini disebabkan mereka tidak tahu menyertai kesatuan sekerja yang bersesuaian dan juga kesatuan sekerja yang boleh menjaga kebajikan mereka. Apa yang penting bagi saya adalah saya mahu kepastian daripada Yang Berhormat Menteri di mana pekerja-pekerja yang telah dinafikan hak mereka seperti tidak dibayar gaji dan juga di diskriminasi oleh majikan ini, bagaimanakah kebajikan mereka akan terbela apabila pindaan ini akan dilakukan?

Saya juga menyambut baik sebenarnya langkah Menteri yang telah menarik kuasa Menteri iaitu sebelum ini pekerja-pekerja yang telah teraniaya atau dinafikan hak mereka, mereka tidak boleh untuk membawa kes mereka ke Mahkamah Buruh, Mahkamah Perusahaan kerana mesti mendapat kebenaran daripada Menteri. Akan tetapi dengan pindaan ini yang kita dapat tahu bahawa pekerja tersebut boleh terus membawa kes tersebut ke Mahkamah Perusahaan dan juga boleh memilih peguam-peguam dan juga memilih individu-individu tertentu untuk mewakili mereka.

Seterusnya saya juga ingin merakamkan dan terima kasih terutama sekali dalam fasal 19 di mana pekerja-pekerja sebelum ini ramai yang tidak mendapat pembelaan apabila berlaku kematian kepada suami ataupun kepada isteri kerana perbicaraan itu mengambil masa yang

agak lama Yang Berhormat Menteri, sampai 10 tahun pun tidak selesai dan akhirnya suami meninggal. Apabila suami meninggal, isteri dan juga anak-anak mereka ini tidak dapat pembelaan dan tidak mendapat pampasan. Jadi apabila pindaan ini dilakukan, mengikut yang dibaca oleh Yang Berhormat Menteri tadi, perbincangan itu boleh diteruskan. Saya menyambut baik yang ini.

Cuma akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan seksyen 50 ini sebenarnya tadi ada sebut rakan saya Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas yang mengatakan seksyen 50 ini boleh ditangkap tanpa bicara kalau mereka pekerja ini menyertai piket ataupun demonstrasi terhadap majikan mereka. Jadi, kalau boleh Yang Berhormat Menteri meminda sebab ada kawan-kawan tadi yang gusar, dia kata dalam perbincangan nanti kena sebut yang ini supaya pihak kementerian boleh meminda seksyen 50 ini supaya tangkapan tanpa bicara selama 20 tahun ini dimansuhkan.

Kita tengok apabila kebebasan berkesatuan ini apakah sebenarnya jaminan kerajaan terutama kepada pelabur dalam negara dan juga daripada luar negara, FDI. Di mana apabila kesatuan ini- ini persepsi di luar Yang Berhormat Menteri, apabila kesatuan ini kuat menyebabkan majikan dan juga pelabur-pelabur dalam negara dan luar negara ini takut sikit untuk melabur ke dalam negara. Jadi, apa jaminan kerajaan dan apa hujah kerajaan untuk mendepani ini?

Oleh sebab persepsi di luar ini agak berbeza di mana mereka kata bila kesatuan ini kuat, maka majikan ini akan dibebani oleh pekerja-pekerja yang aktif di dalam kesatuan sekerja ini. Jadi, sekian sahaja Tuan Yang di-Pertua daripada saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Tuan Manolan bin Mohamad: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah.

4.49 ptg.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan akta ini iaitu Rang undang-undang Perhubungan Perusahaan. Saya tidak banyak untuk bercakap cuma saya hendak berikan beberapa pandangan.

■1650

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik langkah reformasi kementerian untuk memansuhkan hukuman penjara bagi kesalahan piket dan mogok menerusi fasal 25 bertujuan

untuk meminda subseksyen 40(3), Akta 177; untuk menghapuskan hukuman pemenjaraan dan menaikkan denda daripada RM1,000 kepada RM5,000. Fasal 27 bertujuan untuk meminda seksyen 46, Akta 177; untuk menghapuskan hukuman pemenjaraan dan menaikkan denda dalam subseksyen 46(1), dan (2), Akta 177 daripada RM1,000 kepada RM5,000.

Perkara ini saya rasa penting memandangkan perhubungan perusahaan di antara majikan dan pekerja di dalam mana-mana negara sekali pun tidak pernah sunyi dengan pertikaian. Pertikaian ini wujud apabila pihak majikan dan pekerja mempunyai kepentingan dan pendapat yang berbeza. Apabila perbezaan tersebut gagal ditangani dengan bijaksana, sudah tentu boleh membawa kepada perselisihan yang mampu menggugat kestabilan industri dan negara sehingga berlakunya piket, mogok dan sekat masuk iaitu *lock out* disebabkan oleh bukan pekerjaan iaitu *non employment*, syarat-syarat pekerjaan, peraturan-peraturan kerja dan gaji. Justeru itu, sudah pasti hukuman penjara ini merupakan satu tindakan yang tidak wajar dikenakan kepada para pekerja yang melakukan piket, mogok dan sekat masuk iaitu *lock out*.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian, saya melihat isu mogok pekerja ini merupakan suatu perkara yang kritikal yang perlu ditangani secara serius oleh pihak kementerian. Misalnya isu mogok baru-baru ini oleh para penghantar makanan *Foodpanda* yang merupakan satu ruang penawaran ekonomi baharu iaitu *gig economy* telah memberikan impak besar kepada hubungan perusahaan dan dalam konteks ekonomi baharu.

Pada hemat saya, perkara ini berlaku disebabkan oleh tindakan syarikat korporat dan pemodal yang mahu mendapatkan keuntungan yang besar dalam ruang pasaran ekonomi persaingan bebas sehingga beranggapan bahawa hak pekerja menerusi sistem kerja tetap, jaminan pekerjaan, perlindungan ke atas kebajikan pekerja dan penubuhan kesatuan sekerja dianggap sebagai penghalang kepada usaha untuk pemaksimuman keuntungan.

Perkara ini jelas apabila sistem *gig economy* yang menawarkan peluang pekerjaan yang fleksibel dan bersifat kontrak, dilihat mengurangkan beban dan tanggungjawab majikan terhadap keperluan melindungi hak dan kebajikan pekerja dan lebih mengutamakan keuntungan syarikat korporat dan pemodal semata-mata.

Untuk pengetahuan sidang Dewan, *gig economy* telah membuka peluang pekerjaan dan menambah sumber pendapatan rakyat. Pada masa ini, terdapat 12,000 orang penghantar makanan yang bekerja dengan syarikat *Foodpanda Malaysia*, dan 4,000 orang bekerja untuk syarikat *GrabFood*. Berdasarkan data Bank Dunia, penyertaan Malaysia dalam *gig economy* ini berada pada tahap 26 peratus dan peratusan ini dijangka akan berkembang dengan lebih pesat pada tahun-tahun akan datang.

Ditambah pula dengan kajian yang dijalankan oleh PricewaterhouseCoopers menunjukkan bahawa *gig economy* diunjurkan bernilai kira-kira USD63 bilion di seluruh dunia menjelang 2020. Manakala unjuran yang dibuat oleh *GrabFood* pula di rantau Asia Tenggara dianggarkan mencecah USD9 bilion hingga USD16 bilion menjelang 2022. *Foodpanda* yang baru bertapak dua tahun di Malaysia telah berjaya menjana pertumbuhan melebihi 70 peratus.

Namun demikian, apa yang menyedihkan adalah keuntungan yang diperoleh oleh syarikat perkhidmatan ini tidak dikongsi secara saksama kepada para pekerja. Sebaliknya, pendapatan pekerja terus ditekan untuk kekal rendah, bekerja dalam masa panjang dan tidak mendapat jaminan gaji yang stabil.

Bahkan para pekerja yang terlibat dengan *gig economy* ini dilihat tidak mempunyai jaminan kerja yang stabil dan membolehkan mereka diberhentikan perkhidmatan pada bila-bila masa tanpa perlunya notis dan pampasan yang setimpal daripada majikan. Malahan *gig economy* ini berpotensi untuk di manipulasi oleh pihak tidak bertanggungjawab sehingga para pekerja berpotensi dibuang kerja tanpa adanya usul periksa dan siasatan terperinci yang dijalankan oleh majikan seperti mana yang berlaku ke atas seorang pekerja yang tular- dibuang kerja serta-merta disebabkan oleh sikap tidak bertanggungjawab pelanggan yang membuat laporan palsu menyatakan bahawa beliau meminta bayaran ke atas perkhidmatan penghantaran makanan yang dilakukan sedangkan ia tidak berlaku dan bayaran telah dilakukan oleh pelanggan di atas talian.

Ia dibuat hanya sekadar pelanggan ini ingin menikmati pakej penghantaran makanan dan secara percuma tanpa memikirkan kesan negatif yang akan dialami oleh pekerja tersebut hinggan beliau diberhentikan serta-merta oleh syarikat terbabit tanpa usul periksa.

Hubungan majikan dan pekerja telah dikaburkan di bawah *gig economy* dengan pekerja-pekerja diupah sebagai kontraktor atau pekerja bebas. Namanya sedap didengar tetapi hakikatnya hanya menerima upah yang tiada jaminan kerja seperti pekerja sepenuh masa yang diupah di bawah ekonomi tradisional. Pekerja *gig* akan berhadapan dengan cabaran mengekalkan kestabilan hidup khususnya bagi mereka yang berpendapatan rendah dan menetap di bandar. Mereka juga berhadapan dengan dilema mencari identiti dalam pekerjaan terutama melibatkan generasi muda yang pada masa kini kian dihimpit dengan kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan dengan gaji yang wajar.

Tambahan pula, pekerjaan ini tidak menyediakan platform perkembangan kerjaya dan menjamin masa hadapan seperti peluang kenaikan pangkat dan penambahan kemahiran. Hasil negara juga akan terjejas jika masalah ini tidak diuruskan dengan baik. Jika difahami dengan

mendalam, sistem *gig economy* adalah perangkap kemahiran. Jika seseorang tidak cuba memecahkan kitaran ini, masa depan akan menjadi kelam tanpa ada laluan kerjaya untuk berkembang. Lebih teruk lagi, mereka tidak akan mempunyai simpanan untuk masa depan dan malah tidak mampu untuk menampung kehidupan semasa yang sudah pastinya akan melebarkan lagi jurang pendapatan yang ada.

Justeru itu, sekiranya kementerian benar-benar ikhlas, maka kementerian perlu memberi perhatian serius dalam mengendalikan aspek perhubungan perusahaan dengan mengkaji undang-undang melibatkan *gig economy* yang berkaitan konteks hubungan di antara majikan dan pekerja untuk memupuk dan memelihara keharmonian perusahaan negara demi mewujudkan iklim ekonomi yang lebih lestari dan kondusif kepada generasi muda.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan tentang kekesalan ataupun komplain, rintihan, mungkin kemarahan pihak-pihak pekerja. Saya ingin mengambil kesempatan perhatian Dewan terhadap masalah-masalah kekesalan ini yang dikemukakan oleh Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) yang dikatakan tidak mengadakan perbincangan dan rundingan dengan pemegang taruh untuk mendapatkan pandangan berkaitan pindaan ini.

Walaupun saya faham bahawa ada memorandum yang setuju tetapi ada juga pihak yang tidak setuju. Mungkin kita merasakan perkara ini perlu dilihat kembali untuk diterima sepenuhnya oleh pihak kesatuan. Bahkan usaha pihak Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) agar mesyuarat jawatankuasa teknikal diadakan bagi membincangkan mengenai pindaan ini turut tidak diendahkan oleh pihak kementerian.

Sebaliknya pihak kementerian dikatakan oleh pihak mereka telah bertindak sendiri dan melakukan penyalahgunaan kuasa menghantar cadangan pindaan tersebut kepada Jabatan Peguam Negara untuk diluluskan tanpa mendapatkan perakuan daripada jawatankuasa teknikal dan Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC).

Justeru itu, apakah faktor yang mengakibatkan perkara ini tidak diberikan perhatian serius oleh pihak kementerian sehingga menimbulkan ketegangan sedemikian tanpa mendapatkan pandangan daripada pihak yang sewajarnya yang sudah pastinya lebih memahami denyut nadi para pekerja dan kepentingan pindaan ini bagi menjamin hak dan kebajikan mereka ke arah mewujudkan hubungan perusahaan yang lebih aman dan mesra di antara majikan dan pekerja. Saya difahamkan perkara ini bukanlah kali pertama, bahkan telah berkali-kali berlaku. Sehubungan dengan itu, saya berharaplah pihak kementerian dapat memberikan penjelasan sewajarnya bagi meredakan ketegangan ini dan mengadakan perbincangan dengan pihak

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan Persekutuan Majikan Malaysia bagi menambah baik pindaan ini.

■1700

Saya berharap agar setiap pandangan yang telah dilontarkan akan diberikan perhatian serius oleh pihak kementerian agar hubungan yang harmoni antara majikan dan pekerja dapat diwujudkan untuk memastikan keberkesanan pengurusan yang sudah pastinya akan melahirkan budaya kerja yang akan menguntungkan semua pihak.

Malahan ia akan berupaya untuk mewujudkan iklim perusahaan dan pelaburan yang lebih positif di dalam memangkinkan pertumbuhan ekonomi negara yang lebih inklusif dan kondusif. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri. Silakan Yang Berhormat Tuan Suresh Singh A/L Rashpal Singh.

5.00 ptg.

Tuan Suresh Singh A/L Rashpal Singh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang dikatakan tadi banyak yang telah dibacakan. *I will try to skip* yang mana boleh, Yang Berhormat mana perlu.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Suresh Singh A/L Rashpal Singh: Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberikan saya ruang, peluang untuk sama-sama membahaskan rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

Saya tidak pergi untuk ia punya *history* dan latar belakang dan elemen-elemen ia. Apa yang paling penting saya ingin sentuh ialah pertama kali pindaan-pindaan yang dicadangkan oleh fasal 12 yang berhasrat untuk meminda seksyen 20 akta asal bagi menggantikan kuasa menteri dengan kuasa ketua pengarah.

Soalan saya kepada kementerian ialah apakah hak yang diperoleh oleh pekerja sekiranya ketua pengarah telah merujuk kes itu- *I mean* tidak merujuk kes itu ke mahkamah. Apakah pilihan diberikan kepada pekerja supaya dia buat rayuan kah? Atau benda-benda yang berkaitan dengan kes tersebut. Oleh sebab sebelum ini Yang Berhormat Menteri tolak, kita buat rayuan di mahkamah. Sekarang ketua pengarah, beliau berhak untuk menolak kes tersebut atau tidak?

Pada maksud saya, mahkamah adalah badan yang patut meletakkan merit sesuatu kes pembuangan pekerja dan bukannya menteri atau ketua pengarah. So, rang undang-undang ini

telah membuka jalan supaya menjadi satu realiti. Saya rasa ini adalah kali pertama seorang menteri menyerahkan kuasa secara sukarela demi keadilan kepada pekerja. Syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri tetapi adakah ini ia akan diberikan kepada kuasa kepada ketua pengarah?

Kedua, ialah pindaan yang dicadangkan oleh fasal 20 yang bertujuan untuk memasukkan satu subseksyen baru iaitu subseksyen 30(6B) yang akan membenarkan mahkamah perusahaan untuk memberi pampasan kepada waris terdekat pekerja yang telah meninggal dunia.

Sebelum ini kalau penuntut meninggal kes dia pun mati sekali. Sekiranya dia menang pun ia hanya satu *paper award* sahaja. Maka, ini adalah satu tindakan ke arah keadilan kepada keluarga pemohon atau pekerja itu. So, saya ucapkan syabas untuk kementerian dalam pemindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini terdapat pelbagai yang akan membawa manfaat kepada para pekerja dan seperti yang saya katakan tadi saya tidak akan bahas ke semua ini kerana telah pun dibahaskan. Namun begitu, soalan yang ingin saya timbulkan adalah kenapa ada segelintir pemimpin kesatuan yang cuba menghalang rang undang-undang sehingga lobi untuk menolak rang undang-undang ini. Sedangkan rang undang-undang ini akan membawa kebaikan kepada sejumlah 12.7 juta pekerja. Saya seorang bekas kesatuan nasional juga pernah mengalami kes peribadi dalam perkara ini. *Where I formed in-house union*, kesatuan dalaman dan di ambil tindakan oleh majikan sendiri.

So, saya mengatakan ini adalah satu peluang kita berikan kepada pekerja supaya mereka menubuhkan dan membuatkan sesuatu. Saya tidak faham kenapa. Bagi saya ia memupuk kesatuan itu sebab ramai lagi kesatuan yang akan menjadi ahli kepada MEF dengan MTUC bila masa mereka buat kesatuan pekerja ini. *So, it become more united and they become more stronger if they have all the unions to becomes members*, dengan izin.

So, antara alasan yang diberikan oleh mereka adalah Kementerian Sumber Manusia tidak mematuhi Konvensyen C144, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) mengenai keperluan untuk mengadakan konsultasi dengan wakil majikan kesatuan selaras dengan prinsip *tripartism*, dengan izin.

Ini adalah tidak benar Yang Berhormat Menteri telah menjelaskan bahawa kementerian telah mengadakan sembilan mesyuarat NLAC tahun ini selain daripada beberapa sesi perbincangan dengan pelbagai pihak kepentingan.

Asas *argument* ialah juga- mereka dan juga MEF ialah pindaan-pindaan ini tidak dipersetujui di mesyuarat-mesyuarat NLAC dan juga tidak dibincangkan secara perinci. Pada

saya ini tidak berasa harus mengambil perhatian bahawa konvensyen C144 hanya mewajibkan konsultasi dan bukannya persetujuan. *It is consultation not consent. So, this is basic part of it,* dengan izin. Apa yang lain Tuan Yang di-Pertua, *I'll just skip it out and I'll come to the main element here.*

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini membawa dua isu yang begitu penting kepada perhatian kementerian. Pertama, ialah kebanjiran pekerja asing termasuk PATI yang kini telah menguasai pasaran buruh sehingga menjejaskan peluang pekerjaan-pekerjaan tempatan.

Seperti yang kita sedia maklum sebahagian besar majikan lebih minat mengambil pekerja asing demi mengutamakan keuntungan. Kementerian perlu mengambil tindakan sewajarnya untuk mengatasi isu dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Isu kedua ialah berkaitan dengan gaji minimum yang amat tidak sesuai dibandingkan dengan peringkat kos sara hidup. Di sini juga kementerian perlu mengambil tindakan yang lebih agresif untuk membawa manfaat kepada rakyat kita. Dalam aspek ini Majlis Perundingan Gaji Negara perlu lebih realistik walaupun secara umum kadar kenaikan gaji adalah lebih daripada peringkat inflasi. Ini masih tidak mencukupi untuk membiayai *for a decent standard of living*, dengan izin.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh peruntukan-peruntukan yang perlu di pinda tetapi tidak dibuat demikian oleh Kementerian Sumber Manusia. Pertama, ialah mengenai mahkamah rayuan pekerja. Pada bulan Mac kementerian telah mengemukakan bahawa kementerian akan merancang untuk menubuhkan mahkamah rayuan perusahaan tetapi kalau kita tengok pindaan-pindaan yang dicadangkan hanya terdapat cadangan untuk memotong seksyen 33A dan sedikit pindaan untuk seksyen 33B dan 33C.

Akan tetapi, tidak ada peruntukan tertentu mengenai penubuhan mahkamah rayuan perusahaan. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh mempertimbangkan perkara-perkara ini di masa yang akan datang.

Kedua, ialah paling serius mengenai seksyen 50 yang telah dibentangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. So, saya akan *skip* yang itu tanpa *bill* punya penangkapan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin mohon kementerian untuk memberi pertimbangan ialah mengkaji seksyen 20, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 untuk memberikan kuasa kepada ketua pengarah untuk mempertimbangkan apa-apa rayuan pengambilan balik pekerja, *appeal for reinstatement*, dengan izin, sekiranya si pengadu membuat

laporan selepas 60 hari. Di mana beliau mempunyai sebab-sebab atau alasan yang munasabah kenapa beliau gagal untuk membuat rayuan dalam tempoh dalam masa 60 hari.

Ini saya mencadangkan supaya kita memberikan fleksibiliti kepada *claimant* untuk membuat permohonan. Di mana ada kes beliau di tahan oleh polis dan tidak dapat membuat laporan dalam masa 60 hari dan *on the case to case basis*. So, saya harap perkara ini dapat dipertimbangkan oleh kementerian dan kalau boleh di-*recommend* kepada persidangan yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berharap agar Kementerian Sumber Manusia mengambil kira dan memohon agar meminda seksyen-seksyen ini untuk membuat mereka lebih sesuai dengan keadaan sekarang. Pada saya pindaan ini amat diperlukan untuk membuat usaha-usaha untuk meminda akta ini lebih holistik dan mengambil langkah-langkah sewajarnya agar dipinda pada sidang yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kesuntukan masa saya akan tamatkan perbahasan saya di sini. Dengan ini, saya menyokong rang undang-undang ini dengan sepenuhnya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, itu sahaja perbahasan mengenai akta tersebut. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

5.07 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Terima kasih, kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Dewan Negara Yang Berhormat Senator yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2019. Saya ucapkan ribuan terima kasih atas pendapat dan pandangan yang telah pun diberikan serta kritikan dan teguran yang telah dikemukakan bagi kali kedua selepas tahun yang lalu.

Saya percaya bahawa semua pendapat dan pandangan, kritikan semua itu ialah matlamatnya kita ialah untuk menjaga kepentingan golongan pekerja dalam negara kita. Kita tidak pergi lebih jauh daripada itu. Semuanya mempunyai satu matlamat iaitu antara kerajaan dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada daripada penyokong kerajaan mahupun daripada pembangkang ialah bermatlamat untuk membina negara kita ini dengan memberikan sesuatu jaminan perlindungan kepada kepentingan golongan pekerja yang ada dalam negara kita.

Menjawab tentang isu-isu, soalan-soalan yang besar yang dibangkitkan- semua ini berpunca daripada apa yang dilaporkan oleh pihak yang berada di luar daripada Dewan. Sama

ada kesatuan ataupun mana-mana pihak yang melaporkan pula di ambil oleh pihak media untuk memberikan satu gambaran seolah-olahnya Kementerian Sumber Manusia ini tidak langsung mempedulikan pendapat-pendapat dan pandangan-pandangan atau tidak menjalankan apa-apa rundingan dengan pihak yang ada kepentingan kepada isu-isu yang di bawa di dalam pembentangan rang undang-undang ini.

Sebab itu isu konsultasi yang telah pun disebut tadi dan saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah tolong menjawab kepada apa yang dibangkitkan. Ini merupakan satu yang sangat baik. Di mana ILO tidak pun mensyaratkan seperti mana yang disebut tadi untuk kita mendapat persetujuan semua pihak iaitu di dalam konsultasi ini.

■1710

Apa yang ada ialah supaya diwujudkan satu ruang konsultasi harus diadakan antara pihak kerajaan dengan pihak kesatuan sekerja dan juga pihak persatuan-persatuan majikan. Itu yang ada.

Malah di dalam Perlembagaan Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) yang bermesyuarat setiap bulan sejak daripada kerajaan baharu mengambil alih ini, setiap bulan. Dahulunya sebelum itu hanya dua kali sahaja pernah bermesyuarat. Lalu apabila berlaku pengambilalihan ini, kita bermesyuarat boleh dikatakan setiap bulan kita bermesyuarat dengan melibatkan semua pihak yang terdapat di dalam keanggotaan NLAC ini. Dengan di mana Perlembagaan ini hanya tidak mewajibkan persetujuan bersama perlu diperoleh di kalangan anggota-anggota NLAC.

Jadi sebab itu kerajaan mengambil satu langkah mendengar, menjadi pendengar yang baik kepada apa-apa pendapat, pandangan dan teguran daripada pelbagai pihak majikan mahupun pekerja melalui kesatuan mereka. Kemudian kerajaan harus melihat dengan cermin yang lebih besar untuk melihat kepada semua kepentingan yang perlu dijaga.

Bukan sahaja kepentingan pekerja tetapi kepentingan untuk melonjak ekonomi dalam negara kita untuk diberikan kepada semua orang yang ada di dalam negara kita yang menjadi rakyat kepada negara yang tercinta ini. Jadi, inilah yang kita bentangkan kepada Dewan ini untuk membolehkan supaya suatu pindaan perlu dibuat bagi memastikan kepentingan negara, kepentingan pekerja dan juga kepentingan masyarakat secara keseluruhannya kepada Malaysia ini.

Kemudian berkaitan dengan – soal isu-isu yang berkaitan dengan kepelbagaian kesatuan sekerja nanti. Kononnya akan menjadikan *bargaining power*, tawar-menawar itu akan berkurangan dan sebagainya. Saya tidak melihat ini akan menjejaskan kepada soal kepentingan

golongan pekerja. Malah lebih banyak kesatuan sekerja akan lebih banyak manfaat dan faedah yang akan diperolehi oleh pekerja-pekerja itu sendiri. Ia sama seperti mana banyaknya syarikat telekomunikasi dalam negara kita berlumba-lumba, bersaing membuat tawaran dan sebagainya yang akhirnya yang akan mendapat manfaat yang baik ialah rakyat. Rakyat ada pilihan untuk memilih mana-mana syarikat telekomunikasi yang boleh memberikan tawaran yang lebih baik kepada mereka, lebih murah kepada mereka.

Begitu juga dalam soal perjuangan untuk melindungi, menjaga kebajikan kepentingan golongan pekerja ini. Jadi sudah tentu pekerja akan melihat di manakah kesatuan-kesatuan dan pimpinan kesatuan yang punya integriti yang tinggi, yang punya ketelusan, yang punya keamanahan, yang benar-benar menjiwai hasrat golongan pekerja.

Jadi, saya percaya bahawa kepimpinan kesatuan sekerja yang ada pada hari ini juga akan melihat kepada- tentang perubahan gaya kepimpinan pada masa yang akan datang dengan kesesuaian perubahan minda masyarakat yang ada pada hari ini. Kita tidak boleh lagi melihat kepada minda lama sedangkan audiens kita, masyarakat kita ialah masyarakat yang baharu. Jadi semuanya sudah berubah.

Jadi sudah tentu saya mengharap kepimpinan kesatuan sekerja yang ada, saya percaya sepenuh yakin kepada rakan-rakan saya dalam MTUC yang ada ini, mereka berkeupayaan untuk menjadi pemimpin yang hebat yang akhirnya, akan boleh menjiwai perjuangan yang dikehendaki oleh golongan pekerja.

Akhirnya pekerja itu akan memberikan dukungan kepada MTUC walaupun akan wujudnya kepelbagaian kesatuan sekerja. Akan tetapi kalau wujud kepelbagaian kesatuan sekerja tetapi kesatuan sekerja yang sudah senior ini tidak berjaya untuk berdaya saing, maka akhirnya sudah tentu pekerja akan lari kepada kesatuan sekerja yang lain. Akan tetapi saya percaya mereka mampu. Di sinilah saya fikir bahawa dia menguji kehebatan seseorang pemimpin dan saya yakin rakan-rakan saya dalam MTUC yang ada sekarang ini berkemampuan ke arah itu, *insya-Allah*.

Menjawab persoalan-persoalan secara satu persatu yang diberikan. Mungkin saya akan menjawab secara ringkas dan mungkin kesemua yang dibangkitkan itu tidak sempat untuk saya hendak menjawab. Saya akan minta pegawai-pegawai menyediakan jawapan secara bertulis. Ini kerana saya percaya hari ini hari terakhir, semua pun hendak balik awal. Semua pun hendak balik awal tambah pula hari Khamis [*Ketawa*] Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi gelak lagi. Bila kata hari Khamis, dia faham sudah. Dia tahu, dia fikir malam Jumaat sahaja [*Ketawa*]

Baik, apa yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas Achyuthan Nair. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Mungkin ini terlepas pandang daripada

pihak kami iaitu seksyen 50 yang tidak membenarkan ikat jamin diberikan, hanya melibatkan kesalahan berkaitan tindakan mogok, piket dan sekat masuk yang mempunyai unsur-unsur jenayah dan melibatkan kepentingan awam.

Namun demikian, peruntukan ini tidak pernah dikuatkuasakan untuk makluman Yang Berhormat. Peruntukan ini walaupun ada tetapi tidak pernah dikuatkuasakan. Walau bagaimanapun, *insya-Allah* kementerian akan mengambil maklum mengenai perkara ini dan akan dipertimbangkan dalam pindaan-pindaan yang akan datang ini, *insya-Allah*.

Kemudian apa yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Puan Raj Murni binti Sabu, bukan dua beradik dengan Muhammad Sabu ya, berkaitan dengan soal politik di kalangan kesatuan sekerja. Saya fikir politik harus ada di mana-mana. Ia bukan politik hanya pada parti-parti politik, dalam pentadbiran pun ada politik, dalam kesatuan kakitangan harus ada politik. Jadi, politik harus ada di mana-mana.

Akan tetapi, bagaimana kita harus menguruskan politik itu untuk kepentingan apa yang menjadi tanggungjawab kita. Saya percaya bahawa apa yang berlaku dalam politik, yang berlaku dalam kesatuan sekerja semuanya ke arah ialah perlumbaan untuk memberikan sesuatu yang terbaik kepada golongan pekerja itu sendiri, *insya-Allah*.

Kemudian apa yang dibangkitkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang, penurunan kuasa kepada ketua pengarah negeri. Untuk makluman Yang Berhormat, di negeri ia tidak ada ketua pengarah. Ketua pengarah hanya ada satu sahaja. Kalau ketua pengarah ada banyak, jadi celaru habis pula sudah. Jadi ketua pengarah ada satu. Di bawahnya adalah- di negeri adalah pengarah di peringkat negeri. Jadi, setakat ini hanya ketua pengarah sahaja yang diberikan kuasa. Adapun pengarah-pengarah negeri sekarang hanya dipertanggungjawab untuk membuat runding cara sahaja. Jadi, itu jawapan saya kepada Yang Berhormat Senator.

Kemudian berkaitan dengan- isu-isu yang berkaitan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan juga oleh rakan-rakan yang lain tentang isu pembuangan pekerja yang mesti didahului dengan pekerja asing. Memang itu yang menjadi amalan kepada kita bahawa mana-mana pekerja yang hendak dibuang dalam satu-satu industri, satu-satu majikan itu, mereka harus mengutamakan pekerja asing terlebih dahulu. Kalau daripada kumpulan yang samalah ataupun jenis pekerjaan yang sama. Jadi hendak dibuang juruteknik umpamanya, contohnya, mestilah buang yang bahagian daripada pekerja asing. Kemudian, akhir sekali barulah kepada pekerja tempatan dalam usaha untuk hendak memperkecilkan saiz bilangan golongan pekerja.

Kemudian yang berkaitan dengan soal mereka yang dilindungi berkaitan dengan SIP. Sememangnya telah pun dilaksanakan dan sejumlah daripada mereka telah pun mendapat faedah daripada Skim Insurans Pekerjaan (SIP) dalam PERKESO ini. Mereka telah pun dibantu pula untuk mencari peluang-peluang pekerjaan baru di tempat-tempat yang lain. Ini telah pun kita lakukan secara sebaik-baiknya untuk memastikan supaya mereka sentiasa mendapat perlindungan.

Kemudian berapa banyak kes Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker. Berapa banyak kes pembuangan pekerja yang telah dirujuk ke Mahkamah Perusahaan pada tahun ini? Sehingga November 2019, sebanyak 6,370 kes yang dikendalikan. Sebanyak 5,024 kes diselesaikan di jabatan, sebanyak 1,765 kes telah dirujuk ke Mahkamah Perusahaan oleh Yang Berhormat Menteri.

Kemudian berkaitan dengan kuasa Menteri ini. Yang Berhormat Menteri sanggup untuk gugurkan kuasa dia. Saya fikir...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat , Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker tidak ada, tidak perlu jawab. Bagi dia secara bertulis.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Ya, ya. Tidak, ada Yang Berhormat yang lain tadi ini membangkitkan isu. Maksudnya memberikan kuasa penuh kepada ketua pengarah, takut nanti terlalu banyak. Jadi kalau ada kepada Menteri, orang kata Menteri pula terlalu banyak kuasa, betul atau tidak? Habis kita hendak bagi kuasa kepada siapa? Kepada ketua pengarah pun tidak mahu bagi, kepada Menteri pun tidak mahu bagi. Kita hendak bagi kuasa kepada siapa?

■1720

Jadi sudah tentu perlu ada satu orang yang harus diberikan tanggungjawab. Jadi, Menteri telah pun menurunkan, maksudnya sanggup untuk melepaskan kuasa dia kepada Ketua Pengarah dan inilah yang terbaik untuk kepentingan pekerja industri di dalam negara kita.

Saya fikir berkaitan dengan isu-isu yang lain itu saya boleh menjawab secara bertulis kerana saya percaya bahawa semangat semua hari ini untuk memberikan dukungan dan sokongan kepada pindaan akta ini dan saya percaya bahawa ini akan memberikan sesuatu nafas baru kepada masa depan negara kita dalam keharmonian perusahaan di negara kita. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah terlibat di dalam perbahasan ini. Pendapat dan pandangan-pandangan yang tidak sempat saya jawab satu persatu, saya akan minta...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: ...Pegawai-pegawai untuk menjawab secara bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 35** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, dan disokong oleh Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Liew Chin Tong) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PUSAT PENCEGAHAN JENAYAH KEWANGAN NASIONAL 2019

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.24 ptg.

Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hari Khamis ini macam-macam. Akan tetapi saya harus mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Pokok Sena kerana dia hendak balik awal tetapi kata kita semua balik awal.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta bahawa Rang Undang-undang Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional 2019 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, ancaman daripada jenayah kewangan pada masa kini adalah amat membimbangkan. Negara kehilangan berbilion ringgit akibat daripada kegiatan penjenayah termasuk aktiviti-aktiviti berkaitan dengan pengelakan cukai pendapatan, pengelakan cukai dan

duti kastam, penyeludupan barang-barang larangan seperti rokok dan minuman keras, penyalahgunaan subsidi barang seperti LPG, diesel dan minyak masak dan penyalahgunaan insentif cukai di zon bebas cukai.

Menangani jenayah kewangan ini semakin kompleks melibatkan skala yang besar merangkumi pelbagai kesalahan di bawah undang-undang yang berbeza dan semakin banyak melibatkan jenayah rentas sempadan. Aktiviti ini juga sering disembunyikan di bawah lapisan entiti atau personaliti di dalam dan di luar negara. Hasil kegiatan haram ini pula akan dipindahkan secara sistematik di dalam dan di luar negara melalui pelbagai cara.

Sifat dan modus operandi jenayah kewangan yang dinamik ini menyebabkan tindakan pencegahan jenayah kewangan menjadi semakin rumit ditambah lagi dengan faktor cabaran menangani jenayah rentas sempadan disebabkan sempadan negara yang luas dan polos, penguatkuasaan yang dikompromikan melalui unsur rasuah dan sogokan, penyalahgunaan insentif cukai, kelemahan penguatkuasaan dan sindrom dengan izin *working in silo* dengan kurangnya inisiatif atau tindakan penguatkuasaan secara komprehensif.

Oleh itu, pendekatan baru pencegahan jenayah kewangan secara holistik dan strategik melalui penubuhan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC) wajar dilakukan. Penubuhan NFCC ini akan memberi impak yang positif dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan hasil negara dan mengekang ketirisan dalam pengurusan dana awam melalui pelaksanaan operasi bersepadu.

Artikel 48 dan 49, *United Nations Convention against Corruption* yang telah diratifikasikan oleh Malaysia pada 24 September 2008 menyatakan bahawa negara-negara ahli perlu melaksanakan kerjasama dan siasatan bersepadu antara agensi penguat kuasa bagi mempertingkatkan keberkesanan tindakan penguatkuasaan undang-undang dalam memerangi jenayah rasuah. Penubuhan NFCC juga adalah selaras dengan Syor 38 dan 39, *Oslo Statement on Corruption involving Vast Quantities of Assets* yang telah dibuat pada 14 Jun 2019 yang lalu di Oslo, Norway yang menekankan supaya kerjasama dengan siasatan bersepadu antara agensi penguat kuasa dilaksanakan dengan lebih menyeluruh terutamanya yang melibatkan kes-kes jenayah transnasional.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan penubuhan NFCC ini adalah merupakan inisiatif 5.3.1, Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) yang dilancarkan pada 29 Januari 2019 yang menggariskan enam bidang keutamaan yang menjadi teras dalam usaha membanteras rasuah dalam negara. Inisiatif 5.3.1 ini adalah untuk menubuhkan pusat pencegahan jenayah kewangan nasional

sebagai agensi yang berwibawa dalam pengurusan aset yang dirampas dan dilucut hak melalui penguatkuasaan bersepadu.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan juga Dewan yang mulia ini, NFCC juga bukanlah penubuhan sebuah agensi penguat kuasa yang baru dan tidak mempunyai kuasa siasatan. NFCC bertindak sebagai penyelarar operasi bersepadu bersama agensi penguat kuasa undang-undang yang sedia ada. Justeru NFCC tidak akan menghakis, memansuhkan atau menyingkirkan fungsi atau kuasa agensi penguat kuasa yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, RUU Pusat Pencegahan Jenayah ini mengandungi tujuh bahagian kesemuanya. Bahagian Satu mengandungi dua fasal mengenai tajuk ringkas akta dan takrifan. Bahagian Dua pula mengandungi dua fasal mengenai penubuhan NFCC dan fungsinya:

- (i) menyelarar dan bekerjasama dalam operasi bersepadu dengan agensi penguat kuasa;
- (ii) menubuhkan, mentadbir dan menyelenggarakan suatu sistem data berpusat; dan
- (iii) menjalankan aktiviti lain yang berhubungan dengan pencegahan jenayah kewangan.

Bahagian Tiga pula mengandungi lima fasal mengenai penubuhan lembaga penasihat dan fungsinya adalah antara lain memberi nasihat mengenai hala tuju dan pelan strategik NFCC. Lembaga Penasihat NFCC daripada pengerusi, ketua pengarah NFCC dan tidak lebih daripada lima orang anggota lain yang dilantik. Anggota lembaga penasihat akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun. Selain itu, setiap anggota Lembaga Penasihat NFCC juga dikehendaki untuk menzahirkan kepentingannya yang bercanggah dengan apa-apa perkara yang dibincangkan oleh lembaga penasihat dan kegagalan menzahirkan kepentingan merupakan satu kesalahan.

■1730

Hal ini adalah penting bagi memastikan ketelusan dalam setiap keputusan atau nasihat yang diberikan oleh Lembaga Penasihat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat tentang peruntukan mengenai pelantikan Pengerusi Lembaga Penasihat di Fasal 5 dan pelantikan Ketua Pengarah NFCC di fasal 12.

Dasar kerajaan pada masa ini menetapkan pelantikan jawatan Pengerusi dan Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan Ketua Pesuruhjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

dibuat melalui Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen- *Parliamentary Select Committee* untuk melantik jawatan-jawatan utama perkhidmatan awam. Bagi pelantikan Pengerusi Lembaga Penasihat dan juga Ketua Pengarah NFCC, setelah beberapa sesi libat urus dengan pemegang taruh ataupun, dengan izin, *stakeholders*, kerajaan telah mengambil kira pandangan mereka dan mengambil inisiatif bahawa pelantikan Pengerusi Lembaga Penasihat dan Ketua Pengarah NFCC akan dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen tersebut.

Bahagian IV mengandungi dua fasal iaitu mengenai Jawatankuasa Eksekutif dan fungsinya yang terdiri daripada Ketua Pengarah NFCC sebagai Pengerusi, Timbalan Ketua Pengarah NFCC sebagai Timbalan Pengerusi, pendakwa raya atau wakilnya dan mana-mana Pengarah Siasatan atau Pengarah Siasatan Pengubahan Wang Haram daripada agensi penguat kuasa atau pegawai lain yang sama kedudukan bagi mana-mana agensi kerajaan yang lain yang akan dilantik oleh Ketua Pengarah NFCC.

Antara fungsi Jawatankuasa Eksekutif adalah untuk menentukan hala tuju NFCC dalam mencegah jenayah kewangan, meluluskan dan memantau mana-mana operasi bersepadu dan menentukan polisi operasi yang berhubungan dengan operasi bersepadu dan sistem data berpusat.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian V pula mengandungi dua fasal mengenai pelantikan Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah dan pegawai NFCC yang lain. Ketua Pengarah NFCC akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri. Manakala Timbalan Ketua Pengarah NFCC akan dilantik oleh Perdana Menteri.

Bahagian VI pula mengandungi tiga fasal mengenai operasi bersepadu dan sistem data berpusat. Di bawah NFCC, operasi bersepadu untuk menangani jenayah kewangan akan dilaksanakan oleh NFCC dengan peranannya sebagai penyelarasan dan bekerjasama dengan agensi penguat kuasa.

Bahagian VII juga mengadakan peruntukan yang membenarkan NFCC menubuhkan, mentadbir, menyelenggarakan dan menguruskan sistem data berpusat bagi jenayah kewangan dan untuk menganalisis data dalam sistem data berpusat itu. NFCC juga diperuntukkan kuasa mendapatkan maklumat daripada mana-mana orang menurut tatacara yang diperuntukkan dalam akta ini. Maklumat ini adalah tertakluk kepada setakat mana pemberian maklumat itu dibenarkan di bawah undang-undang bertulis.

Seterusnya, namun begitu, terdapat peruntukan yang melindungi mana-mana orang yang menzahirkan maklumat daripada didakwa bagi apa-apa kesalahan, prosiding atau tuntutan bagi mana-mana pihak selagi mana maklumat yang diberikan itu bukan maklumat yang palsu.

Bahagian VIII pula- Bahagian IX ya?... [Disampuk] Bahagian VII. Ini sudah bertukar-tukar ini, macam mana ini.

Tuan Yang di-Pertua: Malam Jumaat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Bahagian VIII, bahagian- ini kenapa tadi ketujuh dan kelapan bertukar ini? Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya punya pegawai ini kadang-kadang- sudah hari Khamis pun mereka pun masalah macam kami juga.

Tuan Yang di-Pertua: Hari Khamis ini, Khamis untuk semua Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Khamis ini memang hari yang memang membingungkan semua orang. Dia orang berdua dekat belakang ini berdebat lagi, kelapan atau ketujuh. Okey, saya baca yang ini.

Bahagian VII mengandungi peruntukan-peruntukan am seperti permulaan pendakwaan...

Tuan Yang di-Pertua: Bahagian VIII tidak adalah Yang Berhormat. Bahagian VIII ada?... [Disampuk] Dia tujuh sahaja.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: ...Kewajipan menjaga kerahsiaan maklumat- Bahagian VII. Akan tetapi tadi Tuan Yang di-Pertua, dia salah taip, *typing error* ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mengapalah Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Bahagian VII mengandungi peruntukan-peruntukan am seperti permulaan pendakwaan, kewajipan menjaga kerahsiaan maklumat atau dokumen, perlindungan kepada NFCC, Lembaga Penasihat, Jawatankuasa Eksekutif, mana-mana pegawai NFCC dan mana-mana orang yang bertindak secara sah bagi mematuhi apa-apa arahan penunjuk atau perintah Ketua Pengarah dan peruntukan-peruntukan am yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, akta ini juga mengandungi jadual yang menyenaraikan kesalahan yang ditafsirkan sebagai jenayah kewangan. Kesalahan yang disenaraikan dalam jadual dalam akta ini adalah kesalahan sebagaimana yang disenaraikan dalam Jadual Kedua kepada Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613].

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, senarai dalam jadual pada akta ini boleh dipinda dengan kuasa Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam warta.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan NFCC adalah suatu dimensi kerjasama dan kolaborasi berbagai-bagai agensi penguat kuasa dan jabatan terbabit dalam membanteras jenayah kewangan. NFCC adalah sebuah agensi kerajaan yang diwujudkan dan berfungsi sebagai suatu platform strategik dan holistik di peringkat nasional selaras dengan manifestasi dan komitmen

kerajaan dalam menangani jenayah kewangan. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengucapkan tahniahlah kepada kerajaan kerana penubuhan NFCC dan saya berterima kasih secara peribadi kepada Yang Berhormat Datuk Seri Mustafar Ali kerana mengambil masa dan datang ke pejabat saya dan memberi huraian tentang- syabaslah saya ucapkan kepada kementerian dan kerajaan...

[Tepuk] Okey, ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kesihatan [Dr. Lee Boon Chye]: Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional, penyelarasan operasi bersepadu yang berhubungan dengan jenayah kewangan dalam kalangan entiti kerajaan dan agensi penguat kuasa dan pengurusan sistem data berpusat dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair.

5.36 ptg.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memberi peluang kepada saya untuk berbahas. Negara wajar mewujudkan sebuah badan pusat-*centralized body* yang menyatakan beberapa agensi sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memerangi jenayah kewangan. Ringkasnya, Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC) bertujuan baik untuk menjalankan aktiviti yang diselaraskan menghadapi pencegahan jenayah kewangan.

Tujuan utamanya bagi menjalankan operasi bersepadu dalam menangani jenayah kewangan dan mengekang ketirisan. Pengkritik tidak harus bimbang bahawa NFCC akan mempunyai kuasa penyiasatan sendiri, tidak! Pusat ini akan hanya bertindak sebagai penyelaras dalam operasi bersepadu dan bukan menjadi agensi penguatkuasaan baharu secara tersendiri. Ia tidak akan mengurangkan, memansuhkan atau menghapuskan fungsi atau kuasa mana-mana agensi sedia ada. Nampaknya NFCC boleh mengetengahkan spektrum kerjasama baharu dalam kalangan agensi penguatkuasaan undang-undang negara dan badan kerajaan dengan perkongsian maklumat serta membuat serbuan bersama.

Justeru, sudah sampai masanya kerajaan menubuhkan entiti yang selaras untuk memerangi pelbagai jenayah dengan lebih berkesan. Sebuah entiti spektrum yang lebih luas

seperti ini akan memberi lebih kuasa dalam menangani jenayah kewangan. Rang undang-undang ini juga adalah sebahagian daripada Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023. Diharap dengan NFCC dibentuk melalui undang-undang baharu, NFCC akan membolehkan dimensi baharu dalam kerjasama dan tidak akan menjadi satu-satunya pentadbiran seperti Pasukan Penguatkuasaan Pemulihan Hasil Negara (NRRET).

Tuan Yang di-Pertua, sedikit imbasan di sini. NRRET yang dijenamakan semula pada tahun 2015 mempunyai kekuatan. NRRET sendiri terdiri daripada Jabatan Peguam Negara, pasukan Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Bank Negara Malaysia, Jabatan Hasil Dalam Negeri, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Matlamat NRRET memang untuk menyelaras dan membantu kerajaan dalam menangani pengelakan cukai kastam oleh individu dan badan korporat, kegiatan penyeludupan dan penyalahgunaan barang bersubsidi, aliran keluar dana yang tidak sah dan tindakan korupsi yang melibatkan aktiviti-aktiviti di atas. Malangnya, NRRET dilaporkan tidak terlibat dalam beberapa siasatan sebelum ini.

■1740

Dengan NAFCC sekarang, kerajaan nampaknya lebih telus dan unsur-unsur campur tangan politik diketepikan. Ia bertujuan menghalang dan memerangi jenayah kewangan baik di dalam dan luar negara tanpa mengenal bulu.

Pusat ini akan menyelaras dan bekerjasama dengan membuat operasi bersepadu dengan agensi-agensi penguatkuasaan dalam hal-hal yang berkaitan dengan jenayah kewangan dan menasihati agensi-agensi dalam perkara yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan sistem data berpusat yang berkaitan dengan jenayah kewangan akan kegiatan operasi bersepadu dan maklumat dari sistem data terpusat dihantar kepada agensi-agensi kerajaan yang lain merupakan langkah proaktif. Pusat ini boleh memberi tumpuan kepada kes jenayah kewangan profil yang tinggi yang melibatkan entiti kerajaan dan ini termasuk kes-kes jenayah penggubahan wang haram, pengelakan cukai dan penyeludupan.

Penubuhan pusat ini juga akan melihat pengurangan kebocoran dan kelemahan di bawah undang-undang semasa. Diharap dengan mengadakan operasi bersepadu berkaitan dengan jenayah kewangan yang melibatkan dua atau lebih agensi penguatkuasaan akan memastikan bahawa jenayah kewangan akan dapat dikurangkan.

Selain itu, sistem data terpusat yang mengandungi maklumat yang relevan yang diterima akan dikumpulkan dan boleh digunakan untuk perancangan dan koordinasi beroperasi

bersepadu dalam pencegahan jenayah kewangan. Adalah wajar bahawa pusat ini memastikan koordinasi semua badan penguatkuasaan seperti polis, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Jabatan Kastam dan Bank Negara Malaysia koordinasi, kolaborasi dan kerjasama bahawa hasil yang lebih baik daripada bekerja dalam silo atau tersendiri seperti sebelum ini.

Apa yang penting pastikan tiada campur tangan politik seperti yang pernah berlaku. Ini sudah pasti bukan berita gembira bagi mereka yang melanggar undang-undang-undang dan yang terlibat dalam jenayah kewangan termasuk pencucian wang *money laundering*, kleptokrasi besar dan pengelakan pembayaran cukai. Perlu diingatkan aktiviti penyeludupan barangan sahaja yang berleluasa boleh menyebabkan kerugian dalam pendapatan cukai berbilion ringgit dalam setiap tahun kepada kerajaan. Ini tidak termasuk lagi aktiviti jenayah yang lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, di sini menunjukkan kesungguhan kerajaan dalam usaha mengatasi penyeludupan penyalahgunaan subsidi aliran wang haram dan rasuah. Saya juga diingatkan jumlah wang yang besar boleh dihantar ke luar dari negara bukan hanya melalui bank tetapi melalui pengurup wang yang tidak bertanggungjawab. Mudah-mudahan perkara ini dapat ditangani. Diharap NAFCC akan fokus kepada semua jenayah kewangan besar atau kecil.

Penggunaan *Artificial Intelligence* (AI) ini dialu-alukan untuk mengenal pasti aliran keluar wang haram dan untuk mengenal pasti modus operandi dan pelaku jenayah kewangan. Semoga ia akan menjadi pendekatan berorientasi hasil untuk memenuhi harapan orang ramai. Beberapa negara seperti UK, Australia boleh menjadi penanda aras.

Juga diharapkan usaha ini akan menjadikan negara ini tempat yang lebih baik untuk kita tinggal apabila rakyat mematuhi peraturan dan tidak melakukan sebarang jenayah terutama jenayah kewangan. Pengamal undang-undang perlu gusar kerana pusat ini akan hanya bertindak sebagai penyelaras operasi bersepadu bersama agensi penguatkuasaan undang-undang dan ia bukanlah sebuah agensi penguat kuasa baharu. Pusat ini juga tidak akan menghakis, memansuhkan atau menyingkir fungsi atau kuasa agensi penguat kuasa sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong penuh Rang Undang-undang Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional 2019 dan harap ini akan diluluskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat dan syabas kerana Yang Berhormat ini betul-betul faham dengan rang undang-undang ini dan hasrat yang murni.

Dipersilakan Datuk Razali bin Idris.

5.45 ptg.

Datuk Razali bin Idris: *Assalamualaikum* dan salam sejahtera. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional 2019. Ia merupakan satu perkembangan yang positif untuk mewujudkan satu agensi federal untuk membanteras jenayah kewangan bukan setakat di negara kita Malaysia tetapi juga di peringkat antarabangsa dan ini perlu disokong 100 peratus daripada Ahli Yang Berhormat.

NAFCC bukan sebuah agensi penguatkuasaan dan tidak mempunyai kuasa siasatan sebaliknya ia bertindak sebagai penyelaras operasi dengan agensi penguatkuasaan undang-undang-undang. Justeru itu, NAFCC tidak akan menghakis atau menyingkir fungsi mana-mana agensi-agensi yang terlibat di negara kita. Sebelum ini agensi-agensi kerajaan telah bekerja dalam bentuk silo, persendirian, dan mempunyai *database* yang berlainan dan diharapkan melalui pembentukan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional ini, maka bolehlah berkongsi *database* supaya jenayah kewangan ini dapat dibanteras dengan lebih tersusun.

Tuan Yang di-Pertua, RUU ini sangat perlu untuk kita menubuhkan satu Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Peringkat Nasional supaya kita dapat berkomunikasi, berkongsi maklumat dan pusat pencegahan jenayah kewangan yang lain di tempat-tempat lain. Oleh yang demikian, kuasa yang diamanahkan kepada pemegang taruh hendaklah digunakan secara berhemah kerana kuasa untuk mengumpul maklumat ataupun *database* yang besar tanggungjawabnya. Kita juga perlu melihat kepada data privasi dan juga *personal data protection* rakyat yang bukan penjenayah.

Ini perlu diberi satu keseimbangan dalam kita membanteras jenayah kewangan negara kita. Jadi, soalan saya apakah sekuriti kepada *personal data* yang bukan penjenayah? Seperti yang kita tahu jenayah kewangan sekarang menjangkau *multiple jurisdiction* secara global dan pelbagai produk dan juga perkhidmatan.

Oleh itu, kita perlu bekerjasama dengan *partner* domestik dan juga antarabangsa untuk membanteras jenayah-jenayah kewangan secara bersepadu. Antara jenayah kewangan yang terkenal dan mempunyai nama buruk seperti skandal 1MDB, *Panama leak*, dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, negara akan terus berada dalam keadaan yang genting sekali lagi jika skandal kewangan seperti 1MDB berulang dan langkah-langkah pencegahan secara perundangan mesti dilaksanakan segera. Bukan hanya dengan RUU NAFCC ini sahaja malah untuk pindaan lain bagi menjamin kebebasan institusi terutamanya termasuk Bank Negara dan Parlimen. Soalan saya, apakah yang membezakan NAFCC dengan agensi-agensi berkuasa

yang sedia ada dalam menyasat dan mendakwa penjenayah wang seperti SPRM, BNM, Bank Negara dan polis.

Kedua, adakah NAFCC sebuah agensi yang berdiri sendiri di bawah jurisdiksi sendiri seperti Bank Negara atau di bawah kawalan kerajaan? Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Husain bin Awang.

5.49 ptg

Dato' Haji Husain bin Awang: *Assalamualaikum warahmatulallahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap pada sesi ini mengambil bhg dalam membahaskan Rang undang-undang Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Peringkat Nasional 2019 RUU NAFCC 2019.

■1750

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya faham bahawa rang undang-undang ini dipinda bagi mewujudkan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional yang berperanan menyelaras operasi bersepadu berkaitan jenayah kewangan di antara pelbagai agensi penguat kuasa dan tidak memiliki kuasa menyasat. Saya tidak menafikan wajar adanya keperluan dalam menangani jenayah kewangan, sekali gus untuk mengekang ketirisan daripada berlaku dalam negara.

Apabila kita melihat isu berkaitan pengaliran keluar wang haram dan kes-kes kehilangan berbilion Ringgit akibat pelarian cukai pendapatan, pengelakan cukai dan duti Kastam, penyeludupan barang larangan, penyalahgunaan subsidi barang seperti LPG, diesel dan minyak masak serta penyalahgunaan insentif cukai seperti di zon bebas cukai yang saya kira semua jenayah ini menjadi ancaman besar kepada ekonomi dan juga reputasi negara. Namun begitu, saya ingin mendapat kepastian sejauh mana keberkesanan penubuhan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional benar-benar berfungsi sebagai suatu platform strategik dan holistik dalam menangani isu-isu jenayah kewangan dan mencegah ketirisan daripada terus berlaku di masa hadapan.

Saya turut difahamkan bahawa pengurusan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional sendiri menjadi pusat koordinasi dalam menyelaraskan kesemua agensi yang terlibat dalam mencari wang yang telah disimpan di luar negara. Oleh itu, saya ingin mengetahui sejauh mana inisiatif ini dilaksanakan dengan berkesan dan efektif bagi memastikan wang yang telah

disimpan di luar negara dapat dikembalikan kepada negara, sekali gus dapat dimanfaatkan oleh rakyat dalam negara.

Pertama sekali saya menyambut baik usaha penambahbaikan RUU Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional dari segi pelantikan Ahli Lembaga Penasihat yang mana pelantikan Pengerusi dan Ketua Pengarah NFCC tidak diserahkan kepada Perdana Menteri kerana jawatan ini akan dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen. Saya berharap perkara ini tidak akan berlaku penyelewengan dan salah guna kuasa dalam proses pelantikan Pengerusi dan Ketua Pengarah NFCC.

Manakala tidak lebih daripada lima Ahli Lembaga Penasihat NFCC dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri. Apakah usaha bagi memastikan tidak berlaku salah guna kuasa dalam proses pelantikan dan operasi NFCC ini? Selain itu saya juga ingin bertanya apakah faktor utama ataupun keperluan terdesak kerajaan sehingga menjadikan penubuhan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional 2019 sebagai salah satu rang undang-undang dan tidak hanya menjadikan penubuhan pusat ini sebagai agensi kementerian. Hal ini kerana, saya berpandangan isu utama adalah pelaksanaan agensi sedia ada dalam mengawal penyelewengan kewangan yang lemah menyebabkan perlunya penubuhan pusat ini.

Oleh itu, kenapakah kerajaan tidak hanya memperkasakan dan menambah baik agensi-agensi sedia ada dan sejauh mana jaminan kerajaan bahawa penubuhan ini tidak akan berbalik kepada keadaan asal iaitu isu kelemahan dalam aspek pelaksanaan? Saya juga ingin bertanya berkenaan mekanisme yang akan digunakan dalam memastikan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan ini selamat daripada isu rasuah serta penyelewengan. Ini kerana tidak mustahil penubuhan pusat ini akan berlaku lebih banyak isu penyelewengan.

Saya juga ingin menyentuh perkara dalam fasal 18 yang memperuntukkan tentang kewajipan menyimpan rahsia ke atas setiap pegawai NFCC. Apakah mekanisme yang diguna pakai bagi memastikan isu *big data* dapat dilindungi dengan rapi? Ini kerana saya percaya apabila perkara yang melibatkan pelbagai agensi, *big data* akan lebih terdedah dan ini amat membimbangkan.

Saya melihat berdasarkan perbahasan sidang Dewan Rakyat tempoh hari, Menteri langsung tidak menjawab soalan ini. Saya mohon penjelasan di akhir penggulungan nanti. Justeru, apakah mekanisme kerajaan bagi memastikan penyeludupan- maaf. Perkara terakhir adalah berkenaan- okey, terima kasih. Setakat itu sahaja dulu. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat menyokong kah tidak?

Dato' Haji Husain bin Awang: Sokong lah... [*Dewan ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Datuk Lim Pay Hen.

5.56 ptg.

Datuk Lim Pay Hen: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya kesempatan untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional 2019.

Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC) itu merupakan satu inisiatif di bawah Pelan Antirasuah Kebangsaan 2019-2023 dengan tujuan utama bagi menjalankan operasi bersepadu dalam menangani jenayah kewangan dan mengekang ketirisan. Tujuan dan fungsi utama pusat ini dikatakan akan menyelaraskan usaha sekurang-kurangnya 12 agensi penguatkuasaan sedia ada. Antaranya PDRM, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Bank Negara Malaysia (BNM), Lembaga Hasil Negeri seterusnya Suruhanjaya Syarikat Malaysia dalam memerangi dan mencegah jenayah kewangan di persada domestik dan antarabangsa.

Pusat ini turut dijelaskan akan bertindak sebagai penyelarasan operasi bersepadu bersama agensi, penguat kuasa undang-undang dan bukan sebuah agensi penguat kuasa yang baharu dan tidak mempunyai kuasa siasatan. Justeru itu, apakah justifikasi dan kerelevanan untuk sekadar menubuhkan badan penyelarasan yang tidak mempunyai fungsi yang lebih besar dan penting bagi menangani jenayah kewangan. Sejauh manakah perbezaan bidang kuasa NFCC jika dibandingkan dengan tugas dan skop yang dilaksanakan di bawah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)?

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan Barisan Nasional juga pernah menubuhkan pasukan Penguatkuasa Pemulihan Negara (NRRET) pada tahun 2015 bagi menyasarkan dan menangkis isu-isu berkaitan pelarian cukai dan duti kastam berskala besar oleh tauke atau pun korporat kaya, aktiviti penyeludupan dan mengawal pengaliran dana ke luar negara secara haram. Maka saya ingin menanya kepada pihak kerajaan, mengapakah tidak diperkasakan semula fungsi NRRET ini? Apakah terdapat kelemahan yang terlalu ketara sehingga perlunya penubuhan NFCC ini?

Menubuhkan sekadar sebuah badan penyelarasan akan memerlukan lantikan Lembaga Penasihat yang memerlukan peruntukan menggunakan hasil wang cukai rakyat. Bukan kah ini merupakan satu bentuk pembaziran seperti yang selalu dilaungkan Pakatan Harapan sebelum

ini? Tuan Yang di-Pertua, seterusnya pelantikan Lembaga Penasihat termasuk Ketua Pengarah di dalam NFCC ini juga masih diperlihatkan wujudnya campur tangan Perdana Menteri seperti dinyatakan dalam seksyen 5.

■1800

Sehingga bilakah zaman Malaysia baru ini masih perlukan campur tangan Perdana Menteri dalamantikan sesuatu jawatan penting? Bukankah Pakatan Harapan pernah menjelaskan dalam janji ke-12 manifesto mereka bahawa kuasa Perdana Menteri untuk memanipulasi institusi penting negara perlu dihapuskan bagi mewujudkan lebih banyak proses semak dan imbang. Mengapa masih terus bergantung kuasa kepada Perdana Menteri? Mengapa tidak diusulkan sahaja ke Jawatankuasa Pemilihan Khas Untuk Melantik Jawatan-jawatan Utama Perkhidmatan Awam?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut ingin mendapatkan penjelasan sejauh mana kredibiliti ahli lembaga penasihat ini perlu diukur dan bagaimanakah kerajaan boleh memastikan individu yang dilantik tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam mana-mana urusan berkaitan kerajaan ataupun dianggotai oleh ahli parti politik yang mempunyai kecenderungan untuk memihak kepada pihak-pihak tertentu.

Bagaimana pula kerajaan dapat memastikan ahli lembaga penasihat NFCC adalah terdiri daripada mereka yang benar-benar berkelayakan dan bebas daripada dimanipulasikan atau dipengaruhi oleh mana-mana pihak tertentu? Siapa pula yang akan dipertanggungjawabkan bagi memantau integriti NFCC ini? Saya turut melihat usaha perangkaan NFCC ini tidak ubah seperti mahu menubuhkan IPCMC. Dari sudut obligasi kerahsiaan, apakah NFCC itu juga turut mempunyai bidang kuasa untuk menyemak mana-mana dokumen sulit yang termaktub di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat penubuhan NFCC juga akan memberi maksud segala maklumat serta dokumen sulit kerajaan mampu diakses secara terus oleh pegawai yang ditugaskan di bawah badan ini. Persoalannya, apakah tindakan yang telah diperuntukkan untuk memastikan pegawai-pegawai ini tidak akan mendedahkan sebarang maklumat sulit terutamanya selepas mereka menamatkan perkhidmatan di dalam NFCC atau sejauh manakah kerajaan melihat keperluan intervensi peruntukan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dalam pelaksanaan NFCC ini bagi melindungi mana-mana pihak sekiranya berlaku sesuatu isu yang melibatkan kepentingan kerajaan.

Contohnya, seperti kes melibatkan Pengarah Audit, Sektor Tadbir Urus, Jabatan Audit Negara Puan Nor Salwani Muhammad yang menyimpan dokumen sulit berkenaan 1MDB dan

juga kes melibatkan bekas Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas tani yang didakwa mensabotaj berhubung isu tender baja pertanian baru-baru ini.

Seterusnya, menurut laporan *Global Financial Integrity* (GFI), dengan izin, jumlah aliran kewangan haram bagi Malaysia sebanyak USD50 bilion pada tahun 2011 dilihat semakin menurun kepada USD34 bilion pada tahun 2015. Sejak penubuhan Pasukan Petugas Khas Pelbagai Agensi pada tahun 2011, bukankah ini merupakan satu indikator yang jelas mengenai kemantapan fungsi pasukan petugas khas sedia ada. Mengapa perlu dilaburkan lagi wang untuk kita mewujudkan satu badan penyedia yang baru seperti NFCC ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya turut ingin menyentuh fungsi NFCC yang ditubuhkan untuk membanteras kes-kes kategori *high profile* atau saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah jenis kes yang dirangkumkan di bawah takrif *high profile* ini? Saya ingin mencadangkan bahawa definisi *high profile* ini perlu dijelaskan dengan lebih terperinci untuk mengelakkan sebarang salah faham mahupun penyalahgunaan kuasa.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya mohon sedikit pencerahan mengenai seksyen 16, kuasa untuk mengumpul maklumat iaitu NFCC berkuasa untuk mengisukan sesuatu notis bertulis ataupun meminta mana-mana pihak yang disyaki untuk mengemukakan dokumen yang dikatakan berkaitan dengan jenayah kewangan. Soalan saya, sejauh manakah kerajaan melihat seksyen ini seolah-olah memberi gambaran bahawa NFCC ini mempunyai kuasa yang berlebihan dalam menahan mana-mana pihak yang belum terbukti salah.

Saya menggesa kerajaan untuk menyemak dan meneliti semula penubuhan NFCC ini yang saya lihat tujuan penubuhan masih terlalu kabur. Seharusnya kerajaan mempertimbangkan penubuhan NFCC ini kepada jawatankuasa pemilih sama seperti yang kita sarankan untuk IPCMC.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya berharap segala pandangan, cadangan ataupun persoalan yang saya bangkitkan itu akan dipertimbangkan oleh pihak kerajaan. Sekian, terima kasih. Dengan ini saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong sudah masuk. Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Saya?

Tuan Yang di-Pertua: Tadi saya tengok tidak ada.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Kadang-kadang tengok, kadang-kadang tidak ada [*Ketawa*]

6.05 ptg.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih pada pagi ini telah memberi hadiah kepada tetamu khas saya dari Miri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang sokong sahajalah. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: *[Ketawa]* Saya ingin turut mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini iaitu Rang Undang-undang Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional 2019. Pada pendapat saya, memang rang undang-undang ini tepat pada masanya untuk diperkenalkan di negara kita.

Ini kerana kita lihat kebelakangan ini banyak berlakunya kes yang dipanggil *black money*, duit hitam di mana duit-duit ini adalah duit rasuah ataupun daripada aktiviti-aktiviti seludup yang tidak didapati mengikut saluran yang sah ataupun mengikut undang-undang. Maka satu usaha bersepadu diperlukan untuk sama-sama kita bertukar maklumat atau *intelligent exchange* dengan izin dan dapat memberdayakan semua pihak penguat kuasa di negara kita untuk berkongsi usaha bagi menangani kejadian yang begitu rumit.

This is not an easy case Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin membuat sedikit komen. Saya nampak dari bajet 2020, kita sangat mementingkan *digital economy*. Kita sangat mementingkan *eWallet*. Itu mungkin salah satu hala tuju untuk kita mengurangkan kejadian *money outflow* sebab kita lebih pentingkan pemakaian digital *currency eWallet*. Pada pendapat saya, penggunaan *eWallet* ini dapat mengurangkan risiko ataupun aktiviti-aktiviti haram. *You use less currency, less cash*. Semua dibuat secara elektronik.

Tuan Yang di-Pertua, semasa transaksi itu dibuat secara elektronik maka saya rasa kita dapat adakan satu *tracking system*. *If you spend your money, using credit card or eWallet*, kita dapat menyiasat. Saya hendak menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang satu kes yang pernah berlaku. Mungkin di antara kita tahu dan ada di antara kita yang tidak tahu iaitu kes seorang pramugara *Malaysia Airlines*. Beliau berumur 37 tahun. Beliau dijatuhkan hukuman pada 25 November 2018 di London kerana beliau ditangkap di *Heathrow Airport* dengan wang sebanyak 150 ribu *Pound* iaitu hampir lebih kurang RM800 ribu semasa dia hendak keluar dari London ke Kuala Lumpur.

Beliau di caj, dituduh di bawah undang-undang penggubahan wang haram di sana dan beliau mengaku salah dan dijatuhi hukuman 12 bulan. *This is a case where they use our airlines staff* untuk seludup wang itu. Saya rasa sekarang beliau sudah habis hukuman. Adakah pihak

Kerajaan Malaysia juga menyiasat kes ini? Kenapa wang ini diambil oleh beliau dari London hendak diambil balik ke Kuala Lumpur?

■1810

Ini salah satu *classic example* di mana wang tunailah yang mereka seludup dan mereka hendak ambil dari luar negara masuk ke Kuala Lumpur. Saya harap mungkin dari kes ini juga kita boleh mengetatkan daripada segi penguatkuasaan terhadap mereka ini. Satu kes lagi Tuan Yang di-Pertua adalah mantan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah negara kita yang baru bersara pada bulan tiga, bulan Mac ini iaitu Dato' Sri Wan Ahmad Najmuddin. Beliau juga dibekukan akaun beliau di *Australia Bank*. Jumlah dia lebih kurang RM1 juta. *Equivalent to RM1 million*. Dalam *Australia Dollar* adalah AUD320 ribu.

Akaun beliau di Australia Bank telah dibekukan kerana *suspicious transaction*, dengan izin. Adakah pihak berkenaan akan melakukan siasatan sekali lagi terhadap beliau sebab sebelum ini pada 2018 kes ini berlaku, maka pada masa itu Kementerian Dalam Negeri, pihak SPRM ataupun pihak PDRM mereka mengatakan bahawa *they accept his explanation*. Penjelasan beliau diterima. Saya rasa mungkin pihak kerajaan dapat meneliti kes ini dan membuat siasatan.

So, dengan itu Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting di Malaysia juga kita lihat sekarang bank sangat ketat, *very straight* ataupun pengurup wang mereka akan tanya, akan melakukan KYC, dengan izin, *Know Your Customer*. Mereka akan lakukan *Customer Due Diligence* (CDD), dan juga untuk risiko, *customer* risiko tinggi mereka akan lakukan *Enhanced Customer Due Diligence* (ECDD).

Ini semua langkah-langkah yang diambil oleh pihak perbankan, bank-bank ini untuk mengetahui punca dan sumber pendapatan daripada kalangan kita. Saya berharap dengan adanya penubuhan NFCC ini di mana telah dibahaskan di Dewan Rakyat, pelantikan Pengerusi dan Ketua Eksekutif itu harus diserahkan kepada Jawatankuasa Khas Parlimen. Itu saya difahamkan telah dipersetujui oleh Menteri, Datuk Liew Vui Keong. Beliau juga menunjukkan komitmen untuk supaya pelantikan itu diserahkan kepada Jawatankuasa Parlimen.

Saya harap peranan NFCC ini mereka dapat betul-betul menjalankan tugas dan berkoordinasi semua usaha supaya Malaysia ini dapat dijadikan sebuah negara contoh dan usaha membanteras jenayah kewangan ini dapat dijalankan dengan berkesan dan dijaga. Itu sedikit sebanyak daripada pandangan saya dan saya mohon untuk menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Alan. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari.

6.13 ptg.

Dr. Yaakob bin Sapari: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin membahaskan sedikit untuk RUU ini yang saya rasa inisiatif yang baik yang dibuat oleh kerajaan bagi membanteras amalan salah guna kewangan khususnya salah guna kuasa dan rasuah yang saya rasa kerajaan kena serius dalam usaha untuk membendung rasuah. Inilah kanser yang sangat serius dalam masyarakat yang seolah-olah telah dibendung.

Cuma satu yang kita lihat dalam pelantikan Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah, “12. (1) *Yang di-Pertuan Agong hendaklah, atas nasihat Perdana Menteri, melantik seorang Ketua Pengarah Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional, yang hendaklah mengetuai Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional, atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara pelantikan.*”

Persoalan yang saya hendak berikan adalah disebut tadi supaya pelantikan ini dibuat oleh Jawatankuasa Parlimen supaya Parlimen yang melantik, yang menghantar nama disahkan oleh Parlimen. Keduanya dari segi *structure*. Kita ada pengalaman yang agak pahit di negara ini bilamana Perdana Menteri memecat Peguam Negara, melantik Pengerusi PAC jadi Timbalan Menteri dan seterusnya mengambil tindakan-tindakan yang lain di SPRM, memindahkan SPRM. Bila mana ada kuasa di atas pada NFCC ini, saya mencadangkan supaya Ketua Pengarah ini tidak rujuk kepada eksekutif.

Kalau ketua eksekutif sendiri yang melakukan kesalahan dan sekarang ini kes itu di mahkamah. Seandainya tidak ada pertukaran kerajaan, saya rasa tidak ada kes mahkamah untuk kes ini. Jadi selepas pertukaran kerajaan, baru kes boleh dibawa ke mahkamah. Bila kesalahan ini dilakukan oleh ketua eksekutif negara sendiri yang mana Ketua Pengarah di bawah ketua eksekutif negara. Jadi saya rasa *structure* ini perlu dibetulkan supaya ketua eksekutif ini juga bebas untuk dirujuk kepada Parlimen dan Parlimen yang boleh menjadi *committee* untuk menyelaras semua aktiviti ini.

Ini sahaja pandangan saya sebab saya bimbang apa yang berlaku yang lepas akan berulang sebab kuasa eksekutif pada ketua eksekutif kuat sangat dan dia mengawal segala-galanya. Itu sahaja pandangan saya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari. Pada pengetahuan saya, dia lantik boleh tetapi pecat tidak boleh dalam akta ini. Ini yang setahu sayalah. Tidak apa biar Menteri yang jawab.

Dr. Yaakob bin Sapari: Maksud saya ialah...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya ingat dia orang faham Yang Berhormat. Apa *you* hendak Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi?

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Hendak ambil bahagian sebab ramai rakan tidak hadir.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh, tidak boleh.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Satu poin tidak boleh Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Tidak boleh ya?

Tuan Yang di-Pertua: *You* tidak bagi nama.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Satu poin Tuan Yang di-Pertua. Boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

6.16 ptg.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Saya tahu Tuan Yang di-Pertua semalam macam biasalah sangat budiman. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pendek sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ini menyokong kah tidak?

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Sokong.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Hendak bagi tambah baik lagi. Itu minta penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri mohon penjelasan sikit, ada dua isu sahaja. Pertama, saya tengok benda ini dicadangkan di bawah itulah Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah Nasional. Akan tetapi apabila kriteria hendak lantik Ketua Pengarah itu, dia kata dia tidak pakai integriti, dia panggil *probity*, kan. Tengok dalam seksyen itu kriteria untuk hendak lantik ketua eksekutif.

Probity dan integriti ini pada pandangan saya, integriti ini lagi tinggilah tahap dia. So, saya hendak tanya apa penjelasan dekat situ sebab agenda kerajaan ke arah integriti. Tiba-tiba hendak lantik itu kualiti dia rendah sikit, *probity*. Ada itu kalau dalam istilah bahasa Orang Putih-*probity*, bahasa Melayu- kata jujur. Akan tetapi saya rasa integriti seperti mana yang telah digagaskan oleh kerajaan selama ini tinggi tahap dia. Satu.

Kedua, saya hendak tanya rasional cadangan rang undang-undang, seksyen 19 dan seksyen 24. Ini saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri memang arif benda ini, cuma saya perlukan penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi rakan saya membahaskan bahawa kalau kuasa lebih sangat pun bahaya juga...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Kita mahu satu undang-undang yang memihak kepada bukan sahaja yang dituduh dan juga memihak kepada kerajaan. Bagi saya undang-undang yang baik mengambil kira perkara-perkara ini iaitu hak asasi dia dan sebagainya.

Seksyen 19 ini Tuan Yang di-Pertua kalau kita tengok, dia meminta seolah-olah sampai ke satu tahap pengecualian terus daripada tindakan-tindakan. Memang dalam situ dia ada sedikit sahaja, suci hati tetapi perkara itu bukan senang hendak dibuktikan.

Akan tetapi bayangkan kalau seksyen 19 yang diminta ialah dipanggil perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang. Selepas itu seksyen 24 pun dia minta juga pengecualian daripada *Public Authorities Protection Act* (PAPA). PAPA ini pun bukan mudah sebab dia dalam masa tertentu hendak buktikan kecuaiannya. So, kalau katakan akta ini kalau yang kita berikan terlalu kuat sehingga sebegini, saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri sangat faham ini sebab selalu saya tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri membela mereka yang teraniaya. Saya tahu, itu *track record* Yang Berhormat Timbalan Menteri kita.

Dalam konteks ini, kita tidak mahu sampai ke satu tahap dengan andaiannya Tuan Yang di-Pertua, hak asasi manusia ini ialah untuk mengawal *the tyranny of the government* ketika mana kerajaan boleh dikatakan melakukan kecuaiannya dan sebagainya. Akan tetapi dalam konteks ini soalan saya, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jelaskan- boleh tanya pegawai- di mana *safeguard, the fundamental liberty* sekiranya berlaku ketidakadilan? Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap fasal keadilan kan ataupun kecuaiannya.

Ini seolah-olah seksyen 19 dan 24 ini *a totally complete*. Jadi saya tidak hendak kalau boleh dalam hendak memberi kuasa yang efektif tetapi kita juga hendak cari jalan supaya mereka yang teraniaya juga dapat dibela. Jadi mohon penjelasan. Setakat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih. Saya pasti NFCC itu pasti ada standard SOP.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan menjawab.

■1820

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan catatan saya, lebih kurang tujuh orang yang berbahas walaupun enam orang bagi nama dan seorang kita panggil Yang Berhormat rizab, Yang Berhormat Yusmadi, pemain simpanan tetapi kadang-kadang simpanan *score goal* juga [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada semua, pertamanya kerana menyokong NFCC ini dan juga Tuan Yang di-Pertua sendiri juga yang telah mengucapkan tahniah kepada pengerusi eksekutif yang telah memberikan taklimat. Saya difahamkan juga memberikan taklimat kepada semua Senator ya. Itu sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, inilah kita punya kalau saya katakan trend sekarang. Kalau boleh semua rundingan yang kita hendak buat, kita akan adakan taklimat, dipanggil *pre council* dan sebagainya untuk memastikan bahawa pihak-pihak yang mungkin ada *stakeholder* juga dalam membahaskan ini mendapat kefahaman yang jelas.

Keduanya, saya juga ingin tekankan di sini kenapakah NFCC ini kemungkinan kalau kita ada rasa macam tadi dikatakan kemungkinan ada penyalahgunaan kuasa dan sebagainya. Apakah jaminan? Saya hendak beritahu, sebenarnya jaminannya ialah *new government*, itu jaminan paling besar. Bila ada *new government* ini, kita berada dalam satu *new environment*. Bila undang-undang ini dibuat dalam satu *environment* yang kata orang mungkin semuanya sepakat dari segi menentang rasuah, ia lebih mudah untuk kita memerangi rasuah ini.

Saya akui kerajaan lama pun memang banyak buat benda-benda baik tetapi dalam masa yang sama juga bila *environment* itu tidak sesuai, ia menyebabkan dalam perkara baik dibuat, terdapat juga perkara buruk yang dilakukan yang sehingga sekarang apabila kita mengambil alih, kita terpaksa berhadapan dengan satu masalah yang besar. Semua orang tahulah, saya rasa *it is a public knowledge* tentang apa yang berlaku terhadap kecurian wang negara ini yang semua tahu mungkin memakan bilion-bilion. Setakat ini kita dapat *recover* pun mungkin tidak sama, tidak akan sampai mungkin jumlah yang kita hilang itu. Akan tetapi saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat semua bahawa kita komited. Oleh sebab itulah, dalam suasana begitulah kenapa NFCC ini ditubuhkan.

Saya mungkin tidak menjawab secara ikut *chronological order*. Saya akan membangkitkan mungkin isu-isu. Antara tadi yang ditekankan oleh Yang Berhormat, saya tidak ingat nama, minta maaf saya tidak ingat ya. Contohnya Yang Berhormat kata kenapakah NERTT

pada zaman Barisan Nasional itu kita tidak perkemaskan sahaja, kenapa kita tubuhkan NFCC? Untuk makluman Yang Berhormat, badan yang lama itu hanya sebagai badan pentadbiran sahaja. Ia tidak ada satu dipanggil *governing law*. Cuba Yang Berhormat bayangkan kalau SPRM tidak ada *governing law*, ia tidak akan ada satu dipanggil *it's like the two little tigers*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sebentar, tukar giliran.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya untuk teruskan jawapan. Jadi Yang Berhormat, bila ada *governing law* ini, ia ada lebih kata orang itu lebih jaminan- *safeguard* yang sesuai. Bila ada *law* yang *governing* ini, kalau apa-apa berlaku sebenarnya ia melindungi dua-dua pihak, pihak yang menyiasat dan pihak yang disiasat. Pihak yang terlibat dalam memerangi jenayah kewangan ini dan juga pihak yang disiasat itu. Itu pentingnya *governing law* ini.

Kalau katakan, sebagai contoh tadi kata Yang Berhormat ada obligasi kerahsiaan dan sebagainya. Tadi Yang Berhormat Yusmadi membentangkan seksyen yang berkaitan dengan seksyen 19, dan sebagainya. Kalau tidak ada *governing law* ini Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan benda-benda ini akan menyebabkan sukar untuk pihak yang melakukan tugas itu membuat tugas mereka dengan lebih berkesan. Ini sebenarnya dari segi prinsipnya ya Yang Berhormat.

Oleh kerana saya dah sentuh yang Yang Berhormat Yusmadi, saya hendak jawab juga apa yang dia kata. Beliau mengatakan seksyen 19 ini. Seksyen 19 ini *protection against suits and legal proceeding*. Ini sebenarnya, Yang Berhormat pun tahu sebagai seorang pengamal undang-undang, hampir banyak undang-undang dalam negara kita ini mempunyai peruntukan yang sama.

Jadi Yang Berhormat, saya rasa memang secara umumnya saya boleh bersetuju dengan Yang Berhormat mengatakan bahawa seolah-olah peruntukan ini menyebabkan kemungkinan bertentangan dengan prinsip, dan sebagainya, tetapi Yang Berhormat, apakah jaminan Yang Berhormat kata. Yang Berhormat, saya berpegang kepada perkataan dalam seksyen 19 itu sendiri. Yang Berhormat boleh tahu perkataan *good faith* itu, itulah sebenarnya yang sebagai kita boleh katakan kata-kata ajaib dalam seksyen 19 ini yang melindungi sebarang tindakan yang

mungkin melangkau seksyen 19 ini. Maknanya dengan adanya *good faith* ini kalau sekiranya kita boleh membuktikan bahawa ada apa yang dipanggil *mala fide* ataupun *in bad faith* ini kita boleh mempertikaikan tindakan diambil untuk melindungi pegawai-pegawai yang cuba berselindung di bawah seksyen 19 ini.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Menteri, sedikit sahaja. Yang 19 itu satu, lepas itu saya tengok lagi *best* dia minta juga seksyen 24. So dia nak jadi *whiter than white* ni, itu saya tanya pandangan Menteri. Minta sedikit, nak rasional sedikit supaya nak *record* dalam Hansard.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, seksyen 24 ini pun Yang Berhormat pun sebagai pengamal undang-undang tahulah. Ini semua boleh dikatakan *provision* yang biasa ada dalam mana-mana undang-undang. Itu yang saya rasa lebih mudah untuk saya menerangkan kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat, *Public Authorities Protection Act* ini kita hendak melindungi juga pegawai sebab pegawai-pegawai terlibat dalam buat kerja ini, mereka hendak juga satu perlindungan untuk memastikan mereka buat kerja, tidak perlu mereka terasa kalau mereka buat kerja nanti, mereka mungkin akan didakwa dan sebagainya.

Jadi saya rasa ini perkara yang normal Yang Berhormat. Dalam mana-mana undang-undang pun kita hendak memastikan pegawai-pegawai yang terlibat dalam melaksanakan tugas ini, mereka ada satu jaminan supaya mereka buat kerja dalam keadaan mereka tidak terasalah bahawa mereka mungkin akan dihambat oleh perkara-perkara yang mungkin menjejaskan kerja mereka. Macam kitalah Yang Berhormat, kalau kita balik rumah katakan kita tengah penat-penat, tiba-tiba di rumah tidak ada jaminan kita dapat *mawaddah warahmah*, kita pun tension Yang Berhormat. Jadi Yang Berhormat mula faham dah itu. Yang Berhormat ini faham ini tapi saja kacau ni.

Seksyen 16 tadi, Yang Berhormat ada bagi kat saya 16, *power together information* kepada Yang Berhormat, saya minta maaf nama tidak ingat. Yang Berhormat berkata apakah jaminan Seksyen 16 ini? Yang Berhormat, kalau kita, saya harap kalau Yang Berhormat ada rang undang-undang ini, Yang Berhormat boleh lihat. Cuba baca rang undang-undang ini. Izinkan saya membaca, "*The national anti-financial crime center may by a written notice order any person*". Jadi Yang Berhormat berkata kenapa dia ada hak untuk beri notis itu kan? Akan tetapi Yang Berhormat, ayat paling penting dalam Seksyen 16 ini adalah "*has reasonable grounds to believe that the information is relevant to the formant of it's function*". Maknanya Yang Berhormat, dengan izin, bukan *simply* hantar notis, ia mesti ada *reasonable grounds*.

Macam juga Yang Berhormat. Ia sama kalau Yang Berhormat tengok undang-undang CPC, tidak boleh kita semata-mata *search* mana-mana premis, mesti ada *reasonable ground*.

Reasonable ground inilah Yang Berhormat yang melindungi segala tindakan daripada pihak-pihak yang mungkin melampaui tugas yang mereka telah di *design* kan. Jadi Yang Berhormat, saya harap Yang Berhormat tidak perlu risau dengan seksyen 16 ini.

Kalau sekiranya Yang Berhormat, saya hendak beri contoh Yang Berhormat. Kalau sekiranya seseorang itu menerima notis secara bertulis, tiba-tiba dia mendapati notis yang diterima tidak ada *reasonable ground*. Yang Berhormat, *they can always go to court and then challenge it*, mencabar benda itu. Ini biasa Yang Berhormat. Macam kita sekarang, kalau kita kena tangkap dengan pihak polis, kita kena dakwa ataupun kita kena dikeledah bangunan kita, kalau kita rasa tidak ada sebab yang munasabah, *we can always challenge to file a pursuit* kerana *trespassing* dan sebagainya. Ini perkara biasa Yang Berhormat. Dalam undang-undang, perkara ini, *reasonable ground* ini sebagai satu *safeguard* kepada mereka yang mungkin dijadikan sebagai mangsa. Jadi Yang Berhormat tidak perlu risau dalam perkara itu.

Tentang Perdana Menteri, kita kata kuasa Perdana Menteri. Yang Berhormat Dr. Yaakob bin Sapari pun ada bangkitkan. Yang Berhormat, saya hendak bezakan ya. Undang-undang di Malaysia ini banyak yang mengatakan kuasa Perdana Menteri ada, contohnya lantik hakim, macam-macam ya. Yang Berhormat, kuasa itu sebenarnya kuasa Agong tetapi atas nasihat Perdana Menteri. Okey, apa beza yang dulu dengan sekarang?

Saya hendak beritahu Yang Berhormat, beza dulu, kuasa itu tidak ada satu dipanggil macam *watchdog*. Sekarang ini Yang Berhormat, kita tubuhkan satu jawatankuasa dipanggil jawatankuasa khas di mana dalam jawatan-jawatan tertentu, kita memastikan jawatankuasa khas ini boleh panggil orang itu untuk disoal balas dan sebagainya. Jadi Yang Berhormat, yang ini dalam kerajaan dulu *lacking*, tidak ada, dengan izin, *lacking* tetapi sekarang ada. Akan tetapi Yang Berhormat, dalam masa yang sama saya hendak betulkan jawatankuasa khas ini bukan mengambil alih kuasa Perdana Menteri, tidak.

■1830

Yang Berhormat, ia punya proses pelantikan itu lebih *transparent*. Sebenarnya kalau kita belajar undang-undang pun Yang Berhormat tahu, ia ada dua. Satu, *decision* dan satu lagi *decision making process*. Kalau orang yang biasa buat *judicial review*, dia tahu. *Decision can be correct* tetapi *decision making process is wrong*. Pun salah juga.

Jadi, sekarang ini Yang Berhormat, dengan adanya jawatankuasa khas ini, ia menyebabkan proses membuat keputusan itu, lebih *transparent*, lebih telus dan sebagainya. Oleh sebab itulah Yang Berhormat, kita tidak boleh terus membuang kuasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun ada kuasa yang tertentu untuk

melantik dan sebagainya. Ini sebab, Yang Amat Berhormat adalah orang nombor satu. Yang Amat Berhormat perlu memastikan negara ini ditadbir oleh orang-orang yang berupaya, Yang Berhormat.

Akan tetapi sekarang ini, dengan adanya pelantikan dirujuk kepada jawatankuasa khas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh mendapatkan input-input yang melebihi daripada dulu. Kalau dulu, dia tidak ada input. Mungkin input yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat oleh orang-orang di sekitarnya saja. Akan tetapi sekarang, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan ambil input itu, cumanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak tertakluk 100 peratuslah. Akan tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh ambil input.

Yang Berhormat dalam keadaan sekarang, saya masih cemburu dan saya merasakan kalau saya Yang Berhormat berada dalam kedudukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang, saya rasa memang saya tidak mahu menjadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa sekarang. Susah. Dulu senang. Dulu buat apa pun orang tidak kisah. Sekarang ini, orang tentang dan orang lawan semua, teruk. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang ini- saya rasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun rasa betapa susahnyanya jadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang.

Pertama, kita berikan kebebasan rakyat untuk bersuara. Walaupun ramai yang bersuara tetapi tidak melaksanakan suara dengan betul. Akan tetapi kita bagi kebebasan bersuara. Kita ini kerajaan yang paling baik Yang Berhormat. Orang serang macam mana pun, kita kurang tangkap. Kita banyak hendak hapuskan undang-undang yang zalim dan sebagainya. Jadi Yang Berhormat, dalam keadaan begitu, kita kena percaya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Jadi Yang Berhormat, akhir kata tadi Yang Berhormat kena faham bahawa perbezaannya ialah NNCC ini wujud dalam *environment* yang berbeza. Bukan lagi bukan dalam alam-alam sekitar yang lama lagi. Itu beza yang paling besar dan itu membantu *insya-Allah*, NNCC ini akan dapat menjalankan tugas dengan lebih baik.

Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi tanya tentang *probity* dengan integriti, saya rasa ini masalah *semantic*-lah. Masalah- *semantic* dalam bahasa Melayu apa? Masalah bahasalah Yang Berhormat. *Probaity* ini kalau kita kamus pun, ia ada *high moral principle*. Kalau orang yang ada moral ini, dia tidak akan- dia macam ada integritilah. *In order to have an integrity, you must have moral, high principle*. Jadi, ini saya rasa tidak ada masalahlah. Tidak perlu kita bahas dari segi bahasalah.

Yang Berhormat, sebenarnya saya ini, hendak kasihan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat ini. Yang Berhormat sudah risau ini sebab Yang Berhormat hendak balik awal ini. Saya banyak sebenarnya hendak menjawab tetapi saya mencadangkan saya menjawab dalam jawapan bertulislah. Menjawab secara bertulislah. Boleh ya? Ini sebab semua sudah sokong pun. Saya jawab bertulislah yang lain. Saya jawab *points* yang penting tadi.

Okeylah, sekian terima kasih. Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih banyak kepada semua yang berbahas dan saya harap kita akan memberikan sokongan kepada kementerian ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Nampak? Nampak nyatanya Yang Berhormat kita, Yang Berhormat Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin telah memberikan jawapan baik dan ringkas. Macam-macam ia ada ilmunya. Nampak Yang Berhormat ilmu dan ada akal dan dapat menjawab semua yang disoal itu. Bak kata orang tua-tua tadi.

*Pandang kanan pandang kiri;
Melintas jalan berkira-kira;
Kurang duit boleh dicari;
Kurang akal habis bicara... [Tepuk]*

Modalnya ada. Akal ada biasalah. Duit boleh dicari, akal ini mustahak ya. Sekarang saya-Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal 1 hingga 25 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Jadual jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Liew Chin Tong) dan diluluskan]

USUL**MENDAHULUKAN URUSAN KERAJAAN
DI BAWAH P.M. 13(1) DAN 13(2)****6.38 ptg.**

Timbalan Menteri Kesihatan [Dr. Lee Boon Chye]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 13(2) dibaca bersama-sama Peraturan Mesyuarat 13(2) saya mohon mencadangkan:

“Bahawa perbahasan ke atas D.R. 36/2019 Rang Undang-undang Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (Pembubaran) 2019, bagi Bacaan Kali Yang Kedua yang dijadualkan sebagai nombor 7 di dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini didahulukan sekarang manakala rang undang-undang yang lain dijadualkan semula mengikut aturannya selepas ini.”

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PROMOSI KESIHATAN MALAYSIA
(PEMBUBARAN) 2019****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****6.39 ptg.**

Timbalan Menteri Kesihatan [Dr. Lee Boon Chye]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk memansuhkan Akta Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia 2006 [*Akta 651*] untuk membubarkan Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia yang ditubuhkan di bawah akta itu untuk mengadakan peruntukan bagi menghadkan hartanya pada kerajaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan, dibacakan kali yang kedua sekarang.

■1840

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (LPKM) adalah sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia yang ditubuhkan bagi melaksanakan aktiviti promosi kesihatan dengan membina upaya dan menyokong badan-badan bukan kerajaan yang berkaitan dengan kesihatan, sukan dan kebudayaan. Secara amnya, langkah pembubaran LPKM adalah di bawah inisiatif rasionalisasi perkhidmatan awam kerajaan yang akan memperkemas program promosi kesihatan di Malaysia di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pada masa sekarang, fungsi promosi kesihatan yang dilaksanakan oleh LPKM turut dilaksanakan oleh Bahagian Pendidikan Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang turut mendidik masyarakat tentang kepentingan dalam aspek menjaga kesihatan. Dengan pembubaran ini, pertindihan fungsi ini akan dapat diselaraskan di bawah satu bahagian di KKM.

Justeru, langkah pembubaran ini akan dapat mengoptimumkan sumber supaya ianya dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam menggerakkan inisiatif amalan gaya hidup sihat secara lebih bersepadu.

Dari segi aspek sumber kewangan pula, LPKM tidak dapat menjana pendapatan sendiri kerana tiada peruntukan di dalam akta yang membolehkan ianya menjana pendapatan. Oleh itu, ia tidak mempunyai kedudukan kewangan yang mampan dan bergantung sepenuhnya kepada peruntukan tahunan kerajaan. Dengan pembubaran ini nanti, kos pengurusan yang ditanggung kerajaan dalam lingkungan RM4.6 juta setahun akan dapat dijimatkan.

Sehubungan dengan itu, bagi memastikan pembubaran LPKM ini berjalan lancar, KKM telah menubuhkan Jawatankuasa Pembubaran LPKM pada tahun 2018 untuk memantapkan pengagihan fungsi, aset dan kewangan serta sumber manusia di LPKM kepada bahagian lain yang ada di KKM.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (Pembubaran) 2019 ini mengandungi sembilan fasal. Sebelum rang undang-undang ini dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, izinkan saya menjelaskan fasal-fasal seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 mengandungi takrif perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam akta yang dicadangkan.

Fasal 3 mengadakan peruntukan bagi pemansuhan Akta Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia 2006 dan pembubaran Lembaga.

Fasal 4 mengadakan peruntukan bagi pemindahan kuasa, hak, kewajipan, liabiliti dan obligasi Lembaga kepada kerajaan.

Fasal 5 memperuntukkan bahawa semua wang yang ada pada atau kena dibayar kepada Kumpulan Wang Promosi Kesihatan Malaysia dipindahkan kepada kerajaan.

Fasal 6 mengadakan peruntukan bagi pengambilalihan oleh kerajaan segala surat ikatan, perjanjian, dokumen dan surat cara lain yang sedia ada daripada Lembaga.

Fasal 7 mengadakan peruntukan bagi penerusan prosiding undang-undang oleh atau terhadap kerajaan sebagai ganti Lembaga.

Fasal 8 mengadakan peruntukan bagi penerusan kuat kuasa semua undang-undang bertulis termasuk perundangan subsidiari sehingga perundangan itu dipinda atau dibatalkan, dan memperuntukkan bahawa apa-apa sebutan mengenai Lembaga dalam mana-mana undang-undang bertulis termasuk perundangan subsidiari atau dokumen hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai kerajaan.

Fasal 9 mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan peletakhakan semua harta, hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti Lembaga yang dinyatakan oleh Menteri dalam perintah yang disiarkan dalam warta pada kerajaan tanpa apa-apa pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahan.

Tuan Yang di-Pertua, KKM optimis langkah rasionalisasi pembubaran LPKM ini akan memberikan impak positif dalam memperkasakan bidang promosi kesihatan agar lebih berdaya saing, menyeluruh dan inklusif selari dengan usaha kerajaan dalam menyokong Matlamat Pembangunan Lestari iaitu *Sustainable Development Goals*, dengan izin, sektor kesihatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]: Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk memansuhkan Akta Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia 2006 [Akta 651], untuk membubarkan Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia yang ditubuhkan di bawah akta itu, untuk mengadakan peruntukan bagi peletakhakan hartanya pada kerajaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ada dua orang pembahas. Satu sudah tarik diri. Ada lagi siapa nanti boleh ya, kita buka lagilah. Saya mulakan dulu dengan Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

6.47 ptg.

Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera kepada Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya menyokong sepenuhnya pembubaran Akta Lembaga Promosi Kesihatan ataupun Akta 651 ini atas beberapa perkara.

Pertamanya, saya rasa objektif penubuhannya iaitu untuk memajukan keupayaan pertubuhan-pertubuhan termasuk pertubuhan berkaitan kesihatan yang berasaskan komuniti bagi promosi kesihatan.

Kedua, untuk merancang dan melaksanakan program dan aktiviti promosi kesihatan untuk faedah masyarakat dengan tumpuan khusus kepada remaja.

Ketiga, untuk memajukan dan menyokong program pelbagai strategi bagi mempromosi dan menyokong cara hidup yang sihat dan persekitaran yang sihat melalui pelbagai latar dan sektor.

Keempat, untuk memajukan dan menyokong program untuk memperbaiki kesihatan rakyat dengan cara mencegah, mengurang dan menghentikan penggunaan hasil tembakau.

Kelima, untuk membiayai penyelidikan yang berkaitan dengan promosi kesihatan.

Dan yang keenam, untuk membiayai dan menyokong pertubuhan sukan, rekreasi dan kebudayaan untuk mempromosikan cara hidup yang sihat dan persekitaran yang sihat.

Jadi kalau kita tengok semua objektif ini, ia adalah bertindih dengan badan induk iaitu Kementerian Kesihatan itu sendiri.

Di samping itu, beberapa perkara lain iaitu mengikut hasil audit yang mendapati bahawa pencapaian LPKM ini tidak memuaskan selain kos pengurusan yang begitu tinggi dan tiada mempunyai kepakaran.

Jadi, saya rasa- kalau tidak silap, saya baca laporan ini 100 peratus kosnya adalah ditanggung oleh kerajaan kerana mereka tidak mampu menjana pendapatan sendiri. Jadi atas alasan itu, saya menyokong sepenuhnya bahawa akta ini dimansuhkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi siapa hendak bercakap, ada?... Tidak ada? Kalau tidak ada, saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.49 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dr. Lee Boon Chye]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah yang turut menyokong rang undang-undang ini.

Seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Senator akan alasan kementerian untuk memansuhkan Lembaga Promosi ini yang memang telah disebut, saya rasa saya tidak payah jawablah. Apa yang hendak dijawab itu sudah dalam ucapan semasa pembentangan tersebut. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 9** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Liew Chin Tong) dan diluluskan]

■1850.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN PENDERMA MAKANAN 2019

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.53 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang Perlindungan Penderma Makanan 2019 dibacakan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya meneruskan pembentangan, izinkan saya memaklumkan pada Dewan yang mulia bahawa rang undang-undang ini telah dikemukakan dan diluluskan tanpa pindaan di Dewan Rakyat pada 9 Oktober 2019.

Malaysia adalah sebuah negara membangun yang mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan sejak mula mencapai kemerdekaan. Pertumbuhan ekonomi yang pesat ini telah membawa kemakmuran dan kesejahteraan kepada rakyatnya di mana akses kepada makanan sebagai salah satu keperluan asas rakyat bukan lagi menjadi suatu isu yang besar.

Walau bagaimanapun, dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat dan kemakmuran negara yang semakin berkembang ini, rakyat Malaysia telah mula menghasilkan lebih makanan yang semakin tinggi dari setahun ke setahun.

Berdasarkan *Survey on Solid Waste Composition Characteristics and Adjusting Practice on Solid Waste Recycling in Malaysia 2012* yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara menunjukkan lebih makanan adalah merupakan lebih yang paling banyak dijana di Malaysia iaitu antara 31 peratus hingga 45 peratus daripada jumlah keseluruhan sisa yang dihasilkan setiap hari.

Manakala Kompendium Pengurusan Sisa Pepejal Malaysia Edisi 1(2018) yang dikeluarkan oleh Perbadanan Sisa Pepejal Negara iaitu SWCorp pula menunjukkan sebanyak 20 peratus iaitu 3,000 metrik tan daripada 15 ribu metrik tan lebih makanan yang dihasilkan setiap hari masih selamat untuk dimakan. Jumlah 3,000 metrik tan lebih makanan tersebut sekiranya berjaya diselamatkan, ianya boleh memberi manfaat kepada hampir 2 juta orang rakyat Malaysia yang memerlukannya.

Masalah pembaziran makanan bukan sahaja menyebabkan kerugian dalam makanan dan alam sekitar malah isu ini juga membawa impak kepada sosial dan ekonomi negara. Selain itu pengurusan lebih makanan yang tidak teratur dan sistematik juga menyebabkan penambahan kos kepada operasi industri peruncit kerana ianya memerlukan ruangan simpanan, pengangkutan dan tenaga kerja tambahan dalam melupuskan lebih makanan.

Usaha menyelamatkan lebih makanan ini juga adalah selari dengan matlamat *United Nations Sustainable Development Goal (Target 2.3)*; sasaran bagi mencapai pengurangan setengah daripada pembaziran makanan keseluruhan yang dikeluarkan oleh industri dan pengguna pada tahun 2030.

Menyedari isu lebih makanan di Malaysia ia masih tidak ditangani dengan teratur dan sistematik, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada 4 Ogos 2018 telah memulakan satu inisiatif dengan melancarkan Program *Food Bank Malaysia* dengan kerjasama pasar raya-pasar raya dan badan bukan kerajaan sebagai rakan strategik kementerian bagi mengagihkan lebih makanan dihasilkan di peringkat industri kepada kumpulan sasar yang memerlukannya.

Inisiatif ini juga adalah selari dengan peranan kementerian sebagai Sekretariat Induk Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara iaitu NACCOL yang berperanan untuk membantu kerajaan dalam menangani isu-isu berkaitan kos sara hidup rakyat dan seterusnya akan dapat mengurangkan bebanan kos sara hidup rakyat selain meningkatkan kesedaran pengguna untuk mengurangkan pembaziran makanan di negara ini.

Objektif utama pelaksanaan Program *Food Bank Malaysia* adalah menggalakkan kesedaran pengguna untuk membantu golongan yang kurang berkemampuan mendapatkan akses bekalan makanan bagi meringankan kos sara hidup. Melalui program ini, golongan sasar yang dikenal pasti dapat meningkatkan pendapatan boleh guna iaitu *disposable income* mereka untuk pembelian makanan bagi membolehkan pendapatan tersebut digunakan untuk kegunaan lain yang lebih penting seperti perbelanjaan untuk pendidikan dan kesihatan.

Selain itu, Program *Food Bank Malaysia* juga menyasarkan untuk meningkatkan kesedaran pengguna dalam menangani pembaziran makanan dan mempertingkatkan pengurusan lebih makanan yang lebih sistematik bagi pemain industri di Malaysia.

Sehingga 1 hari bulan November 2019, Program Food Bank Malaysia telah berjaya mengumpul sebanyak 1,893 metrik tan lebih makanan, dan telah menyalurkan kepada seramai 418 ahli isi rumah berpendapatan rendah.

Mulai 15 hari bulan 2019, Program *Food Bank Malaysia* juga telah diperluaskan ke universiti-universiti awam melalui Program *Food Bank Siswa* yang bertujuan untuk membantu pekerja daripada keluarga berpendapatan rendah- dapat meringankan beban kos sara hidup di universiti.

■1900

Sehingga 1 November 2019, Program *Food Bank Siswa* telah berjaya dilaksanakan di 21 buah universiti awam dan memanfaatkan seramai 6,870 orang pelajar daripada keluarga golongan B40. Kumpulan sasar bagi projek *Food Bank Malaysia* adalah penerima yang terdiri daripada isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM940 sebulan.

Maklumat kumpulan sasaran adalah berdasarkan data daripada sistem eKasih yang dikeluarkan oleh pihak Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) di mana ia digunakan sebagai data asas untuk mengenal pasti kumpulan sasaran bagi program ini dan akan sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa. Maklumat-maklumat tambahan juga akan diperolehi dari sumber-sumber lain seperti pusat zakat, pusat-pusat ibadah dan maklumat daripada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK).

KPDNHEP telah memainkan peranan sebagai pengantara untuk menghubungkan antara pasar raya, NGO dan golongan sasaran. Kementerian ini akan memantau pelaksanaan program ini dalam memastikan sumbangan lebih makanan tersebut sampai kepada kumpulan sasaran yang memerlukannya.

Walaupun Program *Food Bank Malaysia* telah dilaksanakan secara meluas dan mendapat sambutan yang baik di kalangan rakyat, namun masih terdapat banyak ruang untuk penambahbaikan kepada program ini. Di antara isu utama yang sering dibangkitkan dalam pelaksanaan Program *Food Bank Malaysia* ialah kekangan kepada pengeluar, pengilang, peruncit, pengusaha makanan, katering dan hotel untuk memberikan sumbangan lebih makanan disebabkan kebimbangan sekiranya dikenakan tindakan undang-undang oleh penerima yang mendapat kesan daripada makanan yang didermakan.

Pada masa ini, penderma makanan tidak dilindungi oleh mana-mana undang-undang yang spesifik sekiranya terdapat tindakan undang-undang yang diambil oleh penerima sumbangan sekiranya berlaku apa-apa kesan daripada makanan yang didermakan.

Berdasarkan kajian, kebanyakan negara-negara lain telah mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan undang-undang khusus yang berkaitan dengan melindungi penderma makanan daripada tindakan undang-undang seperti negara Republik Korea, Kanada, Amerika Syarikat, Argentina dan Itali. Hasil daripada memperkenalkan undang-undang tersebut, negara-negara ini telah mencatatkan peningkatan yang tinggi iaitu sebanyak 20 peratus dalam jumlah lebih makanan yang disumbangkan berbanding sebelum undang-undang tersebut diperkenalkan seterusnya dapat menangani isu lebih makanan yang lebih efektif dan berkesan.

Penggubalan Rang Undang-undang Perlindungan Penderma Makanan 2019 akan mewujudkan satu peruntukan bagi perlindungan daripada liabiliti sivil kepada mana-mana orang yang menderma atau mengedarkan makanan.

Rang Undang-undang ini akan menggalakkan orang awam untuk menderma makanan tanpa merasa takut di saman. Selain itu, kementerian ini juga boleh mengeluarkan garis panduan sebagai panduan dan rujukan kepada rakan strategik Program *Food Bank Malaysia*, pihak

industri dan orang awam untuk menderma lebih makanan terutamanya di bawah Program *Food Bank Malaysia*. Kementerian ini akan memastikan setiap penderma-penderma makanan mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan dalam mengendalikan makanan yang didermakan.

Dengan pembahagian dan pengkhususan tugas yang dibuat melalui penetapan *Standard Operating Procedure* (SOP) baharu, setiap penderma makanan memainkan peranan penting bagi memastikan kualiti dan keselamatan makanan yang dikendalikan adalah selamat untuk dimakan oleh penerima sumbangan.

Kementerian juga akan sentiasa memastikan aspek halal sentiasa terpelihara dan terjamin di bawah garis panduan pelaksanaan Program *Food Bank Malaysia*. Pada masa yang sama, kementerian akan memastikan semua rakan strategik Program *Food Bank Malaysia* hanya menerima makanan yang halal saja.

Seterusnya, kementerian melalui Yayasan *Food Bank Malaysia* akan menjalankan lebih banyak program advokasi dan sesi libat urus untuk mendapatkan lebih banyak penyertaan daripada pemain industri bagi menderma dalam program *Food Bank Malaysia*. Rang Undang-undang Perlindungan Penderma Makanan 2019 digubal bagi mencapai empat objektif utama seperti berikut:

- (i) meningkatkan dan menggalakkan lebih ramai penderma lebih makanan dengan memberikan perlindungan kepada mana-mana penderma makanan daripada dikenakan tindakan undang-undang sivil oleh penerima sumbangan;
- (ii) menggalakkan kesedaran pengguna dalam menangani pembaziran makanan dan mempertingkatkan pengurusan lebih makanan yang lebih sistematik kepada industri;
- (iii) menyokong usaha kerajaan dalam menangani isu-isu berkaitan kos sara hidup dengan membantu golongan yang kurang berkemampuan untuk meningkatkan pendapatan boleh guna atau *disposable income* melalui penjimatan ke atas pemberian makanan; dan
- (iv) mengembangkan fungsi *food banking* di Malaysia sebagai salah satu inisiatif di peringkat global selari dengan sasaran *sustainable development goals* terutamanya bagi mencapai kebuluran sifar iaitu *target* kedua di bawah *sustainable development goal* dan mengurangkan pembaziran makanan iaitu *target* 12.3 di bawah *sustainable development goals*.

Rasional penggubalan RUU Perlindungan Penderma Makanan 2019 pula adalah seperti berikut:

- (i) untuk mewujudkan satu perundangan yang lebih terperinci bagi melindungi penderma makanan seterusnya memberikan keyakinan kepada pihak industri dan penderma makanan yang berpotensi untuk mengambil insentif menderma lebih makanan;
- (ii) untuk meningkatkan kesedaran pengguna bagi mengurangkan pembaziran makanan dan meningkatkan pengurusan lebih makanan yang lebih sistematik dapat dicapai melalui pendekatan perundangan yang berkesan;
- (iii) rang undang-undang ini adalah selaras dengan dasar kerajaan di bawah dasar pengurusan sisa pepejal negara 2016 untuk mengurangkan penjanaaan sisa pepejal dan mengoptimumkan penggunaan sumber; dan
- (iv) membantu usaha kerajaan mengurangkan impak kepada sekitar kesan daripada lebih makanan yang merupakan penyumbang ketiga terbesar kepada pencemaran alam sekitar dari segi pelepasan karbon.

Rang Undang-undang Perlindungan Penderma Makanan 2019 mencadangkan tiga fasal seperti yang berikut:

Fasal 1, fasal ini menerangkan tajuk ringkas akta yang dicadangkan dan memberi Yang Berhormat Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2, ini menerangkan tentang takrif makanan dan penderma makanan yang digunakan dalam akta yang dicadangkan. Takrif makanan diadakan bagi menjelaskan maksud makanan yang meliputi semua jenis makanan termasuk minuman. Manakala takrif penderma makanan diadakan bagi menjelaskan siapakah penderma makanan yang dilindungi di dalam akta yang dicadangkan.

Fasal 3, fasal ini menerangkan mengenai peruntukan bagi perlindungan kepada penderma makanan daripada apa-apa liabiliti sivil. Fasal yang dicadangkan mengecualikan liabiliti sivil seseorang penderma makanan daripada apa-apa kecederaan diri atau penyakit yang dideritai oleh mana-mana orang atau kematian mana-mana orang yang diakibatkan daripada pengambilan makanan yang di derma atau diedarkan oleh penderma makanan melainkan jika boleh dibuktikan bahawa kecederaan diri, penyakit atau kematian disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku yang disengajakan oleh penderma makanan.

■1910

Penderma makanan tidak mematuhi peraturan keselamatan dan kebersihan makanan di bawah mana-mana undang bertulis. Makanan itu tidak selamat untuk dimakan pada masa didermakan dan pendermaan makanan tidak dilakukan dengan suci hati. Untuk mendapatkan perlindungan di bawah akta yang dicadangkan ini, penderma makanan perlu memastikan keselamatan dan kebersihan makanan terjamin mengikut undang-undang yang terpakai di Malaysia. Walau bagaimanapun, memang pembuktian terletak kepada pihak yang ingin memulakan tindakan sivil tersebut sekiranya penerima makanan terkesan dengan makanan yang diterima telah mengakibatkan kecederaan diri, penyakit atau kematian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Chong Chieng Jen ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri kita ya dan ada sesiapa menyokong?

Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan untuk penderma makanan daripada apa-apa lebihan liabiliti sivil dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Di sini ada hampir 12 orang. Saya hendak bagi peluang semua bercakap mendapat pandangan yang baik.

Dan saya mulakan dengan Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Dipersilakan Yang Berhormat.

7.12 mlm.

Datuk Razali bin Idris: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.*

Datuk Razali bin Idris: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perlindungan Penderma Makanan 2019.

Saya hendak pendekkan ucapan saya, perbahasan saya dan saya rasa penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri cukup untuk kita menyokong sepenuhnya rang

undang-undang ini *insya-Allah*. Jadi soalan saya, apakah tindakan kerajaan yang pertama seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Jika boleh dibuktikan bahawa ia disebabkan kecuaiian atau salah laku oleh penderma makanan apa tindakan kerajaan kalau sekiranya perkara tersebut berlaku. Kedua, Yang Berhormat Menteri juga menyebut penderma makanan yang tidak mematuhi peraturan keselamatan dan kebersihan makanan di bawah mana-mana undang-undang bertulis. Di sini juga saya hendak tahu apa bentuk tindakannya sebab Yang Berhormat Menteri tidak menjelaskan bentuk tindakan.

Ketiga, selain makanan itu tidak selamat dimakan maka pada masa yang didermakan dan pendermaan tidak dilakukan secara suci hati. Itu ketiga-tiga itu Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi tetapi bentuk tindakan kita tak nampak. Jadi mungkin penderma rasa sedikit ketakutan tidak tahu apa tindakan yang diambil oleh kerajaan sama ada denda atau penjara. Saya juga di sini menyokong apabila rang undang-undang ini berkuat kuasa kementerian menyasarkan sebanyak 20 peratus sumbangan makanan dengan mengambil kira pengalaman negara yang sudah melaksanakannya.

Ini patut diberi kredit kepada Menteri dan pegawai kerana sanggup menyasarkan walaupun rang undang-undang ini baru hendak dilaksanakan, kita mengucapkan syabas kepada pihak kementerian. Saya juga hendak memberi contoh kepada beberapa negara luar yang mana yang baik kita ambil, yang tak baik kita biarkan. Seperti mana di Perancis membuang makanan khususnya barangan dapur yang tidak dijual habis kini merupakan satu kesalahan dan kiranya pengurusan pasar raya yang didapati melakukannya akan berdepan dengan hukuman denda sebanyak Fr53,000 bersamaan dengan RM319,823.

Semua pasar raya dengan keluasan sekurang-kurangnya 400 meter persegi perlu mematuhi peraturan ini. Pihak pengurusan pasar raya boleh memilih untuk menderma barang-barang berkenaan sama ada ke pusat kebajikan ataupun bank makanan. Maksudnya di sini negara Perancis sudah lama sudah dan telah mewujudkan berapa jumlah yang dikenakan kalau sekiranya pengeluaran makanan itu ingkar arahan kerajaan. Kedua seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi di Itali, potongan cukai diberikan kepada penderma makanan, ini boleh dicontohi di negara kita. Soalan saya apakah kementerian bercadang untuk memotong cukai kepada penderma kita.

Jadi itu satu inisiatif kepada penderma-penderma yang mana apabila mereka menderma maka cukai dipotong. Di Korea Selatan sejak tahun 2005 kerajaan mengharamkan pembuangan makanan ke pusat pelupusan sampah manakala 95 peratus makanan buangan mereka di kitar

semula. Soalan saya apakah pihak kerajaan mempunyai kemudahan untuk kitar semula barang-barang makanan. Kalau kemudahan itu rasanya perlu disediakan kalau sekiranya barang makanan itu sudah tidak lagi boleh didermakan kepada manusia maka dia perlu diproses dan memerlukan infrastruktur yang baik.

Ketiga, di Singapura. Satu aplikasi- *apps*. telefon bimbit di panggil *Tango Tag* juga dilancarkan bagi menyokong Bank Makanan Singapura. Bank Makanan Singapura yang ditubuhkan pada tahun 2012 adalah badan kebajikan berdaftar dan bertujuan untuk menyelaraskan derma makanan di Singapura. Buat masa ini, di Singapura ia telah membentuk rangkaian anggota merangkumi 300 pertubuhan bukan pemerintah, NGO maksudnya dan membantu lebih 150 ribu penerima makanan.

Ini saya rasa kita sebelum kita melaksanakan maka kita boleh lihat negara-negara lain yang telah berjaya dan kita harus menyokong usaha-usaha kerajaan untuk mewujudkan satu rang undang-undang baharu di negara kita.

Jadi soalan ringkas saya satu sahaja berkenaan dengan halal seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Apakah bentuk atau tanda yang membezakan sumbangan makanan tersebut halal atau haram khas untuk orang-orang Islam. Apakah yang kita boleh nampak bahawasanya makanan itu halal ataupun haram. Memang betul hendak bagi kepada orang Islam mesti makanan halal. Akan tetapi apakah tanda-tanda dia yang kementerian boleh perelaskan. Saya rasa itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya sangat menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat dan saya minta pula tadi Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas, sila.

7.19 mlm.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang mulia, untuk menggalakkan lebih ramai penderma, Rang Undang-undang Perlindungan Penderma adalah bertujuan melindungi penderma, penaja dan pihak berkaitan Program *Food Bank Malaysia* daripada tindakan undang-undang. Pihak ini harus dilindungi daripada liabiliti sivil atau jenayah jika usaha ini dilakukan dengan niat yang baik.

RUU ini juga selaras dengan Dasar Sisa Pepejal Negara 2016, untuk mengurangkan sisa pepejal dan mengoptimumkan penggunaan sumber serta membantu usaha kerajaan mengurangkan impak alam sekitar.

Menyumbang kepada orang miskin dan lapar memang merupakan tindakan yang sangat mulia di sisi semua agama.

■1920

Hampir satu bilion orang di dunia hari ini tidak mendapat makanan yang mereka perlukan untuk menjalani hidup yang sihat.

Tuan Yang di-Pertua, peratusan yang besar bekalan makanan yang boleh dimakan di serata dunia berakhir sebagai sisa makanan. Salah satu cara untuk mengurangkan lebihan makanan dibuang begitu sahaja di tapak pelupusan adalah wajar digalakkan. Penderma korporat serta syarikat dan peruncit yang lebih kecil serta individu untuk menyumbangkan makanan lebihan mereka kepada Program *Food Bank* negara. Malangnya, ramai penderma makanan yang berpotensi telah teragak-agak untuk mengambil bahagian. Mungkin juga kerana mereka bimbang dengan tindakan undang-undang yang akan diambil oleh penerima derma jika berlaku sesuatu yang tidak dingini atau mungkin mereka tidak begitu faham dengan undang-undang yang berkait.

Dalam satu kaji selidik nasional yang dijalankan di Amerika Syarikat, lebih daripada 80 peratus daripada syarikat yang ditinjau ancaman liabiliti adalah penghalang terbesar untuk menderma makanan yang berlebihan. Sudah pasti penderma makanan tempatan juga akan berpendapat sedemikian. Rang undang-undang ini yang dicadangkan bukan sahaja meliputi orang yang mendermakan makanan tanpa apa-apa bayaran, bentuk atau pertimbangan tetapi juga sukarelawan atau yang terlibat dalam pengedaran makanan tersebut.

Perlindungan ini meliputi liabiliti sivil terhadap sebarang kecederaan, penyakit atau kematian peribadi oleh mereka yang telah menggunakan makanan yang disumbangkan atau diedarkan. Walau bagaimanapun, perlindungan ini tidak mutlak jika ia dapat dibuktikan bahawa kecederaan peribadi, penyakit atau kematian adalah disebabkan kecuaiian dan salah laku penyumbang.

Tuan Yang di-Pertua, perlindungan ini tidak mutlak dan penderma masih boleh dipertanggungjawabkan sekiranya ia dapat dibuktikan bahawa kejadian ini adalah disebabkan kecuaiian dan salah laku semata-mata. Perlindungan ini tidak terpakai kepada penderma yang tidak mematuhi keperluan keselamatan, kebersihan makanan dan undang-undang sebelum menderma atau mengedarkan makanan. Maka, penderma harus diberi fahaman yang jelas tentang undang-undang yang melindungi mereka. Tanpa fahaman yang betul nescaya mereka akan ragu-ragu menyertai program-program *Food Bank* Negara.

Derma boleh meliputi produk makanan runcit dan juga perkakasan dengan syarat bahawa apa yang didermakan itu nampaknya sesuai. Untuk memenuhi piawaian ini, apa yang didermakan

itu mesti memenuhi semua piawaian, kualiti dan pembekalan yang dikenakan. Dengan mematuhi, penderma boleh dilindungi apabila liabiliti sivil yang berkaitan dengan sumbangan produk makanan dan runcit yang dilindungi di bawah akta ini. Penderma hanya boleh mengambil tindakan tidak wujud unsur-unsur *gross negligence* iaitu kecuaiian dengan niat.

Kecuaiian tanpa niat atau kecuaiian asas, *basic negligence* dan dengan niat kecuaiian kasar atau *gross negligence* adalah dua perkara yang berbeza dalam undang-undang. Penderma harus dilindungi daripada kecuaiian tanpa niat, kecuaiian asas atau *basic negligence*. Oleh itu, saya berpendapat akta ini boleh dirangka dengan lebih jelas di mana *term* kecuaiian tanpa niat, kecuaiian asas atau *basic negligence* disebut di dalam akta ini.

Oleh itu, menerusi rang undang-undang ini penerima sumbangan *Food Bank* negara tidak boleh mengambil tindakan undang-undang kepada penderma jika berlaku kecacatan tanpa niat pada makanan. Justeru, menerima perlindungan di bawah undang-undang mestilah diasaskan kepada sumbangan yang dibuat dengan niat baik, ikhlas dan bertindak dengan kepercayaan bahawa apa yang disumbangkan tidak akan memudaratkan penerima.

Tuan Yang di-Pertua, dari sudut undang-undang kecuaiian kasar atau *gross negligence* adalah lebih serius dan berbahaya daripada kecuaiian asas, *basic negligence*. Kecuaiian kasar atau *gross negligence* adalah tingkah laku, perbuatan atau amalan disedari bahawa apa yang disumbangkan itu akan menyebabkan kemudaratkan kepada penerima bantuan. Sebagai penderma yang ikhlas dan jujur, sudah tentu mereka tidak akan berbuat perkara yang sedemikian.

Justeru, harus ada satu piawaian kebangsaan untuk membolehkan penderma untuk meraih faedah mendermakan makanan tanpa rasa takut terhadap liabiliti kemudaratkan yang tidak diduga atau tanpa niat. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana program bank makanan telah menyaksikan sambutan menggalakkan dengan begitu ramai isi rumah telah mendapat manfaat daripada projek ini. Ia telah membantu meringankan beban akibat kenaikan kos sara hidup yang dihadapi oleh golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah atau B40 termasuk pelajar universiti awam.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah bertujuan menggalakkan sumbangan produk makanan dan runcit kepada organisasi sukarela untuk diedarkan kepada individu yang memerlukan. Tanpa adanya undang-undang yang jelas untuk melindungi mereka, penderma akan tawar hati untuk menyertainya. Diharap rang undang-undang ini akan menggalakkan orang awam untuk menderma tanpa berasa takut dan bimbang diambil tindakan undang-undang oleh penerima bantuan ini. Rang undang-undang ini digubal kerana kerajaan

mahu menggalakkan lebih ramai penderma menyumbang kepada program *Food Bank* negara sekali gus memastikan kelangsungan bantuan makanan kepada golongan B40.

Diharap apabila rang undang-undang ini berkuat kuasa, kementerian dapat menyasarkan peningkatan lebih 20 peratus sumbangan makanan dengan mengambil kira pengalaman negara yang sudah melaksanakannya. Adalah penting untuk memastikan tiada kekurangan bekalan makanan di bawah program ini dan tiada lagi lambakan makanan berlebihan yang menjadi sisa bangunan. Mewujudkan akta khas bagi melindungi penderma program *Food Bank* negara oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna adalah langkah yang baik dan harus dipuji.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong penuh rang undang-undang ini dan harap akan diluluskan dalam Dewan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair. Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair banyak memberi pandangan yang baik kita nampak iaitu khususnya hendak beri menderma ini. Niat kita itu, apa yang kita niat itu. Jadi kita hendak pastikan makanan itu memberi zat yang baik, tidak sebaliknya. Bagi hari ini, pagi esok muntah-muntah dia. Sakit cirit-birit, itulah. Niat kita baik. Jadi kita selalu berwaspada, selalu dulu ke hospital. Siapa yang bagi itu supaya lebih berkatnya, apa yang baiklah. Bak kata orang tua-tua tadi ya Yang Berhormat Senator,

*Pandai-pandai mencari sahabat;
Tidur lena jangan berangan;
Fikirlah dahulu sebelum dibuat;
Kalau dibuat menyesal jangan;*

Itu dia. Kita buat, kita fikir dulu supaya tidak menyesal. Niat kena baik. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat. Tarik diri ya. Okey, jadi Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin. Sila.

7.29 mlm.

Puan Asmak binti Husin: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera.* Saya akan memendekkan perbahasan dan tidak sentuh apa yang disentuh oleh kawan-kawan. Saya berminat untuk pergi *section by section*. Mula-mula saya pergi pada muka surat lima dahulu bahagian huraian. Dalam perenggan pertama ia tulis situ menggalakkan orang awam untuk menderma makanan tanpa merasa takut untuk menyokong program bank makanan.

Jadi saya hendak tanya mengenai program makanan yang dilakukan oleh- program Bank Makanan, *Food Bank* yang dilakukan oleh kerajaan ini, ia kalau hendak menyertainya adalah kita kena daftar? Ataupun kalau tidak daftar pun dikira sebagai Program *Food Bank* juga?

■1930

Oleh sebab kita hendak tahu sama ada dia dapat perlindungan daripada undang-undang ini ataupun tidak. Kalau misalnya kata ada sesiapa yang berminat untuk *join* juga program ini, kalau dia daftar, apakah kelebihan yang mereka dapat? Ada atau tidak insentif-insentif tertentu-tidak?

Seterusnya, saya juga ingin bertanya, adakah program *food bank* ini- sebab saya tengok daripada definisi ini, ia berkaitan dengan makanan lebih diproses, disediakan dan didermakan. Jadi, adakah pada masa akan datang *food bank* ini akan diperluaskan kepada konsep *meal bank* iaitu kita memberikan makanan asasi yang tidak dimasak, tetapi memberikan keperluan juga kepada orang-orang yang memerlukan. Macam banyak NGO sekarang buat dan juga masjid-masjid, rumah-rumah ibadah buat, setiap bulan- macam contoh di kawasan saya, setiap bulan memang kita akan bagi. Kata 150 orang kawasan kita yang susah, kita akan bagi setiap bulan. *At least* beras, gandum dan sebagainya. Cuma kalau kita- adakah mereka ini katakanlah kalau dibuka, ia terikat dengan rang undang-undang ini atau pun tidak?

Seterusnya, saya ingin bertanya pula tentang bahagian tafsiran perkara 2 inilah, sebab dia tulis sini, "*Apa-apa bahan mentah, apa-apa minuman lebihan, apa-apa ramuan mentah lebihan proses dan disediakan*". Saya hendak tanya, adakah kita perlu- kalau kita, kalau katalah tidak perlu berdaftar sebab menggalakkan orang awam, adakah ia perlu melalui penyediaan yang khusus menggunakan teknologi tinggi?

Bagaimana pula kalau mereka menggunakan kaedah kampung untuk menyediakan makanan dan diberikan kepada orang lain? Seperti kalau macam dulu-dulu, ikan lebihan kita buat ikan masin dan kita bahagikan ataupun daging lebihan kita buat daging masin dan daging ketuk, jadi orang lain pun boleh makan dalam waktu yang susah. Itu dulu, kaedah orang lama-lamalah. Selepas itu, ada juga kaedah macam ikan lebihan atau yang hendak buruk, biasanya orang kampung dia akan rebus campur dengan asam dan beberapa kaedah dan dia boleh dimakan dalam tempoh yang lama tanpa disimpan dalam peti sejuk.

Jadi, adakah kaedah-kaedah ini pun dikira sebagai- boleh dikira sebagai rancangan *food bank*? Maknanya tidak menggunakan kaedah teknologi tinggi.

Seterusnya, saya hendak pergi juga kepada pentafsiran berkaitan dengan penderma makanan. Disebutkan di sini, dalam perenggan 3 itu, baris ketiga, "*...tanpa apa-apa bayaran*

ataupun apa-apa bentuk balasan". Jadi apabila sebut balasan sini, bagaimana kalau sesuatu pertubuhan itu ia memang tidak dapat apa-apa bayaran, tetapi ia mendapat faedah melalui promosi. Kenapa dia melakukan promosi di *Facebook* dan sebagainya, faedah dalam bentuk promosi contohnya, untuk meningkatkan supaya ramai lagi orang memberikan derma makanan lebih kepada dia.

Jadi, adakah ini terlindung juga bawah rang undang-undang ini? Oleh sebab dia ada juga *benefit* dari sudut promosi dan sebagainya ataupun *branding* pertubuhan itu. Adakah ini dikira tidak termasuk dengan apa-apa bentuk balasan?

Seterusnya, saya pergi kepada seksyen 3 iaitu yang berkaitan dengan kecederaan diri ataupun penyakit yang dideritai oleh mana-mana orang atau kematian mana-mana orang. Di sini apabila saya baca tentang program *food bank*, ada juga kajian di *UK* sebab mereka sudah buat lama juga. Jadi, kajian ini menunjukkan kanak-kanak dan keluarga yang mendapatkan makanan daripada *food bank* ini secara proses, terdedah kepada kekurangan nutrisi yang ketara. Seperti kekurangan kalsium, fiber, vitamin dan lain-lain.

Di sana juga, ada juga kaedah *food bank* ini bukan dalam bentuk makanan proses seperti yang saya cerita tadi. Banyak juga orang derma makanan yang tidak berkhasiat seperti *canned food*. Walaupun nampak berkhasiat, tetapi *canned food*. Jadi maknanya, apakah langkah kita, langkah mitigasi untuk memastikan yang perkara tersebut tidak berlaku di Malaysia?

Seterusnya, berkaitan dengan subseksyen (a) dan (b) itu, saya ingin tahu, adakah yang terlibat dengan *foundation*-kah apa, terlibat dengan pemakanan ini, dia dibaca bersekali bersama dengan Akta Makanan 1983 atau Akta 281? Oleh sebab itu tadi, Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris ada tanya, apakah tindakan sekiranya berlaku (a), (b), (c) dan (d) ini? Seterusnya saya hendak tanya, adakah di bawah Akta Makanan 1983 ini kita ada 11(b), berkaitan dengan pengendali makanan? Adakah yang terlibat dengan program *food bank* ini, mereka kena juga latihan pengendali makanan dan juga vaksin itu, vaksinasi itu?

Okey seterusnya, saya *last* sekalinya, saya ingin bertanya- apabila saya *revised* sikit artikel berkaitan dengan *food bank* itu, saya ada jumpa satu berita di *The Star Online* pada 18 Jun 2019, mengenai satu pertubuhan namanya *Food Aid Foundation*. Mereka kata mereka tidak boleh *register foundation* mereka sebagai *food bank* kerana bank ini hanya boleh digunakan oleh institusi kewangan. Mereka juga tidak boleh guna nama *food bank* sebagai nama di media sosial. Jadi, saya mohon jugalah penjelasan kementerian tentang perkara ini. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya menyokong usaha ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing.

7.35 mlm.

Datuk Lee Tian Sing: Salam sejahtera dan terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya kesempatan dan peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Perlindungan Penderma Makanan 2019 pada hari ini.

Rang Undang-undang ini bukanlah satu masalah besar jika kita serius mahu melindungi penderma, penaja dan pihak berkaitan program *Food Bank Malaysia* atau bank makanan daripada tindakan undang-undang. Bank makanan adalah antara organisasi kebajikan yang menyediakan bantuan makanan kepada golongan miskin dan yang memerlukan secara percuma. Bank makanan dilihat sebagai salah satu mekanisme bantuan makanan yang efektif berbanding dengan program-program bantuan makanan yang lain.

Sejarah bank makanan bermula dengan penubuhan bank makanan pertama dunia iaitu *St. Mary's Food Bank* yang telah diasaskan oleh John Van Hengel iaitu pemaju konsep bank makanan pada tahun 1967. Seterusnya, Van Hengel telah menubuhkan *food banking* yang berfungsi sebagai perunding kepada bank-bank makanan negara seluruh dunia. Organisasi ini kemudian telah menukar namanya kepada *Global FoodBanking Network (GFN)* yang membantu menubuhkan bank makanan di seluruh Afrika, Eropah Timur, Asia, Amerika Selatan, Kanada dan Australia. Berdasarkan kepada GFN, terdapat lebih daripada 20 buah negara yang telah melaksanakan bank makanan di seluruh dunia. Ia telah muncul sebagai tindak balas utama sektor kebajikan secara sukarela kepada isi rumah yang ketidakadaan sekuriti makanan di kebanyakan negara maju termasuk di Amerika Syarikat, Kanada dan New Zealand.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, terdapat beberapa persoalan yang ingin saya lontarkan kepada Dewan yang mulia ini iaitu, sejauh manakah kerajaan melihat kemapanan pelaksanaan program ini bagi memastikan ia tidak hanya bersifat sementara dan tujuan pelaksanaan mestilah komprehensif serta mampu meliputi keperluan keseluruhan lapisan rakyat yang benar-benar memerlukannya? Seterusnya, bagaimana pula kementerian dapat memastikan pemantauan makanan yang lebih sempurna? Ini kerana jika diteliti Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020, peruntukan keseluruhan bagi kementerian dilihat telah menurun dari RM1.265 bilion pada tahun 2019 kepada RM1.097 bilion pada tahun 2020. Adakah penurunan peruntukan ini berpotensi untuk menjejaskan pelaksanaan program ini secara tidak langsung? Saya mohon untuk dijelaskan.

■1940

Dalam pada itu, oleh kerana hal makanan ini berpotensi untuk mendatangkan isu-isu yang melibatkan aspek kebersihan serta kesihatan, saya berpendapat pemantauan yang cekap sangat diperlukan dan adalah tidak wajar untuk kita hanya bergantung pada sukarelawan dan NGO sahaja.

Bagi tujuan tersebut, sejumlah peruntukan juga diperlukan bagi mengawal selia aspek pemantauan dan sejauh manakah kepekaan kementerian menerusi aspek ini? Apakah tindakan yang telah dilaksanakan?

Di sini saya ingin melanjutkan lagi persoalan saya dalam pelaksanaan rang undang-undang ini iaitu bagaimanakah kementerian boleh membantu mempermudah pelaksanaan program *food bank* ini di semua pusat khidmat Ahli Parlimen di seluruh negara? Apakah kerajaan boleh memperuntukkan sejumlah dana bagi membantu pusat khidmat mengerakkan program ini dengan lebih berkesan khususnya di kawasan yang mempunyai rakyat yang memerlukan.

Apakah status kolaborasi kerajaan bersama dengan sektor swasta bagi menggembeng usaha serta tenaga bagi menjayakan program ke satu peringkat yang lebih baik berbanding kita hanya melihatnya sebagai program sukarela?

Pada pengamatan saya, saya ingin mencadangkan agar Majlis Senator Malaysia cukup sedikit sebanyak mungkin boleh dilibat sama secara tidak langsung dalam pelaksanaan program yang murni ini.

Pertanyaan terakhir Tuan Yang di-Pertua, saya dalam perbahasan ini ialah siapakah badan yang akan dipertanggungjawabkan sepenuhnya bagi pelaksanaan program ini di peringkat kawasan luar bandar, bandar, sekolah, universiti dan sebagainya? Adakah pihak yang menerima tanggungjawab untuk melaksanakan program ini juga perlu melalui penyaringan secara tender terbuka bagi memastikan ketelusan serta integriti pelaksanaan program ini. Serta apakah *indicator* atau KPI yang telah ditetapkan oleh kementerian dalam memastikan program ini benar-benar mencapai apa yang dikehendaki dan tidak hanya terhenti di pertengahan pada masa akan datang?

Seterusnya pelaksanaan program ini adalah sangat baik dan selaku Senator yang berada di pihak pembangkang juga. Saya juga mengalu-alukan dan menyokong penuh program seperti ini dilaksanakan. Namun haruslah disulami dengan tindakan serta kerjasama yang padu dari semua pihak tanpa mengira apa juga latar belakang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Lee Tian Sing dan terima kasih sekali lagi. Saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

7.43 mlm.

Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua. Saya ringkas sahaja, saya menyokong penuh Rang undang-undang Perlindungan Penderma Makanan 2019 kerana ia memberi motivasi kepada penderma-penderma. Benda yang saya rasa paling malang sekali dalam dunia bila kita buat baik lepas itu kita kena saman. Jadi dengan undang-undang ini saya rasa menjamin penderma-penderma, asalkan mutu makanan yang didermakan itu adalah berkualiti. Saya rasa mereka akan selamat.

Saya rasa beberapa pihak yang mendapat manfaat yang besar daripada undang-undang ini yang terutamanya saya rasa siswazah dalam golongan B40. Baru-baru ini kerajaan telah menubuhkan Program *Food Bank* Siswa yang diadakan di 10 IPTA yang melibatkan lebih daripada 3,700 orang pelajar yang mendapat manfaat daripada program ini.

Jadi program ini akan diteruskan lagi, kalau tidak salah saya ke universiti-universiti lain seluruh negara. Setakat ini telah melibatkan lebih daripada 40 pemilik ataupun pengusaha pasar raya di seluruh negara bagi menyalurkan bekalan makanan kepada pelajar.

Jadi, saya rasa dengan undang-undang ini akan lebih banyak lagi pihak-pihak yang akan tampil ke hadapan untuk menderma tetapi sebagaimana yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali tadi bahawa penderma-penderma ini harus juga diberikan insentif di samping mungkin mendapat iklan percuma di TV ataupun akhbar kerana aktiviti-aktiviti mereka tetapi juga diberi insentif dari segi potongan cukai, contohnya.

Jadi kalaulah insentif sebegini diberikan, disebarluaskan saya rasa mungkin ramai lagi golongan yang akan terlibat dalam usaha-usaha sebegini di samping kita tahu rakyat Malaysia ini memang pemurah.

Jadi saya rasa yang lain itu sudah di-cover oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan Yang Berhormat Menteri telah *explained* dengan detil. Jadi, saya dengan ini menyokong sepenuhnya rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih banyak Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah. Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

7.46 mlm.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya ingin juga mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang berbahas dan juga beri sokongan yang penuh kepada rang undang-undang ini.

Untuk menjawab beberapa soalan yang dibangkitkan iaitu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali mengenai apakah tindakan kerajaan jika penderma itu tidak patuhi undang-undang dan kecuaiian sama ada adakah kerajaan akan mengambil tindakan?

Memang rang undang-undang ini tidak akan menghapuskan tanggungjawab penyedia makanan daripada apa-apa obligasi mereka di bawah akta yang berkuat kuasa sekarang. Umpamanya seperti Akta Makanan 1983 atau Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit 1988. Memang peruntukan-peruntukan di bawah akta lain mengenai makanan masih perlu dipatuhi.

Apa yang rang undang-undang ini akan buat untuk memberi perlindungan kepada penderma adalah saya rasa kalau kita tengok apa yang diperuntukkan di bawah fasal 3 di bawah rang undang-undang ini. Saya akan baca dalam *English version* lebih biasa dengannya. *A food donor shall not incur any civil liability in respect of any personal injury or disease suffered by any person, or the death of any person, resulting from the consumption of the food donated or distributed by the food donor unless it can be proven that:*

- (a) *the personal injury, disease or death was caused by the negligence or the willful misconduct of the food donor;*
- (b) *the food donor has not complied with any requirement in relation to food safety and food hygiene under any written law before donating or distributing the food;*
- (c) *the food was not safe for consumption at the time it was donated or distributed to any person; and*
- (d) *the donation or distribution of food was not made in good faith.*

Secara amnya, kita tidak menghapuskan apa-apa obligasi di bawah undang-undang di mana penyediaan makanan perlu ada- untuk menyediakan makanan yang selamat untuk dimakan.

■1950

Akan tetapi oleh itu, kalau penderma itu melanggar apa-apa undang-undang-undang, dia masih akan diambil tindakan oleh kerajaan. Akan tetapi untuk *civil liability*, sekiranya seseorang mangsa yang hendak mengambil *civil liability* untuk menuntut pampasan terhadap apa-apa

kecederaan yang dikesan dan diakibatkan oleh makanan yang di derma, maka, *the burden of proof* yang itu penderma yang harus- *burden of proof will shift to the* penerima makanan. So inilah memberi sedikit perlindungan kepada penderma.

Kalau kita meneliti apa yang diperuntukkan dalam akta ini, *so all the four elements must be present*. Itu perkataan yang digunakan untuk keempat-empat *sub clause, unless it was proven, it can be proven that (a), (b), (c) and (d)*. Oleh itu, daripada segi undang-undang, itu keempat-empat elemen tidak mesti wujud, sebelum seseorang mangsa atau seseorang yang dcederakan, ada kesan yang buruk selepas makan makanan itu boleh membuktikan kesemua itu elemen, barulah penderma makanan itu akan diputuskan oleh mahkamah untuk membayar pampasan. Ini hanya, *is only restricted to civil liability* sahaja. So, ia tidak akan menghapuskan atau memansuhkan apa-apa liabiliti atau obligasi penyedia makanan di bawah undang-undang akta-akta lain.

Untuk menjawab Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas yang bercadang bahawa kita meletakkan kecuaiian tanpa niat dalam rang undang-undang ini. Saya rasa *gross negligence* ini merupakan satu *burden of proof* yang terlalu tinggi. So, pada setakat ini, kalau *negligence is proven, then is liable, provided other elements is also proven*. Saya meneliti apa yang disediakan dalam rang undang-undang itu yang merupakan satu perlindungan yang amat kuat untuk penderma-penderma makanan. Haraplah dengan rang undang-undang ini selepas diluluskan, ia akan menggalakkan lebih ramai yang akan membuat pendermaan makanan.

Yang Berhormat Senator Datuk Razali pun ada mencadangkan bahawa memberikan insentif iaitu potongan cukai kepada penderma-penderma. Kementerian juga sedang meneliti untuk mengadakan insentif percukaian terutamanya kepada penderma makanan. Perbincangan awal berhubung mekanisme insentif percukaian telah diadakan sebelum sebarang cadangan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan. So ada cadangan lah tetapi apa-apa keputusan belum dibuat.

Adakah kita hendak buat- adakah bentuk atau tanda yang membezakan makanan tersebut halal atau haram? Saya rasa pada masa ini, di bawah garis panduan, Program *Food Bank* ini hanya memfokuskan kepada tiga jenis kategori makanan utamanya buah-buahan, sayur-sayuran dan roti. Juga kita di bawah garis panduan Program *Food Bank Malaysia* yang kita keluarkan, kita telah mewajibkan bahawa makanan yang didermakan itu harus daripada sumber-sumber yang halal.

Akan tetapi untuk rakan strategik kita untuk mendapatkan pensijilan halal itu, kita sekarang tidak ada polisi itu. Akan tetapi polisi kita ialah rakan strategik kita yang dilantik untuk

mengumpul makanan dan mengagihkan makanan itu, mereka mesti ambil makanan itu daripada sumber yang halal. So melalui- saya rasa mereka pun amat bekerjasama dan setakat ini tidak ada apa-apa isu halal yang dibangkitkan.

Ada satu cadangan daripada Yang Berhormat Senator Puan Asmak mengenai- ada pertanyaan mengenai sama ada penderma itu perlu berdaftar dengan kementerian. Isu pendaftaran ini tidak berbangkit. Sesiapa yang menderma makanan juga mereka akan dilindungi oleh rang undang-undang ini. Juga isu berkenaan dengan....

Puan Asmak binti Husin: Mohon penjelasan sedikit. Mohon penjelasan.

Tuan Chong Chieng Jen: Ya, okey.

Puan Asmak binti Husin: Maknanya siapa yang terlibat dengan pendermaan ini secara umumnya dilindungi di bawah ini? Tidak tertakluk kepada tafsiran 2(a), (b), (c)? Maksud saya begini, menderma, satu kita menderma lebih kita kepada yang memproses makanan. Itu tidak payah daftar tetapi yang- maksud saya kalau yang terlibat dengan pemprosesan makanan itu, macam *foundation* itu. Itu kena daftar kah atau tidak?

Tuan Chong Chieng Jen: Melibat ...

Puan Asmak binti Husin: Jika dua pendermaan sini, satu kalau kita ini ada sayur lebih kah atau apa, kita restoran, kita pun beri sayur lebih kita kepada *foundation*. Kita tidak perlu berdaftar, *just* beri. Betul atau tidak?

Tuan Chong Chieng Jen: Tidak payah daftar.

Puan Asmak binti Husin: Akan tetapi yang di bawah rancangan *Food Bank* ini, *foundations* ini dia perlu berdaftar atau tidak dengan kerajaan?

Tuan Chong Chieng Jen: Oh, *foundation* itu. Tidak ada apa-apa peruntukan bahawa mereka perlu berdaftar tetapi untuk melaksanakan Program *Food Bank Malaysia*, kita ada tiga golongan. Pertamanya penyumbang iaitu orang yang menderma.

Keduanya, penggerak iaitu rakan strategik yang kita lantik dan mereka yang kita lantik sebagai rakan strategik kementerian untuk membuat pengumpulan dan juga bekerjasama dengan NGOs dan lain-lain. Keempat-empat itu rakan strategiknya adalah *Kechara Soup Kitchen*, *Food Aid Foundation*, *Mutiara Food Bank* dan *Lost Food Project*. Keempat-empat agensi ini rakan strategik kita yang buat pengurusan, pengumpulan dan juga pengagihan barangan itu. So *under* program ini, setakat ini hanya empat rakan strategik yang dilantik oleh kementerian.

So, dalam aspek ini, mungkin lah itu yang telah berdaftar lah tetapi untuk seseorang yang hendak menikmati perlindungan di bawah akta ini, tidak ada isu pendaftaran.

Puan Asmak binti Husin: Maknanya, soalan saya yang seterusnya itu, kalau kita proses makanan secara kampung, selepas itu kita bagi kepada susah pun, dibenarkan juga. Dilindungi juga di bawah RUU ini lah maksudnya bukan?

Tuan Chong Chieng Jen: Ya, ya. Mereka juga dilindungi ...

Puan Asmak binti Husin: So, jelas.

Tuan Chong Chieng Jen: Tetapi itu cara penyediaan makanan tradisional, sama ada ia ada melanggar apa-apa peruntukan di bawah Akta Makanan, itu saya tidak pastilah. Sekiranya dia tidak melanggar apa-apa peruntukan di bawah Akta Makanan yang sedia ada, *then it is okay. All right?* Akan tetapi kalau ada pelanggaran di bawah *Food Act or other act, then it is not okay...*

■2000

Puan Asmak binti Husin: Maknanya kalau ada aduan baru kenalah, maknanya macam itu?

Tuan Chong Chieng Jen: Ya.

Puan Asmak binti Husin: Okey, sekian terima kasih. Nampak jelaslah.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya rasa Kementerian Kesihatan yang mengurus *Food Act* adalah lebih handal dalam perkara ini. Sama ada makanan yang didermakan itu adalah berkhasiat, kementerian tidak menghadkan jenis makanan yang boleh didermakan.

Walau bagaimanapun, kementerian sentiasa memastikan lebih makanan yang didermakan itu adalah makanan yang berkhasiat. Pada masa ini, kebanyakan makanan yang didermakan, yang diterima adalah sayur-sayuran, buah-buahan dan roti. Kementerian boleh mempertimbangkan untuk mengadakan garis panduan penerima dan juga sumber makanan yang boleh menghadkan penerima makanan yang tidak berkhasiat.

Untuk menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing, apakah KPI atau indikator program ini untuk mencapai *target*. Kementerian berhasrat untuk memperluaskan program ini ke seluruh negara. Pada tahun 2019, kementerian telah menetapkan sasaran menubuhkan *Food Bank Siswa* di 20 buah universiti awam. Bagi tahun 2020, kementerian menyasarkan 123 buah *Food Bank Siswa* di pusat-pusat pengajian tinggi seluruh negara termasuk institut pengajian tinggi swasta, politeknik dan Institut Pendidikan Guru.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk *update figure* tadi, angka yang saya bagi. Ada *figure* yang terkini iaitu setakat 30 November iaitu hujung bulan lalu sebanyak 1,984 metrik tan makanan yang telah diselamatkan. Tadi yang saya sebutkan 418 ribu isi rumah yang menerima manfaat, angka yang terkini adalah 476,250 ahli isi rumah yang mendapat manfaat. Untuk universiti awam juga, setakat hujung November tahun ini sebanyak 21 buah universiti

awam, kita telah melaksanakan Program *Food Bank Siswa*. Seramai 12,429 orang pelajar yang telah menerima manfaat di bawah Program *Food Bank Siswa* ini.

So, untuk tahun ini saya rasa sasaran kita sudah tercapai. Sasaran kita adalah 20 buah universiti awam yang kita akan laksanakan Program *Food Bank Siswa* tetapi kita sudah mencapainya dan telah mengadakan Program *Food Bank Siswa* di 21 buah universiti.

Saya juga menyambut baik apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Lee bahawa beliau berharap usaha ini akan berterusan. Untuk itu, saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa untuk tahun depan satu peruntukan sebanyak RM25 juta telah diperuntukkan untuk mengendalikan Program *Food Bank Siswa* dan juga untuk menunjukkan ketetapan kerajaan hendak melanjutkan program. Kita pun telah menubuhkan sebuah Yayasan *Food Bank Malaysia* yang merupakan sebuah pertubuhan yang ditubuhkan untuk mengendalikan *day to day operations of the Program Food Bank Malaysia*.

So, saya rasa ini menunjukkan kesungguhan kementerian, *so that this is not a temporarily effort, it's a permanent effort* dan saya juga harap program *food bank*- kita juga menjemput semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan pusat khidmat Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menyertai dan juga memberi maklumat tentang golongan yang memerlukan program ini. Setakat itu sahaja penggulangan saya tentang pembentangan rang undang-undang ini. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah menggulung perbincangan dengan baik dan kemas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, dan disokong oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG HAK CIPTA (PINDAAN) 2019

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.09 mlm.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 2019 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Hak Cipta 1987 iaitu Akta 332 digubal oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk memberi perlindungan kepada karya hak cipta dan hak-hak berkaitan yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan.

■2010

Akta Hak Cipta 1987 telah diwartakan pada 21 Mei 1987 dan mula dikuatkuasakan pada 1 Disember 1987.

Pindaan terakhir Akta 332 adalah pada tahun 2012 yang antara lainnya mengenai pengisytiharan badan pelesenan dan memperjelaskan bidang kuasa Tribunal hak cipta. Pengisytiharan badan pelesenan dalam Akta Hak Cipta 1987 diperuntukkan di bawah seksyen 27A(1) yang mewajibkan bahawa satu persatuan atau pertubuhan yang berhasrat untuk beroperasi sebagai suatu badan pelesenan bagi pemunya hak cipta atau bagi golongan pemunya hak cipta tertentu hendaklah memohon kepada pegawai supaya diisytiharkan sebagai suatu badan pelesenan.

Peruntukan di bawah seksyen ini tidak mengehadkan permohonan terhadap mana-mana persatuan atau pertubuhan yang berhasrat untuk beroperasi sebagai badan pelesenan. Walau bagaimanapun, pengawal hak cipta mempunyai bidang kuasa untuk menolak satu permohonan tersebut di bawah seksyen 27A(4) sekiranya didapati maklumat yang dikemukakan adalah tidak mencukupi dan tidak memuaskan serta memberi kesan buruk terhadap pengurusan dan pentadbiran suatu badan pelesenan.

Bermula dikuatkuasakan pada 2012 hingga kini, pengisytiharan badan pelesenan telah diberikan oleh pengawal hak cipta kepada kumpulan yang berikut:

- (i) kumpulan pencipta, komposer dan penulis lirik iaitu *Music Authors' Copyright Protection (MACP) Berhad*;
- (ii) kumpulan pemilik rakaman bunyi hak siaran kepada awam iaitu *Public Performance Malaysia Sdn. Bhd. (PPM)*; dan
- (iii) kumpulan penyanyi dan pemuzik iaitu:
 - (a) *Recording Performance Malaysia Berhad (RPM)*; dan
 - (b) *Performance Rights and Interest Society of Malaysia (PRISM)*.

Selain itu, bagi mengimbangi kutipan dan agihan royalti penggiat-penggiat seni tempatan melalui hasil penggunaan karya hak cipta mereka oleh pengguna komersial di premis-premis perniagaan, kementerian telah mengambil inisiatif menubuhkan *Music Rights Malaysia Berhad (MRM)* pada 2 November 2016 sebagai sebuah badan pelesenan berpusat bagi menjalankan aktiviti kutipan royalti bagi pihak empat badan pelesenan yang dinyatakan tadi.

Penubuhan MRM bertujuan menangani kekeliruan di kalangan pengguna komersial mengenai badan-badan yang berhak untuk membuat pengutipan royalti. Melalui MRM, pengguna komersial hanya perlu membuat bayaran kutipan royalti kepada satu invois sahaja berbanding sebelum ini berdasarkan kepada empat invois berasingan.

Walau bagaimanapun, sejak MRM diperkenalkan, terdapat kekangan lain yang timbul iaitu isu pengagihan royalti kepada keempat-empat badan pelesenan ini sehingga royalti tidak dapat diagihkan kepada ahli-ahli badan pelesenan tersebut. MRM menghadapi dua isu pengagihan seperti yang berikut:

- (i) isu pengagihan hasil pendapatan royalti yang dikutip oleh MRM melalui nisbah agihan royalti yang dipersetujui sebelum itu iaitu 2:1:1;
- (ii) isu keduanya ialah isu pengagihan hasil pendapatan royalti kepada kategori penyanyi dan pemuzik rakaman iaitu RPM dan PRISM.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai alternatif penyelesaian kepada permasalahan yang timbul seperti yang saya nyatakan tadi, badan-badan pelesenan ini boleh membawa pertikaian yang berbangkit ke mahkamah. Namun, alternatif penyelesaian ke mahkamah bukan sahaja akan memerlukan kos yang tinggi, malah akan melibatkan tempoh masa yang panjang dan akan memberi impak kepada pendapatan penggiat-penggiat seni tempatan yang bergantung kepada hasil royalti yang telah dikutip.

Dalam menangani kemelut ini, kementerian telah memperhalus bahawa isu-isu ini dapat ditangani melalui platform Tribunal Hak Cipta yang telah diwujudkan di bawah Akta Hak Cipta 1987. Tribunal Hak Cipta merupakan platform yang sesuai dan *cost effective* bagi mendengar dan memutuskan sebarang pertikaian yang timbul berkaitan pengagihan royalti. Walau bagaimanapun, kuasa sedia ada Tribunal Hak Cipta yang telah diperuntukkan di bawah seksyen 28 adalah bagi memutuskan perkara-perkara seperti yang berikut:

- (i) untuk mendengar permohonan yang dibawa oleh pelaku iaitu *performer* berhubung isu saraan saksama atau *equitable remuneration*;
- (ii) untuk mendengar apa-apa rujukan yang dibuat oleh badan pelesenan pengguna ataupun persatuan yang mewakili suatu pengguna berhubung isu pertikaian skim pelesenan;
- (iii) untuk mendengar permohonan yang dibuat oleh badan pelesenan berhubung pembatalan perisytiharan badan pelesenan yang dikuatkuasakan oleh pengawal hak cipta; dan
- (iv) untuk menimbang permohonan bagi mendapatkan lesen untuk mengeluarkan dan menerbitkan terjemahan sesuatu karya asing ke dalam bahasa vernakular.

Berdasarkan kepada kuasa sedia ada yang dinyatakan, fungsi Tribunal Hak Cipta adalah terhad. Tribunal tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar pertikaian yang berbangkit mengenai pengagihan royalti antara badan pelesenan dan anggotanya. Oleh itu, pindaan yang dicadangkan ini akan memperuntukkan kuasa kepada Tribunal Hak Cipta untuk mendengar dan memutuskan apa-apa pertikaian yang berhubung dengan royalti yang berbangkit di antara badan pelesenan dengan mana-mana anggotanya.

Ini adalah suatu pilihan dan badan pelesenan dan anggotanya itu boleh memilih sama ada untuk membawa pertikaian tersebut kepada Tribunal Hak Cipta atau kepada mahkamah. Pendengaran di hadapan Tribunal Hak Cipta ialah suatu pilihan penyelesaian pertikaian alternatif iaitu *alternative dispute resolution (ADR)* bagi badan pelesenan dan anggotanya untuk menyelesaikan pertikaian yang berhubung dengan royalti yang tertakluk kepada persetujuan badan pelesenan dan anggotanya itu.

Selain itu, sejak Tribunal Hak Cipta dikuatkuasakan, masih belum ada sebarang kes dirujuk kepada Tribunal Hak Cipta disebabkan oleh fungsi dan kuasa tribunal yang terhad. Melalui perluasan bidang kuasa Tribunal Hak Cipta kepada mendengar sebarang pertikaian berhubung pengagihan royalti ini juga akan memberikan suatu keseimbangan terhadap ekosistem

pengurusan badan pelesenan yang mana sebelum ini hanya terpakai kepada mendengar pertikaian berhubung kadar tarif yang ditawarkan oleh badan pelesenan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 2019 telah disediakan dan diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara. Rang undang-undang ini juga telah diluluskan oleh Jemaah Menteri dalam mesyuarat pada 25 Oktober 2019. Rang undang-undang ini mengandungi empat fasal seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda perenggan 28(2)(d), Akta 332 untuk membolehkan tribunal mendengar apa-apa pertikaian yang berhubung dengan royalti yang berbangkit antara suatu badan pelesenan dengan mana-mana anggotanya.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda perenggan 35(a), dan perenggan 35(b), Akta 332 untuk membolehkan Menteri untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan cara dalam mana-mana pertikaian yang berhubung dengan royalti boleh didengar oleh tribunal dan tatacara yang hendak dipakai oleh tribunal apabila mendengar pertikaian itu, masing-masing.

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru seksyen 59C ke dalam Akta 332 untuk memperuntukkan bahawa tribunal boleh mendengar dan memutuskan apa-apa pertikaian yang berhubungan dengan royalti yang berbangkit antara suatu badan pelesenan dengan mana-mana anggotanya seperti seorang penulis, penggubah dan pelaku tertakluk kepada persetujuan badan pelesenan dan anggota itu.

■2020

Contoh pertikaian yang berhubungan dengan royalti adalah isu hak untuk mendapatkan royalti dan pembahagian dan pengagihan royalti. Pendengaran di hadapan tribunal memberikan pilihan penyelesaian pertikaian alternatif kepada suatu badan pelesenan dan mana-mana anggotanya untuk menyelesaikan pertikaian yang berhubungan dengan royalti. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Chong Chieng Jen yang telah membentangkan begitu baik dan teratur. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Hak Cipta 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ada dua tiga orang siapa hendak bahas saya beri open lagi siapa saya akan terima ya dan kita mulakan dahulu dengan Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris dipersilakan. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah mana? Dia hendak bercakap boleh juga.

8.21 mlm

Datuk Razali bin Idris: *Assalamualaikum warahmatulallahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana masih lagi memberi peluang kepada saya untuk membahaskan RUU meminda Akta Hak Cipta 1987. Walaupun usia masa kita sudah pukul 8.30 nampaknya Tuan Yang di-Pertua masih lagi segar megar kata orang Terengganu. *Alhamdulillah.*

Tuan Yang di-Pertua, sekitar 90-an industri muzik menjana *revenue* atau pendapatan KDNK menjangkau RM600 juta setahun. Jelas bahawa industri muzik mampu memberi satu kehidupan yang baik kepada penggiatnya selain sebagai medium menyampaikan mesej teguran dan juga nasihat. Anehnya kehidupan golongan atau penggiat seni tidak seperti yang kita bayangkan. Mereka menghadapi situasi kehidupan yang semakin meruncing hari demi hari.

Artis atau pelaku muzik serta para karyawan adalah kalangan anak tempatan. Namun, nasib dan masa depan mereka seperti tiada pembelaan sama sekali malah berlarutan tahun ke tahun malah ada setengah mereka kais seminggu makan seminggu. Isu hak cipta dan juga bayaran *performance royalty* yang tidak sampai kepada artis ataupun pelaku dan penggiat seni seolah-olah tiada penghujung.

Badan-badan yang ada di dalam industri bertelagah sesama sendiri dan mereka mengenai kutipan agihan royalti seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Kewujudan badan-badan tersebut turut menjadi tanda tanya bagaimana kesemua syarikat berhad yang bukan badan berkanun ini yang mempunyai objektif yang sama, keahlian serupa yang hampir sama diberi lesen dan kuasa begitu luas dengan mengutip wang di setiap premis perniagaan di seluruh negara khususnya yang berasaskan hiburan.

Secara purata pada tahun 1988, wang royalti ratusan juta dibayar setiap tahun kepada *labour* antarabangsa. Berjuta-juta wang kita dipungah ke luar negara. Penipuan dan manipulasi di dalam mekanikal royalti juga sangat besar melalui aktiviti cetak rompak yang juga menjarah hasil anak seni tempatan tanpa belas kasihan. Penyangak seni dan pencuri harta intelek ini hanya pemain industri hiran sahaja Tuan Yang di-Pertua yang memasarkan hasil karya atau lagu ciptaan tempatan. Tidak ada lagu atau naskhah bermakna tidak ada *business* buat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, selama berpuluh tahun iaitu badan pelesenan, syarikat rakaman, penganjur dan pengurus acara, promoter dan pengurus artis PRO serta penerbit dan pengamal media telah menguasai dan menjana pendapatan yang sangat lumayan hasil perniagaan bakat dan kreativiti artis dan pelaku berbanding artis dan pelaku itu sendiri sedangkan nasib artis dan penggiat seni dan pemain utama dalam industri *main cast* terus dirundung malang.

Mereka yang boleh dikategorikan artis kelas A hari ini ada yang terpaksa membawa *Grab* Tuan Yang di-Pertua. Mereka lakukan pelbagai pekerjaan demi kelangsungan hidup. Ada juga yang terkial-kial mencari wang untuk membayar bil elektrik. Ramai juga yang terpaksa jual makanan di tepi jalan malah ada artis yang telah diiktiraf sebagai golongan asnaf. Maaf bukan kita hendak pelekeh akan tetapi apakah martabat serta bakat anugerah Ilahi dan usaha mereka di nilai sebegitu rendah sedangkan penyayang seni dan pencuri harta intelek hidup bersenang lenang atas keringat dan titik peluh anak seni tempatan.

Saya percaya dan yakin terdapat salah laku di dalam mentadbir urusan wang royalti oleh pihak tertentu. Kebobrokan dan kejelikan penyayang seni membolot dari industri harus dihentikan segera. Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana mengambil cakna dan terus bertindak dari apa yang dibahaskan oleh saya dan sahabat saya dalam Akta Cap Dagangan pada sesi yang lalu. Yang Berhormat bertindak cepat dan ini patut kita berikan tepukan kepada Yang Berhormat... *[Tepuk]*

Sesi yang lalu saya berbahas agak terkeluar daripada tajuk pasal kita bahas dalam Akta Cap Dagangan akan tetapi tersentuh dalam ini dan hari ini sesi lalu dengan panjang lebar kita cadang supaya tiga akta perlu dikaji semula dan dipinda bagi melindungi dan memberi hak secukupnya kepada pelaku muzik.

- (i) Akta Perihal Dagangan 1972 – Perintah Perihal Dagangan (Label Tulen) 2002;
- (ii) Akta Hak Cipta 1987; dan
- (iii) Akta Cakera Padat 2000.

Jadi *alhamdulillah* Akta Hak Cipta 1987 telah dipilih untuk dipinda pada kali ini dan *insya-Allah* pada tahun 2020 nanti lagi dua akta yang tersebut di atas yang saya sebutkan tadi saya pohon dipinda juga Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Akta ini dipinda khusus untuk meleraikan pertikaian yang berhubung dengan royalti di atas di antara pengutip dan penerima harus disokong sepenuhnya. Kesempatan ini saya ingin

kemukakan beberapa cadangan yang perlu diberi perhatian dan tindakan segera oleh pihak kerajaan.

Pertama, industri muzik mesti dibebaskan dan dibersihkan dari salah guna kuasa dan penyelewengan wang royalti oleh pihak tertentu. Entiti baharu, badan pengutip royalti mesti ditubuhkan dan dikawal selia sepenuhnya oleh pihak kerajaan dan yang ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi semua di kalangan NGO-NGO yang dikuasai oleh mereka yang berminat untuk membuat perniagaan.

Kita minta supaya kerajaan menguasai ataupun kerajaan mesti bersedia untuk menubuhkan satu badan total seperti suruhanjaya sebagai contoh Suruhanjaya Komunikasi Malaysia. Hari ini kita ada perjumpaan dengan mereka MCMC. Beliau mengutip enam peratus daripada pemain industri muzik, berbilion dia boleh dapat dan daripada enam peratus tersebut dihantar balik kepada penggiat *telecommunication*.

Maka enam peratus royalti yang dikutip itu dibahagi-bahagikan kembali dan sebahagiannya diperuntukkan kepada program-program pada rakyat jelata. Saya rasa ini boleh dibuat oleh pihak kerajaan daripada kita menyerahkan kepada mereka-mereka yang tidak bertanggungjawab kononnya berselindung di sebalik NGO-NGO yang mana keahliannya agak serupa orang yang serupa Tuan Yang di-Pertua dan juga untuk pengetahuan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

■2030

Cadangan saya juga, kerajaan perlu membina satu sistem bank data yang lengkap supaya penggiat seni muzik ataupun penggiat seni dapat menerima bayaran royalti bulanan dengan potongan terus KWSP, SOCSO, LHDN, insurans dan lain-lain berserta slip gaji bagi memudahkan mereka membeli aset tetap seperti rumah dan lain-lain.

Buat masa sekarang mereka dapat royalti secara selambak, tidak dipotong apa-apa. Maka di penghujung dia, dia tidak ada simpanan tetap seperti mana kita yang mempunyai gaji dan ada slip dan boleh beli apa-apa dan boleh buat pinjaman. Mereka tidak ada Tuan Yang di-Pertua. Mereka dapat sahaja, habis tidak ada jagaan langsung dan ini perlu dilihat oleh pihak kementerian untuk menambah nilai rang undang-undang yang dipinda pada hari ini.

Satu lagi libat urus oleh pemain industri dialu-alukan. Kita jangan pergi berbincang dengan mereka yang buat meniaga, kita kena pergi bincang turun ke padang, kita tengok siapa penggiat seni dan penggiat seni hari ini bukan penggiat seni macam dahulu setakat menyanyi dan main muzik. Mereka juga seorang *businessman* yang baik dan itulah orang yang perlu kita bincang

untuk menguruskan hasil keringat mereka dan kita pastikan pindaan kali ini tidak berlaku lagi seperti mana *hat* yang dulu-dulu.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya bukan siapa-siapa. Saya bukan penyanyi, saya bukan apa-apa, cuma kita mempunyai kawan-kawan seperti mana sahabat saya dia hebat. Semalam dia menyanyi lagu nampak Tuan Yang di-Pertua ya. Boleh bertanding tetapi tidak boleh buat rekodlah. Tidak ada royalti. Jadi, kita sebenarnya ingin melihat landskap muzik tanah air yang bersih lagi berwarna-warni untuk diwarisi oleh generasi seni yang akan datang. Kita tidak mahu lagi melihat ibarat menang sorak, kampung tergadai ataupun indah khabar daripada rupa.

Saya yakin dan percaya dengan pindaan rang undang-undang ini kita dapat satu *solution* yang terbaik untuk pemain industri. Bukan setakat kita suka-suka untuk meminda akta tersebut, maka kita rasa kalau kita setakat kita hendak pinda dan kita tidak bertanya kepada mereka yang terlibat, maka kejadian yang sama akan berlaku dan berulang-ulang sehingga ke generasi seterusnya.

Jadi saya amat menyokong pindaan ini dan saya mengucapkan banyak terima kasih sekali lagi kepada Timbalan Menteri yang mengambil cakna secepat mungkin. Jadi saya menyokong. Sekian, *wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam*. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris yang membangkitkan perihal artis-artis kita ya.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, minta peluang boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

8.33 mlm.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pertama sekali hendak merakamkan ucapan tahniah kepada Timbalan Menteri dan juga Menteri yang saya tengok ada kesungguhan di dalam menyantuni isu ini. Cumanya saya ingin juga menarik perhatian Menteri seperti pengalaman kita di tribunal-tribunal yang lain, kadang-kadang apabila orang awam- dalam konteks ini orang seni, dia hendak berdepan dengan syarikat. Kadang-kadang dia hendak cari peguam pun, kadang-kadang itu kos dia. Sebab itu kadang-kadang jadi peguam artis ini pun kadang-kadang *glamour*-lah tetapi duit tidak tentu kan.

Akan tetapi bukan itu isu dia. Isu dia ialah kita juga cuba pastikan- Yang Berhormat Menteri lebih maklum sebagai peguam iaitu *access for justice* iaitu apa lagi bantuan. Sebab saya tengok apabila kita ada tribunal, syarikat biasanya memang akan diwakili dengan penasihat undang-

undang dan sebagainya. Kita juga maklum kadang-kadang hendak menuntut ini dia memerlukan keterangan, bukti, kontrak dan sebagainya.

Malah pengalaman saya kadang-kadang perkara itu daripada awal lagi Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang penggiat seni ini dia maklumlah kadang-kadang dia pun orang-orang seni ini kita tahu satu individu yang *special* Tuan Yang di-Pertua orang seni ini. Kita perlu bantu dia sebab dia dapat ilham, kadang cara dia bekerja lain, pengurusan dia. Saya tahu orang seni ini.

Jadi, kadang-kadang apabila hendak bantu dia, biarlah kita bantu dia sampai betul-betul membantu dia. Kadang-kadang ada setengah itu aspek dari segi *contact* daripada awal lagi dah tidak menyebelahi. Jadi, saya mencadangkan kepada kementerian di dalam kita meminda menyediakan tribunal ini, kita juga pastikan bantuan yang kita mampu- mungkin Menteri lebih maklum. Kalau kita ada bantuan guaman, kita ada bantuan dari segi literasi dan sebagainya supaya agar mereka ini apabila mereka hendak tuntutan royalti mereka ini mereka betul-betul dapat capai matlamat.

Poin saya yang seterusnya juga ialah tadi rakan saya membangkitkan isu mengenai bagaimana industri ini perlu dipimpin oleh kerajaan. Sebab kita tahu selama ini saya rasa kebanyakan mereka semua ini ialah insan-insan yang *special*. Kadang-kadang melakukan kerjaya kreatif ini tanpa bantuan kerajaan sebenarnya. Dia orang tidak tidur tengah malam, kadang-kadang hasil kerja mereka- berbeza dengan perniagaan-perniagaan yang lain. Jadi saya mohon kerajaan melihat industri ini sebagai satu industri strategik kerana saya yakin mereka inilah yang bakal memeriahkan ekonomi kita.

Jadi saya ucapkan tahniah lagi sekali kepada Menteri dan juga Timbalan Menteri atas usaha yang baik ini dan saya yakin semua pihak terutama sekali orang politik, cumanya Menteri saya mohon dekatilah mereka ini.

Point yang akhir ialah dalam memberi royalti ini- pagi tadi saya telah bahas dengan Timbalan Menteri ketika membahas kewangan. Ada balu seorang tokoh penulis lirik hebat di Malaysia telah meninggal dengan sedikit royalti yang agak baik. Dia di antara penulis yang agak produktif tetapi apabila hendak menerima royalti tersebut, cukai dikenakan.

Jadi, si isteri ini dah lah jadi ibu tunggal, anak-anak dah jadi anak yatim. Kebetulan ketika mana dulu pun bergantung harapan kepada royalti ini. Jadi bayangkan hendak menerima royalti, juga menerima beban cukai. Jadi saya berbincang dengan Menteri, Menteri mengatakan bahawa ada ruang tetapi dia kata tidak cukup. Jadi, mungkin daripada segi dasar di bawah kerajaan baharu ini, saya rasa yang dekat dengan orang seni, yang banyak membantu kerajaan kita ketika

mana kita susah dahulu dan saya yakin mereka ini perlu dibela sebaik-baiknya. Itu sahaja Menteri. Terima kasih Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi. Sekarang kita jemput pula Yang Berhormat Senator Ir. Md. Nasir bin Hashim.

8.37 mlm.

Ir. Md. Nasir bin Hashim: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat malam. Salam sejahtera. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk berbahas berkenaan dengan Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 2019. Sebenarnya pada hari ini saya terima surat daripada ahli saya yang juga seorang penyanyi. Boleh tahan juga dia dekat Johor dan sudah ada album.

Bunyi dia macam ini. *“Salam Tuan Haji Senator, cadangan saya kenapa pihak yang memegang lesen memungut royalti lagu-lagu hanya memberi royalti kepada pencipta lagu sahaja? Sedangkan kami penyanyi dan penulis lirik kepada lagu-lagu tersebut tidak dapat bahagian royalti. Sepatutnya pencipta lagu, penulis lirik dan penyanyi akan dapat royalti yang sama. Ini hanya pencipta lagu sahaja yang diberi. Apa hak kami?”*

Itulah dia punya *message* yang saya terima daripada salah seorang penyanyi di tanah air kita. Apa yang saya dapat perhati sebab penyanyi ini juga berkempen untuk saya di Mersing semasa saya bertanding pilihan raya di Mersing [*Ketawa*] Jadi dia *message* saya. Akan tetapi walau macam mana pun nampak hidupnya okey juga, cuma dia tidak mendapat royalti yang sepatutnya dan mungkin tidak dapat langsung. Saya juga dapati ada juga di kalangan penyanyi kita yang bila dah tua ini dia duduk dekat rumah PPRT dan sebagainya.

Saya ingat itu kurang baiklah sebab mereka selama ini bukan kata popular tetapi ya lah untuk menaikkan seni di tanah air kita, sepatutnya kita membantu mereka demi aktiviti mereka. Kalaupun macam P. Ramlee pun di akhir hayatnya pun tidak ke mana dan sampai sekarang dia punya itu pun tidak ada orang yang menjaga kebajikan anak-anaknya.

■2040

Jadi, walaupun Kerajaan Malaysia telah menubuhkan MRM- MRM ini Muzik Rakyat Malaysia, tetapi sehingga sekarang, saya diberitahu oleh rakan saya ini, belum lagi memberi royalti kepada penyanyi-penyanyi ini. Ini apabila saya *surf* dekat internet, tadi sempat juga saya belek-belek *internet*, jadi mungkin kerana ia ada masalah dengan PRISM atau Performance Rights and Interest Society Malaysia Berhad yang saya difahamkan mereka cuba untuk menutup

company ini dan mereka akan cuma *direct dealing* terus dengan Recording Performers Malaysia Berhad (RPM).

Selain daripada itu, saya juga ingin tahu atau persoalan saya ialah MRM ini siapa yang *supervise* gerak kerjanya? Siapa yang mengawal pergerakan mereka dan juga siapa yang menyelia mereka? Selain itu, soalan saya yang kedua ialah apa peranan MRM selain memungut royalti?

Saya percaya kalau kelemahan-kelemahan MRM ini boleh diperbaiki, setiap anak seni di Malaysia ini akan mendapat limpahan daripada royalti yang sepatutnya mereka dapat. Jadi, sekian sahajalah ucapan perbahasan saya. Dengan ini, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator yang telah membela nasib anak seni kita ini. Tadi kita dengar...

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terlibat dalam perbahasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

8.46 mlm.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan untuk saya. Sungguhpun intervensi saya pendek sahaja tetapi saya ingin membawa juga suara daripada seniman-seniman dari Sabah.

Sebab, kita kenal juga ramai komposer-komposer, pemuzik dari Sabah ini menghasilkan banyak karya yang menjadi *famous* dan sebagainya tetapi malangnya, kebanyakan daripada karya yang dihasilkan di Sabah ini tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya khasnya untuk lagu-lagu dan muzik-muzik video.

Mungkin ini kerana zaman digital sekarang, zaman *internet* ini di mana apabila keluar sahaja CD yang mereka keluarkan itu, tidak lama kemudian sudah di-*upload* di *YouTube*. Memang ini salah satu daripada masalah yang dihadapi oleh artis-artis tempatan ini yang mana mereka tidak dapat *enjoy* ataupun menikmati hasil karya mereka.

Jadi, adakah pihak kementerian dengan pindaan Rang Undang-undang Hak Cipta ini dapat membuat sesuatu untuk melindungi karya-karya yang tidak mendapat kebenaran daripada penghasil yang di-*upload* ke *YouTube* dan sebagainya? Sebab, kadang-kadang banyak orang yang tidak bertanggungjawab ini mengambil karya orang dan menghasilkan *website* yang mana mereka mendapat keuntungan daripada klik dan juga daripada iklan-iklan daripada *YouTube* ini tetapi artis yang sebenarnya tidak mendapat sebarang perlindungan. Jadi, ini persoalan saya

kepada pihak kementerian. Bagaimana kita mampu membantu seniman-seniman ini yang terkesan akibat daripada *uploading* ke *internet* dan sebagainya?

Soalan kedua adalah berkenaan dengan karya-karya yang telah digunakan khasnya muzik, lagu-lagu yang telah disiarkan di RTM. Sebab, banyak pemuzik ini komplain kepada saya bahawa lagu-lagu yang digunakan, yang diputarkan di RTM kadang-kadang sampai bertahun-tahun tidak menerima royalti. Mungkin kementerian tidak dapat jawab ini tetapi sekurang-kurangnya kita ada satu standard untuk memastikan apabila karya ini digunakan oleh pihak agensi kerajaan, Jabatan Penerangan kah, apa-apalah, mereka dapat royalti yang sepatutnyalah yang mereka terima.

Akhir sekali, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian berkenaan dengan apakah tindakan ataupun usaha pihak kementerian untuk membantu penggiat-penggiat seni ini mendapat sedikit *capacity building* ataupun peningkatan keupayaan untuk mengetahui hak mereka? Sebab, apabila kita ada tribunal ini, ramai antara pemuzik ataupun kita punya penggiat-penggiat seni ini tidak mengetahui hak mereka. Jadi, mungkin kita juga boleh masukkan sebahagian daripada program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang hak mereka dan bagaimana mereka mendapat pembelaan daripada ini.

Jadi, dengan kata-kata ini, saya menyokong penuh pindaan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

8.46 mlm.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada empat orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 2019.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu prihatin ke atas kesengsaraan dan masalah yang dihadapi oleh penggiat-penggiat seni tempatan. Rang undang-undang yang dibentangkan ini, satu tujuannya adalah untuk menyelesaikan satu *long outstanding matter* iaitu pengagihan royalti yang telah dikutip oleh MRM tetapi oleh kerana ada pertikaian tentang siapa yang berhak atas lebih royalti daripada PRISM dan juga RPM.

Oleh itu, sebelum kita membentangkan rang undang-undang ini, kedua-dua pihak telah sering berjumpa Menteri untuk cuba menyelesaikan masalah ini. Akan tetapi, saya rasa sebagai kementerian, kita tidak harus untuk buat satu keputusan *business decision* di mana itu merupakan

satu hak individu. Oleh itu, kita cadangkan tribunal yang diberikan kuasa untuk menguruskan perkara ini. Disebabkan itu, ada pembentangan rang undang-undang ini supaya tribunal diberikan kuasa untuk menguruskan pertikaian ini.

Saya harap selepas kita telah meluluskan rang undang-undang ini, tribunal akan ditubuhkan dalam masa yang singkat dan juga masalah yang sudah lama wujud ini boleh diselesaikan dan penggiat-penggiat seni yang berhak menuntut royalti mereka itu akan dapat royalti mereka yang *what they are entitled to*.

Untuk menjawab beberapa Ahli Yang Berhormat Senator yang membangkitkan tentang *piracy*, penguatkuasaan atas *piracy* itu, saya rasa ini memang merupakan satu masalah yang juga wujud sudah lama dan juga saya rasa ini juga kalau kita hendak menyelesaikan masalah ini, bukan sahaja penguat kuasa perlu ditingkatkan tetapi juga minda orang ramai juga perlu kita menolong untuk mendidik mereka kerana *when the buying stops, the piracy stop* jugalah.

■2050

You know I think, ini juga macam apa-apa kempen-kempen menyelamatkan *a dangerous species, when the buying stops the killing stops*. So, *I think* dari segi- ini juga adalah satu masalah yang dihadapi oleh kita dan bukan sahaja *piracy* melalui percetakan CD juga *piracy* di atas talian. Ini merupakan satu masalah yang rumit, amat susah untuk diselesaikan melainkan kalau minda masyarakat kita tukar bahawa *piracy is actually a stealing*. Ini kerana ada persepsi orang ramai adalah bahawa ini saya dengar itu lagu yang *a pirated copy of the lagu* ini bukan satu *stealing*.

Ini adalah mungkin satu *the guilty conscious is not there*. Akan tetapi kalau kita boleh memupuk minda yang baharu bahawa itu memang merupakan satu pencurian dan haruslah- *and then the self-discipline will come in and help to stop all the piracy*. Dengan kita mengurangkan itu *piracy* atas seni-seni atau karya-karya yang dicipta oleh penggiat-penggiat seni maka pendapatan mereka akan ditingkatkan. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat- yang ditanyakan oleh ketiga-tiga Yang Berhormat Senator iaitu mengenai siapa yang menguasai, mengawal itu MRM.

Saya rasa MRM merupakan satu badan pelesenan yang dilantik oleh Pengawal Hak Cipta. Pengawal Hak Cipta di bawah Akta Hak Cipta ini adalah Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. So, dari kuasa pelantikan itu juga ada kuasa pengawal selia atas MRM itu. Akan tetapi kita- *we are guided by free market forces lah most of the time* selain daripada satu penindasan yang ketara, satu *operation* yang telah lampau itu, saya rasa itu kita akan campur tangan dengan pengurusan yang lebih detil *running of the business*.

Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi juga ada sebut tentang *cost factor* dalam pengupahan peguam. Saya rasa setakat ini untuk pembelaan hak mereka atau penyelesaian pertikaian yang di antara badan pelesenan dengan badan pelesenan ini tidak timbullah kerana mereka adalah badan pelesenan. *So, they have the resources* lah, ada *secure resources* tetapi kalau kita tengok lagi itu yang penyanyi-penyanyi yang mula atau baru hendak *start*, baru hendak mula kerjaya mereka kalau mereka menghadapi masalah hendak merujuk kepada tribunal.

Saya rasa masalah ini juga- kita ada banyak lagi tribunal, *tribunal housing, Consumer Protection Tribunal* juga. Saya rasa untuk pemfailan kes, pegawai-pegawai yang di tribunal ini memang mereka bersimpati kepada penuntut seperti *Consumer Protection Tribunal*. Sebelum kita ambil alih kerajaan saya sebagai pembangkang saya juga sering merujuk kepada penuntut-penuntut pengguna dan mereka pergi ke *Consumer Protection Tribunal*, pegawai-pegawai di sana pun amat memberi bantuan kepada mereka untuk mendrafkan, untuk membuat tuntutan mereka.

So, saya rasa ini bukan satu masalah dan juga untuk Presiden Tribunal saya rasa mereka itu pun kerana menghadapi satu syarikat- berhadapan dengan satu syarikat dan satu *lay person*. Memang ada ketidakseimbangan dari wakil peguam, dari kuasa kewanganlah. So, itu Presiden Tribunal pun akan ambil kira fakta-fakta ini dalam proses membuat keputusan mereka.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Sedikit sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri sebagai tambahan. Cuma dalam konteks ini antara aduan orang seni ini, hendak menuntut royalti ini kadang-kadang kan dari segi ketelusan kutipan royalti ini, kadang-kadang dia pun tidak ada rekod Tuan Yang di-Pertua. Jadi kadang-kadang bila hendak menuntut dia tahu itu hak dia cuma dia tidak ada banyak keterangan-keterangan untuk dia hendak kuatkan dia punya kes. Macam kita kes di Mahkamah Keluarga juga kadang-kadang suri rumah dia hendak menuntut, dia hendak buktikan suami dia tidak bayar itu, dia duduk lama dok dekat rumah.

So, maksud saya itu kadang-kadang saya terfikir bagaimana kita sebagai kerajaan boleh membantu orang seni ini yang kadang-kadang sudah lah royalti tidak dapat, hendak tuntutan pula perlukan persediaan yang agak rapi. Cuma itu- sebenarnya saya tidak ada jawapan yang sesuai, cuma saya *raise* kepada Timbalan Menteri, mungkin Timbalan Menteri ada jawapan di masa akan datang. Tidak apa boleh *try* cuba, itu sahaja.

Tuan Chong Chieng Jen: Okey, saya akan ambil perhatianlah. Akan tetapi saya rasa itu untuk kita mengaktifkan tribunal itu yang setakat ini tidak ada suatu kes yang dirujuk kepada tribunal yang diperuntukkan dalam Akta Hak Cipta. Saya merasakan sebagai ia sebagai alternatif

dispute resolution, ia akan mengurangkan kos lah, kos untuk menyelesaikan pertindihan. Masalah *internet piracy*...

Datuk Razali bin Idris: Yang Berhormat Timbalan Menteri saya sebelum Yang Berhormat pergi jauh.

Tuan Chong Chieng Jen: Ya.

Datuk Razali bin Idris: Saya nampak berkenaan royalti ini, kalau agensi *business* lain, royalti dikuasai, diagihkan oleh kerajaan. Contoh royalti minyak, kerajaan. *Royalty USP Fund, communication, telecommunication* dikutip oleh Suruhanjaya Komunikasi Malaysia. Maksudnya total diuruskan oleh pihak kerajaan.

Akan tetapi royalti pihak seni muzik ini diuruskan oleh badan-badan NGO yang dikuasai oleh orang *business*. Saya hendak tanya betul-betul Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah MRM saya tidak hendak sebut sebenarnya tetapi sudah orang dok sebut saya hendak sebutlah.

MRM ini ada tidak wakil-wakil kerajaan? Ataupun siapa yang pemegang saham? Pemegang saham MRM yang Timbalan Menteri sebut tadi, 2:1:1, maksudnya ada lagi NGO pegang, ini berapa *percent*, ini pembahagian dia dan dibahagikan bersama-sama dengan kumpulan yang sama. Jadi saya ada juga baru mendapat mesej daripada kawan-kawan, dia kata ada kutipan dipotong sebanyak 30 peratus.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta maaf sebentar.

Datuk Razali bin Idris: Sikit sahaja. 30 peratus dipotong. Jadi saya rasa pihak kementerian kena fikir, kena beri tumpuan supaya agihan royalti itu sampai kepada penggiat dan seharusnya kerajaan kena main peranan dan menubuhkan satu Suruhanjaya kah ataupun apa-apa agensi untuk memastikan penggiat seni dapat merasai hasil yang dibuat itu secara total. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi sebelum saya tangguh ini saya ganti sebab Speaker hendak masuk ya. Saya hendak beri pesan sahajalah ini sebagai keluarga saya, hari ini kita punya *last day* tadi ya. Iaitu saya punya pesanan itu berbunyi.

*Burung merak hinggap di sarang;
Sarang dibuat dipohon akasia;
Bertapa tajam pisau dan parang;
Tajam lagi mulut manusia... [Tepuk]*

Itu lah saya dengar ya. Itulah mulut manusia, tajam ya.

*Orang beriman bersikap tenang;
Sebelum bercakap puas dikaji;
Bila berjanji elok dikenang;
Bijaklah dia kamu menunaikan janji.*

Itu dia, itu tadi minta maaf. Baik, terima kasih.

■2100

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk menjawab apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali bahawa sama ada, ada wakil kerajaan di dalam MRM? Jawapannya tidak ada. Saya juga ingin menerangkan bahawa sifat royalti yang disebutkan, yang dikutip oleh MRM itu, walaupun ia disebutkan royalti tetapi royalti ini bukan sama makna dengan royalti minyak atau royalti apa-apa hasil semula jadi. Royalti ini disebut, ini merupakan satu caj yang dikenakan atas penggunaan satu harta- *property* orang lain.

Karya muzik merupakan satu *intellectual property*. *Intellectual property* ialah harta swasta, *so it's a private property*. Pemilik atau pemunya *intellectual property* itu berapa mereka hendak caj untuk penggunaan harta *intellectual property* iaitu *song*, lagulah. Ini terpulang kepada mereka. *So, it is not for the government to set the fee to say that okay, your song is worth so much so whoever want to buy your song*, sesiapa hendak mainkan muzik kamu perlu bayar apa-apa fi. *So, basically intellectual property is a property*.

So, royalti yang disebutkan dalam akta ini merupakan satu macam hartanah kamu, hartanah anda, rumah saya. Saya hendak sewa kepada sesiapa untuk gunakan rumah saya untuk tinggal atau untuk buat parti atau apa-apa, itu terpulang kepada *private dealing between the two*. Jadi, saya rasa ini bukan polisi kerajaan untuk menetapkan satu angka atau satu kadar caj di mana untuk royalti itu. Ia terpulang kepada *market forces* di antara badan pelesenan untuk menetapkan berapakah caj yang mereka hendak kutip daripada orang awam atau *premises business* untuk memainkan lagu mereka.

Kalau dia menetapkan satu fi yang terlalu tinggi so orang tidak mahu mainkan lagunya. *So, it is a matter of private dealing, business dealing between the pencipta lagu dan MRM* atau badan pelesenan dan juga untuk pencipta lagu itu, mereka adalah di bawah MACP. MACP tidak ada kewajipan untuk MACP melantik MRM sebagai agen pengutip royalti mereka. Akan tetapi, dari segi ekonomi- *economy of scale*, untuk *efficiency efficacy* MRM diwujudkan dan dilantik oleh

MACP atau PPM, RPM dan PRISM. *They are free to terminate* pelantikan MRM sebagai wakil mereka atau agensi mereka. Mereka pergi sendiri untuk kutip.

Adakah ia lebih efisien? Ia terpulang kepada pertimbangan- *consideration* ekonomi. Saya ingin buat satu *correction*, menurut seksyen 51 Akta Hak Cipta 1987; *copyright controller* adalah Ketua Pengarah MyIPO, bukan KSU kementerian KPDNHEP. MRM dikawal oleh MyIPO iaitu *copyright controller*. Akan tetapi, untuk yang tadi saya jawab iaitu kadar royalti yang dikenakan dan apakah *ratio of* kadar pengagihan ini, ini terpulang kepada badan pelesenan masing-masing untuk mengurus. Tribunal yang kita akan wujudkan, ia akan *be the arbitrator* untuk pihak-pihak itu.

Untuk menjawab apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Adrian yang membangkitkan masalah yang dihadapi oleh seniman-seniman dari Sabah. Persatuan penyanyi lagu dari Sabah telah membuat satu permohonan untuk dilantik sebagai badan pelesenan. Permohonan mereka sedang dalam proses.

Saya rasa sekian jawapan yang saya ada untuk menjawab apa yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat tentang perbahasan rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah) dan diluluskan]

■2110

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG FRANCAIS (PINDAAN) 2019****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****9.10 mIm.**

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk meminda Akta Francais 1998 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan pembentangan, izinkan saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa rang undang-undang ini telah pun dikemukakan dan diluluskan tanpa pindaan di Dewan Rakyat pada 3 Disember 2019.

Malaysia merupakan antara negara yang mempunyai kerangka undang-undang dalam bentuk akta bagi mengawal selia sistem perniagaan berasaskan francais. Secara amnya, sistem perniagaan francais merupakan mekanisme pengembangan oleh sesebuah syarikat melalui pengedaran produk atau perkhidmatan kepada pihak ketiga, francais. Perniagaan francais dapat memberikan peluang kepada usahawan untuk menjadi francais kepada sesuatu kepada suatu perniagaan atau jenama yang sedia ada.

Oleh itu, adalah wajar Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna memastikan bahawa industri francais Malaysia kekal kondusif memandangkan ia menjadi platform utama bagi perkembangan aktiviti keusahawanan. Selain itu, langkah ini juga turut selari dengan Dasar Keusahawanan Negara 2030 yang antara lain menyasarkan keusahawanan di kalangan rakyat Malaysia.

Akta Francais 1998 iaitu Akta 590 telah dikuatkuasakan untuk melindungi hak kedua-dua pihak berkepentingan utama iaitu francaisor dan francais. Akta Francais 1998 merupakan suatu undang-undang yang memperuntukkan mengenai pendaftaran dan pengawalseliaan francais-francais dan bagi perkara-perkara seperti yang berikut:

- (i) mewujudkan mekanisme kawal selia industri francais negara supaya ia dapat berkembang dengan beretika;
- (ii) mengadakan suatu sistem pendaftaran yang sistematik bagi membantu dan memantau perkembangan industri francais;

- (iii) membendung perlakuan atau percubaan untuk menipu, memperdaya dan mendiskriminasikan sebarang tawaran untuk menjual mana-mana perniagaan francais;
- (iv) mencegah amalan perdagangan atau layanan tidak adil kepada francais sepanjang tempoh perjanjian francais berkuat kuasa;
- (v) mencegah cubaan untuk menyalahgunakan harta intelek francais; dan
- (vi) menggalakkan perkembangan amalan perdagangan secara sihat di kalangan industri francais.

Pindaan pertama Akta 590 dilakukan pada tahun 2012 bagi mewajibkan pendaftaran perniagaan francais dengan mengambil kira beberapa keperluan perdagangan domestik pada masa tersebut. Selain itu, cadangan pihak-pihak berkepentingan dalam industri francais pada ketika itu juga diambil kira semasa pindaan pertama Akta 590 dibuat.

Pada masa sekarang, terdapat 899 buah syarikat berdaftar sebagai syarikat francais. Sebanyak 575 syarikat merupakan francais tempatan, 62 syarikat merupakan francais induk manakala 262 syarikat merupakan francais kepada francais asing. Sebanyak lapan bidang perniagaan francais telah dikategorikan dengan jumlah pendaftaran seperti berikut:

Kategori	Bil. Syarikat (buah)
Makanan dan minuman	382
Perkhidmatan dan penyelenggaraan	99
Pusat pelajaran dan asuhan kanak-kanak	96
Pakaian dan aksesori	87
Rawatan kecantikan dan kesihatan	84
Telekomunikasi, elektronik, teknologi maklumat dan komunikasi	29
Kedai serbaneka dan pasar raya	19
Lain-lain perniagaan	103

Produk-produk dan perkhidmatan jenama francais Malaysia juga berjaya mengembangkan perniagaan ke seluruh dunia. Sebanyak 4,271 *outlets* dengan jenama francais Malaysia berjaya menembusi pasaran dunia di mana 1,233 *outlets* francais di Asia Barat manakala 1,293 *outlets* francais di Asia Tenggara.

Hasil daripada pemantauan dan pengawalseliaan sektor industri francais sejak tahun 2012, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berpandangan bahawa adalah wajar untuk Akta 590 dipinda bagi memperkukuhkan lagi kemapanan industri francais. Ini

bagi memastikan kelangsungan jenama francais Malaysia bagi tujuan pengembangan pasaran sama ada dalam pasaran tempatan mahupun dunia terus dapat dipelihara.

Pada masa kini, terdapat 418 francais daripada jenama francais tempatan telah berdaftar manakala sebanyak 2,917 masih dalam proses permohonan. Sebanyak 324 francais atau francais induk daripada jenama francais asing turut berdaftar. Namun, dipercayai terdapat lebih 4,000 francais yang masih belum memohon untuk berdaftar. Bagi mengatasi masalah ini, kementerian ini mengesyorkan supaya Akta 590 dipinda dengan memperjelaskan peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengannya supaya dinyatakan secara jelas mana-mana orang yang gagal mendaftar adalah melakukan suatu kesalahan.

Bagi tujuan pindaan Akta 590, KPDNHEP telah mengadakan beberapa siri sesi libat urus sejak tahun 2015 dengan pihak industri, firma guaman dan persatuan francais. Hasil daripada sesi libat urus tersebut, KPDNHEP telah mengenal pasti peruntukan-peruntukan yang harus dipinda. Cadangan pindaan yang dikemukakan juga mengambil kira kehendak dan tuntutan semasa penggiat dan pemain industri francais.

Pindaan Rang Undang-undang Francais (Pindaan) 2019 iaitu RUU ini mengambil kira kepentingan untuk tadbir urus akta yang lebih baik. Rang undang-undang ini antara lain akan menyelesaikan isu pendaftaran francais di mana pada masa ini setelah sebuah pendaftaran francais diluluskan, tempoh pendaftarannya akan kekal sampai bila-bila melainkan tindakan penggantungan dan pembatalan pendaftaran dilakukan oleh pendaftar.

Keadaan ini menyukarkan urusan kawal selia kerana KPDNHEP mendapati bahawa kebanyakan mereka yang berdaftar tidak lagi aktif dalam perniagaan mahupun perniagaan tidak menggunakan sistem francais lagi. Rang Undang-undang Francais (Pindaan) 2019 digubal bagi mencapai tiga objektif utama seperti berikut:

- (i) bagi memperkukuhkan lagi keamanan industri francais melalui pengawalseliaan tempoh pendaftaran francais dan kewajipan pendaftaran francais untuk memastikan kelangsungan jenama francais Malaysia bagi tujuan pengembangan industri sama ada di dalam pasaran tempatan mahupun dunia terus dapat dipelihara; dan
- (ii) penggunaan terma-terma yang tepat dan tidak mengelirukan dan tepat dalam akta.

Antara komponen utama peruntukan sedia ada, Akta 590 yang memerlukan penambahbaikan dalam aspek mengawal selia industri francais adalah seperti berikut:

- (i) penggunaan terma terkini, tepat dan tidak mengelirukan dalam teks Bahasa Kebangsaan supaya selaras dengan perkembangan terkini penggunaan perkataan itu dalam perniagaan francais;
- (ii) mewajibkan orang asing yang telah mendapat kelulusan untuk menjual francais di Malaysia atau kepada mana-mana warganegara Malaysia untuk mendaftarkan francaisnya;
- (iii) memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri untuk menetapkan suatu tempoh kuat kuasa pendaftaran francais;
- (iv) pengenaan fi sewaktu memproses dan meluluskan apa-apa permohonan di bawah Akta 590;
- (v) mewujudkan peruntukan berhubung dengan kesalahan apabila gagal mematuhi peruntukan-peruntukan yang berkaitan;
- (vi) memberi kuasa kepada pendaftar untuk menandatangani kad kuasa yang dikeluarkan kepada pegawai yang diberi kuasa;
- (vii) mewujudkan beberapa peruntukan baharu yang berhubung dengan kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan; dan
- (viii) peruntukan berhubung dengan pengesahan dan tanggung rugi bagi pungutan fi yang telah dikenakan dan dipungut sepanjang tempoh dari 8 Oktober 1999 hingga hari sebelum tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan ini.

■2120

Tuan Yang di-Pertua, Mesyuarat Jemaah Menteri yang telah diadakan pada 18 Oktober 2019 telah bersetuju dengan pindaan Akta Francais 1998 supaya selaras dengan perkembangan semasa perniagaan francais di Malaysia. Saya memohon untuk menghuraikan setiap fasal dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai 27 fasal seperti yang berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk memperuntukkan pindaan am kepada teks Bahasa Kebangsaan Akta 590 dengan menggantikan perkataan, "Pemberi francais", "Pemegang francais", "Pemegang sub francais", dan "Perunding francais" dengan perkataan "Francaisor", "Francaisi", "Sub francais", dan "konsultan francais" masing-masing supaya selaras dengan perkembangan terkini penggunaan perkataan itu dalam perniagaan francais.

Fasal 3, bertujuan untuk memasukkan takrif bagi perkataan 'Sub francais' dan 'Sub francais' ke dalam seksyen 4, Akta 590. Fasa ini juga bertujuan untuk meminda seksyen 4, dalam teks Bahasa Kebangsaan berhubung dengan takrif yang berbangkit daripada cadangan pindaan dalam Fasa 2.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 6, Akta 590 untuk menghendaki orang asing yang telah mendapat kelulusan untuk menjual francais di Malaysia atau kepada mana-mana warga negara Malaysia di bawah seksyen 54, Akta 590 untuk mendaftarkan francaisnya di bawah seksyen 6 Akta 590.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 6A, Akta 590, sub fasal 5(a) bertujuan untuk menghendaki seseorang francais kepadanya francais yang diberikan daripada seseorang francaisor asing untuk mendaftar francais itu kepada Pendaftar dengan mengemukakan permohonan dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pendaftar berserta dengan fi yang ditetapkan.

Sub fasal 5(b) merupakan bahawa Pendaftar boleh menghendaki pemohon untuk membayar apa-apa jumlah fi yang ditetapkan apabila meluluskan permohonan di bawah subseksyen 6A(1). Sub fasal 5(c) pula bertujuan untuk menjadikan kegagalan francais untuk mematuhi seksyen 6A sebagai satu kesalahan.

Fasal 6 bertujuan untuk menggantikan seksyen 6B, Akta 590 sedia ada untuk menghendaki seseorang francais yang kepadanya francais diberikan daripada francaisor tempatan atau francais induk tempatan untuk mendaftarkan francais itu kepada Pendaftar dengan mengemukakan permohonan dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pendaftar berserta dengan fi yang ditetapkan dalam tempoh 14 hari dari tarikh perjanjian antara francaisor dengan francais ditandatangani. Kegagalan untuk mematuhi subseksyen 6B(1) adalah suatu kesalahan di bawah Akta 590.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda subseksyen 7(1), Akta 590 untuk menghendaki francaisor untuk mendaftarkan francaisnya dengan mengemukakan permohonan dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pendaftar berserta dengan fi yang ditetapkan.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 10 Akta 590 untuk menyatakan bahawa pendaftaran sesuatu francais itu hendaklah terus berkuat kuasa bagi suatu tempoh yang ditetapkan. Fasal ini juga bertujuan untuk mengekalkan kuasa Pendaftar untuk mengeluarkan suatu perintah bertulis kepada francaisor untuk menggantung, menamatkan atau membatalkan pendaftaran francais itu di bawah Akta 590.

Fasal 9 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 10A, dan 10B ke dalam Akta 590. Seksyen 10A yang dicadangkan mengandungi peruntukan mengenai pembaharuan pendaftaran francais. Seksyen 10B yang dicadangkan menghendaki francaisor atau francais untuk mempamerkan pendaftaran francaisnya di suatu kedudukan yang mudah dilihat di tempat francaisor atau francais menjalankan perniagaannya untuk memberitahu orang awam mengenai francais itu dan untuk menghalang apa-apa orang daripada memperdaya atau menipu orang awam. Kegagalan untuk mematuhi subseksyen 10B(1) adalah suatu kesalahan di bawah Akta 590.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 11, Akta 590 untuk menghendaki seseorang pemohon atau pengarah atau pengurusnya untuk mendapatkan kelulusan Pendaftar bagi meminda dokumen yang disebut dalam perenggan 7(1)(b), (c) dan (d) Akta 590 untuk memastikan dokumen tersebut tidak dipinda dengan sewenang-wenangnya tanpa kelulusan Pendaftar.

Fasal ini juga bertujuan untuk meminda subseksyen 11(2) untuk menghendaki dokumen yang disebutkan dalam subseksyen (1) difailkan dengan pendaftar bersama dengan fi yang ditetapkan.

Fasal 11 bertujuan untuk meminda seksyen 14, Akta 590, sub fasal 11(b) bertujuan untuk meminda perenggan 14(1)(a) sedia ada untuk menghendaki broker francais atau konsultan francais untuk mendaftarkan dirinya dengan mengemukakan permohonan dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pendaftar berserta dengan fi yang ditetapkan. Sub fasal 11(c) memperuntukkan bahawa Pendaftar boleh menghendaki pemohon untuk membayar apa-apa jumlah fi yang ditetapkan apabila meluluskan permohonan di bawah subseksyen 14 (1).

Sub fasal 11(d) bertujuan untuk memotong subseksyen 14(5)(a) dan (5)(b) berbangkit daripada cadangan kemasukan seksyen baharu 14A melalui fasal 12. Sub fasal 11(e) memperuntukkan kesalahan bagi kegagalan tidak mematuhi subseksyen 14(1) Akta 590.

Fasal 12 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 14A dan 14B kepada Akta 590. Seksyen 14A yang dicadangkan mengandungi peruntukan mengenai pembaharuan pendaftaran broker francais dan konsultan francais.

Seksyen 14B yang dicadangkan menghendaki broker francais atau konsultan francais untuk mempamerkan pendaftarannya sebagai seorang broker francais atau konsultan francais mengikut mana-mana yang berkenaan di kedudukan yang mudah dilihat di tempat dia menjalankan perniagaannya atau menyediakan perkhidmatannya. Kegagalan untuk mematuhi subseksyen 14B(1) adalah suatu kesalahan di bawah Akta 590.

Fasa 13 bertujuan untuk meminda subseksyen 15(1), Akta 590 dengan memotong perkataan “Penzahiran” di mana-mana jua terdapat berbangkit daripada cadangan pindaan dalam fasal 10. Fasal ini juga bertujuan untuk meminda subseksyen 15(2) dengan menggantikan perkataan seksyen 7 dan 11 supaya selaras dengan subseksyen 15(1).

Fasal 14 bertujuan untuk meminda seksyen 18, Akta 590. Sub fasal 14(a) menghendaki perjanjian francais untuk mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan tempoh francais dan terma pembaharuan dan perlanjutan perjanjian francais.

Sub fasal 14(b) memotong subseksyen 18(3) dan sub fasal 14(c) meminda subseksyen 18(6) sedia ada dengan menggantikan kesalahan bagi kegagalan untuk mematuhi subseksyen 18(5) dengan kesalahan bagi kegagalan untuk mematuhi seksyen 18.

•2130

Fasal 15 bertujuan untuk meminda subseksyen 22(2), Akta 590 untuk menjelaskan bahawa akaun yang berasingan ertinya akaun bank yang berasingan.

Fasal 16 bertujuan untuk memotong perkataan “*atau cap perkhidmatan*” dalam seksyen 24, Akta 590 kerana perkataan “*cap dagangan*” dalam seksyen sedia ada sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Cap Dagangan 1976, iaitu Akta 175 adalah memadai untuk memasukkan cap perkhidmatan.

Fasal 17 bertujuan untuk meminda perenggan 32(a), Akta 590 dengan menggantikan perkataan “*secara matannya perniagaan yang sama*” dengan “*perniagaan yang serupa*” supaya selaras dengan peruntukan Akta 590 yang lain.

Fasal 18 bertujuan untuk meminda subseksyen 37(1), Akta 590 untuk menyatakan bahawa skop kesalahan adalah berhubung dengan tawaran untuk menjual sesuatu francais atau semasa penjualan sesuatu francais.

Fasal 19 bertujuan untuk meminda subseksyen 42(2), Akta 590 untuk menggantikan Menteri dengan Pendaftar sebagai orang yang mempunyai kuasa untuk menandatangani kad kuasa yang dikeluarkan oleh pegawai diberi kuasa.

Fasal 20 bertujuan untuk meminda subseksyen 43(1), dan (2), Akta 590 untuk meluaskan skop penyiasatan oleh pegawai diberi kuasa kepada perlakuan apa-apa kesalahan oleh mana-mana orang di bawah Akta 590.

Fasal 21 bertujuan untuk meminda subseksyen 44(4), Akta 590 untuk memasukkan papan tanda sebagai salah satu benda yang boleh disita, ditahan atau diambil milik oleh pegawai diberi kuasa semasa pemeriksaan ke atas seseorang bagi memastikan keselarasan dengan subseksyen 44(5), dan (6).

Fasal 22 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 44A ke dalam Akta 590 untuk memperuntukkan bahawa suatu waran geledah yang dikeluarkan di bawah Akta 590 adalah sah dan boleh dikuatkuasakan walau apa pun kecacatannya, kesilapan atau peninggalan dalam waran geledah itu atau dalam permohonan bagi waran geledah itu, dan apa-apa buku akaun, dokumen, data berkomputer, cap, papan tanda, kad, surat, risalah, peranti atau benda yang disita di bawah waran geledah itu boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Akta 590.

Fasal 23 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 48A, 48B, 48C dan 48D ke dalam Akta 590. Seksyen 48A yang dicadangkan menjelaskan bahawa apa-apa buku, akaun, dokumen, data berkomputer, cap, papan tanda, kad, surat, risalah, peranti atau benda yang disita di bawah Akta 590 boleh dilucuthakkan mengikut tatacara yang ditentukan.

Seksyen 48B yang dicadangkan memperuntukkan bahawa pegawai diberi kuasa yang melakukan penyitaan boleh melepaskan apa-apa buku, akaun, dokumen, data berkomputer, cap, papan tanda, kad, surat, risalah, peranti atau benda yang disita kepada orang yang dia tentukan sebagai berhak secara sah kepadanya.

Seksyen 48C yang dicadangkan memperuntukkan bahawa tiada orang yang berhak kepada kos prosiding di hadapan mana-mana mahkamah atau apa-apa ganti rugi atau *relief* lain berkenaan dengan apa-apa buku, akaun, dokumen, data berkomputer, cap, papan tanda, kad, surat, risalah, peranti atau benda yang disita mengikut peruntukan Akta 590 melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Seksyen 48D yang dicadangkan memperuntukkan bahawa suatu ganjaran yang tidak melebihi setengah daripada denda yang dikenakan bagi suatu sabitan boleh dibayar kepada orang yang memberikan maklumat yang membawa kepada sabitan itu.

Fasal 24 bertujuan untuk meminda seksyen 54 Akta 590 untuk menghendaki orang asing yang bercadang untuk menjual sesuatu francais di Malaysia atau kepada mana-mana rakyat Malaysia untuk memohon kepada Pendaftar dengan mengemukakan permohonan dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pendaftar berserta dengan fi yang ditetapkan. Fasal ini juga memperuntukkan bahawa Pendaftar boleh menghendaki pemohon untuk membayar apa-apa jumlah fi yang ditetapkan apabila meluluskan permohonan di bawah subseksyen 54(1).

Fasal 25 bertujuan untuk meminda perenggan 60(1)(c), Akta 590 bagi membolehkan Menteri menetapkan fi yang kena dibayar di bawah Akta 590 dan cara memungut dan membayar fi itu.

Fasal 26 bertujuan untuk mengesahkan pungutan fi pemfailan bagi pindaan dokumen di bawah seksyen 11, Akta 590, fi pemprosesan bagi pendaftaran broker francais atau konsultan francais di bawah seksyen 14, Akta 590 dan fi pemprosesan bagi permohonan untuk menjual francais oleh orang asing di Malaysia atau kepada mana-mana warganegara Malaysia di bawah seksyen 54, Akta 590 yang telah dikenakan dan dipungut sepanjang tempoh dari 8 Oktober 1999 hingga hari sebelum tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan ini.

Fasal 27 mengandungi peruntukan kecualian dan peralihan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang menyokong?

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Francais 1998 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair.

9.38 mlm.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang dihormati, sekiranya perniagaan berada di dalam definisi francais, adalah penting untuk mematuhi kehendak akta. Selain daripada memberikan perlindungan yang lebih besar kepada perniagaan dalam negara, pindaan akta ini dilihat bertujuan bahawa kebaikan kepada perniagaan sambil menggalakkan keusahawanan inovasi dan pertumbuhan ekonomi.

Akta ini menunjukkan betapa penting mematuhi keperluan keluasan dan pendaftaran di bawah akta dan kehendak mahkamah. Francais di negara ini bermula pada tahun 1940-an lagi dengan dipelopori *Singer* dan *Bata*. Kini perkembangan pesat dan lebih luas dan canggih. Industri ini menyasarkan RM35 bilion kepada KDNK Kebangsaan menjelang 2020.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, pelaksanaannya tidak menjadi tugas yang mudah. Francais ciri moden adalah agak baru di Malaysia dan dengan ini, terdapat beberapa kekangan dalam mematuhi peraturan. Terdapat kes-kes salah laku yang cenderung kepada cubaan penipuan dan diskriminasi dalam proses rundingan antara francaisor dan francais. Walau jumlahnya kecil, jika dibiarkan, amalan ini akan merebak dan memusnahkan reputasi baik perniagaan francais.

■2140

Justeru pindaan akta ini menjurus ke arah amalan perniagaan yang lebih baik seperti tanggungjawab untuk berhati-hati dan tanggungjawab *fiduciary* selain melindungi sistem dan hak cipta francais itu daripada disalah guna. Yang Berhormat Menteri, francais juga tidak boleh elak dari menghadapi cabaran dari segi risiko perniagaan seperti harga francais dinaikkan. Sikap pengguna dan persaingan yang terlalu banyak. Ada juga perniagaan secara francais gagal dan terpaksa gulung tikar. Diharap dengan pindaan pada akta ini, pembaharuan, pendaftaran dan bayaran yang dikenakan tidak membebankan perniagaan francais tetapi memberi galakan kepada mereka untuk memperbaharui perniagaan mereka.

Perlindungan harus ada terhadap mereka yang ingin menyertai francais. Ini termasuk perlindungan terhadap isu-isu perjanjian francais, perjanjian edaran dan hak harta intelek dan sebagainya supaya peniaga tidak dieksploitasi.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Francais 1998, Akta 590 dilihat telah dikuatkuasakan untuk melindungi hak kedua-dua pihak kepentingan utama iaitu francaisor dan francaisi. Ia merupakan suatu undang-undang yang berkait pendaftaran dan pengawal seliaan francais-francais di mana ia menyentuh isu-isu etika dan membendung perlakuan dan percubaan untuk menipu, memperdaya dan mendiskriminasikan sebarang tawaran untuk menjual mana-mana perniagaan francais.

Jadi, adalah wajar untuk Akta 590 dipinda sekarang bagi memperkukuhkan lagi kemampanan industri francais. Yang Berhormat Menteri, bagi yang lebih 4,000 francaisi yang masih belum memohon untuk mendaftar, harus diperjelaskan kepada mereka mana-mana mereka yang gagal mendaftar adalah melakukan suatu kesalahan dari segi undang-undang.

RUU ini harap dapat menyelesaikan isu pendaftaran francais di mana sekarang tempoh pendaftarannya akan kekal sampai bila-bila melainkan tindakan penggantungan dan pembatalan pendaftaran dilakukan oleh pendaftar. Maka urusan kawal selia menjadi sukar kerana kebanyakan mereka yang berdaftar tidak lagi aktif dalam perniagaan mahupun perniagaan tidak menggunakan sistem francais lagi. Oleh itu pengawal seliaan tempoh pendaftaran francaisor, penggunaan terma-terma yang tepat dan tidak mengelirukan dalam akta adalah langkah yang wajar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik dengan fasal 9 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu seksyen 10A dan 10B di dalam Akta 590. Seksyen 10A yang dicadangkan mengandungi peruntukan mengenai pembaharuan pendaftaran francais manakala seksyen 10B pula dicadangkan menghendaki francaisor dan francaisi untuk mempamerkan pendaftaran

francaisnya di suatu kedudukan yang mudah dilihat di tempat francaisor atau francaisi menjalankan perniagaannya untuk memberitahu orang awam mengenai francais itu dan untuk menghalang mana-mana orang daripada memperdaya atau menipu orang awam.

Fasal 23 seksyen baharu 48D kepada Akta 590 juga langkah yang baik. Seksyen 48D yang dicadangkan memperuntukkan bahawa suatu ganjaran yang tidak melebihi setengah daripada denda yang dikenakan bagi suatu sabitan boleh dibayar kepada orang yang memberi maklumat yang membawa kepada sabitan itu. Ini akan berkesan. Industri francais telah pesat membangun dengan pelbagai jenama baharu.

Oleh sebab itu ada keperluan untuk membuat pindaan kepada Akta 1998 di mana ianya lebih bersesuaian dengan dunia perniagaan pada hari ini. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh dan mengalu-alukan pindaan terhadap Akta Francais ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

9.45 mlm.

Datin Rahimah binti Mahamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana meminda Akta Francais 1998 pada sidang mesyuarat Dewan Negara hari ini. Semoga dengan pindaan yang dibuat dalam RUU kali ini, kuasa penguatkuasaan dalam sektor perniagaan francais akan dipertingkatkan dan perkembangan sektor ekonomi francais akan menjana pertumbuhan KDNK negara menjelang 2020 dan tahun-tahun mendatang.

Tuan Yang di-Pertua, saya menerima banyak rungutan dan keluh-kesah dari kalangan peniaga-peniaga francais tempatan yang sering kali kesal kerana dibuli oleh pegawai-pegawai francaisor. Senario buli ini dibuat untuk memaksa peniaga francais suatu perniagaan menerima jumlah stok yang tidak masuk akal dan menjejaskan akaun tunai peniaga francais.

Terdapat juga rungutan tentang sikap francaisor yang gagal menunaikan peranan dan tanggungjawab pemasaran sebagaimana terma perjanjian bertulis yang telah dipersetujui bersama di antara francaisor dan francais.

Justeru, saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri tentang sejauh manakah pindaan Akta Francais 1998 ini akan meningkatkan kuasa kawal selia dan penguatkuasaan KPDNHEP terhadap francaisor-francaisor luar negara ataupun tempatan agar isu buli atau diskriminasi tidak lagi berlaku. Bagaimanakah langkah-langkah dan saranan yang boleh dikongsi oleh KPDNHEP agar segala kesulitan yang timbul dalam terma janji niaga francais

ini diselidiki, disiasat dan dimuktamadkan secara konsep secara menang-menang antara francaisor dan KPDNHEP.

Apakah dengan pindaan akta ini kerajaan dapat menyasarkan agar kes-kes pertikaian di antara francaisor, francais dapat dikurangkan dan pertumbuhan sektor perniagaan dapat dikembangkan lagi. Dalam pindaan ini beberapa ketetapan perundangan mengenai daftar perniagaan francais dan terma-terma berdasarkan Akta Francais 1998 ditingkatkan agar ianya memenuhi perkembangan ekonomi global dan perniagaan pasaran digital global.

Bagi memastikan kawal selia yang lebih bersepadu, sejauh manakah perancangan dan langkah-langkah perlu KPDNHEP agar beberapa perkara berikut diberi perhatian. Sejauh mana KPDNHEP dapat memastikan hanya francaisor-francaisor yang mempunyai rangkaian perniagaan, produk dan perkhidmatan yang benar-benar berdaya maju dan telah terbukti menjana hasil jualan yang terjamin sahaja akan diluluskan oleh lesen francaisor. Ini bagi mengelak tipu muslihat dan pemerdayaan yang menyebabkan pelabur skim francais tidak kerugian apabila membayar yuran francais.

Bagaimanakah kaedah dan kawal selia ke atas nilai-nilai yuran francais, komisen dan apa-apa bayaran yang dikenakan oleh francaisor dijustifikasikan agar elemen-elemen ini tidak dieksploitasi. Apakah ada langkah atau kaedah yang seiring dengan Akta Francais 1998 agar hukuman dan penalti yang lebih ketara dibuat ke atas francaisor agar tidak menjadi skim francais ini sebagai skim perniagaan?

Tuan Yang di-Pertua, hari bertukar, masa berubah. Saya akan menamatkan tempoh sebagai ahli Dewan Negara pada 31 Mac 2020 dan hari ini adalah hari terakhir saya mengambil bahagian dalam perbahasan di Dewan ini... *[Tepuk]*

Saya ingin memanfaatkan peluang ini untuk ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua yang telah membimbing saya selama ini. Terima kasih juga kepada Tuan Setiausaha Dewan, pegawai-pegawai Parlimen, pegawai-pegawai kementerian dan semua kakitangan yang terlibat selama tempoh saya menjadi Ahli Dewan Negara. Semoga jasa dan sumbangan tuan-tuan dan puan-puan diganjar pahala oleh Allah SWT.

■2150

Saya berdoa semoga institusi Parlimen negara kita yang mengandungi Dewan Rakyat dan Dewan Negara akan selamanya kekal peranan Dewan Negara sebagai Dewan tertinggi dan akan lebih terserlah pada masa-masa akan datang. Institusi Parlimen diharapkan terus menjadi tunjang dan pasak harapan negara dan rakyat. Bolehlah diibaratkan sebagai sebatang pohon

rendang, daunnya tempat berteduh, dahannya tempat bergantung, batangnya tempat bersandar dan akarnya tempat bersila.

Terima kasih khusus kepada Yang Berhormat Dato' Sri Mohd Najib, mantan Perdana Menteri yang telah mencadangkan nama saya ke Dewan ini kira-kira enam tahun yang lepas. Saya akhiri ucapan saya dengan dua rangkap pantun Tuan Yang di-Pertua.

*Tuai padi antara masak;
Esok jangan layu-layuan;
Intai kami antara nampak;
Esok jangan rindu-rinduan.*

*Padi ini semumba-mumba;
Daun kurma daun cempedak;
Masakan hati tidak hiba;
Entah bertemu entah kan tidak... [Tepuk]*

Sekian, terima kasih. Saya memohon menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Perpisahan ini takkan akan berlakulah kerana saya tahu Yang Berhormat ini kuat dan berdikari dan akan teruskan perjuangan dalam parti Yang Berhormat kelak. Silakan, Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

9.51 mlm.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]: Terima kasih saya ucapkan kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian dalam perbahasan.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan Rakyat tengah... [Ketawa]

Tuan Chong Chieng Jen: *Sorry, sorry.*

Tuan Yang di-Pertua: Bukan dekat sini, ada orang bising dekat luar.

Tuan Chong Chieng Jen: Okey, okey. Ya, secara amnya tujuan kita membentangkan rang undang-undang ini adalah untuk mengemaskinikan data-data dan juga mengawal selia industri francais dengan lebih efektif. Ada dua masalah yang timbul dalam industri francais berkenaan pendaftaran francais.

Pertamanya adalah mereka yang dapat pendaftaran francais tetapi tidak aktif lagi, tetapi di dalam *database* kita mereka masih merupakan satu entiti francais yang wujud. Maka ia akan memberikan satu persepsi yang tak betul mengenai jumlah francais yang wujud di dalam negara kita.

Aspek kedua- masalah kedua yang kita menghadapi adalah menghadapi adalah mereka yang *business* modal dia adalah francais tetapi mereka tidak mendaftar. Mereka beroperasi sebagai *license* dan ini juga merupakan satu masalah kepada kita kerana tanpa pendaftaran *business* itu, maka kita tidak dapat satu angka yang betul tentang industri francais kita. *One is over reporting, the second one is underreporting* kerana yang sepatutnya merupakan *franchise business* tetapi tidak berdaftar. Oleh itu, kementerian telah mencadangkan membentangkan rang undang-undang ini supaya boleh menguatkuasakan dan mewajibkan pendaftaran francais.

Haraplah selepas kita meluluskan rang undang-undang ini dan kita boleh dengan lebih efektif untuk mengemaskinikan data-data yang kita ada. Satu juga perkara yang penting dalam rang undang-undang ini adalah bahawa kita akan mengehadkan tempoh francais. Sesiapa yang telah didaftar sebagai francaisor, francais akan efektif, *valid* atau sah untuk satu tempoh masa yang akan ditetapkan. Sebelum ia tamat tempoh, pemilik francais atau francaisor perlu memohon lagi untuk melanjutkan francais mereka.

Kalau tak pohon ia akan tamat, ia akan *clear* daripada sistem kita. Yang Berhormat Senator Datin Rahimah, ada bangkit tentang francais yang telah dibuli oleh francaisor. Sepatutnya dalam Akta Francais *the Principal Act*- kita tak ada memperuntukkan secara terperinci. Okey, ini adalah jawapan spesifik untuk apa yang dibangkitkan. Francaisor membuli dengan memaksa pembelian stok oleh francais. Kementerian mendapati bahawa adalah menjadi keperluan bagi francais untuk berdaftar kali- francais gagal untuk berdaftar dan sekali gus menyukarkan mereka untuk memahami hak-hak mereka.

Maka dengan adanya pindaan ini, isu-isu yang berkaitan dengan francais akan dapat di ambil tindakan. Kedudukan kementerian mengenai *franchise business* adalah bahawa yang merupakan satu *business-to-business dealing* yang mana terma-terma terperinci di antara francais dengan francaisor itu, terpulang kepada mereka untuk berunding sebelum mereka masuk kepada satu perjanjian. Akan tetapi apa yang kita buat adalah untuk mengawal selia sebelum satu perniagaan boleh didaftar sebagai francais. Ada syarat yang dikenakan oleh kementerian bahawa mereka mesti menunjukkan, *submit* kepada kita, akaun tahunan tiga tahun sebelumnya, sebelum mereka membuat permohonan.

Kewajipan mereka untuk *submit* akaun tiga tahun adalah supaya kita hendak memastikan bahawa *business model* yang diamalkan oleh sesuatu perniagaan yang hendak pohon francais itu memang boleh memberi keuntungan kepada *business* itu, supaya selepas didaftar dan dia hendak jualan itu *business model* kepada francais-francais kelak, francais itu sekurang-kurangnya boleh pasti bahawa *business model* itu akan memberi keuntungan. Bagaimana untuk-

Yang Berhormat Senator Datin Rahimah juga bertanya bagaimana untuk pastikan produk yang di francaiskan layak diberi kelulusan. Sebelum kelulusan, pegawai akan melaksanakan lawatan *outlet* untuk memantau sistem perniagaan francais itu mampu berdaya saing, selain maklumat pendaftaran yang dimaklumkan di dalam sistem pendaftaran.

Selain itu, pendaftaran ini akan menganalisis *return on investment* perniagaan francais melalui penilaian akaun teraudit selama tiga tahun yang saya sebut tadi. Inilah sebelum kita keluarkan luluskan pendaftaran.

■2200

Akan tetapi selepas pendaftaran francais itu, siapa yang hendak beli dan hendak menjadikan *franchisee* dan apa terma-terma yang dikenakan itu terpulang kepada pelabur-pelabur mereka hendak menjadi *franchisee*. Ini kerana pendirian kita adalah kalau seseorang itu hendak berniaga perlulah sendiri tengok, *study return of investment*, berapa *return* yang akan diuntungkan dalam sesuatu pelaburan. Kerajaan tidak akan campur tangan dalam perkara ini. Saya rasa sekian sahaja yang saya hendak jawab. *So, that's all*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat? Terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya adalah rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis Bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan **mesyuarat Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 27** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan tidak ada pindaan, dibacakan kali ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Kamarudin Jaffar) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN BARANG
MELALUI LAUT (PINDAAN) 2019****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****10.03 mlm.**

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pengangkutan Barang Melalui Laut 1950, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pada 2 Disember 1930, Malaysia iaitu pada masa itu terdiri daripada *Federated Malay States, Unfederated Malay States* dan *Straits Settlements* melalui *Association of Great Britain* pada ketika itu telah menyertai atau *accede*, dengan izin, dan menjadi *contracting parties* kepada *International Convention for the Unification of Certain Rules of Law relating to Bills of Lading made at Brussels*, dengan izin, bertarikh 25 Ogos 1924 atau ringkasnya dipanggil *The Hague Rules*.

Secara dasarnya *Hague Rules* memperuntukkan perkara-perkara berhubung pengangkutan barang melalui laut. Susulan itu, *Carriage of Goods by Sea Act 1950*, dengan izin, atau *Act 527*, dengan izin, telah digubal selaras dengan prinsip yang dinyatakan di dalam *Hague Rules* bagi mengawal selia pengangkutan barang melalui laut di Semenanjung Malaysia.

Lanjutan daripada kelemahan-kelemahan yang berbangkit daripada prinsip-prinsip dan *standard*, dengan izin, yang ditetapkan melalui *Hague Rules*, sektor maritim antarabangsa telah menambah baik undang-undang antarabangsa berhubung pengangkutan barangan melalui laut melalui beberapa instrumen antarabangsa termasuklah:

- (i) *protocol to amend the International Convention for the Unberification of Certain Rules of Law relating to the Bills of Lading, 23 February 1968*, ataupun *Hague-Visby Rules*; and
- (ii) *protocol amending the International Convention for the Unification of Certain Rules of Law relating to the Bills of Lading, 25 August 1924 as amended by the protocol of February 23th, 1968 and December 21th, 1979 Special Drawing Right or SDR Protocol*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan *Hague Rules* yang diguna pakai dalam Akta 527 merupakan instrumen yang terlalu lama dan hampir mencecah satu abad, maka ia telah mengakibatkan kesukaran kepada industri perkapalan untuk menjalankan transaksi

pengangkutan barangan melalui laut mengikut kaedah transaksi semasa. Elemen *Hague Rules* dalam Akta 527 juga adalah lapuk dan tidak mencukupi untuk memenuhi syarat-syarat pengangkutan moden. Oleh itu, Malaysia memerlukan perundangan yang diharmonikan dengan asas-asas liabiliti, tanggungjawab dan pampasan.

Mengambil kira kedudukan Akta 527 sebagai sumber undang-undang yang lama dan tidak pernah dipinda dan masih berpaksikan kepada *Hague Rules* maka Kementerian Pengangkutan Malaysia telah mengenal pasti keperluan Akta 527 untuk ditambah baik bagi memasukkan prinsip-prinsip dan *standard*, dengan izin, yang diperuntukkan dalam *Hague-Visby Rules*, dan *SDR Protocol* yang saya bacakan tadi. Oleh yang demikian, rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk mengadakan peruntukan yang selaras dengan prinsip dan *standard Hague-Visby Rules* dan *SDR Protocol* dalam Akta 527. Secara prinsipnya, keperluan dan justifikasi pindaan terhadap Akta 527 adalah seperti berikut:

- (i) menambah baik *standard* yang diamalkan dalam transaksi pengangkutan barangan melalui laut semasa berhubung had liabiliti, jenis liabiliti dan pengiktirafan terhadap dokumen-dokumen berkaitan transaksi pengangkutan barangan melalui laut;
- (ii) mengekang kelewatan penyerahan barang melibatkan kos yang tinggi di dalam perniagaan serta mengurangkan risiko kehilangan pelanggan jika tuntutan melibatkan klausa pembatalan;
- (iii) menambah baik pengiktirafan borang elektronik bagi *sea carriage documentation* dengan izin, selaras memenuhi keperluan perdagangan moden melibatkan sektor maritim;
- (iv) mengharmonikan perundangan maritim dengan asas-asas liabiliti, tanggungjawab dan pampasan; dan
- (v) mewujudkan keseragaman antarabangsa dalam merangka dan menaik taraf undang-undang maritim negara.

Empat pindaan utama yang dilakukan terhadap Akta 527 adalah seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 dan 3 masing-masing bertujuan untuk meminda seksyen 4 dan 6 Akta 527 untuk meluaskan ruang lingkup dokumen yang berhubungan dengan transaksi perkapalan yang buat masa ini terhad kepada *bill* muatan. Dalam mengikuti perkembangan amalan industri maritim

antarabangsa, rujukan kini akan dibuat kepada dokumen pengangkutan yang termasuklah *bill* muatan.

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 6A, ke dalam Akta 527. Seksyen baharu 6A yang dicadangkan bertujuan untuk memberikan kuasa kepada Menteri untuk meminda jadual melalui perintah yang disiarkan dalam warta. Jadual Pertama Akta 527 yang sedia ada adalah berdasarkan *Hague Rules* yang asal, yang tidak dipinda oleh *Hague-Visby Rules*, dan *SDR Protocol*. Buat masa ini, apa-apa pindaan kepada jadual mestilah dibuat melalui pindaan undang-undang yang dibentangkan di Parlimen.

■2210

Seksyen baharu yang dicadangkan akan membolehkan pindaan dibuat melalui perintah dari semasa ke semasa. Ini akan memastikan Akta 527 adalah selari dengan apa-apa perkembangan global terkini dalam amalan perdagangan maritim dan mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi Malaysia sebagai hab perdagangan maritim.

Pada masa ini, antara negara ASEAN yang telah meratifikasi *Hague-Visby Rules* adalah Singapura dan Thailand. Oleh itu, adalah wajar bagi Malaysia mengambil tindakan mewujudkan keseragaman dan mengguna pakai peruntukan yang serupa agar dapat meningkatkan persaingan antara negara dalam sektor perdagangan.

Secara kesimpulannya, pindaan terhadap Akta 527 dilihat dapat menambah baik dan memperkasakan lagi *trade facilitation*, dengan izin, negara dengan pelabur-pelabur dengan mengambil kira perundangan negara yang jelas dan mempunyai peruntukan komprehensif untuk melindungi *consignee*, *shipper* dan *carrier*, dengan izin, di dalam transaksi pengangkutan barangan ataupun kargo.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadang.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa menyokong?

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pengangkutan Barang Melalui Laut 1950 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair.

10.10 mlm

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan ambil masa yang panjang. Akta 527 adalah undang-undang pra merdeka yang tidak pernah dipinda sejak 1950 dan mematuhi sepenuhnya *The Hague Rules*.

Memang sudah tiba masanya untuk Malaysia meminda Akta 527, Akta Pengangkutan Barang Melalui Laut 1950 dan inisiatif ini jelas membayangkan komitmen tinggi Malaysia untuk mematuhi amalan peraturan baik GRP dalam industri maritim.

Jelas akta ini dipinda untuk mengemas kini perundangan yang melibatkan pengangkutan barang melalui laut. Ini dapat melindungi *consignee, consignor, shipper* dan *carrier* di dalam transaksi pengangkutan barangan ataupun kargo.

Pindaan ini menunjukkan usaha kerajaan mengatasi jurang dalam undang-undang sedia ada bagi menyenangkan lagi perdagangan maritim. Lagi pun Malaysia terpilih ke Majlis Maritim Antarabangsa IMO. Justeru ini akan memberi lebih keyakinan untuk membolehkan pertumbuhan ekonomi maritim kita di samping boleh bersaing dengan negara-negara maritim yang lain di rantau Asia.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini juga boleh meningkatkan piawaian yang dipakai dalam transaksi pengangkutan laut dan di masa kini yang melibatkan had liabiliti, jenis liabiliti dan pengisytiharan dokumen berkaitan pengangkutan barang melalui laut.

Saya tertarik dengan pindaan yang menggantikan *bill of lading* yang lebih jumud skopnya dengan istilah dokumen pengangkutan laut *or sea carriage document*, dengan izin, adalah wajar di buat pemindaan Akta 527 pada seksyen 4 dan 6. Ini untuk meluaskan skop dokumen berkaitan transaksi perkapalan bagi memberi dimensi yang lebih komprehensif bagi melindungi pengeksporth dan pengimport.

Dengan pindaan ini tidak perlu lagi terikat dengan *bill of lading* sahaja tetapi boleh merujuk kepada dokumen yang lain termasuk *seaway bill, consignment note, shipping* atau *bunker delivery note*. Ia boleh merangkumi dokumen pengangkutan laut elektronik.

Pindaan ini akan menambah baik pengiktirafan borang elektronik bagi dokumen pengangkutan laut dan memenuhi keperluan perdagangan moden melibatkan sektor maritim kini. Ia sejajar dengan perkembangan dunia digital. Maka pengisytiharan dokumentasi pengangkutan laut elektronik harus menurut arus yang sama untuk keperluan perdagangan moden.

Tuan Yang di-Pertua, kelonggaran seperti yang termaktub dalam seksyen 6A memberikan peluang bagi undang-undang domestik Malaysia diperbaiki dari semasa ke semasa sejajar dengan perkembangan industri maritim global. Ini akan mengemas kini perundangan utama yang

mengawal perkara-perkara berkenaan pengangkutan barang melalui laut menerusi penggunaan piawai yang sedia ada *Hague-Visby Rules*, dengan izin, dan protokol SDR. Selari dengan prinsip dan standard yang diamalkan oleh kebanyakan rakan dagang Malaysia.

Saya yakin dengan pindaan ini dapat meningkatkan daya saing pelaburan pelabuhan di negara kita untuk menarik lebih banyak syarikat perkapalan berlabuh di Malaysia dan menjadikan Malaysia sebagai hab perkapalan, *transshipment hub*, dengan izin.

Di harap dengan pindaan ini ia boleh memberikan keyakinan dengan komuniti perkapalan dunia untuk Malaysia muncul sebagai sebuah hab pengangkutan maritim setanding dengan pelabuhan-pelabuhan lain yang sudah maju di rantau ini. Saya juga rasa akta ini memang ketat undang-undangnya sebab ini adalah undang-undang yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya sokong rang undang-undang ini untuk diluluskan. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.

10.16 mlm.

Datuk Paul Igai: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan perbahasan, saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri Pengangkutan, Timbalan Menteri dan kementerianannya kerana sudah menyiapkan Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030.

Tahniah juga kepada kementerian dalam usaha mencatat sejarah lagi mengharumkan nama Malaysia kerana menerima undi yang tertinggi dalam pemilihan Malaysia menjadi ahli majlis *International Maritime Organization (IMO)* baru-baru ini... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dan faham peraturan lama iaitu *Hague Rules* yang diguna pakai dalam Akta 527 adalah tidak lagi relevan dan tidak mencukupi untuk memenuhi syarat-syarat dalam pengangkutan semasa. Saya amat mengalu-alukan penambahbaikan memasuki prinsip-prinsip dan peraturan-peraturan yang selaras dengan *Hague-Visby Rules* dan SDR *Protocol* dalam Akta 527. Seperti yang kita dimaklumkan tadi negara jiran di rantau ini ialah negara Singapura dan Thailand sudah meratifikasikan *Hague-Visby Rules* tersebut. Mereka sudah sedar dan memenuhi ataupun memasuki *Hague Rules* ini dalam cara pengangkutan melalui lautan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, satu teras yang di kandung dalam buku *National Transport Policy 2019-2030* iaitu cadangan untuk menambahkan lagi bilangan kapal besar seperti *mega container*

ship, dengan izin. Memandangkan sasaran hampir 90 peratus kargo am seperti besi, baja dan makanan bijirin akan memakai *container*.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan *shift* atau peralihan mengguna kapal besar seperti *container ship* atau *mega ship* yang muatannya lebih 20 ribu TEU, *twenty-foot equivalent unit*-TEU, adakah pelabuhan kita dapat menampung permintaan perkhidmatan seperti ini? Untuk tujuan memperkasakan perkhidmatan perkapalan negara, apakah mekanisme untuk menggalak syarikat tempatan berkecimpung dan sedia bersaing dengan operator kapal dari negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, memang cadangan meminda akta ini adalah khas untuk mengubah suai undang-undang dan sistem operasi di kawasan Semenanjung Malaysia. Soalan saya adakah akta ini dapat memberi kesan positif kepada Sabah dan Sarawak khususnya dalam isu selalu timbul ialah isu kabotaj. Apakah usaha untuk menyelaraskan undang-undang yang sedia ada untuk ketiga-tiga wilayah itu?

■2220

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan kemasukan perenggan seksyen 6A kepada Akta 527 iaitu memberi Menteri kuasa untuk meminda jadual melalui perintah yang disiarkan dalam gazet atau warta kerana buat masa ini pemindaan mesti dibuat melalui undang-undang pemindaan yang dibentangkan dahulu di Parlimen. Sebelum saya duduk, izinkan saya baca satu rangkap pantun.

*Dari mana hendak ke mana;
Tinggi rumput dari lah padi;
Tahun mana bulan yang mana;
Dapat kita berjumpa lagi.*

Dengan itu sekian, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat adalah Ahli Yang Berhormat yang telah berbahas yang terakhir bagi tahun 2019. *[Ketawa]* Silakan Yang Berhormat Menteri.

10.21 mlm.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas dan juga Yang Berhormat Datuk Paul Igai di atas pandangan-pandangan mereka. Saya kira bahawa pandangan-pandangan yang kedua-dua Ahli Yang Berhormat tadi pada dasarnya menyokong dan

menyambut baik dengan cadangan-cadangan yang diberikan. Cadangan-cadangan yang diberikan itu juga saya sambut baik.

Secara umumnya yang dikaitkan dengan bilangan kapal yang besar saya boleh laporkan bahawa memang dasar kementerian ialah memastikan bahawa pelabuhan-pelabuhan kita boleh menampung perkembangan industri pengangkutan laut. Dalam konteks tersebut pelabuhan-pelabuhan yang khusus seperti Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas sedang dalam rangka untuk diperbesarkan dan khususnya di Pelabuhan Klang, ia sudah pun sampai kepada tahap perancangan yang agak spesifik untuk mengembangkannya.

Pada umumnya dasar perancangan untuk pelabuhan-pelabuhan ini apabila kita capai kepada tahap penggunaan sekitar 70 peratus, maka perancangan perkembangan akan dilaksanakan. Jadi, ini sedang berlaku dan saya yakin ini boleh mengambil kira tentang perkembangan dari segi industri perkapalan untuk negara dan pelabuhan-pelabuhan kita.

Secara khususnya tentang kabotaj, saya boleh sebutkan yang liberalisasi dasar kabotaj yang dikuatkuasakan pada 1 Jun 2017 di negeri Sabah dan Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Melalui liberalisasi tersebut, negeri-negeri ini tidak lagi terikat dengan dasar yang dikenakan ke atas semua aktiviti perkhidmatan perkapalan kargo antara Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Bagi mengkaji kesan impak dan implikasi pengecualian dasar kabotaj di Sabah, Sarawak dan Labuan, kementerian dalam proses untuk melantik perunding bagi melaksanakan kajian implikasi pengecualian dasar kabotaj di Sabah, Sarawak dan Labuan. Ini kerana dari segi input yang kita dapat di antara negeri Sabah dan Sarawak ada sedikit perbezaan sikap satu yang menyokong kabotaj dan satu yang menyokong supaya liberalisasi kabotaj dilaksanakan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa lebih kurang begitulah reaksi respons kami daripada dua yang kita dengar tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi, ini juga adalah merupakan ucapan penutup untuk Majlis Dewan Negara untuk tahun ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini di bacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis Bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan tidak ada pindaan, dibacakan kali ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad) dan diluluskan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, dengan ini berakhirlah Mesyuarat Dewan Negara bagi Penggal Kedua Parlimen Keempat Belas. Saya berterima kasih atas keprihatinan Ahli-ahli Parlimen Malaysia tidak mengira agama, bangsa dan haluan politik yang bersedia membahaskan bersama isu-isu yang sangat rapat di hari rakyat di negara kita.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Dewan yang telah sama-sama berbahas dan menyumbang buah fikiran dalam suasana yang harmoni dan saling menghormati sekali gus menggambarkan nilai-nilai Dewan Negara sebagai badan legislatif tertinggi negara. Selama 60 tahun kita telah berpaut kepada nilai-nilai sistem demokrasi berparlimen. Pada masa yang sama, dalam usaha meningkatkan kepercayaan serta keyakinan rakyat terhadap institusi kita. Pelbagai langkah-langkah pembaharuan yang telah pun dimulakan sejak pertengahan tahun lepas.

Manakala berkenaan dengan Kaukus Dewan Negara yang inisiatifnya berpaksikan kepada agenda reformasi Parlimen, saya berharap kaukus tersebut boleh digunakan sebagai platform untuk Ahli-ahli Senator dari pelbagai latar belakang menggunakan pengalaman mereka untuk memperhalus sesuatu isu yang berkepentingan awam serta negara. Ahli-ahli Yang Berhormat, sempena 60 tahun Parlimen kita, saya juga ingin mendoakan agar Parlimen Malaysia akan terus maju dan cemerlang pada masa hadapan dan seterusnya berupaya mencapai matlamat menjadi institusi perundangan yang bebas, berwibawa dan bertaraf dunia.

Sebelum berakhir, ingin saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih di atas kesungguhan yang diperlihatkan oleh semua yang telah menjayakan sesi Dewan kali ini. Terutamanya kepada Setiausaha Dewan Negara, Ketua Pentadbir Parlimen serta pegawai dan kakitangan Bahagian Pengurusan Dewan Negara dan semua kakitangan Parlimen.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Krismas kepada rakan-rakan yang beragama Kristian dan Selamat Tahun Baru 2020 yang bakal tiba

dalam dua minggu sahaja lagi. Dalam konteks negara kita, sambutan mana-mana perayaan penting dalam memupuk semangat kekitaan, toleransi serta hormat-menghormati dalam kalangan rakyat kita.

Sebelum mengakhiri- akhir sekali, mungkin akan ada yang mengambil kesempatan selepas tamat Dewan untuk pulang ke kampung atau bercuti bersama keluarga. Pesanan saya agar sentiasa menjaga keselamatan diri dan keluarga dan berhati-hati memandu di jalan raya. Dalam masa yang sama, saya nasihatkan gunalah masa ini untuk menimba ilmu dan memperluaskan pengetahuan, menilai potensi dan bakat serta meningkatkan daya kepimpinan untuk menggambarkan nilai-nilai terpuji sebagai Dewan Negara, institusi perundangan tertinggi negara. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya biasanya tidak pantun tetapi oleh kerana Yang Berhormat Senator Datin Rahimah sudah pantun tiga kali.

*Pulang ke desa bertanam halia;
Jadi ramuan memasak laksa;
Dewan Negara Dewan mulia;
Dengan Ahli berbudi bahasa.*

*Harimau takut meninggalkan belang;
Si rusa gusar tertinggal jejak;
Budi bertaut kelak dikenang;
Tiada berdasar bertepi tidak.*

*Di atas dahan burung tempua;
Melihat rusa tepi perigi;
Salam perpisahan buat semua;
Di lain masa berjumpa lagi... [Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga ke satu tarikh yang tidak ditetapkan.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 10.32 malam]